Siri Memori Ansari

IMRAN N. HOSEIN

JERUSALEM DI DALAM AL-QUR'AN

Pandangan Islam Berkenaan Halatuju Jerusalem

Termasuk: Respon Seorang Muslim Terhadap Serangan 11 September ke atas Amerika

Edisi Bahasa Melayu

SIRI MEMORI ANSARI

Tajuk-tajuk lain di dalam siri ini:

1. The Importance of the Prohibition of Riba in Islam
2. The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah
3. The Strategic Significance of the Fast of Ramadan & Isra' and Mi'raj
4. The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an
5. One Jama'at One Ameer – The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan
6. The Caliphate – The Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation State
7. Dreams in Islam – A window to the Truth and to the Heart
8. Surah al-Khaf: Text, Translation and Modern Commentary
9. Surah al-Khaf and the Modern Age
10. Signs of the Last Day in the Modern Age
11. The Gold Dinar and Silver Dirham – Islam and the Future of Money
12. An Islamic View of Gog and Magog in the Modern World

Imran N. Hosein dilahirkan di Trinidad pada tahun 1942. Beliau telah mempelajari Islam di Aleemiyah Institute of Islamic Studies, Pakistan di bawah bimbingan Maulana Dr. Fazlur Rahman Ansari. Beliau juga telah mempelajari falsafah di Karachi University dan perhubungan antarabangsa di University of West Indies dan di Graduate Institute of International Studies, Geneva, Sejak tahun 1991 , beliau telah menjalankan misi Islam di Amerika Syarikat sebagai Pengarah Pengajian Islam bagi Joint Committee of Muslim Organization of Greater New York. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai khatib, membaca khutbah Jumaat di ibu pejabat Bangsa-bangsa Bersatu, New York selama sepuluh tahun. Beliau muncul sebagai seorang penulis Islam yang produktif di zaman moden ini. Di antara karangannya adalah kerja awalnya di dalam bidang perbandingan agama bertajuk Islam and Buddhism in the Modern World yang telah dikarangnya pada tahun 1971 ketika beliau berumur 29 tahun. Buku terbaru beliau Jerusalem di dalam Al Quran merupakan yang pertama tentang tajuk ini di zaman moden. Beliau banyak merantau ke seluruh dunia dalam menjalankan misi Islam.

Laman web: *wxwvionejainaatcom*
www.jerusaleminthequran.com
www.imranhosein.org
E-mel: *ihosein@hotmail.com*
ihosein@tstt.et.tt

JERUSALEM DI DALAM AL-QUR'AN

SIRI MEMORI ANSARI

Tajuk-tajuk lain di dalam siri ini;

1. The Importance of the Prohibition of Riba in Islam
2. The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah
3. The Strategic Significance of the Fast of Ramadan & Isra' and Mi'raj
4. The Religion of Abraham and the State of Israel: A View from the Qur'an
5. One Jama'at One Ameer: The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan
6. The Caliphate: The Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation State
7. Dreams in Islam: A window to the Truth and to the Heart
8. Surah al-Kahf: Text, Translation and Modern Commentary
9. Surah al-Kahf and the Modern Age
10. Signs of the Last Day in the Modern Age
11. The Gold Dinar and Silver Dirham - Islam and the Future of Money
12. An Islamic View of Gog and Mogog in the Modern World

SIRI MEMORI ANSARI

JERUSALEM DI DALAM AL-QUR'AN

Pandangan Islam Berkenaan Halatuju Jerusalem

Serta:

Respon Seorang Muslim Terhadap Serangan 11 September Ke Atas Amerika

Imran N. Hosein

Masjid Jāmi'ah, City of San Fernando
Trinidad and Tobago

Buat pelajar Turki saya yang di kasihi

Suat Levant Demigril

sebagai mengiktiraf kebaikan, kasih dan iltizam
beliau kepada saya yang mengharumkan persaudaraan ini

Jerusalem di dalam Al-Qur'an muncul pada waktu kritikal ketika moral kaum Muslim berada di tahap yang paling rendah. Pencerobohan Tanah Suci oleh golongan Yahudi yang tidak berkesudahan menyebabkan orang Islam memohon kepada Tuhan sebagaimana dilakukan oleh saudara mereka semasa dihukum oleh golongan *kuffar* Mekah: "Bilakah akan datang pertolongan Allah?" Kebolehan Sheikh Imran merungkaikan sebab-sebab di sebalik kejadian di dunia hari ini menjadi sumber inspirasi buat golongan Islam kerana beliau menggunakan kaedah penafsiran ilmiah al-Qur'an dan hadith dengan meyakinkan dan menyatakan bahawa pertolongan Allah s.w.t. adalah hampir dan Tanah Suci akan dibebaskan dari cengkaman Yahudi dan Islam akan kembali sebagai negara pemerintah dunia kelak. Pembaca buku ini akan kagum dengan tahap pemahaman penulis dalam aspek politik dunia. Jerusalem di dalam Al-Qur'an merupakan suatu sumber yang memberi cahaya kepada golongan Muslim dan suatu pembuka mata buat mereka yang digelar 'Ahli Kitab'.

Dr. Abul Fahl Mohsin Ebrahim, Profesor Pengajian Islam,
Universiti Durban-Westville, Afrika Selatan.

... Saya juga kagum dengan gaya penulisan Imran. Walaupun tesis Jerusalem di dalam Al-Qur'an ini ditulis dengan teliti dengan menggabungkan fakta-fakta sejarah, agama dan kejadian-kejadian politik semasa berserta dengan interpretasi mendalam Al-Qur'an dan hadith, ia ditulis seperti sebuah cerita. Tidak mungkin dapat menghentikan bacaan buku ini apabila ia dimulakan. Ini adalah kualiti sebuah penulisan novel. Seorang pembaca akan membaca sekali sesebuah buku dan seterusnya mengenepikannya – tetapi tidak buku yang merangsang pemikiran seperti yang ditulis oleh Sheikh Imran ini. Buku ini adalah suatu rujukan yang perlu diteliti untuk kajian berulang-ulang kali. Saya percaya kefasihan Sheikh Imran adalah hasil dari kebolehannya tersendiri disertakan dengan kelasakannya sebagai seorang pendakwah dan dae' serta rahmat Tuhan terhadap keikhlasannya. Buku ini mendedahkan kejadian-kejadian ini dengan mendalam dan indah berserta dengan tafsiran Al-Qur'an dan hadith dengan penuh kebijaksanaan. Saya mengesyorkan agar buku ini dibaca oleh setiap cendekiawan dan orang awam.

Dr. Malik Badri, Profesor,
International Institute of Islamic Thought & Civilization
Kuala Lumpur Malaysia

SIRI MEMORI ANSARI

Buku-buku Siri Memori Ansari telah di terbitkan sebagai penghormatan kepada seorang ilmuan Islam, ahli falsafah dan Shaikh Sufi iaitu Maulana Dr. Muhammad Fadlur Rahman Ansari (1914-1974). Penerbitan buku dalam Siri ini telah bermula pada tahun 1997 sebagai memperingati ulang tahun yang ke 25 kembalinya beliau ke rahmatullah.

Maulana Ansari merupakan cendikiawan Islam, guru dan pembimbing rohani. Beliau telah menghabiskan hidupnya di jalan Islam di tengah-tengah kehidupan dunia yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan. Beliau telah menjelajahi sekeliling dunia beberapa kali semasa menjalankan siri ceramah Islam sekitar tahun 1950an sehingga 1970an. Beliau akan meninggalkan kediamannya di Karachi (setelah berhijrah dari India ketika pembentukan Pakistan pada tahun 1947) menuju ke barat dan kembali hanya beberapa bulan kemudian dari sebelah Timur.

Misi hidup beliau adalah jelas dan murni. Beliau menyedari bahawa untuk mengembalikan Islam sebagai sebuah negara dan sebagai sebuah sistem politik dan sosio-ekonomi memerlukan pembetulan nilai akidah seseorang individu itu dahulu. Malangnya akidah individu Islam inilah yang sering menjadi sasaran serangan yang paling merbahaya, yang paling mengelirukan dan yang paling halus yang pernah

dilancarkan sepanjang sejarah manusia. Serangan ini telah dilancarkan oleh dunia moden yang tidak bertuhan – dimulai oleh negara pulau Britain, kemudian oleh Amerika dan akhirnya oleh negara Israel. Setiap dari serangan ini didalangi oleh orang Eropah yang berpakaian seperti orang Yahudi.

Maulana telah menghabiskan seluruh hidupnya untuk mengembalikan akidah manusia di seluruh dunia. Beliau telah menggunakan akalnya yang pintar dan ilmu yang mendalam di dalam perang intelektual ini bagi pihak Islam. Beliau juga menggunakan daya tarikan kerohanian yang beliau miliki untuk menyentuh hati-hati mereka yang mendengarnya. Hasilnya, keyakinan ramai golongan Muslim di timur dan barat terhadap Islam dapat dipulihkan. Beribu-ribu orang telah menjadi pelajar dan pengikutnya sementara ramai yang lain telah memeluk Islam hasil dari tarbiyahnya.

Maulana merupakan seorang lepasan jurusan agama dan falsafah dari Aligarh Muslim Universiti, India. Falsafah pemikiran Islam dan kerohanian beliau di bentuk hasil dari didikan cendekiawan Islam Dr. Muhammad Iqbal. Iqbal telah menghasilkan suatu penulisan yang unggul bertajuk: "*The Reconstruction of Religious Thought in Islam*" dan "*The Qur'anic Foundations and Structure of Muslim Society*".

Beliau juga telah mendapat latihan kerohanian dari Maulana 'Abdul 'Aleem Siddiqui, seorang Shaikh Sufi, cendekiawan Islam dan pendakwah Islam yang lincah. Beliau telah mempelajari epistemiologi Sufi daripada kedua-dua Iqbal dan Maulana Siddiqui dan telah menyampaikannya kepada para pelajarnya. Epitemiologi Sufi menyatakan bahawa apabila kebenaran itu di terima (yakni Islam diterima) dan keikhlasan serta tawakkal kepada Allah Yang Maha

Tinggi dipraktikkan, kebenaran itu akan menyusup ke dalam jiwa (yakni Iman bercambah). Di dalam sebuah hadith Qudsi, disebut bahawa Allah Yang Maha Tinggi berfirman: "Langit dan bumi Ku terlampau kecil untuk mengembirakan Ku tetapi hati seorang hamba Ku yang taat dapat mengembirakan Ku." Hadith ini dengan jelas menjukkan kesan dari penyusupan iman ke dalam hati seseorang.

Dengan penyusupan kebenaran ke dalam hati, maka Nurullah juga menyusup ke dalam hati. Ini membolehkan seseorang itu melihat menjangkau aspek luaran sesuatu perkara dan membolehkan dia melihat kepada realiti dalaman sesuatu perkara. Pada tahap ini seseorang Muslim itu dapat melihat dengan dua mata-penglihatan dalaman dan luaran (Dajjal, Al-Masih yang palsu melihat dengan satu mata sahaja). Seseorang Muslim yang seterusnya berjihad di jalan Allah dirahmati pula dengan percanbahan imannya dan pembentukan sifat ihsan. Ini adalah apa yang dipanggil Tasawwuf. Hanya melalui kaedah ini sajalah seseorang yang beriman itu dapat memahami ayat-ayat Allah dan seterusnya dapat memahami dunia yang ditempuhi hari ini. Mereka yang dapat membaca realiti kehidupan hari ini sedar bahawasanya ini adalah zaman Fitan, yakni zaman terakhir sebelum berlakunya Kiamat.

Maulana Ansari telah menubuhkan Aleemiyah Institute of Islamic Studies di Karachi setelah menghabiskan sepuluh tahun dari kehidupannya (1964 - 1974) berbuat demikian. Di sini, beliau bertungkus lumus melatih generasi baru pemikir Islam-pemikir yang mampu dari segi intelek dan rohani untuk memahami dunia moden dan seterusnya bertindak dengan sewajarnya untuk berdepan dengan cabaran-cabaran getir yang muncul. Hasil dari penat lelah beliau,

muncul para pemikir seperti Dr. Waffie Muhammad, Dr. Abul Fadl Muhsin Ibrahim, Siddiq Ahmad Nasir, Ali Mustafa, Muhammad Saffie, Imran N. Hosein dan ramai lagi graduan Aleemiyah Institute of Islamic Studies, di Karachi.

Berikut merupakan tajuk lapan buah penulisan di dalam Siri Memori Ansari:

- *Jerusalem in the Qur'an*
- *The Religion of Abraham and the State of Israel – A view from the Qur'an*
- *The Importance of the Prohibition of Riba in Islam*
- *The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah*
- *Dreams in Islam – A Window to Truth and to the Heart*
- *The Caliphate, the Hejaz, and the Saudi-Wahhabi Nation-State*
- *The Stratergic Significance of the Fast of Ramadan, and Isra and Mi'raj*
- *One Jama'at-One Amir: The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan*

Penulisan-penulisan ini mengetengahkan sebahagian dari hasil usaha Maulana yang ditumpukan untuk memahami dunia hari ini serta cuba untuk menerangkannya secara tepat dan memberi respon yang sepatutnya. Penulisan ini sudah semestinya terbuka untuk analisa dan penilaian semula.

Allah s.w.t. telah mengurniakan orang-orang beriman keupayaan untuk memahami sesuatu dengan menggunakan penglihatan dalaman

(hati). Kebolehan ini adalah menerusi mimpi dan visi yang merupakan unsur terakhir kenabian yang masih kekal di dunia walaupun selepas kewafatan Rasullullah s.a.w. Hatta sebuah buku di dalam siri ini adalah berkenaan mimpi.

Ilmu kerohanian juga wajib ada untuk membolehkan pemahaman berkenaan bidang yang penting dan strategik seperti, "*The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah*" dan "*The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an,*" maka tajuk-tajuk ini telah diberi perhatian di dalam Siri Memori Ansari. Hatta untuk mencapai tahap pemahaman kerohanian di akhir zaman ini memerlukan:

i) kebolehan untuk menyelami, memahami dan bertindak dengan sewajarnya terhadap cabaran getir yang berdepan umat Islam di dalam aspek amalan riba ekonomi moden sekular dan Shirik politik negara moden sekular, dan

ii) kebolehan untuk menyelami, memahami dan bertindak dengan sewajarnya terhadap perkembangan politik antarabangsa yang aneh dan membahayakan, yakni kembali semula orang-orang Yahudi ke Tanah Suci dan tertegaknya semula negara Israel. Para cendekiawan Islam yang memiliki ilmu kerohanian seperti ini harus menentang amalan riba dan Shirik ini secara berterusan ...

Peristiwa yang paling aneh dan penuh misteri yang telah berlaku di dalam sejarah keagamaan manusia adalah kembalinya kaum Yahudi ke Tanah Suci setelah 2000 tahun mereka disingkirkan Allah s.w.t. darinya. Buku Jerusalem di dalam Al-Qur'an adalah kesinambungan

penulisan buku "*The Religion of Abraham and the State of Israel*" dan cuba menggunakan al-Qur'an untuk menghuraikan status Jerusalem dan merungkaikan semula sejarah bandar suci ini seperti yang di ceritakan di dalam al-Qur'an. Buku ini juga cuba mengkaji dan menerangkan halatuju Jerusalem dan Tanah Suci. Kesan daripada analisa ini muncullah jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan tentang isu-isu semasa politik dan ekonomi antarabangsa dan kaitannya dengan drama yang masih sedang muncul di Tanah Suci sekarang ini. Kita juga sedar bahawa kita sedang hidup di ketika sebuah negara pemerintah dunia, yakni Amerika Syarikat akan digantikan oleh sebuah lagi negara yang akan memerintah dunia yakni negara Yahudi Israel, sama seperti Britain digantikan oleh Amerika Syarikat sebagai negara pemerintah dunia semasa perang dunia pertama. Peralihan kuasa ini berlaku hasil dari suatu perbuatan pengganas semasa musim panas tahun1914. Peralihan kuasa kedua sedang berlaku sekarang ini dengan cara yang sama. Ketika itu, mereka yang melakukan perbuatan ganas tersebut telah menyalahkan Rusia. Kini mereka menyalahkan orang-orang Arab dan Islam ke atas serangan 11 September di Amerika Syarikat.

Hanya dengan pengetahuan dalaman (Firasat) ini seseorang mampu mengesahkan bahawa kehidupan hari ini adalah kehidupan di zaman Fitan yakni tahap terakhir di dalam sejarah kehidupan. Implikasi dari pengesahan ini (zaman Fitan), Masyarakat Islam yang asli (Jama'ah) berserta dengan Imam dan Amirnya perlu ditegakkan dan dipertahankan dengan kadar yang segera dan setiap Muslim harus berpegang kepada as-sam'u wa-ta'-atu (dengar dan patuh) kerana yang demikian adalah arahan Rasullullah s.a.w. Pasaran mikro dan Islam

mikro sebegini dapat ditegakkan sekiranya kaum Muslim meninggalkan bandar-bandar yang tidak bertuhan dan menegakkan perkampungan Islam di kawasan luar bandar yang tidak berpenghuni. Buku "*One Jama'at - One Amir: The Organization of a Muslim Community in the age of Fitan*" memberi perhatian terhadap topik yang penting ini. Berkait dengan ini, penulisan unggul dua jilid oleh Dr. Ansari yakni "*The Qur'anic Foundations and Structure of Muslim Society*" memberi huraian penting berkenaan struktur masyarakat Islam berdasarkan petunjuk dari al-Qur'an kepada mereka yang hendak memulakan proses ini.

Pendekatan Islam mikro dan pasaran mikro ini diambil (yakni Dar al-Islam) kerana tidak mungkin untuk menegakkan Islam Makro di tengah-tengah dunia yang tidak bertuhan ini yang kuat dan yang sedang giat melancarkan perang ke atas Islam. Perang inilah yang telah berjaya menjatuhkan pemerintahan Khalifah Islam. Hatta, peperangan ini bukannya bermula semasa golongan Yahudi dan sekutu mereka menyerang Amerika pada 11 September dan seterusnya menyalahkan golongan Islam terhadap serangan tersebut. Selagi perang ini berterusan, tidak mungkin Islam ditegakkan di mana-mana negara di dunia hari ini. Satu-satunya pengecualian kepada hakikat ini adalah di suatu kawasan yang telah diterangkan oleh Rasullullah s.a.w. sebagai Khorasan (Afghanistan terletak di tengah-tengah kawasan ini). Sudah tiba masanya orang-orang Islam bangkit menghadapi realiti yang sukar ini dan bertindak dengan penuh iltizam (tanpa mengira berapa jiwa yang terpaksa berkorban dan masa yang diperlukan) untuk menegakkan dan mengekalkan Dar al-Islam di kawasan tersebut. Asas kepada pembentukan 'Perkampungan Islam' terletak pada golongan

Islam yang akan hidup dan mati kerana Allah!

Tidak mungkin seseorang itu dapat memberi respon kepada sesuatu cabaran selagi tidak dapat mengenalpasti dan memahami cabaran tersebut. Buku "*The Caliphate, the Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation-State*" menjelaskan tentang Islam-makro dan memberi jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

i) Siapa yang memusnahkan sistem Khalifah?

ii) Mengapa is dimusnahkan?

iii) Bagaimana ia dimusnahkan?

iv) Apa yang telah menggantikan sistem Khalifah tersebut?

v) Bagaimana dunia Islam bertindak terhadap keruntuhan sistem Khalifah ini?

vi) Apakah kesudahan bagi Sisten Khalifah Islam ini?

Kajian sejarah dengan terperinci menggunakan sumber-sumber yang sahih telah mendedahkan bahawa golongan Saudi-Wahhabi telah berlaku khianat tehadap Islam dan telah mengemudi langkah untuk menghancurkan sistem Khalifah Islam dan menghalang sistem ini dari ditegakkan semula sehingga ke hari ini. Terdapat kesamaan yang penting di antara negara sekular Israel di Tanah Suci dengan negara sekular Saudi Arabia di pusat kepada tamadun Islam. Britain telah terlibat di dalam pembentukan kedua-dua negara tersebut. Kedu-dua negara ini kekal hingga ke hari ini disebabkan mereka dilindungi oleh Britain pada mulanya dan kemudiannya oleh Amerika Syarikat. Negara moden Israel adalah penyamar yang telah berlaku khianat kepada kaum Yahudi dan membimbing mereka menuju kehancuran. Saudi

Arabia juga sedang melakukan perkara yang sama terhadap golongan Islam. Kedua-dua negara Israel dan Saudi Arabia akan menerima takdir yang serupa setelah wujudnya Imam al-Mahdi dan dengan tertegaknya sistem Khalifah Islam-kedua-duanya akan dimusnahkan dan dicampakkan ke dalam bekas sampah sejarah. Ramai di antara golongan Salafi Islam moden bersetuju dengan pandangan ini berkenaan keruntuhan sistem Khalifah Islam dan peranan pengkhianatan besar golongan Saudi-Wahhabi di dalam proses kemusnahan ini.

Maulana Ansari telah memuliakan Shaikh Maulana Siddiqui dengan menubuhkan Institut Pengajian Islam Aleemiyah di Pakistan dan menerbitkan penulisan di dalam Siri Memori Aleemiyah. Siri Memori Ansari ini juga merupakan suatu usaha murni untuk mengikuti jejak ini.

KANDUNGAN

BAHAGIAN KEDUA

LAMPIRAN

PENDAHULUAN

Jerusalem di dalam Al-Qur'an merupakan sebuah buku yang mengkagumkan yang telah memberi saya perasaan gembira dan meriangkan. Saya kehairanan bahawa buku yang terperinci ini terpaksa menanti begitu lama sebelum dapat diterbitkan. Kini sudah lebih separuh abad semenjak golongan Zionis memulakan proses penindasan dan penghapusan etnik penduduk Palestin yang bersalah semata-mata kerana mereka tinggal menetap di sebuah negara yang dianggap oleh golongan Yahudi sebagai Tanah Suci yang telah dijanjikan kepada mereka.

Golongan Zionis dengan berterusan merujuk kepada penulisan-penulisan yang menyimpang dari kebenaran di dalam kitab Taurat dan Injil untuk memberi justifikasi terhadap tindakan ganas mereka dan menyuntik semangat kepada orang-orang Yahudi agar menegakkan sebuah negara Israel yang menjangkau dari Sungai Nil ke Sungai Euphrates dengan Jerusalem sebagai ibu negaranya. David Ben Gurion, Perdana Menteri Israel yang pertama sebagai contoh telah berkata, "kitab Injil adalah dokumen hak milik kami ke atas tanah Israel". Para ulama Islam pula kebanyakannya telah gagal menolak tuntutan Zionis ini dengan berdasarkan sumber-sumber sejarah dan keagamaan yang sah dan juga gagal menjalankan tanggungjawab mereka terhadap agama Islam dengan mengeluarkan pendapat yang sahih berdasarkan Al-

Qur'an dan hadith Rasul kita yang tercinta s.a.w. Sepanjang pengetahuan saya sebarang penulisan yang ada berkaitan isu ini berbentuk superfisial sahaja dan berbau emosi dan tidak menunjukkan sebarang penekanan yang serius. Saya berdoa agar Sheikh Imran Hosein diberi ganjaran oleh Allah s.w.t. atas usahanya menulis buku ilmiah ini yang berfungsi untuk mengisi ruang kosong dari segi ilmu dan agama tentang isu ini dan juga berfungsi sebagai rujukan akademik kepada orang-orang Islam di seluruh dunia. Sambil saya menulis pengenalan ini, buku ini yang baru diterbitkan tahun ini sedang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan Bosnia. Dalam masa terdekat buku ini boleh didapati di dalam semua bahasa di benua Eropah dan dunia Islam yang lain.

Harus ditekankan di sini bahawa kepentingan penulisan berkenaan Tanah Suci di dalam Al-Qur'an tidak terlepas dari visi pemikir-pemikir Islam yang kreatif dan berpandang jauh seperti Dr. Kalim Siddiqui (Presiden dan pelopor kepada Institut Kajian dan Perancangan Islam) dan Professor Shaheed Ismail Al-Farouqi. Saya memandang tinggi terhadap visi Professor Shaheed Ismail Al-Farouqi yang telah mencadangkan penulisan sebegini kepada Imran Hosein seawal tahun 1994. Beliau telah menggesa Sheikh Imran Hosein dengan menyatakan bahawa Jerusalem merupakan kunci kepada pemahaman proses sejarah di Timur Tengah dan dunia amnya. Sheikh Imran berjaya memenuhi tugas ini setelah 27 tahun berlalu. Walaupun nampak terlewat tetapi buku ini muncul di waktu yang tepat di kala dunia dikejutkan dengan kejadian-kejadian menyayat hati di Jenin, Sabra dan Shatila.

Ismail Al-Farouqi sebenarnya telah mengetengahkan isu ini di

dalam penulisan bukunya bertajuk "*Islam and the Problem of Israel*" yang telah dirujuk oleh Sheikh Imran Hosein. Beliau dengan tegas berkata bahawa Israel mendatangkan bahaya yang lebih besar kepada orang-orang Islam berbanding dengan Perang Salib Euro-Kristian di zaman pertengahan atau kolonialisma Eropah di zaman moden. Beliau menambah bahawa "Israel" bukanlah mana-mana dari kedua ini tetapi lebih dan lebih lagi! Beliau menyeru orang-orang Arab dan Islam agar tidak menerima negara Yahudi tersebut sebagai sebahagian dari negara di dunia Asia atau Afrika. Beliau juga menyeru ulama Islam agar menyelidik berkenaan isu ini dengan mendalam. Saya yakin jika kedua-dua pemikir Islam ulung ini masih hidup mereka akan menyambut buku ini sebagai suatu buku yang mereka cita-citakan.

Saya juga kagum dengan gaya penulisan Imran. Walaupun tesis Jerusalem di dalam Al-Qur'an ini ditulis dengan teliti dengan menggabungkan fakta-fakta sejarah, agama dan kejadian-kejadian politik semasa berserta dengan interpretasi mendalam Al-Qur'an dan hadith, ia ditulis seperti sebuah cerita. Tidak mungkin dapat menghentikan bacaan buku ini apabila ia dimulakan. Ini adalah kualiti sebuah penulisan novel. Seorang pembaca akan membaca sekali sesebuah buku dan seterusnya mengenepikannya – tetapi tidak buku yang merangsang pemikiran seperti yang ditulis oleh Sheikh Imran ini. Buku ini adalah suatu rujukan yang perlu diteliti untuk kajian berulang-ulang kali. Saya percaya kefasihan Sheikh Imran adalah hasil dari kebolehannya tersendiri disertakan dengan kelasakannya sebagai seorang pendakwah dan dae' serta rahmat Tuhan terhadap keikhlasannya.

Akhir sekali buku ini, ia memberi optimisma kepada orang-orang

Islam tentang masa depan terutama di ketika orang-orang Islam tertekan sekarang dan isu Palestin yang semakin memuncak. Cahaya terang sedang bersinar di penghujung terowong yang panjang dan gelap di dalam sejarah Islam. Kita sekarang berada di penghujung zaman. Ini adalah zaman di mana ramalan-ramalan di dalam Al-Qur'an dan hadith menjadi kenyataan di hadapan mata yang membuktikan kepada manusia kebenaran pegangan agama kami.

Seperti yang dinyatakan oleh Rasul kami, kita telah melihat pengembala kambing yang miskin dan berkaki ayam di semenanjung Arab berlumba-lumba untuk membina bangunan-bangunan pencakar langit. Kita juga telah menyaksikan pertambahan bilangan orang-orang Islam dengan besar tetapi lemah dalam pendirian dan menjadi dayus akibat dari cinta kepada dunia dan takut akan kematian hatta mengesahkan ramalan di dalam hadith yang sahih. Tepat seperti yang disabda oleh Rasullullah s.a.w., musuh-musuh Islam yang kuat kini menyelubungi negara kita seperti segerombolan manusia yang kelaparan yang dijemput untuk menjamah suatu sajian yang besar seperti yang difirman oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Qur'an, Bani Israel yang tersebar di serata pelusuk dunia telah kembali ke Tanah Suci seperti yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an, dan mereka telah melakukan kerosakan yang besar serta menjadi kuat dan sombong akibat darinya.

Sebagaimana kita menonton kejadian-kejadian ini seperti menonton cerita seram, kita akan melihat kesudahan yang mengembirakan seperti yang diramalkan di dalam Al-Qur'an dan hadith. Orang-orang Islam akan bangkit dari tidur mereka dan kaum Yahudi akan menerima hukuman yang dijanjikan buat mereka oleh

Allah s.w.t. Negara Zionis ini akan musnah dan segala yang mereka bina akan tersungkur ke bumi.

Buku ini mendedahkan kejadian-kejadian ini dengan mendalam dan indah berserta dengan tafsiran Al-Qur'an dan hadith dengan penuh kebijaksanaan. Walaupun akan ada mereka yang tidak bersependapat dengan penulis tentang tafsiran sebahagian dari ayat Al-Qur'an dan hadith, tidak ada seorang pun yang akan tidak akan menghargai ketajaman pemikiran dan kedalaman aspek kerohanian penulis. Saya mengesyorkan agar buku ini dibaca oleh setiap cendekiawan dan orang awam.

Malik Badri, Profesor,
International Institute of Islamic Thought & Civilization,
Kuala Lumpur, Malaysia
18 November, 2002; 13 Ramadan, 1423

PRAKATA EDISI KEDUA

Edisi kedua buku Jerusalem di dalam Al-Qur'an ini muncul sembilan bulan setelah buku ini pertama kali diterbitkan. Dalam waktu ini, buku ini telah menjadi buku yang paling laris dijual – kali pertama bagi saya sebagai seorang penulis. Shukur dan segala pujian bagi Allah s.w.t.! Edisi terbaru ini memuatkan kata pendahuluan oleh seorang cendekiawan Islam yang disegani dari Sudan iaitu Prof. Dr. Malik Badri. Beliau merupakan seorang Professor di International Institute of Islamic Thought and Civilization di Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau dikenali

Di dalam bab ke 7 buku ini ("Berpaling dari Jerusalem ke sebagai penulis sebuah buku perintis yang ditulis dengan penuh kemahiran bertajuk "*The Dilemma of Muslim Psychologists*", Makkah") kami telah menegaskan bahawa Rasullullah s.a.w., setelah tiba di Madinah di kalangan orang-orang Yahudi tempatan, telah mengerjakan solat mengadap ke arah Jerusalem dan telah berpuasa bersama orang-orang Yahudi pada hari-hari mereka berpuasa mengikut hukum berpuasa di dalam kitab Taurat. Kesamaan ini adalah untuk membuktikan kepada orang-orang Yahudi bahawa beliau telah dilantik sebagai Rasul yang sah oleh Tuhan kepada nabi Ibrahim a.s. Kami telah menambah fakta ketiga di dalam edisi baru ini berkenaan hukum rejam (lihat Bab 7). Penyatuan isu rejam ini ke dalam subjek yang lebih besar yakni

Jerusalem di dalam Al-Qur'an ini dapat menawarkan para pembaca yang teliti dalam bacaan mereka, suatu sistem pemahaman sebagai rangka untuk mengkaji isu hukuman ke atas perbuatan zina di dalam Islam.

Edisi kedua ini sedang dicetak ketika Amerika mengancam untuk menyerang Iraq dan menggantikan kerajaannya dengan sebuah kerajaan "Yankee" seperti di Pakistan dan Afghanistan. Jerusalem di dalam Al-Qur'an cuba menerangkan strategi di sebalik kemungkinan serangan ke atas Iraq ini. Di alam bab 1 kami telah mengenalpasti had wilayah yang disebut sebagai Tanah Suci (di dalam kitab Injil) yakni dari "Sungai di Mesir ke Sungai Euphrates". Wilayah inilah yang dicita-citakan oleh Israel yang angkuh dan mabuk kuasa, di mana ia dijangkakan akan melancarkan perang besar-besaran sedikit masa lagi. Tetapi Israel yang memiliki ijazah PhD dalam bidang penipuan tidak akan melancarkan perang ini ketika ia dengan terang-terang dilabel sebagai penindas oleh dunia. Sebaliknya serangan Amerika ke atas Iraq akan digunakan antara lainnya untuk membakar semangat penduduk Arab agar berdemonstrasi sehingga sebahagian dari rejim pro-Amerika dan Arab-Islam akan ditumbangkan untuk digantikan oleh kerajaan anti-Amerika dan pro-Islam. Israel kemudiannya akan melancarkan propaganda sepantas kilat untuk memberi gambaran tentang bahaya yang sedang berdepan dengannya akibat dari kebangkitan semula kononnya kumpulan pengganas-pengganas Islam. Yahudi kemudiannya akan melancarkan suatu peperangan yang besar untuk menguasai wilayah dari sungai di Mesir ke Sungai Euphrates. Kami menegaskan di dalam edisi kedua ini, bahawa implikasi strategik "sungai di Mesir" adalah penguasaan Yahudi ke atas terusan Suez dan "Sungai di Euphrates"

sebagai penguasaan Yahudi ke atas sumber minyak negara-negara Teluk. Penguasaan ini berserta dengan kejatuhan nilai dolar Amerika dan ekonomi Amerika Syarikat akan akhirnya memberi Israel status sebagai negara pemerintah dunia. Dengan ini Yahudi akan mencapai status yang sepatutnya diberikan kepada mereka oleh Al-Masih.

Penerbitan buku ini berserta dengan syarahan-syarahan umum saya berkenaan subjek ini telah melihatkan respon yang sudah saya jangkakan. Baru-baru ini saya telah dihalang untuk memberi syarahan Islam di sebuah negara pulau di Asia Tenggara setelah berbuat demikian sepanjang 14 tahun yang lalu.

Perkara yang paling menyedihkan adalah respon terhadap "Jerusalem di dalam Al-Qur'an" dari ulama Islam yang disegani. Mereka menolak bulat-bulat buku ini atas alasan bahawa Ya'juj dan Ma'juj akan dilepaskan ke dunia hanya setelah Dajjal dibunuh oleh Al-Masih yang sebenar (Nabi Isa a.s.).

Pendekatan logikal terhadap subjek ini akan menunjukkan bahawa alasan mereka ini langsung tidak masuk akal, Hatta mereka tidak menerima hakikat bahawa dunia hari ini adalah order dunia Ya'juj dan Ma'juj dan mereka menanti kedatangan Al-Masih yang sebenar (Nabi Isa a.s.) sebelum Ya'juj dan Ma'juj dibebaskan. Golongan ini nyata tersilap perhitungan. Mereka sememangnya telah melakukan segunung kesilapan. Akibat dari kesilapan tersebut, mereka terpenjara di dalam ketidak-mampuan memahami perjalanan dunia hari ini, dan ini adalah sesuatu yang amat merbahaya dan dikesali. Mereka juga tidak dapat menduga kejadian-kejadian yang sedang berlaku begitu cepat dan yang merbahaya di dalam dunia yang aneh hari ini. Akibatnya mereka tidak mampu bertindak untuk menangani cabaran-cabaran besar di zaman

ini.

Ketika buku ini dicetak, terjemahan buku ini ke dalam bahasa Arab hampir siap. Terjemahan ke dalam bahasa Bosnia telah pun siap dan terjemahan di dalam bahasa Urdu dan Bahasa Melayu (Malaysia dan Indonesia) sedang dijalankan. Suatu komitmen telah dibuat untuk menterjemahkan buku ini ke dalam bahasa Perancis dan Hansa. Ini melambangkan tertunainya harapan dan doa saya agar buku ini diterjemahkan ke setiap bahasa yang digunakan oleh orang-orang Islam. Segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. Tiada Tuhan melainkan Dia.

Imran N. Hosein
Kuala Lumpur
Disember 2002 (Ramadan 142B)

Prakata Edisi Pertama

Lawatan dramatik Ariel Sharon ke Masjid Al-Aqsa di Jerusalem pada September 2000 bukan sahaja telah merangsang suatu bab berdarah yang baru di dalam episod penindasan Israel dan juga penentangan baru oleh wira-wira Islam terhadap penindasan tersebut bahkan ia juga telah mengilhamkan saya untuk menghentikan buat sementara waktu penulisan berjudul "*Surah Al-Kahf and the Modern Age*" agar saya dapat menulis buku ini sebaliknya - Jerusalem di dalam Al-Qur'an.

Setahun selepas September 2000, serangan ke atas Amerika Syarikat berlaku pada 11 September ketika saya masih menetap di New York (saya sedang mencari kediaman yang baru sekarang ini) dan hampir menghabiskan penulisan buku ini. Buku ini akhirnya dilengkapkan penulisannya pada bulan Ramadan yang penuh rahmat di Kuala Lumpur sambil saya mengikuti dengan penuh keperitan serangan pengecut pengganas Amerika ke atas penduduk Islam Afghanistan yang telah berpegang kepada Islam dan tidak mempunyai kaitan langsung dengan serangan ke atas Amerika.

Saya bernasib baik kerana "Jerusalem di dalam Al-Qur'an" telah diterbitkan tepat pada masanya dimana perhatian masyarakat umum tertumpu kepada subjek ini. Tidak mungkin seseorang Kristian atau Yahudi tidak memeluk Islam sekiranya memahami subjek yang dikupas

di dalam buku Jerusalem di dalam Al-Qur'an ini. Dengan cara yang sama, tidak mungkin seseorang Ahmadi (pengikut Mirza Ghulam Ahmad) menerima isi kandungan buku ini dan masih tetap menjadi pengikut Ahmadi! Nyata sekali apa yang dikatakan oleh Mirza Ghulam Ahmad tentang subjek ini adalah palsu!

Buku oleh Shaikh Safar al-Hawaii: "*The Day of Wrath – Is the Intifida of Rejab only the Beginning?*" baru sahaja diterbitkan dan ia adalah pelengkap kepada buku ini. Buku ini boleh didapati di laman web: http: /www.islaam.com/books/ intifidha.htm.

Para pembaca disyorkan membaca buku "*The Religion of Abraham and the State of Israel – A View form the Qur'an*" sebagai pelengkap kepada buku ini. Terdapat banyak rujukan-rujukan dari kitab Taurat dan Al-Qur'an di dalam buku tersebut yang dapat memberi pedoman kepada isu-isu yang dibincangkan di dalam buku ini.

Semua terjemahan-terjemahan Al-Qur'an ditulis dalam bahasa Arab kerana hanya bahasa Arablah layak menjadi bahasa Al-Qur'an.

Kebanyakan rujukan akhbar di dalam buku ini berkenaan negara moden Israel diambil dari "*The Jerusalem Post*". Kami memperakui rujukan-rujukan ini.

Suatu petikan dari buku Dr. Ismail Raji Faruqi, "*Islam and The problem of Israel*" telah disertakan dengan harapan ia akan mengetengahkan hasil kerja penulis yang hebat ini.

Setiap kali perkataan Israel digunakan, ejaan bahasa Inggeris digunakan. Apabila kami menggunakan perkataan Al-Qur'an yang

merujuk kepada Israelit, yakni "Bani Israil", ejaan Israil menandakan ejaan asal dalam bahasa Arab. Setiap rujukan dari Al-Qur'an ditulis dengan nama surah diikuti oleh nombor surah dan nombor ayat.

Saya terhutang budi kepada dua orang saudara seagama saya dari Malaysia (yang tidak hendak dinamakan) di mana dengan bantuan mereka penulisan dan percetakan buku ini menjadi kenyataan. Sulaiman Dufford, Muhammad Alamgir dan Sabeena Watanabe telah membantu dengan "proof reading' dan memberi banyak cadangan yang membina. Rekabentuk muka depan adalah oleh Habibur Rahman dari Bounce Graphics di Kuala Lumpur. Moga-moga Allah s.w.t. memberi ganjaran ke atas bantuan mereka. *Amin!*

Saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t. untuk keampunan, bimbingan, rahmat dan perlindunganNya. Saya merayu kepadaNya untuk menerima dan merahmati usaha lemah saya ini dalam menuju kebenaran dan untuk melindungi buku ini dari mereka yang tertekan akibat dari apa yang disingkapkan oleh buku ini! *Amin!* Semoga Allah s.w.t. merahmati guru saya yang tercinta, Maulana Ansari (rahmatullah 'alaihi) yang telah mengajar saya Islam, ibubapa saya yang tercinta, Ibrahim dan Taimoon Hosein yang telah mendidik anak-anak mereka agar mencintai Islam dan isteri saya yang tercinta, Aisha Angela yang tetap di samping saya dengan setia dan penuh kasih sayang dalam usaha saya untuk Islam. Amin!

Imran N. Hosein
Kuala Lumpur
Jun 2002

PRAKATA PENTERJEMAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Alhamdulillah dengan izinNya, buku ini dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Tajuk buku ini yang asalnya di dalam bahasa Inggeris adalah "*Jerusalem In The Qur'an*" karya Sheikh Imran Hosein. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada beliau kerana memilih saya menterjemahkan buku ini ke dalam Bahasa Melayu. Edisi Bahasa Melayu ini diharap dapat menyampaikan risalah penting yang terkandung di dalamnya kepada sidang pembaca dengan lebih meluas lagi. Saya berdoa agar hasrat saya ini dapat dicapai memandangkan mesej yang dibawa oleh buku ini amat penting dan relevan untuk penghayatan bersama golongan Islam agar aqidah mereka dapat diselamatkan dari dikotak-katikkan oleh musuh-musuh Allah s.w.t.

Segala usaha telah dibuat untuk mengekalkan makna buku ini sebanyak yang mungkin dari edisi asalnya. Saya mengalukan komen dan kritikan terhadap kerja terjemahan ini.

Kerja penterjermahan buku ini tidak mungkin tercapai tanpa bantuan yang berterusan daripada isteri saya yang tercinta Ardila Syahoera, yang telah bertungkus lumus menyiapkan kerja menaip keseluruhan buku ini walaupun di dalam kesibukannya sebagai ibu

kepada tiga orang anak kecil.

Akhir sekali saya berdoa agar kerja yang kecil ini diterima Allah s.w.t. *Amin!*

Aminudin Shamsudin
Subang Jaya
22 Julai 2003 / 22 Jamad al-Awwal 1424H

ISLAM DAN MASALAH ISRAEL

Oleh Ismail Raji Faruqi

Dr. Faruqi berpendapat bahawa kewujudan Israel membahayakan kaum Muslimin lebih dari bahaya oleh perang salib Euro-Kristian pada pertengahan zaman atau oleh Kolonialisma-Eropah di zaman sekular moden ini. Maka dia menolak cadangan untuk menerima Israel sebagai sebahagian dari ahli kepada dunia negara-negara Islam di Asia dan Afrika.

Masalah yang berkaitan di antara Israel dengan dunia Islam hari ini tidak pernah lagi berlaku di dalam sejarah. Dunia Islam menganggapnya sebagai kolonialisma moden atau sebagai pengulangan perang salib.

Perbezaannya adalah, Israel bukan salah satu dari ini, tetapi kedua-duanya dan lebih lagi dari itu. Malang sekali tidak ada penulisan berkenaan subjek ini.

Hatta analisis masalah ini merupakan sesuatu yang sangat mustahak dipercepatkan seperti mana adanya cadangannya agar dunia Arab dan Islam menerima Israel sebagai ahli kepada dunia negara Islam di Asia-Afrika.

Isma'il Raji Faruqi

(Diambil dari buku: "*Islam and the Problem of Israel*", yang diterbitkan oleh Islamic Council of Europe, London 1980. ISBN 0907163025)

Bahagian Pertama

PENGENALAN

﴿ قَدْ جَآءَكُم بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَنْ أَبْصَرَ فَلِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَنْ عَمِىَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيْكُم بِحَفِيظٍ ﴿١٠٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya telah datang dari Tuhanmu bukti-bukti yang terang; maka barangsiapa melihat (kebenaran itu), maka (manfaatnya) bagi dirinya sendiri; dan barangsiapa buta (tidak melihat kebenaran itu), maka kemudaratannya kembali kepadanya. Dan aku (Muhammad) sekali-kali bukanlah pemelihara(mu)."

(Al-An'am, 6: 104)

Al-Qur'an berfungsi menerangkan semua kejadian — termasuk halatuju Jerusalem.

Al-Qur'an menegaskan bahawa fungsi utamanya ialah untuk menjelaskan segala kejadian.

﴿ ... وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾ ﴾

Maksudnya:

"(Dan ingatlah) akan hari (ketika) Kami bangkitkan pada tiap-tiap umat seorang saksi atas mereka dari mereka sendiri, dan Kami datangkan kamu (Muhammad) menjadi saksi atas seluruh umat manusia. Dan Kami turunkan kepadamu Al Kitab (Al-Qur'an) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri."

(Al-Nahl, 16: 89)

Dengan penjelasan Al-Qur'an ini, sudah semestinya ia dapat menerangkan kejadian-kejadian yang aneh yang penuh misteri yang sedang berlaku kini di muka bumi ini. Kejadian-kejadian ini tidak dapat dijelaskan secara rasional dan belum pernah lagi berlaku dalam seluruh sejarah kemanusiaan sebelum ini. Kejadian-kejadian ini kini sedang berlaku, selepas berlakunya kejadian-kejadian yang berikut:

1. Kejayaan Eropah sekular yang tidak bertuhan untuk membebaskan Tanah Suci pada tahun 1917-1918. Ini hanya dapat dicapai setelah usaha berterusan Euro-Kristian yang bermula hampir 1,000 tahun yang lampau dengan pelancaran Perang Salib.

   [Mengapa harus Eropah sekular yang tidak bertuhan memilih untuk meneruskan obsesi selama 1,000 tahun mereka untuk membebaskan tanah suci? Mengapa pula hanya orang-orang Kristian Eropah sahaja, setelah memeluk agama Kristian 1,000 tahun yang lalu menjadi obses untuk membebaskan tanah suci dan bukannya oleh golongan Kristian yang lain?]

2. Kejayaan golongan Yahudi Eropah untuk memulihkan negara Israel silam setelah ia dimusnahkan oleh Allah s.w.t. lebih dari 2,000 tahun yang lalu - kejayaan ini menjadi kenyataan dengan bantuan aktif yang diberikan oleh Eropah sekular (tidak bertuhan) yang sama.

   [Mengapa harus Eropah sekular menjadi begitu obses untuk membantu Yahudi Eropah dalam memulihkan sebuah negara keagamaan yang telah diasaskan lebih 2,000 tahun yang lampau oleh Nabi Daud dan Nabi Sulaiman a.s.? Mengapa harus golongan Yahudi-Eropah menjadi obses dengan pemulihan negara Israel dan bukannya oleh golongan Yahudi yang lain?]

3. Kembalinya orang-orang Yahudi Israel (yakni Yahudi bukan Eropah) ke Tanah Suci setelah diusir oleh Allah s.w.t. dan setelah hidup selama lebih 2,000 tahun di serata pelusuk dunia; orang-orang Yahudi Eropah telah membawa orang-orang Yahudi Israel kembali ke tanah suci tetapi mereka sendiri tidak "kembali" ke tanah suci. Ini adalah kerana mereka tidak pernah menetap di situ sebelum ini – jadi mereka (Yahudi Eropah) tidak boleh dikatakan "kembali" ke Tanah Suci.

   [Mengapa harus segolongan penduduk Eropah memeluk agama Judaisma dan seterusnya menjadi obses dengan misi untuk membebaskan Tanah Suci dan membawa balik orang-orang Yahudi Israel kembali ke Tanah Suci walau apapun halangannya?]

Kejadian-kejadian di atas yang kelihatan sungguh aneh dan membingungkan nampak seperti mengesahkan kepercayaan kaum Yahudi tentang janji-janji Tuhan kepada mereka. Semua kejadian di atas nampak seperti memenuhi janji-janji Allah s.w.t. bahawa Allah akan menurunkan kepada mereka seorang nabi yang akan dikenali sebagai Al-Masih (Messiah) di mana beliau akan memberi mereka segala yang tersebut di atas dan lebih lagi dari itu.

Buku ini menegaskan bahawa Al-Qur'an bukan sahaja menerangkan tentang kejadian-kejadian aneh ini tetapi menghuraikan tentang halatuju Jerusalem di akhir zaman ini. Al-Qur'an mendedahkan suatu komplot yang membongkar pemalsuan di dalam tuntutan orang-orang Yahudi terhadap apa yang mereka percaya sebagai kebenaran dan mengesahkan bahawa kebenaran tersebut adalah apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Halatuju ini akan menyaksikan hukuman Allah s.w.t ke atas orang-orang Yahudi, yakni suatu hukuman yang begitu besar yang belum pernah disaksikan manusia sebelum ini.

Asas penjelasan Al-Qur'an berkenaan halatuju Tanah Suci Jerusalem di akhir zaman ialah kembali berkumpulnya orang-orang Yahudi dari serata pelusuk dunia di mana sebelum ini mereka hidup berasingan dan akhirnya dikumpulkan semula di Tanah Suci sebagai "orang-orang yang telah bercampur aduk" (Qur'an, Bani Israel, 17: 104). Janji Tuhan ini telah pun dipenuhi. Kaum Yahudi telah kembali ke Tanah Suci dan menuntutnya kembali. Kejayaan mereka ini menampakkan kepada mereka kesahihan pegangan agama mereka berkenaan negara Israel yang mereka asaskan.

Hakikat sebenarnya, penglihatan orang-orang Yahudi telah dikaburi oleh suatu lakonan palsu paling besar yang belum pernah

disaksikan oleh manusia. Segalanya telah tersedia bagi mereka untuk menerima hukuman Tuhan seperti yang belum pernah menimpa mana-mana golongan manusia. Setelah hukuman ini dijatuhkan, suatu drama yang besar akan berlaku di Tanah Suci dan di seluruh dunia. Buku ini menerangkan berkenaan drama ini yang kini sedang berlaku.

Buku ini juga menerangkan tentang pandangan Islam yang berbeza tentang sejarah Tanah Suci. Ianya menegaskan bahawa masanya telah hampir ke penghujung bagi Israel. Laut Galilee akan menjadi kering dalam jangka waktu yang singkat! Nabi Isa a.s. akan kembali! Kepulangannya akan menyaksikan kemusnahan negara Israel. (lihat Lampiran 1 untuk berita berkenaan paras air terkini laut Galilee dan juga buku '*The Religion of Abraham and the State of Israel: A view from the Qur'an*'– oleh penulis yang sama).

Orang Yahudi telah memiliki kebenaran yang sama seperti yang ada pada orang-orang Islam, tetapi mereka telah mencemarkan kebenaran yang ada di tangan mereka. Orang-orang Yahudi telah diberi masa yang cukup di Madinah untuk menerima kebenaran Al-Qur'an dan risalah Nabi Muhammad s.a.w., rasul terakhir yang dilantik oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. tetapi sayang sekali-mereka telah engkar! Peluang untuk mereka kembali ke pangkal jalan telah tertutup bilamana Allah s.w.t. telah mengubah arah Kiblat (lihat Al-Qur'an, al-Baqarah 2: 141-145). Sudah terlambat bagi mereka untuk mengelak takdir yang berada di hadapan mereka. Halatuju Jerusalem dan kesudahan yang menanti negara Israel lebih dari sebarang kejadian yang lain akan membuktikan kebenaran Islam.

Nabi Muhammad s.a.w. telah beribadat ke arah Jerusalem selama 17 bulan dengan harapan dapat mengajar orang-orang Yahudi bahawa

Tuhan yang telah mengutus Nabi Musa a.s. adalah Tuhan yang sama yang mengutus baginda dan yang telah menurunkan kitab Taurat dan juga Al-Qur'an. Orang-orang Yahudi diberi satu pilihan sahaja untuk mencapai pengampunan dari Tuhan kepada Nabi Ibrahim iaitu dengan cara menerima Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasul. Tetapi mereka telah menolak kerasulan baginda. Kini sudah terlewat bagi mereka untuk kembali ke pangkal jalan.

Jerusalem Di Dalam Al-Qur'an: Implikasi Bagi Orang-Orang Islam

Apakah implikasinya kepada para pembaca buku ini yang beragama Islam?

Yang pertama sekali, Tanah Suci Jerusalem mestilah di pandang suci di dalam hati-hati mereka, sebagaimana mereka melihat Mekah dan Madinah itu sebagai tempat yang suci, dan usaha untuk membebaskan Tanah Suci daripada cengkaman Yahudi sekular mesti menjadi usaha yang paling utama bagi orang-orang Islam. Individu Islam harus diberi kebebasan mutlak untuk meninggalkan mana-mana tempat tinggalnya agar dapat bersatu dengan tentera orang-orang yang tertindas di Tanah Suci sepertimana orang Yahudi boleh meninggalkan Amerika Syarikat, Eropah atau Russia untuk menyertai pasukan tentera Israel dan mengambil bahagian di dalam penindasan bersenjata ke atas orang-orang Islam dan Kristian Palestin di Tanah Suci. Andainya seseorang Islam tidak diberi kebebasan ini dan diugut untuk ditangkap dan dilabel sebagai pengganas, dia mesti menentangnya dan tidak mengendahkan segala halangan agar dapat mengambil bahagian dalam usaha ini. Dia mesti menyerah bulat-bulat kepada Allah s.w.t. dan tidak mengendahkan dunia yang tidak bertuhan ini.

Orang-orang Islam harus mempunyai hasrat di dalam hati-hati mereka untuk menyertai tentera bersenjata (jihad) di Tanah Suci sebagai cara paling minimum untuk mempamerkan keimanan mereka kepada Allah s.w.t. Bagi orang-orang Islam diingatkan di sini bahawa mereka akan ditakut-takutkan dan ditangkap apabila mereka membuat deklarasi bahawa negara Israel akan dihancurkan oleh tentera Islam dan sekiranya mereka meluahkan hasrat untuk menyertai tentera Islam tersebut agar suara-suara mereka tidak lagi kedengaran. Proses menakut-nakutkan dan menangkap orang-orang Islam sebegini telah bermula di Amerika Syarikat dan di banyak negara yang lain dan akan memuncak apabila Israel menjadi negara pemerintah dunia.

Yang kedua, sumber-sumber ekonomi dan sumber-sumber lain milik dunia Islam harus ditumpukan bagi membantu proses liberasasi Tanah Suci dari penindasan. Walaupun peperangan melibatkan orang-orang Islam di Kashmir, Kosovo dan Chechnya melukai hati-hati orang Islam, tidak ada janji Tuhan bahawa kesudahannya akan berpihak pada orang-orang Islam di tempat-tempat ini berbanding dengan peperangan untuk membebaskan Tanah Suci – Jerusalem. Kedua-dua ini tidak boleh disamakan. Kejayaan untuk membebaskan Tanah Suci akan mencetuskan kesan yang positif kepada orang-orang Islam yang lain agar bersatu membebaskan diri mereka dari penindasan di seluruh dunia.

Yang ketiga dan yang paling penting kepada semua orang Islam (lelaki dan perempuan) ialah mereka mesti mempelajari mesej dan petunjuk Al-Qur'an berkenaan halatuju Jerusalem dan mengajarkannya kepada yang lain. Buku ini berfungsi mencari dan mempersembahkan penerangan dan petunjuk dari Al-Qur'an berkenaan Tanah Suci .

Strategi Zionis Yahudi

Salah satu dari strategi penting Zionis-Yahudi ialah untuk mengawal persekitaran yang strategik bagi Israel. Ini dicapai dengan cara mengadakan pakatan dengan golongan elit yang mudah menerima rasuah, kaya, tidak bertuhan serta rakus yang kini mengawal negara-negara Arab-Islam di sekeliling Israel untuk Israel. Golongan-golongan elit ini terpaksa bersahabat dengan Israel agar dapat terus berkuasa dan memiliki kekayaan serta status. Kerajaan Yahudi mengadakan tekanan secara berterusan terhadap golongan elit ini supaya mereka menindas orang-orang Islam di bawah pemerintahan mereka agar orang-orang Islam tersebut menerima cara Israel atau sekiranya mereka bertindak menentang Israel mudahlah bagi Israel mengekang mereka. Jika Israel meningkatkan penindasannya di Tanah Suci, penduduk-penduduk Islam Arab akan menjadi berang dan ini akan mendorong golongan pemerintah elit untuk berpura-pura marah terhadap Israel sebagai suatu tindakan survival. Strategi Arab-Yahudi telah mencapai tahap implementasi yang maju dan intim. Strategi ini menggunaka ciri-ciri yang jahat, kotor dan yang mementingkan diri sendiri. Ini ialah strategi mereka yang telah jauh meninggalkan paksi agama Nabi Ibrahim a.s. Strategi Yahudi ini memerlukan mereka meninggalkan golongan elit Arab yang telah mereka adakan pakatan bersama, untuk faedah mereka, di masa hadapan dan hal ini telah mula berlaku. ketika buku ini sedang ditulis, Israel sedang bersiap-sedia untuk memulakan perang ke atas golongan Arab-Islam yang akan memperlihatkan pertambahan wilayah kekuasaan negara Yahudi. Israel kemudiannya akan memerintah seluruh kawasan tersebut sebagai sebuah negara pemerintah dunia (menggantikan Amerika Syarikat sekarang ini).

Sebagai respon kepada strategi Yahudi yang menentang Allah s.w.t dan pengikutnya, Al-Qur'an menjelaskan dengan ancaman:

﴿ وَمَكَرُوا وَمَكَرَ ٱللَّهُ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٥٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Orang-orang kafir itu membuat tipu daya, dan Allah membalas tipu daya mereka itu. Dan Allah sebaik-baik pembalas tipu daya."

(Ali-Imran 3: 54)

Sebagai objektif untuk mengimplimentasikan strategi jahat ini di Tanah Suci, Israel telah memilih Yasser Arafat dan parti sekular kebangsaannya, PLO, sebagai rakan untuk mencapai keamanan. Strategi yang sama telah berjaya di Mesir, Jordan, Turki dan Arab Saudi di mana kesemua negara ini berada di bawah telunjuk Amerika Syarikat yang tidak bertuhan (*godless*). Tetapi strategi ini tidak berkesan di Tanah Suci, Yemen dan Syria. Di bawah ini dipaparkan hadith Nabi Muhammad s.a.w. untuk tatapan para pembaca.

Diriwayatkan oleh Ibn Umar: Nabi s.a.w. telah bersabda: Ya Allah! Rahmatilah ke atas Sham (Syria) dan Yaman, Bertanya orang ramai: Najd kami? (Najd adalah sebahagian dari Arab Saudi di mana berasalnya pemerintah Saudi sekarang ni). Nabi bersabda lagi: Ya Allah! Rahmatilah ke atas Sham dan Yaman. Mereka bertanya lagi: Najd kami juga. Baginda menjawab: Akan muncul gempabumi dan kesusahan dan dari sana (Najd) akan muncul tepi kepala Syaitan!

(Sahih Bukhari)

Negara Yahudi Israel telah bertapak selama 50 tahun. Ini bukan suatu kejayaan yang dicapai oleh kaum Yahudi dengan penuh kesusahan seperti mana kaum Yahudi mahukan kita mempercayainya. Sebaliknya, kejayaan ini adalah hasil pengaruh Zionis yang telah menipu Bani Israel dengan penipuan yang amat besar sekali. Salah satu dari penipuan mereka ialah penggunaan slogan "tanah untuk manusia, untuk manusia tanpa tanah". Sekiranya tiada manusia yang menduduki tanah tersebut, siapa yang sekarang ini membaling batu ke arah mereka?

Andaikata orang-orang Arab tersebut bukan manusia dan hanyalah "belalang" (seperti yang pernah telah diumumkan oleh bekas perdana menteri Israel, Shamir) tidakkah mereka telah membenarkan orang-orang Yahudi tinggal bersama mereka selama lebih 2,000 tahun? Orang-orang Arab telah memberi jaminan ke atas keselamatan nyawa dan harta benda mereka semasa mereka hidup bersama orang-orang Arab selama 2,000 tahun. Orang-orang Arab telah melakukan semua ini dan lebih lagi ketika seluruh dunia telah menutup pintu mereka kepada orang-orang Yahudi atau dengan berat hati membenarkan orang-orang Yahudi menetap di kawasan setinggan (*ghettos*)di negara mereka. Orang-orang Arab telah melakukan semua ini kerana mereka memiliki saki baki agama nabi Ibrahim a.s. yang diturunkan kepada mereka menerusi nabi Ismail a.s. Saki baki kebenaran inilah yang mengajar mereka untuk berbudi bahasa. Sehingga hari ini orang-orang Arab adalah golongan yang berbudi bahasa, Agama nabi Ibrahim a.s. ini seharusnya mengajar orang-orang Yahudi untuk berterima kasih kepada "belalang-belalang" yang telah berbudi kepada mereka dahulu.

Fahaman Zionisma menyatakan: disebabkan ajaran Judaisma itu

adalah suatu ajaran yang benar, maka orang-orang Yahudi memiliki hak ke atas Tanah Suci secara mutlak, sepanjang zaman dan tanpa syarat.

Fahaman Zionisma menegaskan bahawa tertegaknya negara Yahudi Israel setelah dimusnahkan oleh Allah s.w.t. 2,000 tahun yang lalu, mengesahkan kebenaran agama Judaisma. (versi kebenaran imperialis). Tidakkah kitab Taurat menegaskan: "setiap inci bumi yang dipijak adalah milik kamu" (Deuteronomy, ll:24)? Sejak kelahiran negara Israel 50 tahun yang lalu, dunia telah memerhatikan dengan penuh kehairanan bagaimana orang-orang Yahudi telah mengembangkan negara Israel mereka. Hal ini belum berakhir lagi. Pada pandangan umum kelihatan seolah-olah Israel telah dikepung oleh orang-orang Arab dan sedang mengambil langkah-langkah untuk melindungi dirinya dari disembelih oleh orang-orang Arab.

Hakikatnya ialah (setelah kemusnahan kem pelarian Jenin dan penyembelihan orang-orang Arab) Israel sedang bersiap-sedia untuk memulakan suatu peperangan yang besar ke atas orang-orang Arab untuk meningkatkan keluasan tanah jajahan dan ruangan strategiknya di kawasan Timur Tengah untuk menyamai keluasan wilayah Tanah Suci Biblikal, yakni dari sungai di Mesir (yakni penguasaan Terusan Suez) hingga ke Sungai Euphrates (yakni penguasaan minyak di Timur Tengah dengan kemungkinan tidak termasuk simpanan minyak negara Iran. (Benua Eropah dan Jepun serta dunia lain bergantung kepada minyak dari Timur Tengah). Peperangan ini yang akan dirancang dengan teliti akan melihat Israel menjadi negara pemerintah dunia bagi menggantikan peranan Amerika Syarikat sebagai kuasa pemerintah dunia.

Maka, dari perspektif Biblikal, kejayaan Yahudi menegakkan

semula negara Israel dan mengembangkannya serta menguasai Jerusalem nampak seakan-akan kebenaran memihak kepada ajaran Judaisma.

Soalan penulis: Bagaimanakah semua ini dicapai tanpa Al-Masih? Jawapannya ialah, ia dicapai dengan penipuan yang dilakukan oleh Al-Masih yang palsu (Al-Masih al-Dajjal)!

Implikasi dari apa yang nampak sebagai kejayaan memulihkan semula negara Israel Biblikal sekali lagi nampak seperti menandakan benarnya kepercayaan kaum Yahudi bahawa Nabi Isa a.s. dan Nabi Muhammad s.a.w. adalah kedua-duanya nabi yang palsu.

Hakikatnya, untuk mengasaskan negara Israel, ajaran Judaisma terpaksa mengikut tamadun barat yang baru yang bercirikan keruntuhan moral dan nilai-nilai yang tidak mengikut ajaran Tuhan. Dunia barat yang tidak bertuhan ini berfungsi sebagai kuasa dunia yang baru yang tidak dapat ditandingi (surah Al-Anbiya; 21: 96). Mereka menguasai laut, bumi dan ruang udara dunia. Negara Yahudi Israel juga tidak mampu bertahan selama 50 tahun tanpa bantuan aktif kuasa dunia ini. Inilah sebenarnya suatu tamadun yang direka dan digerakkan oleh Ya'juj dan Ma'juj (Gog and Magog).

Orang-orang Yahudi yang menyokong penubuhan negara Israel telah lupa bahawa negara Biblikal Israel yang diasaskan semula ini telah didirikan atas ciri-ciri ketidakadilan dan penindasan ke atas orang-orang Palestin-Kristian dan Islam — di mana dosa mereka hanyalah kerana mereka tinggal menetap di Tanah Suci. Ketidakadilan dan penindasan ini semakin memuncak semenjak 50 tahun yang lalu. Persoalan yang dikemukakan oleh penulis kepada kaum Yahudi ialah: Adakah

kebenaran yang mereka canang-canangkan ini serasi dengan ciri-ciri keruntuhan akhlak, sifat perkauman, ketidakadilan, penindasan dan tidak mempercayai perkara-perkara berkaitan dengan ketuhanan? Wajarkah segolongan manusia (Bani Israel) bertindak bersama-sama dengan golongan orang-orang yang tidak mengendahkan wujudnya Tuhan dan pada masa yang sama menganggap mereka masih setia kepada Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s.?

Golongan Yahudi beranggapan bahawa mereka tidaklah mengusir penduduk-penduduk Palestin dari rumah-rumah mereka – tetapi penduduk Palestin itulah yang telah meninggalkan rumah-rumah mereka sendiri. Jika begitu mengapa orang-orang Yahudi tidak menjaga amanah ke atas rumah-rumah penduduk Palestin dan seterusnya menjemput penduduk Palestin kembali ke rumah-rumah yang telah mereka tinggalkan? Sebaliknya orang-orang Yahudi tetap berdegil tidak membenarkan penduduk Palestin kembali ke rumah-rumah mereka selama 50 tahun. Lebih pelik lagi Israel kini berdebat bahawa mungkin perlu 50 tahun lagi sebelum Israel dan Palestin, orang-orang Kristian dan Islam dapat mencapai persetujuan untuk menduduki Tanah Suci dengan aman. Hal ini adalah sesuatu yang mustahil berlaku! Ini tiada kaitan langsung dengan perkembangan yang sedang berlaku dengan pantas sekarang ini. Penindasan oleh Israel semakin meningkat setiap hari. Israel akan mencapai kemuncak kepada keagungan yang palsu apabila ia menjadi negara pemerintah dunia. Tetapi buku ini membuat deklarasi bahawasanya dunia kini sedang menyaksikan permulaan kepada penghujung sebuah negara Israel yang palsu! Orang-orang Yahudi tidak sepatutnya menyalahkan golongan Zionis ke atas kesusahan yang mereka alami sekarang. Apa yang telah Zionisma

lakukan adalah mengeksploitasikan setiap penipuan yang telah ditulis di dalam kitab Injil dan menokok-nambahkannya dengan segunung lagi penipuan.

Perkataan "Jerusalem" Tidak Disebut Di Dalam Al-Qur'an

Salah satu dari sebab buku ini ditulis adalah sebagai respon kepada sebuah artikel suratkhabar – Los Angeles Times yang ditulis oleh Daniel Pipes yang bertajuk (Jerusalem Lebih Bermakna kepada orang-orang Yahudi berbanding kepada orang-orang Islam, Julai 21, 2000).

Di dalam artikel ini Daniel Pipes telah cuba meminggirkan hak Islam ke atas Jerusalem dengan mengatakan bahawa perkataan Jerusalem tidak disebut di dalam Al-Qur'an atau di dalam doa-doanya walau sekalipun. Sejak dari itu, banyak respon telah membanjiri bahan-bahan bacaan dari penulis-penulis surat khabar dan penulis-penulis yang lain berkaitan dengan politik tanah suci. Kesemuanya menyokong kenyataan Daniel Pipes. Dr. Pipes dan teman-teman medianya mungkin ingin mengubah pendapat mereka sekiranya mereka membaca buku ini.

Setiap orang Islam wajib memberi respon mempertahankan kritikan yang dilemparkan untuk mempersendakan Islam dan Al-Qur'an terutamanya dalam konteks perang salib terhadap Islam yang dijalankan atas nama negara Yahudi Israel. Respon ini mesti menggunakan kebenaran yang ada di dalam Al-Qur'an. Al-Qur'an mengatakan bahawa apabila kebenaran dilemparkan terhadap kebathilan, kebenaran akan selalu mengalahkan kebathilan. Penganut-penganut agama Islam disarankan untuk menggunakan Al-Qur'an apabila berdepan dengan orang-orang kafir.

Buku ini tidak bertujuan untuk meyakinkan Daniel Pipes dan kuncu-kuncunya tentang kebenaran ajaran Al-Qur'an serta hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. berkaitan Tanah Suci dan destinasinya. Tetapi ia bertujuan untuk mengetengahkan penjelasan tentang isu ini yang terdapat di dalam Al-Qur'an dan hadith dan cuba untuk menerang dan mentafsirkannya. Samada Dr. Pipes menerima atau tidak kandungan buku ini, tidaklah penting. Yang penting adalah kajian tentang tajuk ini mesti menjadi asas kepada memahami masalah berkaitan Israel dan Islam. Inilah matlamat utama buku ini.

Jerusalem - Kunci Untuk Memahami Dunia Hari Ini

Kini harus sedar bahawa subjek ini adalah penting difahami oleh orang-orang Islam yang ingin memberi ulasan atau respon terhadap drama yang sedang berlaku di Jerusalem. Pada tahun 1974, Al-Marhum Dr.Kaleem Siddiqi – Presiden kepada Institut Kajian dan Perancang Islam di London telah mendesak penulis untuk menulis sebuah buku yang dapat membuktikan bahawa Jerusalem merupakan kunci kepada pemahaman proses sejarah yang sedang berlaku hari ini. *Alhamdulillah* tugas tersebut menjadi kenyataan setelah 27 tahun berlalu. Pandangan dari Al-Qur'an yang terdapat di dalam buku ini menegaskan bahawa tidak mungkin bagi seseorang memahami dunia moden hari ini tanpa mengkaji realiti Jerusalem pada hari ini terlebih dahulu!

Dunia barat moden berkehendakkan agar Islam diadaptasikan untuk (antara lain) menerima negara Yahudi Israel dan membuka jalan untuk mengiktiraf dan berdamai dengannya. Di sinilah letaknya kunci kepada pemahaman proses sejarah yang memberi impak kepada isu-isu antarabangsa di zaman ini. Buku ini memberi respon kepada matlamat strategi Barat ini dari sudut Islam – suatu respon yang berdasarkan Al-

Qur'an dan hadith Nabi Muhammad s.a.w. Buku ini juga menegaskan bahawa tidak akan wujud perdamaian di antara pengikut-pengikut sebenar Nabi Muhammad s.a.w. dengan negara Yahudi Isreal dan akhirnya pengikut-pengikut Rasullullah s.a.w. akan beroleh kemenangan ke atas penindasan Israel dan akan membebaskan Tanah Suci dari penindasan Israel. Sebaliknya orang-orang Islam yang mengkhianati Islam dan bersama-sama dengan penentang-penentang Islam (yang tidak bertuhan) akan mengiktiraf Israel dan membenarkan diri mereka diperintah oleh negara Yahudi tersebut.

Tiada satu pun tempat di mana Islam diajar dan dikaji dengan hasil yang lebih signifikan (positif dan negatif) melainkan di institusi pengajian tinggi (universiti) dan institusi-institusi yang lain. Sekiranya ilmu Islam hendak diterapkan ke dalam minda-minda kanak-kanak dan para pelajar, ia harus bersandarkan kepada Al-Qur'an. Tajuk yang paling penting yang mesti diajar di institusi-institusi pengajian Islam hari ini adalah "Jerusalem di dalam Al-Qur'an". Dengan pengajian di dalam bidang ini, orang-orang Islam dapat memberi respon yang sesuai terhadap serangan oleh dunia yang tidak bertuhan ke atas mereka di mana serangan ini boleh mengubah akidah mereka dengan mengiktiraf negara Israel (lihat ringkasan dari buku Ismail Raji Faruqi). Buku ini mencuba dengan segala kekurangan untuk mengetengahkan petunjuk-petunjuk dari Al-Qur'an berkenaan Jerusalem dan halatujunya. Guru-guru pengajian Islam dan sekolah pengajian Islam tidak harus dibenarkan untuk mengambil sikap berkecuali dalam menangani isu "Jerusalem di dalam Al Qur'an" ini.

Yahudi, Kristian Dan Jerusalem Di Dalam Al-Qur'an

Walaupun tajuk "Jerusalem di dalam Al-Qur'an" adalah penting

kepada orang-orang Islam, penulis berminat untuk berdepan dengan orang-orang Yahudi dan Kristian dengan menggunakan kitab Al-Qur'an. Dengan peredaran masa, dan semakin dekatnya akhirat, adalah menjadi semakin susah untuk para cendekiawan Yahudi dan Kristian untuk memberi respon kepada Al-Qur'an dan hadith, Yakjuj dan Makjuj, al-Masih palsu dan kembalinya nabi Isa a.s. Bukti-bukti yang mengesahkan kebenaran Al-Qur'an terus bertambah.

Adalah menjadi tanggungjawab orang orang Islam untuk menyampaikan subjek-subjek ini kepada orang-orang Yahudi dan Kristian seperti yang telah dilakukan oleh penulis.

Buku ini dikuatkan lagi oleh buku Shaikh Safar al-Hawali – "*The Day of Wrath: Is the Intifida of Rajab only the Beginning?*" – yang memberi peluang kepada pembaca untuk mengkaji sendiri persamaan dan kelainan di antara Al-Qur'an dan ramalan yang terdapat di dalam kitab Injil. Buku ini membezakan di antara dua golongan Yahudi. Golongan yang pertama adalah golongan Yahudi-Israel yang keturunannya berkait dengan Nabi Ibrahim a.s. Mereka adalah golongan semitik yang jelas berkait dengan orang-orang Arab. Sebaliknya terdapat juga orang-orang Eropah yang bermata biru dan berambut perang dan menganut fahaman Judaisma dari dahulu kala yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan keturunan Nabi Isa a.s. Pada pendapat penulis ini, (Allah lebih mengetahui), asal golongan Ya'juj dan Ma'juj ini adalah dari bangsa Yahudi Eropah. Ya'juj dan Ma'juj telah mengubah tamadun Kristian Eropah kepada suatu tamadun yang tidak bartuhan (*godless*) seperti yang terdapat pada hari ini. Ya'juj dan Ma 'jujlah yang telah mengasaskan pergerakan Zionisma dan menegakkan negara Israel. Bab 10 buku ini cuba menerangkan

berkenaan Ya'juj dan Ma'juj. Penjelasan yang mendalam tentang subjek ini *Insya Allah* akan diterangkan di dalam buku penulis yang akan datang "*Surah Al-Kahf and the Modern Age*".

Sudah semestinya buku ini akan memberi hentakan psikologi kepada orang-orang Barat Kristian dan Yahudi dan sesetengah orang Islam. Penulis tidak menulis buku ini dengan niat hendak memperlekehkan para pembaca ini. Realiti sebenar keadaan dunia pada hari ini seperti yang diterangkan di dalam Al-Qur'an adalah jauh berbeza dari keadaan luaran yang menjadi penilaian orang-orang yang sedemikian. Amat besar sekali beza persepsi di antara mereka yang melihat dengan dua mata (dalaman dan luaran) berbanding dengan mereka yang hanya melihat dengan satu mata sahaja (disebabkan buta hati-hati mereka).

Nabi Muhammad s.a.w. telah memberi amaran apabila baginda menegaskan bahawa walaupun Dajjal, Al-Masih palsu bermata satu; buta mata sebelahnya "Tuhan kamu tidak bermata satu". Baginda juga telah memberi amaran bahawa di zaman Dajjal Al-Masih palsu, sesuatu perkara itu adalah berbeza sama sekali dengan realitinya yang sebenar. Tidak ada seorang pun yang akan dapat melihat dengan hati rohaninya untuk melihat realitinya kecuali jika mereka mengikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w. dengan tekun.

Interpretasi Dan Penjelasan

Adakalanya penulis telah memberi interpretasi kepada ayat Al-Qur'an di mana ayat tersebut tidak dijelaskan secara khusus oleh Allah s.w.t. atau Pesuruhnya (s.a.w.) Ini dilakukan untuk mengenal pasti ayat-ayat Al-Qur'an yang dapat memberi penjelasan terhadap subjek ini.

Dalam proses ini, penulis terdedah kepada mereka yang menolak interpretasi ayat-ayat Al-Qur'an melainkan secara interpretasi terus dan tanpa selok belok. Ada juga yang menolak sebarang interpretasi selain dari yang difahami mereka. Kepada mereka yang menolak interpretasi penulis, penulis menjemput mereka untuk memberi penjelasan mereka sendiri tentang penjelasan di dalam Al-Qur'an tentang kembalinya orang-orang Yahudi ke Tanah Suci semula.

Setiap interpretasi Al-Qur'an oleh penulis dilakukan dengan kesedaran bahawasanya Allah s.w.t. yang paling mengetahui (*Allahu-alam*). Para komentar-komentar Al-Qur'an yang muktabar pun selalu melakukan yang sedemikian seperti juga yang telah dilakukan oleh penulis ini.

Jerusalem Dan Dakwaan Al-Qur'an Tentang Kebenaran

Telah menjadi sesuatu yang nampak lapuk di zaman sekularisasi ilmu ini untuk bersandar kepada ayat-ayat Tuhan Ibrahim a.s. sebagai sumber penjelasan segala kejadian dunia hari ini. Malah inilah yang telah berlaku ketika negara Israel muncul di zaman moden ini. Orang-orang Yahudi Eropah telah menggunakan Kitab Taurat untuk mempertahankan hak mereka (yang dikurniakan Tuhan) ke atas Tanah Suci Jerusalem agar dapat menegakkan semula negara Israel (yang pertama sekali ditegakkan oleh Raja dan Nabi – Nabi Daud a.s.). Perdana Menteri Israel yang pertama, David Ben Gurion telah menyebutkan dengan jelas: 'Kitab Injil ini merupakan geran kami kepada Bumi Israel'.

Hatta, menjadi suatu justifikasi untuk penulis memberi respon terhadap kemunculan Negara Israel Yahudi dengan hanya berdasarkan

ayat-ayat dari Al-Qur'an. Tidak ada sesiapa yang harus mengetepikan hak penulis walaupun buku ini menjadi duri di dalam daging buat mereka.

Kebanyakan orang akan mendapati mereka didedahkan kepada presentasi sebegini buat pertama kalinya. Kebenaran Al-Qur'an semakin jelas bilamana ia semakin hari semakin berupaya menjelaskan dengan tepat keadaan dunia hari ini dan seterusnya dengan kejadian-kejadian baru yang bakal timbul di akhir zaman. Lebih dari itu, buku ini akan mengesahkan dakwaan Al-Qur'an bahawasanya ia adalah kebenaran. Al-Qur'an sendiri menegaskan tentang perkara ini di dalam Surah al-Fussilat;

Maksudnya:

"Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehinggalah jelaslah bagi mereka bahawa Al Qur'an itu adalah benar. Dan apakah Tuhanmu tidak cukup (bagi kamu), bahawa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu?

Ingatlah bahawa sesungguhnya mereka adalah dalam keraguan tentang pertemuan dengan Tuhan mereka. Ingatlah, bahawa sesungguhnya Dia Maha Meliputi segala sesuatu."

(Al-Fussilat, 41: 53-54)

Kota Jerusalem, sebuah kota yang suci bagi orang-orang Islam, Kristian dan Yahudi telah ditakdirkan untuk memainkan peranan yang paling utama di akhir zaman.

Fakta ini dipersetujui oleh kesemua agama-agama utama – Islam, Kristian dan Judaisma. Terdapat terlalu banyak tanda-tanda yang jelas kepada mereka-mereka yang dianugerahi kebolehan melihat dengan rohani (melihat dengan mata hati) bahawa manusia kini hidup di akhir zaman. Berapa lamakah akan bertahannya zaman ini? Bilakah akan datangnya Kiamat? Allah s.w.t. Tuhan nabi Ibrahim a.s. sahaja yang lebih mengetahui.

Memandangkan Jerusalem telah mula memainkan peranannya di akhir zaman ini, maka amat penting untuk mengetengahkan pandangan Al-Qur'an berulang kali berkenaan subjek ini. Buku ini menjelaskan 'peranan' tersebut. Harus disedari bahawa peranan Jerusalem di akhir sejarah manusia ini hanya dapat dilihat dengan menggunakan penglihatan rohani kerana hanya dengan penglihatan sebegini 'peranan' Jerusalem dapat dikenalpasti.

Objektif penulis adalah untuk memberi penjelasan kepada sidang pembaca secara umum. Adalah penting agar mereka dapat membiasakan diri dengan hala tuju Jerusalem dan Tanah Suci, seperti yang terdapat di dalam Al-Qur'an dan hadith (kenyataan Nabi Muhammad s.a.w.) kerana golongan-golongan musuh menuntut hak ke atas Jerusalem dengan membenarkan apa yang mereka percaya sebagai kebenaran dan menjadikan tuntutan golongan-golongan lain sebagai tidak sah.

Ini bermakna orang-orang Yahudi mempercayai bahawa halatuju

Jerusalem di akhir zaman akan melihat kemunculan Al-Masih. Al-Masih tersebut akan mengembalikan zaman keemasan Judaisma dan akan memerintah dunia dari Jerusalem. Hal ini akan mengesahkan tuntutan orang-orang Yahudi bahawa apa yang mereka percaya sebelim ini adalah benar dan kepercayaan-kepercayaan yang lain adalah palsu. Orang-orang Kristian juga mempercayai perkara yang sama.

Bagi mereka, apabila Nabi Isa Al-Masih kembali ke dunia, beliau akan memerintah dunia dari Jerusalem dan akan mengesahkan dogma orang-orang Kristian berkenaan kepercayaan Triniti, Kelahiran Semula, "*Atonement*" dan sebagainya. Maka orang-orang Kristian akan menuntut bahawa apa yang mereka percayakan adalah perkara yang benar dan bukan kepercayaan-kepercayaan yang lain. Orang-orang Islam juga mempercayai bahawa halatuju Jerusalem akan mengesahkan apa yang diajar oleh Islam sebagai perkara yang benar dan membatalkan tuntutan agama Kristian dan Yahudi. Memandangkan ketiga-tiga konsep tentang kebenaran ini yang semuanya didakwa berasal dari Nabi Ibrahim a.s. mempunyai perbezaan yang nyata, maka tidak mungkin semuanya adalah benar.

Mengikut pandangan Islam, seperti di dalam buku ini, Nabi Isa a.s. (Jesus) yakni Al-Masih yang sebenar akan kembali ke dunia suatu hari nanti. Beliau akan menuju ke Jerusalem dan akan memerintah dunia sebagai "Hakimun Adil" (seorang pemerintah yang adil), "akan berkahwin dan berkeluarga dan seterusnya akan meninggal dunia". Orang-orang Islam akan mensolatkan jenazahnya dan beliau akan dimakamkan di sebelah makam Nabi Muhammad s.a.w. di Madinatul Munawwarah". Apabila kembalinya Nabi Isa a.s., "beliau akan memecahkan salib" yang akan menyaksikan berakhirnya agama Kristian dan beliau "akan membunuh

khinzir".

> Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Dengan namaNya yang nyawaku berada di tanganNya, anak kepada Maryam akan turun di kalangan kamu sebagai pemerintah yang adil Dia akan memecahkan salib dan membunuh khinzir dan memansuhkan Jizyah (suata jenis cukai ke atas penduduk-penduduk Yahudi dan Kristian di dalam wilayah kekuasaan Islam). Wang akan melimpah ruah dan tidak ada yang manu menerima sedekah"
>
> (Sahih Bukhari)

Perkataan khinzir di sini tidak boleh ditafsir secara literal kerana ini tidak sesuai dengan ciri-ciri teks hadith tersebut. Sebaliknya penggunaan perkataan khinzir menggambarkan kemarahan besar yang ditunjukkan oleh Tuhan. Siapakah khinzir yang akan dibunuh itu? Pada siapakah al-Masih akan berasa terlalu marah? Siapa yang telah cuba menyalib Al-Masih?

Islam memiliki maklumat yang tepat berkenaan dengan waktu bila mana akan kembalinya Nabi Isa a.s. ke dunia. Kemunculan Nabi Isa a.s. akan berlaku apabila air di Laut Galilee menjadi kering atau hampir kering.

> "... dan ketika inilah Allah s.w.t. akan mengutus Isa anak kepada Maryarn. Dia akan turun di menara putih di sebelah timur Damsyik berpakaian dua keping kain kuning muda dengan kedua tangannya bersandar di atas kepak dua malaikat. Apabila kepalanya tunduk, akan menitis peluh dari kepalanya dan apabila kepalanya diangkat, peluh seperti mutiara akan merebak

darinya. Setiap kafir yang mencium bau tubuhnya akan mati dan nafasnya akan menjangkau sejauh penglihatannya, Dia akan mencari Dajjal, menangkapnya di pagar Ludd dan membunuhnya. Kemudian akan datang sekumpulan manusia yang telah dilindungi oleh Allah kepada Isa anak Maryam dan dia akan menyapu muka-muka mereka dan memberitahu mereka akan kedudukan mereka di dalam syurga. Di sinilah Allah akan berfirman kepada Nabi Isa a.s.: Aku telah jadikan di antara hamba-hambaku, segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan, bawa orang-orang ini dengan selamatnya ke Tur kemudian Allah akan menghantar Ya'juj dan Ma 'juj yang akan turun dari segenap cerun. Yang pertama daripada mereka akan melewati Tasik Tiberias dan meminum airnya. Apabila yang terakhir dari mereka melewatinya, dia akan berkata: Dahulu pernah terdapat air di sini ..."

(Sahih Muslim)

Paras air di Laut Galilee kini (juga dipanggil Tasik Tiberias atau Tasik Kinneret) berada pada paras yang paling rendah dalam sejarah. Ini adalah kerana penggunaan air dari tasik ini melebihi dari yang dapat digantikan oleh alam. Paras air tasik ini semakin susut kerana digunakan oleh kerajaan Eropah-Yahudi Israel. Ianya semudah itu! Apabila air tersebut menjadi kering, orang-orang Yahudi dengan mudah dapat menggunakan strategi untuk memaksa orang-orang Arab tunduk kepada pemerintahan Yahudi di Tanah Suci! Ini bermakna menyembah Al-Masih yang palsu dan bukannya menyembah Allah s.w.t. Orang-orang Arab akan dipaksa melakukan sedemikian untuk mendapatkan air dari kilang-kilang penyulingan air yang akan mereka

(orang-orang Yahudi) bina. Orang-orang Arab yang miskin pula akan berdepan dengan kesusahan untuk membeli air.

Buku ini juga menjelaskan bahawa orang-orang Yahudi hanya perlu untuk mengukur paras air di Laut Galilee untuk menjangka waktu yang tinggal sebelum mereka dihukum. Waktu yang mereka tunggu-tunggu (mengikut kepercayaan mereka) untuk mereka mencapai kejayaan terakhir adalah sebenarnya waktu di mana Al-Masih yang sebenar akan kembali ke bumi dan Allah s.w.t. akan memusnahkan orang-orang Yahudi!

Struktur Buku Ini

Buku ini bermula, sesuai dengan judulnya, berkenaan dengan misteri "Jerusalem", sebuah kota seperti yang disebut di dalam Al-Qur'an. Mungkin disebabkan oleh fakta bahawa Jerusalem akan memainkan peranan penting di akhir zaman, Islam telah menerangkan tentang Jerusalem dengan penuh misteri.

Bab ketiga buku ini pula memperkenalkan subjek ini dengan mengetengahkan rujukan-rujukan berkenaan Tanah Suci di dalam al-Qur'an.

Bab keempat menerangkan tentang deklarasi Al-Qur'an yang mengatakan bahawa Tanah Suci Jerusalem telah diberikan kepada orang-orang Yahudi. Al-Qur'an seterusnya menerangkan bahawa orang-orang Yahudi telah berkali-kali dihalang dari menduduki Tanah Suci dan disingkirkan darinya. Hal yang sama berlaku ke atas orang-orang Kristian yang telah menakluk bandar Jerusalem dan Tanah Suci sekitarnya tetapi hanya mampu bertahan untuk suatu jangkamasa yang pendek sahaja.

Seterusnya di bab yang kelima diterangkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk mewarisi Tanah Suci Jerusalem — syarat-syarat ini telah dilanggar oleh orang-orang Yahudi berkali-kali. Kali terakhir syarat-syarat ini dilanggar oleh orang-orang Yahudi adalah semasa mereka menolak risalah Nabi Isa a.s. dan berbangga kerana berjaya "menyalib" beliau. Akibatnya, mereka disingkirkan dari Tanah Suci Jerusalem dan diharamkan kembali untuk menuntut semula Tanah Suci jerusalem sehinggalah Ya'juj dan Ma'juj memungkinkan hal ini berlaku semula.

Dalam bab keenam diterangkan tentang ayat-ayat Al-Qur'an yang menyentuh penyingkiran Bani Israel dari Tanah Suci Jerusalem oleh Allah s.w.t. Mereka disingkirkan kerana melanggar syarat-syarat yang ditetapkan Allah s.w.t. Secara logiknya mengikut lumrah Al-Qur'an, hukuman dari Allah s.w.t. akan jatuh ke atas orang-orang Yahudi sekiranya mereka melanggar syarat-syarat untuk mewarisi Tanah Suci Jerusalem sekali lagi.

Bab pertama dan kedua di bahagian kedua buku ini membincangkan struktur ekonomi dan politik sekular yang diamalkan oleh negara Israel pada hari ini yang dengan jelas melanggar syarat-syarat Allah s.w.t. untuk mewarisi Tanah Suci Jerusalem.

Bab yang ketujuh menerangkan implikasi dari perubahan Kiblat dari Jerusalem ke Makkah. Perubahan ini tidak seharusnya melemahkan sama sekali perjuangan umat Nabi Muhammad s.a.w. dari memenuhi misi yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. untuk memusnahkan negara palsu Israel yang wujud sekarang ini.

Perbincangan selebihnya di dalam bab ketujuh difokuskan kepada

pandangan Islam berkaitan dengan halatuju Jerusalem. Di bahagian ini ditegaskan bahawa (mengikut pandangan Al-Qur'an) dengan kedatangan akhir zaman, adalah terlalu lewat bagi orang-orang Yahudi untuk memohon rahmat daripada Allah s.w.t. kerana Allah s.w.t. akan mengumpulkan mereka kembali di Tanah Suci Jerusalem untuk menghukum mereka dengan hukuman yang amat besar sekali. Allah s.w.t. telah mendatangkan ke atas orang-orang Yahudi makhluk-makhluk yang akan menghukum mereka (sehingga hari yang terakhir) dengan hukuman yang paling dasyat. Allah s.w.t. telah mendatangkan Dajjal-Al-Masih yang palsu, Ya'juj dan Ma'juj dari Da'abbatul Ard untuk menjalankan hukuman tersebut.

Episod terakhir yang paling besar yang akan muncul adalah ketika kembalinya Nabi Isa a.s. ke dunia dan membunuh Dajjal dan tatkala Allah s.w.t. memusnahkan Ya'juj dan Ma'juj. ketika itu, mengikut hadith Nabi Muhammad s.a.w., tentera Islam dari Khurasan (Afganistan dan sekitarnya) akan bergerak menuju Jerusalem tanpa mampu disekat oleh sesiapa pun sehingga mereka membebaskan Tanah Suci Jerusalem dan memulihkan agama Nabi Ibrahim a.s. yang sebenar di Tanah Suci Jerusalem.

Selanjutnya Al-Masih yang sebenar akan memerintah dunia dari Jerusalem, sama seperti yang dipercayai oleh orang-orang Yahudi. Tetapi mereka tidak akan mencapai hasrat mereka ini kerana Dajjal, Al-Masih palsu telah membohongi mereka. Disebabkan oleh itu, mereka mempercayainya dan mengikut petunjuk Al-Masih yang palsu ini dan bukan Nabi Isa a.s. Al-Masih yang sebenar.

MISTERI JERUSALEM, 'KOTA' DI DALAM AL-QUR'AN

Maksudnya:

"Sungguh tidak mungkin atas (penduduk) sesuatu negeri yang telah Kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (kepada Kami).Hingga apabila dibukakan (tembok) Ya'juj dan Ma'juj, dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi."

(Al-Anbiya', 21: 95-96)

(*Ya'juj dan Ma'juj akan memerintah dunia dengan cara mereka sendiri.*)

Adalah pelik, penuh misteri dan menghairankan mengapa nama kota 'Jerusalem' (Bahasa Arab "*Quds*" atau *Bait-Al-Maqdis*) tidak disebut di dalam Al-Qur'an! Sedangkan terdapat banyak nabi-nabi Allah yang disebut di dalam Al-Qur'an memiliki kaitan dengan Tanah

Suci tersebut. Di kota inilah terdapat satu-satunya rumah Allah selain dari di Makkah dan Madinah yang telah dibina oleh Nabi Allah. Bukan sahaja nama rumah Allah tersebut (Masjid Al-Aqsa) telah disebut di dalam Al-Qur'an tetapi juga disebut di dalam Al-Qur'an tentang perjalanan Rasulullah s.a.w. dari Makkah ke rumah Allah di Jerusalem. Mungkin nama Jerusalem tidak disebut dan dijadikan sebagai misteri kerana kota ini ditakdirkan untuk memainkan peranan yang penting di akhir zaman. Hatta mungkin ada tabir untuk menutup nama kota tersebut berserta dengan halatujunya di mana tabir ini dibuka hanya apabila masa mengizinkan ketika Jerusalem bersedia untuk memainkan peranannya di dalam sejarah akhir Zaman.

Hal ini mungkin dapat menerangkan ketiadaan penulisan Islam tentang subjek halatuju Jerusalem di mana Dr. Ismail Raji Al-Faruqi telah memberi komennya: "Malangnya tidak ada penulisan Islam berkenaan subjek ini". Tidak ada sesiapa yang dapat menulis tentang subjek ini sehingga tabir tersebut diangkat! Buku ini ditulis dengan keyakinan bahawa tabir tersebut kini sedang diangkat.

Orang-orang Yahudi tetap yakin akan kembalinya Al-Masih yang dijanjikan kepada mereka untuk mengembalikan zaman kegemilangan Judaisma walaupun setelah mereka menolak Nabi Isa a.s. dan seterusnya membanggakan diri kerana telah berjaya membunuhnya (An-Nisa 4: 157).

Orang-orang Yahudi mempercayai bahawa untuk mengembalikan zaman keemasan tersebut, mereka memerlukan:

- Pembebasan Tanah Suci dari penguasaan orang-orang bukan Yahudi (*Gentiles*).

- Orang-orang Yahudi dikembalikan ke Tanah Suci untuk mewarisi negara Israel semula, setelah diusir darinya.
- Kuil (atau masjid) dibangunkan semula agar membolehkan orang-orang Yahudi menyembah Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s.
- Israel menjadi negara pemerintah dunia seperti yang telah berlaku di zaman Nabi Daud a.s. dan Nabi Sulaiman.
- Seorang raja Yahudi yang berfungsi sebagai Al-Masih yang memerintah dunia dari singgahsana Nabi Daud a.s. – yakni dari Jerusalem sebagai pemerintah Israel.
- Pemerintahannya raja ini berkekalan.

Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda bahawa salah satu dari tanda-tanda besar hari Kiamat ialah apabila Allah s.w.t. memperdayakan orang-orang Yahudi dengan mengutus seorang al-Masih yang palsu buat mereka sehingga mereka mempercayai bahawa zaman keemasan yang mereka nanti-nantikan telah tiba. Sebaliknya Al-Masih yang palsu ini akan memimpin orang-orang Yahudi untuk menerima hukuman yang paling dahsyat yang belum pernah diturunkan ke atas sebarang makhluk Allah s.w.t. sebelum ini. Al-Masih al-Dajjal atau dikenali sebagai Dajjal adalah Al-Masih yang palsu ini dikenali di kalangan orang-orang Kristian sebagai Anti-Christ. Dia telah dijadikan oleh Allah s.w.t. dan akan dibebaskan ke dunia pada akhir zaman untuk menjalankan misinya. Renungkanlah fakta-fakta di bawah ini:

- Tanah Suci Jerusalem telah "dibebaskan" (menurut

pandangan Yahudi) dari pemerintahan Islam (*gentile*), ketika seorang Jeneral berketurunan British, Allenby telah membebaskan Jerusalem dari pemerintahan Islam Turki pada tahun 1917.

- ❖ Orang-orang Yahudi kini telah "kembali" untuk menuntut semula Tanah Suci ini setelah mereka disingkirkan oleh Tuhan lebih 2,000 tahun yang lalu. Kejadian ini berlaku tepat seperti mana yang dijelaskan di dalam Al-Qur'an 1,400 tahun yang lalu dan kejadian ini akan berlaku di akhir zaman. Saki baki orang-orang Yahudi Eropah di Amerika Syarikat dan di tempat-tempat lain akan kembali menetap di Tanah Suci ini.

- ❖ Israel telah dipulihkan pada tahun 1948 dan diisytiharkan sebagai Israel yang sama seperti Israel yang silam.

- ❖ Negara Israel ini lengkap dengan peralatan ketenteraan termasuk senjata nuklear dan bersedia untuk menguasai wilayah sekitar di mana ia terletak. Ini mereka lakukan dengan mengeksploitasikan Intifada Palestin (yang sengaja dimulakan oleh Ariel Sharon) dan serangan ke atas Amerika Syarikat oleh Mossad untuk mewujudkan suatu keadaan yang sesuai untuk Israel melancarkan suatu peperangan untuk menguasai wilayah sekitar kawasan yang ia duduki. Israel tidak akan mengendahkan saranan oleh Amerika Syarikat, Eropah, PBB dan seluruh dunia untuk menghentikan proses ini. Peperangan oleh Israel ini akan menyaksikan bertambahnya keluasan wilayah kekuasaan Israel seperti yang dijanjikan di dalam kitab Taurat – yakni kawasan dari Sungai di Mesir ke Sungai Euphrates. Dengan kejayaan Israel untuk tidak

mempedulikan desakan masyarakat dunia termasuk Amerika Syarikat dan kemungkinan jatuhnya ekonomi dan dolar Amerika Syarikat, negara Israel-Eropah ini akan akhirnya bebas dari bergantung kepada Britain pada mulanya dan Amerika Syarikat kemudiannya. Negara Yahudi-Eropah ini akan menggantikan Amerikka Syarikat dan Britain sebagai kuasa besar ketenteraan dan ekonomi di dunia. Seterusnya Israel akan memainkan peranan negara yang memerintah dunia. Ia akan menguasai urusan-urusan dunia seperti yang tidak pernah dicapai oleh Britain mahupun Amerika Syarikat sebelum ini.

❖ Seperti yang dapat dijangka – kemusnahan masjid Al-Aqsa dan seterusnya pembinaan semula rumah ibadat Yahudi di tapak masjid tersebut akan berlaku. Ramalan yang dibuat oleh Nabi Idris yang menyatakan "Al-Masih akan membina sebuah rumah untuk tuhan" (1 Chronicles 17: 11-15), mencadangkan kepada proses kemusnahan masjid yang sedang berlaku sekarang ini.

Kesemua kejadian ini nampak (bagi orang-orang Yahudi) seperti membenarkan ramalan-ramalan tentang kembalinya zaman keemasan seperti ketika Nabi Sulaiman a.s. memerintah dunia dari Jerusalem dahulu. Buku ini menegaskan bahawa semua kejadian-kejadian di atas berlaku hanya dengan penglibatan Dajjal-al-Masih yang palsu. Hatta semua kejadian ini merupakan penipuan yang mengkaburkan penglihatan.Negara suci Israel (yang pertama kali diasaskan oleh Nabi Sulaiman) sebenarnya tidaklah ditegakkan semula seperti yang mereka sangka! Sebaliknya sebuah negara Israel yang palsu telah diwujudkan di

tempat yang sepatutnya tertegaknya negara Israel yang sebenar. Penulis berkeyakinan bahawa kini tabir tersebut telah terangkat dan akhir zaman telah muncul di mana orang-orang Yahudi tidak mempunyai peluang lagi untuk menukar haluan mereka. Inilah sebabnya mengapa buku ini dapat ditulis ketika ini! Al-Qur'an menjelaskan semua di atas, tetapi penjelasan-penjelasan tersebut tidaklah mudah ditafsir dan difahami. Sebuah lagi buku oleh penulis – "*The Religion of Abraham and the State of Israel: A View from the Qur'an*" – menjelaskan lagi tentang peristiwa-peristiwa ini. Al-Qur'an telah menggunakan perkataan bandar atau kota berkali-kali sebagai rujukan kepada Jerusalem tanpa menamakan Jerusalem secara terbuka. Inilah sebahagian daripada tabir Tuhan yang telah menutup subjek berkenaan Jerusalem sekian lama. Sebagai contoh, al-Qur'an telah mengesahkan tentang bagaimana kaum Bani Israel telah menyembah patung lembu yang dibuat daripada emas ketika nabi Musa a.s. telah ke Gunung Sinai untuk memenuhi perintah *Ilahi.* Al-Qur'an telah memberi amaran bahawa penyembahan sedemikian selain kepada Allah s.w.t. merupakan perbuatan Syirik yang akan menerima hukuman yang berat.

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ ٱلْعِجْلَ سَيَنَالُهُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَذِلَّةٌ فِى
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُفْتَرِينَ ﴿١٥٢﴾ وَٱلَّذِينَ عَمِلُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ثُمَّ
تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِهَا وَءَامَنُوٓا۟ إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٥٣﴾ ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang menjadikan anak lembu (sebagai sembahannya), kelak akan menimpa mereka

kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan diatas dunia. Demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang membuat-buat pembohongan. Orang-orang yang mengerjakan kejahatan, kemudian bertaubat sesudah itu dan beriman; sesungguhnya Tuhan kamu, sesudah taubat yang disertai dengan iman itu adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Al-Araf, 7: 152-153)

Seterusnya al-Qur'an menjelaskan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku ketika orang-orang Yahudi tersebut masih berada di semenanjung Sinai sebelum mereka dibenarkan masuk ke Tanah Suci. Al-Qur'an menegaskan:

﴿ وَقَطَّعْنَٰهُمُ ٱثْنَتَىْ عَشْرَةَ أَسْبَاطًا أُمَمًا ۚ وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ إِذِ
ٱسْتَسْقَىٰهُ قَوْمُهُۥٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْحَجَرَ ۖ فَٱنۢبَجَسَتْ
مِنْهُ ٱثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۚ وَظَلَّلْنَا
عَلَيْهِمُ ٱلْغَمَٰمَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا۟ مِن
طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ۚ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوٓا۟
أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan mereka Kami bahagi menjadi dua belas suku yang masing-masingnya berjumlah besar dan Kami wahyukan kepada Musa

ketika kaumnya meminta air kepadanya: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu!" Maka memancarlah daripadanya dua belas mata air. Sesungguhnya tiap-tiap suku mengetahui tempat minum masing-masing. Dan Kami naungkan awan di atas mereka dan Kami turunkan kepada mereka manna dan salwa. (Kami berfirman:) "Makanlah yang baik-baik dari apa yang telah Kami rezekikan kepadamu. Mereka tidak menganiaya Kami, tetapi merekalah yang selalu menganiaya diri mereka sendiri."

(Al-Araf, 7: 160)

Setelah itu al-Qur'an telah menggunakan perkataan "Kota" sebagai rujukan kepada Jerusalem:

﴿ وَإِذْ قِيلَ لَهُمُ ٱسْكُنُوا۟ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةَ وَكُلُوا۟ مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ وَقُولُوا۟ حِطَّةٌ وَٱدْخُلُوا۟ ٱلْبَابَ سُجَّدًا نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطِيٓـَٰٔتِكُمْ ۚ سَنَزِيدُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٦١﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah), ketika dikatakan kepada mereka (Bani Israel): "Diamlah di negeri ini saja (Baitul Maqdis) dan makanlah dari (hasil bumi)nya di mana saja kamu kehendaki." Dan katakanlah: "Bebaskanlah kami dari dosa kami dan masuklah pintu gerbangnya sambil membongkok, nescaya Kami ampuni kesalahan-kesalahanmu." Kelak akan Kami tambah (pahala) kepada orang-orang yang berbuat baik."

(Al-Araf, 7: 161)

Di bawah ini, satu lagi ayat al-Qur'an yang merujuk kepada Jerusalem dengan penuh misteri menggunakan perkataan kota sahaja:

﴿ وَحَرَٰمٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾ حَتَّىٰٓ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Sungguh tidak mungkin atas (penduduk) suatu negeri yang telah Kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (kepada Kami).

Hingga apabila dibukakan (tembok) Yakjuj dan Makjuj, dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi."

(Al-Anbiya', 21: 95-96)

Apabila turunnya Yakjuj dan Makjuj dari segenap pelusuk dan setiap arah, mereka akan menguasai dan memerintah dunia dengan order dunia mereka sendiri.

Untuk mengenalpasti identiti kota yang disebut di dalam ayat-ayat di atas penulis telah mengkaji semua hadith dan ayat-ayat al-Qur'an yang ada yang berkaitan dengan Yakjuj dan Makjuj. Penulis hanya menjumpai satu kota sahaja yang ada kaitan dengan Yakjuj dan Makjuj dan kota tersebut adalah Jerusalem (lihat Bab 10). Hatta, penulis berkesimpulan bahawa perkataan "Kota" yang disebut di dalam al-Qur'an di atas adalah merujuk kepada Jerusalem!

Apabila identiti "Kota" ini dikenal pasti sebagai kota Jerusalem, maka nyatalah bahawa tabir yang sekian lama menyembunyikan identiti

Jerusalem hanya diangkat apabila Yakjuj dan Makjuj dibebaskan di mana mereka akan turun dari segenap ketinggian dan menuju ke segenap arah (yakni mereka akan menguasai dunia dengan order dunia Yakjuj dan Makjuj).Kembalinya golongan Bani Israel ke Tanah Suci Jerusalem, mengesahkan bahawasanya Yakjuj dan Makjuj telah dibebaskan di atas bumi ini serta telah turun dari segenap ketinggian dan telah merebak ke segenap arah dan dengan demikian telah menguasai dunia keseluruhannya. Order yang memerintah dunia hari ini adalah order dunia Yakjuj dan Makjuj. Yakjuj dan Makjujlah yang telah membolehkan Bani Israel kembali ke Tanah Suci Jerusalem.

Kini penulis dapat meneka perancangan besar Dajjal, al-Masih yang palsu, untuk terus meyakinkan orang-orang Yahudi bahawa dialah yang sedang mengembalikan zaman keemasan kepada orang-orang Yahudi semula. Perancangan besar ini nampaknya telah bermula apabila Dajjal telah bertindak dari Britain (lihat Hadith Tamim al-Dari di dalam Sahih Muslim) untuk mengubah tamadun Eropah ke sebuah tamadun pasca-Kristian yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan (*godless civilization*) dan seterusnya memberi mereka kekuatan (seperti Dzul Qarnain) untuk mencapai apa jua matlamat yang diinginkan. Perancangan ini juga melibatkan mewujudkan pergerakan Zionisma untuk menegakkan negara Israel. Perancangan ini termasuklah penguasaan orang-orang Yahudi ke atas seluruh kawasan di sekitar Tanah Suci Jerusalem. Penguasaan yang meluas ini merupakan suatu langkah bagi menunjukkan dominasi Dajjal ke atas dunia. Negara Israel ini perlu diserahkan oleh Dajjal kepada orang-orang Yahudi agar Dajjal dianggap sebagai al-Masih yang ditunggu-tunggu. Asas kepada perancangan besar tersebut adalah penguasaan ke atas kekayaan dan

sumber air. Nabi Muhammad saw, telah menerangkan kepada kita kaitan yang wujud di antara Dajjal dan riba dan di antara Yakjuj Makjuj dan air. Bani Israel kini telah kembali ke Tanah Suci Jerusalem, sesuatu yang tidak mungkin dicapai tanpa bantuan tamadun barat moden (di mana Britain telah memainkan peranan yang paling utama). Jelaslah sekarang bahawa bukan sahaja Dajjal, al-Masih palsu telah bertindak dari Britain, tetapi juga Yakjuj dan Makjuj berakar umbi di dalam tamadun Eropah.

Dari Jerusalem Ke Tanah Suci

Misteri yang menyelubungi Jerusalem di dalam al-Qur'an ditambah lagi oleh fakta bahawa al-Qur'an kadang kala merujuk kepada kota "Jerusalem" sebagai "Tanah Suci" (seperti di dalam surah Al-Anbiya', 95-96) dan seterusnya merujuk kepada "'Tanah Suci" dengan cara penuh misteri sepertimana ia merujuk kepada Jerusalem. Sebagai contoh di dalam surah Bani Israel disebut sebanyak dua kali bahawa Bani Israel akan melakukan perbuatan-perbuatan fasad di Tanah Suci. Al-Qur'an pula tidak merujuk kepada Tanah Suci dengan menggunakan nama kota tersebut. Sebaliknya al-Qur'an merujuk kepada Tanah Suci hanya sebagai "bumi itu" atau "tanah itu".

﴿وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ۝٤﴾

Maksudnya:

"Dan telah Kami tetapkan terhadap Bani Israel dalam Kitab itu: "Sesungguhnya kamu akan membuat kerosakan di muka bumi

ini dua kali dan pasti kamu akan menyombongkan diri dengan kesombongan yang besar!"

(Bani Israel, 17: 4)

Dan apabila al-Qur'an menyentuh tentang syarat-syarat untuk mewarisi Tanah Suci, ia sekali lagi menggunakan perkataan "bumi itu" atau "tanah itu" dan bukan dengan perkataan "Tanah Suci".

﴿ وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعْدِ ٱلذِّكْرِ أَنَّ ٱلْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّٰلِحُونَ ﴿١٠٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan sungguh telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis dalam) Luh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hamba-Ku yang soleh."

(Al-Anbiya', 21: 105)

Akhir sekali al-Qur'an telah menceritakan tentang suatu waktu ketika Allah s.w.t. akan membangkitkan *D'abatul ard* (makhluk ganas dari bumi).

﴿ ۞ وَإِذَا وَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَآبَّةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ ٱلنَّاسَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا لَا يُوقِنُونَ ﴿٨٢﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan apabila perkataan telah jatuh atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada

mereka, bahawa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami."

(Al-Naml, 27: 82)

Tanda bangkitnya haiwan ganas dari bumi ini seperti juga munculnya Dajjal serta Yakjuj dan Makjuj merupakan salah satu dari tanda besar Kiamat. Nyata sekali bahawa "Tanah" atau "Bumi" yang merujuk kepada haiwan ganas ini tidak lain dan tidak bukan adalah Tanah Suci. Adalah nyata dari ayat sebelumnya di mana al-Qur'an dengan jelas mengenalpasti tajuk ini dengan cara menegaskan seperti berikut:

﴿ إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٧٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel sebahagian besar dari (perkara-perkara) yang mereka berselisih tentangnya."

(Al-Naml, 27: 76)

Hatta, apabila Allah s.w.t. hendak memulakan hukuman-Nya ke atas kaum Yahudi, Dia membangkitkan haiwan ganas di Tanah Suci. Haiwan ganas ini tidak lain dan tidak bukan adalah negara moden Yahudi – negara Israel.

PERMULAAN CERITA BERKENAAN JERUSALEM DI DALAM AL-QUR'AN: JERUSALEM DAN PARA ANBIYA'

Maksudnya:

Dan Kami selamatkan Ibrahim dan Luth ke sebuah negeri yang Kami telah berkati untuk sekalian manusia."

(Al-Anbiya', 21: 71)

Nabi Ibrahim A.S.

Rangkaian cerita di dalam al-Qur'an (cerita yang benar dan bukannya cerita dongeng) berkenaan Jerusalem dan Tanah Suci bermula dengan kisah Nabi Ibrahim a.s., nabi Allah s.w.t. Beliau telah memusnahkan patung-patung berhala di dalam kuil-kuil umatnya (di Ur, Mesopotamia – Iraq moden) tetapi beliau telah membiarkan patung berhala yang terbesar berdiri agar dapat memberi pengajaran kepada penyembah-penyembah berhala tentang kepalsuan perbuatan mereka menyembah berhala (Al-Anbiya', 21: 57-63). Sekiranya Nabi Ibrahim a.s. kembali ke dunia hari ini dan mengambil tindakan yang sama, beliau akan dikecam oleh kerajaan-kerajaan sekular dan ulamak-

ulamak mereka sebagai suatu tindakan ganas ke atas tamadun dan peninggalan sejarah kebudayaan Babylon. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pula akan mengenakan sekatan ke atas mana-mana kerajaan yang melindungi beliau. Negara-negara moden sekular berserta ulamak-ulamak mereka akan bertindak sedemikian juga ke atas Nabi Muhammad s.a.w. sekiranya baginda kembali dan memusnahkan berhala-berhala di Ka'abah.

Sebagai respon kepada kemusnahan berhala-berhala ini, penduduk Ur telah menghukum Nabi Ibrahim a.s. dengan mencampakkan baginda ke dalam sebuah unggun api yang besar. Allah s.w.t. telah mengarahkan api tersebut agar menjadi "selamat dan selesa" kepada Nabi Ibrahim a.s, (Al-Anbiya', 21: 68-69). Seterusnya Allah s.w.t. membuat deklarasi bahawa Dia telah mewariskan ke atas Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Lut a.s. tanah yang diberkati untuk seluruh kaum manusia. Tanah tersebut adalah Tanah Suci:

Maksudnya:

"Dan Kami selamatkan Ibrahim dan Luth ke sebuah negeri yang Kami telah memberkatinya untuk sekalian manusia."

(Al-Anbiya', 21: 71)

Ayat ini merupakan ayat yang pertama di dalam al-Qur'an yang memperkenalkan konsep Tanah Suci yang diberkati. Apakah kepentingannya? Mengapa harus Allah s.w.t. yang Maha Bijaksana memilih hanya sebuah kawasan di muka bumi ini dan memberkatinya

sebagai Tanah Suci? Mengapa pula harus Allah s.w.t. memberi petunjuk kepada Nabi Ibrahim a.s., Nabi Lut a.s. serta rasul-rasulNya yang lain agar berhijrah ke Tanah Suci tersebut? Hanya satu sahaja jawapan yang ada kepada persoalan ini. Di antara sekelian manusia, Allah s.w.t. telah memilih Nabi Ibrahim a.s. sebagai "kawan"Nya atau "yang dikasihi" (*khalil*) (al-Nisa, 4: 125). Allah s.w.t. telah menguji Nabi Ibrahim a.s. dengan ujian-ujian yang paling besar dan baginda telah lulus ujian-ujian tersebut. Allah s.w.t. kemudiannya telah melantik Nabi Ibrahim a.s. sebagai imam ke atas sekalian manusia (Al-Baqarah, 2: 124). Daripada peristiwa ini dapat disimpulkan bahawa hanya ada satu kebenaran sahaja, dan daripada kebenaran ini akan timbul hanya satu agama sahaja untuk seluruh umat manusia – yakni agama Nabi Ibrahim a.s. Maka ada satu sahaja agama yang benar dan agama-agama yang lain semuanya adalah palsu. Agama yang benar ini adalah agama imam umat manusia yakni, agama Nabi Ibrahim a.s. Tidak terdapat seorang pun paderi atau rabbi yang boleh menentang kenyataan ini. Tetapi apabila penulis menekankan fakta ini, para rabbi ini melabelkan penulis sebagai taksub kepada agamanya sendiri.

Allah s.w.t. telah memilih sekeping tanah di bumi ini dan telah menjadikan tanah tersebut Tanah Suci yang diberkati dan Nabi Ibrahim a.s. telah diberi petunjuk agar berhijrah ke Tanah Suci tersebut. Rancangan ini adalah untuk menjadikan Tanah Suci tersebut sebagai kawasan di mana agama yang benar sahaja boleh bertapak dan bertahan dan hanya agama Nabi Ibrahim a.s. sahaja yang mampu bertahan di situ. Agama-agama lain akan disingkirkan oleh Alah s.w.t. Hatta kebenaran akan sentiasa mengatasi kepalsuan di Tanah Suci tersebut. Dunia tidak akan berakhir selagi kebenaran tidak mengatasi

kepalsuan buat kali terakhir di Tanah Suci tersebut! Ciri-ciri yang menjadi asas kepada agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. adalah ciri-ciri keimanan, kebenaran, perlakuan adil dan saksama, menyatakan yang hak dan menghindari yang bathil, serta bertaqwa kepada Allah s.w.t, dan seterusnya menyerahkan segalanya serta tunduk patuh kepada kekuasaan Allah s.w.t. — seperti mana tunduknya seorang hamba kepada kemahuan tuannya. Adakah agama Kristian atau Judaisma atau agama Islam yang benar? Jawapan kepada persoalan ini dapat dijawab dengan memerhatikan kepada kejadian-kejadian yang sedang berlaku di Jerusalem sekarang ini! Adalah menjadi fungsi Tanah Suci Jerusalem untuk mengesahkan agama yang sebenar. Ini adalah salah satu fakta utama yang diutarakan oleh buku ini.

Memandangkan kepada hakikat bahawa Allah s.w.t. telah mengarahkan Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Lut a.s. untuk berhijrah dan tinggal di Tanah Suci tersebut maka mereka dan keturunan mereka sudah tentu akan menetap di Tanah Suci tersebut melainkan mereka diperintahkan untuk berhijrah ke tempat lain oleh Allah s.w.t. Maka sudah semestinya tanah tersebut menjadi tanah milik mereka.

Adakah jemputan Tuhan untuk menetap di Tanah Suci ini dilakukan tanpa syarat? Adakah jemputan ini masih sah sekiranya keturunan kedua-dua nabi ini meninggalkan agama moyang mereka dan menjadi penganut atheisma, mangamalkan pelacuran dan menindas orang lain? Adakah menjadi sesuatu yang sah sekiranya orang-orang Yahudi menegakkan sebuah negara sekular (negara Israel) di Tanah Suci tersebut dan sekaligus menegaskan bahawa kuasa "tertinggi" pemerintahan adalah milik negara tersebut dan bukannya milik Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. dan undang-undang tertinggi

merupakan undang-undang negara tersebut dan bukannya undang-undang Allah s.w.t.? Adakah mereka masih boleh menduduki Tanah Suci tersebut sekiranya perlembagaan negara tersebut menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t? Para pembaca buku ini harus meneliti fakta bahawa Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. telah melarang amalan riba!

Orang-orang Yahudi telah mengubah isi kandungan kitab Taurat agar menghalalkan pengambilan riba daripada mereka yang bukan berketurunan Yahudi. Pada hari ini bukan hanya riba dihalalkan di Tanah Suci bahkan banyak lagi perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t. dihalalkan di sini.

Persoalan penting yang kedua: Sekiranya Allah s.w.t. telah memberkati tanah tersebut untuk seluruh manusia, bukankah ini bermakna bahawa setiap manusia yang mengikuti agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. juga memiliki hak ke atas tanah tersebut? Bukankah ini suatu kenyataan yang bersifat universal? Maka di manakah letaknya kesahihan tuntutan orang-orang Yahudi ke atas pemilikan Tanah Suci ini secara esklusif?

Di sini, para pembaca disajikan dengan ayat di bawah yang menceritakan tentang perbualan di antara Nabi Ibrahim a.s. dengan Tuhannya agar lebih mudah memahami jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan di atas. Persoalan yang cuba dijawab di dalam buku ini dijelaskan di dalam ayat di bawah:

﴿ ۞ وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ
قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimah (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya, Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu imam bagi seluruh manusia." Ibrahim berkata: "(Dan saya mohon juga) dari keturunanku." Allah berfirman: "Janji-Ku (ini) tidak mengenai orang-orang yang zalim."

(Al-Baqarah 2: 124)

Contoh perbuatan zalim seperti yang dinyatakan di dalam ayat di atas adalah perbuatan mengusir penduduk keluar dari rumah dan tanah yang mereka duduki tanpa hak, semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah s.w.t.:

﴿ أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا۟ ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُولُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ۗ ﴿٤٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai, Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Berkuasa menolong mereka itu.

(Iaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: "Tuhan kami hanyalah Allah." Dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian

yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah: Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa."

(Al-Hajj, 22: 39-40)

Inilah sebenarnya cara bagaimana negara Yahudi Israel yang ada sekarang ini telah ditegakkan.

Tetapi al-Qur'an telah melemparkan kutukan yang keras terhadap perbuatan zalim golongan yang mengubah ayat-ayat Allah s.w.t. dengan penuh penipuan terhadap Allah s.w.t. Inilah yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi apabila mereka telah menulis semula kitab Taurat dan mencemarkannya dengan mengubah ayat-ayat Allah s.w.t.:

﴿ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِـَٔايَـٰتِهِۦٓ ۗ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٢١﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan siapakah yang lebih aniaya daripada orang yang membuat-buat suatu kedustaan terhadap Allah, atau mendustakan ayat-ayatNya? Sesungguhnya orang-orang yang aniaya itu tidak mendapat keberuntungan."

(Al-An'am, 6: 21)

Sebuah buku lain yang ditulis oleh penulis bertajuk "The Religion

of Abraham and the State of Israel" menjelaskan perubahan-perubahan yang telah dilakukan di dalam kitab Taurat.

Nabi Musa A.S.

Kisah berkenaan Tanah Suci telah disebut pada kali kedua di dalam al-Qur'an apabila ia menceritakan tentang peristiwa yang telah berlaku kira-kira 500 tahun kemudiannya, yakni ketika Nabi Musa a.s. telah menyeru agar kaumnya (Bani Israel) berjihad sehingga dapat menguasai semula Tanah Suci. Ketika itu, Nabi Musa a.s. baru sahaja telah menyelamatkan kaumnya dari perhambaan di Mesir di mana dengan mukzijat beliau, Laut Merah telah dibelah oleh Allah s.w.t. Untuk menyelamatkan mereka dan pada masa yang sama telah menenggelamkan musuh-musuh mereka.Selepas dari peristiwa tersebut, mereka diperintahkan oleh Allah s.w.t. untuk berjihad dari Semenanjung Sinai untuk membebaskan Tanah Suci dari cengkaman pencereboh:

﴿ يَٰقَوۡمِ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡأَرۡضَ ٱلۡمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِي كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَرۡتَدُّواْ
عَلَىٰٓ أَدۡبَارِكُمۡ فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ٢١ ﴾

Maksudnya:

"Hai kaumku, masuklah ke tanah suci (Palestin) yang telah ditentukan Allah bagimu dan janganlah kamu lari ke belakang (kerana takut kepada musuh), maka kamu menjadi orang-orang yang rugi."

(Al-Maidah, 5: 21)

Ayat di atas ini mengesahkan makna yang tersirat di dalam ayat Surah al-Anbiya', 21: 71. Disebabkan kaum Israel berasal dari keturunan Nabi Ibrahim a.s. dan mereka masih mengikuti agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. dengan petunjuk dari Nabi Allah, Musa a.s., maka mereka menganggap mereka mempunyai hak untuk menetap di Tanah Suci. Tanah tersebut merupakan tanah mereka!

Beberapa lama selepas kewafatan Nabi Musa a.s., Bani Israel berjaya memasuki Tanah Suci. Mereka telah diganggu dengan berterusan oleh puak-puak yang menetap di Tanah Suci dan di sekitarnya. Ini menyebabkan mereka kadang-kadang terpaksa lari untuk menyelamatkan diri mereka. Al-Qur'an telah merujuk kepada kejadian ini berserta dengan hasrat Bani Israel untuk melantik seorang raja agar mengetuai jihad mereka untuk menguasai Tanah Suci semula:

۞ أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَـٰرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ
ٱلْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ ٱللَّهُ مُوتُوا۟ ثُمَّ أَحْيَـٰهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى
ٱلنَّاسِ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾ وَقَـٰتِلُوا۟ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾ مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ
ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَـٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ۚ وَٱللَّهُ يَقْبِضُ
وَيَبْصُۜطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾ أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلْمَلَإِ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ
مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰٓ إِذْ قَالُوا۟ لِنَبِىٍّ لَّهُمُ ٱبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُّقَـٰتِلْ فِى

سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِن كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ
أَلَّا تُقَٰتِلُوا۟ ۖ قَالُوا۟ وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا
مِن دِيَٰرِنَا وَأَبْنَآئِنَا ۖ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ تَوَلَّوْا۟ إِلَّا قَلِيلًا
مِّنْهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٤٦﴾

Maksudnya:

"Apakah kamu tidak memerhatikan orang-orang yang keluar dari kampung halaman mereka, sedang mereka beribu-ribu (jumlahnya) kerana takut mati; maka Allah berfirman kepada mereka: "Matilah kamu," kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia terhadap manusia tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.

Dan berperanglah kamu sekalian di jalan Allah, dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat-gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.

Apakah kamu tidak memerhatikan pemuka-pemuka Bani Israel sesudah Nabi Musa, iaitu ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: "Angkatlah untuk kami seorang raja supaya kami berperang (di bawah pimpinannya) di jalan Allah." Nabi mereka menjawab: "Mungkin sekali jika kamu nanti diwajibkan

berperang, kamu tidak akan berperang." Mereka menjawab: "Mengapa kami tidak mahu berperang di jalan Allah, padahal sesungguhnya kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?" Maka tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, mereka pun berpaling, kecuali beberapa orang saja di antara mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."

(Al-Baqarah, 2: 243-246)

Nabi yang telah bertutur dengan mereka (di dalam ayat di atas) adalah Nabi Ismail a.s. Mereka menjawab persoalan yang ditujukan kepada mereka oleh Nabi Ismail a.s. seperti berikut:

﴿ قَالُوا۟ وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَـٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَـٰرِنَا وَأَبْنَآئِنَا ۖ ﴿٢٤٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Apakah kamu tidak memerhatikan pemuka-pemuka Bani Israel sesudah Nabi Musa, iaitu ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: "Angkatlah untuk kami seorang raja supaya kami berperang (di bawah pimpinannya) di jalan Allah." Nabi mereka menjawab: "Mungkin sekali jika kamu nanti diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang." Mereka menjawab: "Mengapa kami tidak mahu berperang di jalan Allah, padahal sesungguhnya kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?" Maka tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, mereka pun berpaling, kecuali beberapa orang saja di

antara mereka, Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."

(Al-Baqarah, 2: 246)

Respon ini datang dari perkataan-perkataan dan lidah-lidah mereka sendiri. Ini merupakan asas yang membenarkan suatu golongan orang untuk melancarkan perang ke atas golongan yang mengusir mereka yang tertindas dari tanah dan rumah-rumah yang mereka duduki. Hakikat ini sangat relevan dalam konteks Tanah Suci Jerusalem. Maka, wajarkah negara Israel ditegakkan secara mengusir segolongan penduduk (yang menyembah Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s.) dari tanah dan rumah-rumah mereka dan tidak membenarkan mereka pulang semula ke kampung halaman mereka selama lebih 50 tahun?

Nabi Yahya A.S.

Setelah Bani Israel diselamatkan dari negara Mesir, mereka telah diberi rahmat (sekali lagi) oleh Allah s.w.t. untuk mewarisi Tanah Suci semula. Kitab Injil menerangkan bahawa Yahya (Joshua) telah membawa mereka ke Tanah Suci. Al-Qur'an telah bertindak neutral terhadap nama Yahya seperti yang disebut di dalam Kitab Injil.

﴿وَأَوْرَثْنَا ٱلْقَوْمَ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ يُسْتَضْعَفُونَ مَشَـٰرِقَ ٱلْأَرْضِ
وَمَغَـٰرِبَهَا ٱلَّتِى بَـٰرَكْنَا فِيهَا ۖ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُوا۟ ۖ وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُۥ

Maksudnya:

"Dan Kami pusakakan kepada kaum yang telah ditindas itu, negeri-negeri bahagian timur bumi dan bahagian baratnya yang telah Kami beri barakah padanya. Dan telah sempurnalah perkataan Tuhanmu yang baik (sebagai janji) untuk Bani Israel disebabkan kesabaran mereka. Dan Kami hancurkan apa yang telah dibuat oleh Firaun dan kaumnya dan apa yang telah dibangunkan mereka."

(Al-Araf, 7: 137)

Sebelum ini orang Yahudi telah enggan berjihad untuk menduduki Tanah Suci seperti yang telah diperintahkan oleh Nabi Musa a.s. Terdapat dua individu yang telah menggesa mereka agar berperang dan al-Qur'an telah mengidentifikasikan salah seorang daripada mereka sebagai Yahya a.s.

﴿ قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمَا ٱدْخُلُوا۟ عَلَيْهِمُ ٱلْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ غَٰلِبُونَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾ ﴾

Maksudnya:

"Berkatalah dua orang di antara orang-orang yang takut (kepada Allah) yang Allah telah memberi nikmat atas keduanya: "Serbulah mereka dengan melalui pintu gerbang (kota) itu, maka

bila kamu memasukinya nescaya kamu akan menang. Dan hanya kepada Allah hendaklah kamu bertawakal, jika kamu benar-benar orang yang beriman."

(Al-Maidah, 5: 23)

Nabi Sulaiman A.S.

Di suatu ketika dalam sejarah, sekitar 500 tahun kemudian, al-Qur'an telah membuat rujukan keempat berkenaan Tanah Suci di mana Allah s.w.t. telah berfirman tentang Negara Raja Sulaiman a.s:

﴿ وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِى بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَىْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan (telah Kami tundukkan) untuk Sulaiman angin yang sangat kencang tiupannya yang menghembus dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah berkatinya. Dan adalah Kami Maha Mengetahui segala sesuatu."

(Al-Anbiya', 21: 81)

Berkat dari rahmat yang diturunkan Allah s.w.t. ke atas negara (Islam) Israel yang diperintah oleh Nabi Sulaiman a.s, ini, bukan sahaja negara ini menjadi negara pemerintah dunia bahkan menjadi negara yang paling indah yang belum pernah disaksikan di dalam sejarah manusia. Hakikatnya, Bani Israel telah menikmati zaman keemasan ketika negara Israel ini diperintah oleh Nabi Sulaiman a.s.

Nabi Muhammad S.A.W.

Akhir sekali, al-Qur'an telah menyentuh tentang Tanah Suci buat kali kelima apabila ia menerangkan tentang perjalanan waktu malam Nabi Muhammad s.a.w. dari Makkah ke Jerusalem dan kemudian ke langit:

﴿سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى
ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ
ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾﴾

Maksudnya:

"Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(Bani Israel, 17: 1)

Masjid yang paling jauh seperti di dalam ayat di atas telah dikenalpasti oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Masjid Al-Aqsa, masjid yang telah dibina oleh Nabi Sulaiman a.s. di Jerusalem:

"Diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Apabila orang-orang Quraish tidak mempercayaiku (yakni cerita perjalanan malam baginda), aku telah berdiri di Hijr Ismail dan Allah telah menunjukkan Jerusalem di hadapanku, maka aku pun menceritakan

tentangnya sambil melihatnya!"

(Sahih Bukhari)

Nabi Muhammad s.a.w. seterusnya menetapkan hanya tiga Masjid yang boleh diziarahi untuk hal-hal keagamaan:

> "Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Telah bersabda Rasalullah s.a.w.: Jangan bermusafir melainkan kepada Masajid, yakni al-Masjid al-Haram (Mekah), Masjid Nabawi (Madinah) dan Masjid al-Aqsa (Jerusalem)"

(Sahih Bukhari)

> "Diriwayatkan oleh Maimunah ibn Sa'ad: wahai Rasul Allah ceritakan kepada kami tentang hukuman melawat Bait al-Muqaddas (Jerusalem), Rasul Allah bersabda: Pergi beribadah di situ dan sekiranya engkau tidak dapat menziarahinya dan beribadat di situ, hantarkanlah minyak ke situ agar dapat digunakan untuk menerangi masjid tersebut (yakni menghantar bantuan)"

(Sunan Abu Daud)

Seterusnya, tentera Rom yang dipimpin oleh Jeneral Titus telah memusnahkan Masjid Al-Aqsa pada tahun 70 AC dan masjid tersebut masih berada di dalam keruntuhan ketika tentera Islam berjaya menguasai Jerusalem semasa pemerintahan Khalifah Umar r.a. Beliaulah yang telah memerintahkan agar Masjid Al-Aqsa yang ada pada hari ini dibina semula di atas tapak masjid asal yang dibina oleh Nabi Sulaiman a.s.

Bab 4

AL-QUR'AN MENEGASKAN BAHAWA TANAH SUCI TERMASUK JERUSALEM TELAH DIBERI KEPADA BANI ISRAEL

﴿ وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ
جَعَلَ فِيكُمْ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكًا وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمْ يُؤْتِ أَحَدًا مِّنَ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٠﴾ يَٰقَوْمِ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْأَرْضَ ٱلْمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِى كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمْ
وَلَا تَرْتَدُّوا۟ عَلَىٰٓ أَدْبَارِكُمْ فَتَنقَلِبُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿٢١﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Hai kaumku, ingatlah nikmat Allah atasmu ketika Dia mengangkat nabi-nabi di antaramu, dan dijadikan-Nya kamu orang-orang merdeka, dan diberikan-Nya kepadamu apa yang belum pernah diberikan-Nya kepada seorang pun di antara umat-umat yang lain. Hai kaumku, masuklah ke tanah suci (Palestin) yang telah ditentukan Allah bagimu, dan janganlah kamu lari ke belakang (kerana takut kepada musuh), maka kamu menjadi orang-orang yang rugi."

(Al-Maidah, 5: 20-21)

Daniel Pipes di dalam sebuah artikel yang disiarkan di dalam Los Angeles Times (Jerusalem means more to Jews than to Muslims, July 21, 2000) telah cuba menolak tuntutan Islam ke atas Jerusalem dengan mengatakan, di antaranya: "tidak ada sekali pun perkataan Jerusalem disebut di dalam al-Qur'an atau di dalam doa-doanya!"

Memang benar perkataan "Jerusalem" tidak dinyatakan secara terbuka di dalam al-Qur'an tetapi hal ini menunjukkan kebijaksanaan Allah s.w.t. Al-Qur'an merujuk kepada Jerusalem secara berahsia sebagai sebuah bandar yang dimusnahkan, penduduknya diusir, dan diharamkan dari kembali ke bandar tersebut untuk memerintahnya semula: pengharaman ini akan berterusan sehinggalah Yakjuj dan Makjuj dibebaskan di atas muka bumi ini (Al-Anbiya', 21: 95-96). Perkataan Arab untuk Jerusalem ialah "Bait Al-Maqdis" dan perkataan ini telah digunakan beberapa kali di dalam hadith Nabi saw. Perkataan Roman untuk Jerusalem, Aelia juga terdapat di dalam ramalan yang penting oleh Rasulullah s.a.w.

Adalah suatu yang menakjubkan bagaimana Dr. Pipes memilih untuk tidak mengendahkan fakta bahawa Tanah Suci (Jerusalem sebagai ibu kotanya) telah diwariskan oleh Allah s.w.t. kepada kaum Yahudi seperti yang disebut di dalam al-Qur'an. Tatkala Nabi Musa a.s. membebaskan Bani Israel dari perhambaan mereka di Mesir dan mengharungi Lautan Merah ke Semenanjung Sinai, beliau telah memerintakhan mereka agar berusaha untuk menguasai Tanah Suci semula. Nabi Musa a.s. berkata:

﴿ يَٰقَوۡمِ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡأَرۡضَ ٱلۡمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِي كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَرۡتَدُّواْ

عَلَىٰٓ أَدۡبَارِكُمۡ فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ﴿٢١﴾ قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوۡمٗا
جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدۡخُلَهَا حَتَّىٰ يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِن يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا
فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾ قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ
عَلَيۡهِمَا ٱدۡخُلُواْ عَلَيۡهِمُ ٱلۡبَابَ فَإِذَا دَخَلۡتُمُوهُ فَإِنَّكُمۡ غَٰلِبُونَۚ وَعَلَى
ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓاْ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

"Hai kaumku, masuklah ke tanah suci (Palestin) yang telah ditentukan Allah bagimu, dan janganlah kamu lari ke belakang (kerana takut kepada musuh), maka kamu menjadi orang-orang yang rugi."

Mereka berkata: "Hai Musa, sesungguhnya dalam negeri itu ada orang-orang yang gagah perkasa, sesungguhnya kami sekali-kali tidak akan memasukinya sebelum mereka keluar daripadanya. Jika mereka keluar daripadanya, pasti kami akan memasukinya."

Berkatalah dua orang di antara orang-orang yang takut (kepada Allah) yang Allah telah beri nikmat atas keduanya: "Serbulah mereka dengan melalui pintu gerbang (kota) itu, maka bila kamu memasukinya nescaya kamu akan menang. Dan hanya kepada Allah hendaklah kamu bertawakal, jika kamu benar-benar orang yang beriman."

(Al-Maidah, 5:21-23)

Bani Israel memberi jawapan yang berupa cacian kepada perintah Nabi Musa a.s. Sebagai respon kepada cacian ini, Allah s.w.t. terus melarang mereka dari memasuki Tanah Suci:

﴿قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾ قَالَ رَبِّ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِى وَأَخِى ۖ فَٱفْرُقْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٥﴾ قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ ۛ أَرْبَعِينَ سَنَةً ۛ يَتِيهُونَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾﴾

Maksudnya:

"Mereka berkata: "Hai Musa, kami sekali-kali tidak akan memasukinya selama-lamanya, selagi mereka ada di dalamnya, kerana itu pergilah kamu bersama Tuhanmu, dan berperanglah kamu berdua, sesungguhnya kami hanya duduk menanti di sini saja."

Berkata Musa: "Ya Tuhanku, aku tidak meuguasai kecuali diriku sendiri dan saudaraku. Sebab itu pisahkanlah antara kami dengan orang-orang yang fasik itu."

Allah berfirman: "(Jika demikian), maka sesungguhnya negeri itu diharamkan atas mereka selama empat puluh tahun, (selama itu) mereka akan berjalan kebingungan di bumi (padang Teh) itu. Maka janganlah kamu bersedih hati (memikirkan nasib) orang-orang yang fasik itu."

(Al-Maidah, 5: 24-26)

Al-Qur'an sekali lagi menegaskan di ayat yang lain, bahawa Tanah Suci ini telah diwariskan kepada kaum Yahudi:

﴿ فَأَرَادَ أَن يَسْتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ فَأَغْرَقْنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ جَمِيعًا ﴿١٠٣﴾
وَقُلْنَا مِنۢ بَعْدِهِۦ لِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱسْكُنُوا۟ ٱلْأَرْضَ ... ﴿١٠٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Kemudian (Firaun) mengusir mereka (Musa dan pengikut-pengikutnya) dari bumi (Mesir) itu, maka Kami tenggelamkan dia (Firaun) serta orang-orang yang bersama-sama dia seluruhnya.

Dan Kami berfirman sesudah itu kepada Bani Israel: "Diamlah di negeri ini, maka apabila datang masa berbangkit; nescaya Kami datangkan kamu dalam keadaan bercampur-aduk (dengan musuhmu)."

(Bani Israel, 17: 103-104)

Dan seterusnya:

﴿ وَأَوْرَثْنَا ٱلْقَوْمَ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ يُسْتَضْعَفُونَ مَشَٰرِقَ ٱلْأَرْضِ
وَمَغَٰرِبَهَا ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا ۖ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُوا۟ ۖ وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُۥ
وَمَا كَانُوا۟ يَعْرِشُونَ ﴿١٣٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan Kami pusakakan kepada kaum yang telah ditindas itu, negeri-negeri bahagian timur bumi dan bahagian baratnya yang telah Kami beri barakah padanya. Dan telah sempurnalah perkataan Tuhanmu yang baik (sebagai janji) untuk Bani Israel disebabkan kesabaran mereka. Dan Kami hancurkan apa yang telah dibuat Firaun dan kaumnya dan apa yang telah dibangunkan mereka."

(Al-'Araf, 7: 137)

Adalah suatu yang tidak masuk akal apabila golongan terpelajar Israel dan Zionis dapat mengelakkan dari menyebut ayat-ayat al-Qur'an yang terus terang menyatakan bahawa Tanah Suci telah diberikan kepada kaum Yahudi:

- *"Wahai Kaumku, masukilah Tanah Suci ini yang Allah telah berikan pada kamu ... "*
- *"Setelah itu Kami (Allah s.w.t.) berfirman kepada bani Israel: Tinggallah dengan aman di tanah (Suci) ... "*
- *"Kami beri sebagai warisan kawasan timur dan barat Tanah Suci yang Kami hayati"*

Para pembaca yang hendak mencari jawapan dengan ikhlas terhadap halatuju Jerusalem, haruslah memikirkan tentang keengganan pihak Yahudi-Eropah, Zionis dan Israel untuk merujuk kepada al-Qur'an berkaitan hal ini. Buku ini akan memberi penjelasan tentang sifat mereka yang ganjil ini. Ini adalah di sebabkan oleh keengganan mereka mendedahkan penipuan mereka di dalam kitab Taurat

berkenaan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk membolehkkan Bani Israel mewarisi Tanah Suci Jerusalem. Penipuan di dalam kitab Taurat yang ditulis semula oleh mereka telah didedahkan di dalam al-Qur'an, Apakah penipuan tersebut?

SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN TUHAN BAGI MEWARISI TANAH SUCI

Maksudnya:

"Dan sungguh telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis dalam) Luh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hamba-Ku yang soleh."

(Al-Anbiya', 21: 105)

Sekiranya Dr. Pipes menyedari wujudnya ayat di dalam al-Qur'an yang mengisytiharkan bahawa Tanah Suci Jerusalem telah diwariskan kepada Bani Israel, (tidak mungkin dia tidak menyedarinya) maka sepatutnya beliau mengajukan persoalan sebegini: Apakah hak golongan Muslim untuk menyingkirkan Bani Israel dari Tanah Suci Jerusalem, yang telah diwariskan Allah s.w.t. kepada mereka (Bani Israel)? Adalah jelas mengapa dia tidak mengajukan persoalan sebegini. Kesannya adalah seperti membuka "Pandora's Box". Pertama sekali, beliau tidak ingin menarik perhatian umum kepada ayat-ayat al-Qur'an yang menghuraikan berkenaan Bani Israel dan Tanah Suci.

Yang Kedua, pada satu ayat al-Qur'an yang lain, dinyatakan bahawa untuk membolehkan mewarisi Tanah Suci Jerusalem, Allah telah menetapkan syarat ke atas Bani Israel dan syaratnya adalah mereka harus beriman dan bertaqwa kepada Allah. Beriman di sini bermaksud beriman kepada agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s.

﴿ وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعْدِ ٱلذِّكْرِ أَنَّ ٱلْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّـٰلِحُونَ ﴿١٠٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis dalam) Luh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hambaKu yang soleh."

(Al-Anbiya', 21: 105)

Adalah jelas bahawa penggunaan perkataan "bumi" atau "tanah" dalam ayat di atas tidak mungkin merujuk kepada seluruh bumi. Sekiranya begitu, ayat di atas sudah semestinya satu ungkapan yang palsu kerana mereka yang menguasai bumi hari ini yang mana wakil-wakil mereka bertemu di New York, untuk menghadiri Millenium Summit semasa buku ini ditulis adalah golongan sampah masyarakat semata-mata. Mereka ini adalah wakil-wakil dan contoh terbaik order dunia baru yang dicirikan oleh penipuan, keruntuhan akhlak dan moral, tidak bertuhan, zalim dan sekular. Mereka mewakili segerombolan manusia elit yang mencekik darah dan memperhambakan manusia keseluruhannya dengan perhambaan ekonomi yang berasaskan penggunaan riba secara meluas!

Ayat-ayat Allah s.w,t. adalah hak dan benar serta tidak mungkin palsu. Hatta perkataan "bumi" atau "tanah" di dalam ayat di atas tidak merujuk kepada seluruh bumi. Jika demikian, tanah yang manakah yang dimaksudkan oleh ayat ini? Jawapannya jelas di dalam kitab Taurat dan Zabur (*Psalm*) dan juga di dalam Injil. Jawapannya – Tanah Suci Jerusalem! Kesemua terjemahan di dalam kitab-kitab di atas menggunakan perkataan "bumi":

> "Siapakah dia yang takutkan tuhannya? Dia akan mengajar dengan cara yang dipilihnya. Jiwanya akan hidup dengan tenang; dan keturunannya akan mewarisi tanah (suci). Rahsia tuhan adalah bersama mereka yang takutkannya; dan Dia akan menunjukkan mereka janjinya."
>
> (Psalm 25: 12-14)

> "Tetapi golongan yang lemah dan sabar akan mewarisi tanah (suci); dan akan bergembira dalam keamanan."
>
> (Psalm 37: 11)

> "Mereka yang berkelakuan baik akan mewarisi tanah (suci), dan hidup di dalamnya selamanya (hanya jika mereka tetap berkelakuan baik)."
>
> (Psalm 37: 29)

> "Rahmat bagi golongan yang lemah dan sabar, kerana mereka akan mewarisi tanah (suci) itu"
>
> (Matthew 5: 5)

Bukti bahawa perkataan "bumi" atau "tanah" dalam konteks ini

merujuk kepada Tanah Suci Jerusalem terdapat di dalam al-Qur'an yang menyebut bahawa Bani Israel akan membuat fasad di "bumi" atau "tanah" sebanyak dua kali:

﴿وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾﴾

Maksudnya:

"Dan telah Kami tetapkan terhadap Bani Israel dalam Kitab itu: "Sesungguhnya kamu akan membuat kerosakan di muka bumi ini dua kali dan pasti kamu akan menyombongkan diri dengan kesombongan yang besar."

(Bani Israel, 17: 4)

Secara universal perkataan "tanah" atau "bumi" ini ditafsir sebagai merujuk kepada Tanah Suci Jerusalem. Semua ayat-ayat suci di atas menekankan suatu pendirian yang sama iaitu keimanan dan taqwa sebagai dua syarat yang telah ditetapkan sebelum Bani Israel boleh menetap di dalam Tanah Suci Jerusalem secara sah.

Kitab Taurat telah ditulis semula oleh seseorang di mana syarat-syarat ini telah dikeluarkan. Ini penulisannya:

"Ketahuilah bahawa bukanlah di sebabkan oleh kelakuan baik kamu yang menyebabkan Tuhan kamu memberi kamu tanah yang elok ini untuk dimiliki; kerana kamu sememangnya orang-orang yang degil."

(Deuteronomy 9: 6)

Dr. Pipes mungkin menghadapi kesukaran untuk cuba mempertahankan penipuan besar ini yang ditujukan terhadap Allah s.w.t. dan agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahm a.s. Tetapi adalah mudah untuk menunjukkan bahawa ayat di atas adalah palsu semata-mata yakni dengan menggunakan logik, kebijaksanaan dan dengan hati yang berpandukan keimanan. Ayat ini tidak serasi dengan sifat Allah yang Maha Adil di mana keadilannya tiada tolok bandingannya. Ayat ini jelas suatu pemalsuan. Ia diolah sebegitu rupa untuk membuang syarat-syarat yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk mewarisi Tanah Suci Jerusalem. Jika sekiranya Tanah Suci ini dipilih oleh Allah s.w.t. dan diberkatinya maka mengapa harus Dia wariskan tanah ini kepada orang-orang "yang degil" tanpa syarat samada mereka beriman kepadaNya atau sebaliknya dan tidak kira samada mereka berkelakuan baik atau tidak?

Sejarah membuktikan bahawa kaum Yahudi telah disingkirkan berkali-kali dari Tanah Suci Jerusalem sebagai hukuman daripada Allah s.w,t. Hal ini berlaku setiap kali mereka melanggar syarat-syarat keimanan dan kelakuan baik yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Al-Qur'an menyebut tentang penyingkiran ini dan setelah penyingkiran terakhir, Allah s.w,t. menegaskan bahawa Dia akan menyingkirkan mereka setiap kali mereka kembali ke Tanah Suci dengan kelakuan yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. (Al-Anbiya', 21: 105). Kebanyakan Yahudi Israel (bukan keturunan Eropah) mengakui hakikat ini, yakni mereka berkali-kali disingkirkan oleh Allah s.w.t. dari Tanah Suci disebabkan oleh amalan mereka yang melanggar perintah dan syarat-syarat Allah s.w.t. Golongan Zionis Eropah yang tidak bertuhan pula menolak bulat-bulat teori yang

dikemukakan ini.

Golongan Yahudi menegaskan tentang pendirian mereka dalam konteks ayat Deuteronomy 9: 6 di atas bahawa mereka layak mewarisi Tanah Suci Jerusalem semata-mata berdasarkan keimanan dan kelakuan mulia moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. Jadi mereka berhak mewarisi Tanah Suci Jerusalem bukan kerana keimanan dan kelakuan baik mereka sendiri!

Alasan yang diberikan oleh golongan Yahudi ini tidak menolak implikasi yang termaktub di dalam ayat: "dan tanah tersebut diberi kepada mereka tanpa syarat". Al-Qur'an mengatakan bahawa kenyataan ini adalah suatu pemalsuan fakta, Apa yang disebut di dalam al-Qur'an adalah jelas. Tanah ini (i.e. yakni Jerusalem dan Tanah Suci sekitarnya) diwariskan kepada Bani Israel secara bersyarat. Syarat-syaratnya adalah "kepercayaan kepada Allah dan menyerah kepadaNya" dan "berkelakuan baik".

﴿ وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعْدِ ٱلذِّكْرِ أَنَّ ٱلْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّـٰلِحُونَ ﴿١٠٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan sungguh telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis dalam) Luh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hambaKu yang soleh."

(Al-Anbiya', 21: 105).

Lebih kurang 600 tahun selepas penyingkiran terakhir kaum Yahudi dari Tanah Suci, Allah s.w.t. telah mewariskan Tanah Suci dan

Jerusalem kepada golongan Muslimin. Tentera Islam telah berjaya menakluk Tanah Suci dan Jerusalem dan Khalifah Umar Ibnu Al-Khattab telah diminta hadir untuk menerima kunci kepada bandar tersebut, Pada hari tersebut ayat di dalam al-Qur'an yang menerangkan kejadian ini telah dipenuhi:

﴿وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿١٦٥﴾﴾

Maksudnya:

"Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaanNya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Al-An'am, 6: 165)

Allah s.w.t. telah memutuskan bahawa Dia akan mewariskan Tanah Suci kepada golongan Islam. Hatta, kebenaran telah berjaya mengatasi kepalsuan di Tanah Suci. Islam telah memerintah Tanah Suci ini selama 1200 tahun. Ini adalah petanda yang nyata dari Ilahi bahawa Allah s,w.t. membenarkan pemerintahan Islam di Tanah Suci. Cendekiawan-cendekiawan Yahudi sepatutnya menawarkan suatu penjelasan yang terperinci bagaimana pemerintahan Islam di Tanah

Suci boleh kekal sekian lama tanpa diganggu. Pemerintahan Islam tersebut telah terbukti adil dan patuh kepada ajaran Tuhan.

Syarat-syarat keimanan dan kelakuan yang baik (untuk mewarisi Tanah Suci) yang disarankan di dalam agama Nabi Ibrahim a.s. langsung tidak wujud dalam perjuangan golongan Zionis untuk mewujudkan negara Israel. Maka apabila golongan Zionis Eropah (bukan Bani Israel) mendesak Bani Israel agar bersatu untuk kembali ke Tanah Suci sebagai memenuhi tuntutan Tuhan yang memerintahkan agar negara Israel didirikan semula,ini sepatutnya menjadi tanda yang nyata kepada Bani Israel bahawa desakan golongan Zionis tersebut adalah suatu saranan yang palsu semata-mata. Ia adalah suatu penipuan! Asas keimanan kepada agama Nabi Ibrahim a.s. dan sifat taqwa tidak wujud sama sekali di dalam perjuangan golongan Zionis untuk menegakkan negara Israel. Apabila negara Israel ditegakkan, ianya telah ditegakkan atas dasar sekularisma moden. Asas kepada pembentukan negara moden yang sekular pula adalah suatu perbuatan Syirik dan Kufur yang sama sekali tidak sehaluan dengan ajaran agama yang dibawa Nabi Ibrahim a.s.

PENYINGKIRAN KAUM YAHUDI DARI TANAH SUCI JERUSALEM KERAN MELANGGAR SYARAT-SYARAT MEWARISI TANAH SUCI

﴿وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِي ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ
وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ
عِبَادًا لَّنَآ أُوْلِي بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُواْ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِۚ وَكَانَ وَعْدًا
مَّفْعُولًا ﴿٥﴾ ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ
وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾ إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ
لِأَنفُسِكُمْۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَاۚ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْأٓخِرَةِ لِيَسُـُٔواْ
وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُواْ ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ
وَلِيُتَبِّرُواْ مَا عَلَوْاْ تَتْبِيرًا ﴿٧﴾﴾

Maksudnya:

"Dan telah Kami tetapkan terhadap Bani Israel dalam Kitab itu: Sesungguhnya kamu akan membuat kerosakan di muka bumi ini

dua kali dan pasti kamu akan menyombongkan diri dengan kesombongan yang besar.
Maka apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) pertama dari kedua (kejahatan) itu, Kami datangkan kepadamu hamba-hamba Kami yang mempunyai kekuatan yang besar, lalu mereka bermaharajalela di kampung-kampung, dan itulah ketetapan yang pasti terlaksana.
Kemudian Kami berikan kepadamu giliran untuk mengalahkan mereka kembali dan Kami membantumu dengan harta kekayaan dan anak-anak dan Kami jadikan kamu kelompok yang lebih besar.
Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik lagi dirimu sendiri dan jika kamu berbuat jahat, muaka (kejahatan) itu bagi dirimu sendiri, dan apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) yang kedua, (Kami datangkan orang-orang lain) untuk menyuramkan muka-muka kamu dan mereka masuk ke dalam masjid, sebagaimana musuh-musuh memasukinya pada kali pertamu dan untuk membinasakan sehabis-habisnya apa saja yang mereka kuasai."

(Bani Israil, 17: 4-7)

Surah Bani Israil (Surah No. 17) di dalam al-Qur'an mencatatkan sejarah Jerusalem dan mendedahkan penipuan di dalam Taurat:

"Ketahuilah bahawa bukanlah disebabkan oleh kelakuan baik kamu yang menyebabkan Tuhan kamu memberi tanah yang elok ini untuk dimiliki; kerana kamu adalah orang-orang yang degil."

(Deuteronomy, 9: 6)

Keterangan di atas nyata palsu kerana ia menetapkan asas kepercayaan di kalangan golongan Yahudi bahawa mereka diberi hak mewarisi Tanah Suci tanpa sebarang syarat. Maka mereka boleh beralasan bahawa Tanah Suci masih menjadi milik mereka walaupun mereka tidak berkelakuan baik kerana perihal kelakuan ini bukan lagi syarat untuk mewarisi Tanah Suci Jerusalem. Golongan Yahudi beralasan bahawa Nabi Ibrahim a.s. telah berkelakuan baik dan dengan itu hak mewarisi Tanah Suci diberikan kepadanya dan keturunannya yakni Bani Israel secara kekal. Maka sebarang perlanggaran syarat berkelakuan baik oleh golongan Yahudi tidak membatalkan hak mereka ke atas Tanah Suci – Jerusalem. Ayat Taurat di bawah menjelaskan lagi pemalsuan terkutuk ini:

> "Maka masukkan kata-kata Aku ini ke dalam hati mu; ikat ia sebagai tanda di atas tangan mu dan jadikan ia sebagai satu simbol di dahi mu, dan ajarkanlah ia kepada anak-anak mu sambil membacanya ketika di rumah dan ketika kamu di perjalanan dan ketika kamu baring dan bangun; dan tulislah ia di pintu rumah mu dan pagar rumah mu sehingga ke akhir hayat kamu dan anak-anak kamu,di tanah (suci) yang telah dijanjikan oleh Tuhan kepada ayah-ayah kamu untuk diberi kepada mereka, selagi ada langit di atas bumi. Jika kamu setia dengan arahan-arahan Ku, mencintai Tuhan mu, hidup dengan cara yang diajarNya, dan berpaut kepadanya, Tuhan akan mengusir keluar semua kerajaan di hadapan kamu, kamu akan mengambil alih negara yang lebih besar dan dengan penduduk yang lebih ramai daripada kamu. Setiap inci bumi yang bertapak kaki kamu akan menjadi milik kamu; wilayah kamu adalah dari daerah yang

terbiar hingga ke Lebanon dan dari sungai Euphrates ke laut di barat. Tidak akan ada orang yang menentang kamu; Tuhan akan memasukkan perasaan gentar dan takut ke dalam hati seluruh penduduk di tanah yang kamu pijak, seperti yang telah dijanjikan kepada kamu."

(Deuteronomy, 11: 18-25)

(Sebuah artikel yang ditulis oleh Michael Avi-Yonah di dalam ensiklopedia Yahudi mengatakan: "Daud a.s. (David) semasa pemerintahannya telah menjadikan Jerusalem sebagai pusat empayarnya yang merentang dari Mesir ke Sungai Euphrates dan hanya semasa pemerintahan Nabi Sulaimanlah kesempatan yang penuh di ambil ke atas hal ini.")

Ayat-ayat di dalam Deuteronomy 9: 6 dan 11: 18-25 adalah palsu semata-mata kerana mereka telah mengeluarkan sebahagian dari ayat-ayat tersebut yang menyebut tentang syarat-syarat keimanan dan kelakuan baik sebagai pra-syarat untuk mewarisi dan memerintah Tanah Suci Jerusalem. Al-Qur'an pula bukan hanya menekankan syarat berkelakuan baik dan kepatuhan sebagai pra-syarat untuk mewarisi Tanah Suci (Surah Al-Anbiya', 21: 105) tetapi telah menarik perhatian para pembaca tentang bukti sejarah bahawa perlanggaran syarat-syarat ini selalu diikuti oleh pengusiran Bani Israel dari Tanah Suci oleh Allah s.w.t.! Surah Al-Anbiya' memaparkan kisah bagaimana Bani Israel telah dua kali (sekurang-kurangnya) disingkirkan dari Tanah Suci kerana berlaku khianat terhadap agama Nabi Ibrahim a,s. dan melanggar etika yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. (Rujuk kepada buku: "*The Religion of Abraham and the State of Israel: A view from the Qur'an*" – oleh penulis yang sama).

Dalam kejadian yang pertama, dalam tahun 587 BCE, tentera Babylon yang diketuai oleh Nebuchadnezzar telah menawan bandar Jerusalem, memusnahkan bandar tersebut, membunuh penghuni-penghuni bandar tersebut dan telah memusnahkan masjid yang dibina oleh Nabi Sulaiman a.s. Mereka juga telah membawa Bani Israel ke Babylon untuk diperhambakan. Nabi Zakaria telah memberi amaran kepada umatnya akan berlakunya kejadian ini (Jeremiah, 32: 36) sama sepertimana Allah s,w.t. telah menegaskan di dalam al-Qur'an bahawa Dia tidak akan memusnahkan segolongan manusia tanpa memberi mereka amaran (Bani Israil, 17: 15). Penulis-penulis Zabur (*Psalm*) tidak dapat mengecam kemusnahan Masjid Nabi Sulaiman dan Bandar Jerusalem sebagai hukuman ke atas mereka. Mereka merungut:

> "Wahai Tuhan, negara ini telah mencerobohi warisan engkau; mereka telah mencemari rumah ibadat suci engkau, mereka telah memusnahkan Jerusalem".□
>
> (Psalm 79: 1)

Mereka (Bani Israel) dihukum sebegitu rupa kerana mereka mengubah ayat-ayat Allah s.w.t. di dalam Taurat dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. di dalam kitab tersebut. Mereka mengubah kandungan kitab Taurat agar mereka dapat memberi pinjaman wang dengan faedah (riba) ke atas mereka yang bukan dari golongan Yahudi dan pada masa yang sama menghalang perbuatan tersebut sesama Yahudi:

> "Kamu tidak boleh meminjam dengan faedah kepada saudara kamu (Yahudi); samada meminjam wang dengan faedah, atau meminjam komoditi dengan faedah (komoditi juga diguna

> sebagai matawang) atau meminjam dengan faedah sebarang benda yang dapat dipinjam dengan faedah (yakni sebarang benda yang boleh berfungsi sebagai matawang). Ke atas orang lain (yakni bukan Yahudi), kamu boleh meminjam dengan faedah ..."
>
> (Deuteronomy, 23: 19-20)

(Rujuk buku – "*The Importance of the Prohibition of Riba in Islam*" dan "*The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah*" oleh penulis yang sama.)

Dalam kejadian yang kedua, Bani Israel disingkirkan dari Tanah Suci sekali lagi kerana mereka membunuh beberapa orang nabi dan rasul yang diutus kepada mereka oleh Allah s.w.t. (Al-Baqarah, 2: 61). Mereka telah membunuh Nabi Zakaria a.s. di dalam masjid. Anaknya Nabi Yunus (John a.s.) dibunuh secara penipuan. Nabi Isa a.s. telah mengutuk dengan keras perbuatan khianat dan jenayah ini:

> "Inilah sebabnya Tuhan telah berkata dengan bijak: Aku hantar kepada mereka nabi dan pesuruh-pesuruh. Sesetengah akan mereka bunuh dan sesetengah akan mereka hukum. Darah yang mengalir dari nabi-nabi yang membentuk asas dunia akan didakwa atas generasi ini (generasi Yahudi); dari darah Abel sehingga kepada darah Zakaria, yang telah dibunuh di antara pentas dan rumah Tuhannya, Aku beritahu kamu, ini akan didakwa ke atas generasi ini ..."
>
> (Luke, 11: 49-51)

Mereka juga telah mendabik dada, berbangga kerana berjaya membunuh al-Masih, Nabi Isa a.s. anak kepada Siti Maryam (tetapi

Allah yang Maha Berkuasa telah menyelamatkan Nabi Isa a.s. dari dibunuh):

﴿ وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ ۚ مَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّ ۚ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًۢا ﴿١٥٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah," padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tiduk mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa."

(Al-Nisa, 4: 157)

Selepas pembunuhan-pembunuhan ini, Allah s.w.t. telah menghukum mereka untuk kali kedua. Tentera Rom yang diketuai oleh Jeneral Titus telah menawan bandar Jerusalem, membunuh penduduknya dan telah menyingkirkan saki-baki golongan Yahudi dari Tanah Suci. Masjid Nabi Sulaiman telah dimusnahkan sekali lagi oleh tentera Jeneral Titus sambil mencari emas di situ, tepat seperti yang

diramalkan oleh Nabi Isa a.s.

﴿وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ
وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ
عِبَادًا لَّنَآ أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُوا۟ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِ ۚ وَكَانَ وَعْدًا
مَّفْعُولًا ﴿٥﴾ ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ
وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾ إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ
لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ لِيَسُـۥٓـُٔوا۟
وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا۟ ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ
وَلِيُتَبِّرُوا۟ مَا عَلَوْا۟ تَتْبِيرًا ﴿٧﴾﴾

Maksudnya:

"Dan telah Kami tutupkan terhadap Bani Israel dalam Kitab itu: "Sesungguhnya kamu akan membuat kerosakan di muka bumi ini dua kali dan pasti kamu akan menyombongkan diri dengan kesombongan yang besar.

Maka apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) pertama dan kedua (kajahatan) itu, Kami datangkan kepadamu hamba-hamba Kami yang mempunyai kekuatan yang besar, lalu mereka bermaharajalela di kampung-kampung, dan itulah ketetapan yang pasti terlaksana.

Kemudian Kami berikan kepadamu giliran untuk mengalahkan mereka kembali dan Kami membantumu dengan harta kekayaan dan anak-anak dan Kami jadikan kamu kelompok yang lebih besar.

Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri dan jika kamu berbuat jahat, maka (kejahatan) itu bagi dirimu sendiri, dan apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) yang kedua, (Kami datangkan orang-orang lain) untuk menyuramkan muka-mukamu dan mereka masuk ke dalam masjid, sebagaimana musuh-musuh memasukinya pada kali pertama dan untuk membinasakan sehabis-habisnya apa saja yang mereka kuasai."

(Bani Israil, 17: 4-7)

﴿عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يَرْحَمَكُمْ ۚ وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا ۘ وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَافِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾﴾

Maksudnya:

"Mudah-mudahan Tuhanmu akan melimpahkan rahmat(-Nya) kepadamu; dan sekiranya kamu kembali kepada (kederhakaan), nescaya Kami kembali (mengazabmu) dan Kami jadikan Neraka Jahannam penjara bagi orang-orang yang tidak beriman."

(Bani Israil, 17: 8)

Halatuju Jerusalem telah ditetapkan dengan amaran yang jelas dan nyata di dalam ayat al-Qur'an di atas. Hal ini adalah suatu ketetapan dari Allah s.w.t. dan ketetapan Allah ini tidak bergantung kepada yang

berikut:

1. Sebarang perjanjian yang dipersetujui di Camp David atau di tempat-tempat lain antara wakil kerajaan sekular rakyat Palestin dengan Yahudi Eropah sekular yang menganggap mereka mewakili Bani Israel atau;
2. Resolusi-resolusi Senat Amerika dan Rumah Perwakilan Amerika yang telah menggantikan Parlimen British sebagai penaung dan penjaga negara Israel.
3. Resolusi-resolusi oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu atau oleh Majlis Perwakilan Umum yang bertindak sebagai kerajaan dunia.

Destinasi Jerusalem amat jelas di masa ini terutamanya dalam konteks pemerintahannya yang menidakkan kewujudan Tuhan, keruntuhan akhlak dan moral, penindasan dan penipuan yang kini mencemarkan Tanah Suci. Negara Israel sedang menuju kehancuran seperti mana mereka telah dihukum sebanyak dua kali oleh Allah s.w.t. Pertama sekali oleh tentera Babylon dan yang kedua oleh tentera Rom. Kali yang ketiga negara Israel akan menerima padah di tangan tentera Islam yang akan menghancurkan negara Yahudi ini.

Tanda-tanda mengenai halatuju Jerusalem telah digambarkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. semasa Isra' dan Mi'raj baginda. Hal ini tidak disedari oleh Daniel Pipes.

Rasul terakhir telah melihat kehidupan akhir zaman. Dia telah melihat dengan penglihatan rohaninya bahawa kaum Yahudi akan kembali ke Tanah Suci Jerusalem dan membentuk negara palsu Israel

yang berasaskan ciri-ciri kejahatan yakni penindasan dan penipuan, sekularisma dan keruntuhan akhlak. Dia juga telah melihat kembalinya Nabi Isa al-Masih a.s. anak kepada Maryam dan juga telah melihat negara Israel dikalahkan oleh tentera Islam dan seterusnya Nabi Isa al-Masih menegakkan kebenaran, keadilan dan kebaikan agama nabi Ibrahim a.s. di Tanah Suci.

Bab 7

BERPALING DARI JERUSALEM KE MAKKAH

﴿أَفَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَآ أَوْ ءَاذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۖ فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى ٱلْأَبْصَـٰرُ وَلَـٰكِن تَعْمَى ٱلْقُلُوبُ ٱلَّتِى فِى ٱلصُّدُورِ ﴿٤٦﴾﴾

Maksudnya:

"Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta, ialah hati di dalam dada."

(Al-Hajj, 22: 46)

Pendita-pendita Yahudi menganggap hubungan di antara agama Yahudi dengan Tanah Suci, bandar Jerusalem, dan rumah ibadat yang dibina oleh Nabi Sulaiman a.s. sebagai asas kepada 'kepercayaan' agama mereka. Disebabkan oleh kepercayaan ini mereka merumuskan bahawa agama Judaisma tidak akan lengkap selagi kaum Yahudi tidak kembali dan membebaskan Tanah Suci, menegakkan semula negara Israel dengan Jerusalem sebagai ibukotanya dan membina semula rumah ibadat Sulaiman a.s. Sebaliknya, golongan Zionis tidak memiliki

hubungan atau kaitan keagamaan yang sebegitu rupa dengan Tanah Suci, Jerusalem ataupun dengan rumah ibadat yang dibina oleh Nabi Sulaiman a.s. Kaitan golongan Zionis dengan tempat-tempat ini adalah berdasarkan faktor-faktor politik, sejarah, kebangsaan dan sekularisma. Oleh sebab nilai-nilai sekular kerap berubah, mengikut perubahan-perubahan yang berlaku dalam dunia sekular maka nilai-nilai sekular adalah relatif dan tidak pernah tetap. Oleh itu hubungan Zionisma dan Yahudi-Eropah dengan Tanah Suci, Jerusalem dan Baitul Muqaddis sudah semesti boleh berubah-ubah atas dasar keperluan semasa golongan-golongan tersebut. Dengan ini, tidak mungkin pendita-pendita Yahudi terus komited terhadap kepercayaan asas yang disebut di atas.

Al-Qur'an membuat deklarasi bahawa asas agama itu terletak pada keimanan yakni – kepercayaan kepada Allah s.w.t., malaikat-malaikatNya, ayat-ayat yang diturunkanNya, Rasul-rasul dan Nabi-nabi yang dilantikNya, kebangkitan semula manusia di hari pembalasan, syurga dan neraka dan lain-lain. Keimanan ini terletak di dalam hati sanubari manusia. Apabila keimanan dicapai, maka kebenaran akan menyinari hati. Allah s.w.t. adalah Maha Agung berbanding dengan sekeping tanah, sebuah kota atau masjid.

Apabila tibanya Rasul akhir zaman (rasul terakhir) golongan-golongan pendita Yahudi tidak berupaya mengecam kerasulannya kerana terlalu berpegang kepada kepercayaan agama luaran (*external form*) yang dicirikan oleh perkaitan dengan Tanah Suci, Jerusalem dan Baitul Muqaddis dan pada masa yang sama tidak berkeupayaan memahami ciri-ciri dalaman agama (*internal form*).

Oleh sebab Nabi Muhammad s.a.w. bukan berketurunan Yahudi, mereka berbalah bahawa tidak mungkin baginda dilantik untuk

golongan Yahudi, Setibanya Nabi Muhammad s.a.w. di tengah-tengah kaum Yahudi di bandar Yathrib (Madinah) di Semenanjung Hejaz, baginda telah berpuasa bersama-sama orang-orang Yahudi seperti mana mereka berpuasa seperti di dalam kitab Taurat (dari terbenamnya matahari ke terbenamnya matahari). Baginda juga bersolat ke arah Jerusalem. Setelah berlalunya 17 bulan, telah menjadi nyata bahawa kaum Yahudi bukan sahaja menolak Muhammad s.a.w. sebagai Rasul Allah s.w.t. dan menolak al-Qur'an sebagai perkataan Allah s,w.t. tetapi juga berkomplot untuk memusnahkan kesatuan dan kekuatan masyarakat Islam yang dibina di Madinah. Sebagai balasan, Allah s.w.t, telah memerintahkan Nabi Muhammad agar menukarkan arah Kiblat dari Jerusalem ke Makkah.

Perubahan Kiblat ini telah menimbulkan berbagai komentar yang kritikal dari golongan Yahudi. Bagi mereka perkara ini adalah menghinakan, kerana mereka percaya bahawa asas keagamaan mereka terletak pada kesatuan dengan Tanah Suci Jerusalem. Al-Qur'an memberi respon kepada komentar ini secara menghina:

﴿ ۞ سَيَقُولُ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَ ٱلنَّاسِ مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ ٱلَّتِى كَانُوا۟ عَلَيْهَا ۚ قُل لِّلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾ ﴾

Maksudnya:

"Orang-orang yang kurang akalnya di antara manusia akan berkata: "Apakah yang memalingkan mereka (umat Islam) dari kiblatnya (Baitul Maqdis) yang dahulu mereka telah berkiblat kepadanya?" Katakanlah: "Kepunyaan Allah-lah timur dan barat; Dia memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendakinya ke

jalan yang lurus."

(Al-Baqarah, 2: 142)

Al-Qur'an juga menegaskan bahawa kaum Yahudi terpenjara di dalam kepercayaan mereka yang karut yakni menjadikan Jerusalem sebagai pusat bagi keimanan (kepercayaan keagamaan) dan tidak ada sebarang perkara yang boleh mengubah kepercayaan ini:

﴿ وَلَئِنْ أَتَيْتَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ بِكُلِّ ءَايَةٍ مَّا تَبِعُوا۟ قِبْلَتَكَ ۚ ...

١٤٥ ﴾

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya jika kamu mendatangkan kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al Kitab (Taurut dan Injil), semua ayat (keterangan), mereka tidak akan mengikuti kiblatmu, dan kamu pun tidak akan mengikuti kiblat mereka, dan sebahagian mereka pun tidak akan mengikuti kiblat sebahagian yang lain.

Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti keinginan mereka setelah datang ilmu kepadamu, sesungguhnya kamu kalau begitu termasuk golongan orang-orang yang zalim."

(Al-Baqarah, 2: 145)

Akhir sekali al-Qur'an membalas dengan penjelasan yang meruntuhkan kepercayaan palsu mereka bahawa Jerusalem, Tanah Suci dan Baitul Muqaddis adalah asas agama Nabi Ibrahim a.s.

﴿ ۞ لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ
مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ
وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱبْنَ
ٱلسَّبِيلِ وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ
وَٱلْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَٰهَدُوا۟ ۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ فِى ٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ
وَحِينَ ٱلْبَأْسِ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan solat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa."

(Al-Baqarah, 2: 177)

Penukaran Kiblat ini tidak menggambarkan sebarang ciri negatif

berkenaan Islam kerana perkara penukaran Kiblat ini adalah suatu cubaan al-Qur'an yang jelas membetulkan perspektif keagamaan segolongan manusia yang menetapkan teras keagamaan mereka berdasarkan lokasi geografi. Al-Qur'an membawa penerangan yang jelas kepada golongan Yahudi. Kaum Yahudi diingatkan bahawa, walaupun Nabi Muhammad s.a.w. bukanlah seorang Yahudi, tidak lagi bersolat ke arah Jerusalem dan tidak mengambil sebarang tindakan untuk membebaskan Jerusalem, baginda adalah masih Rasul sebenar bagi Tuhan kepada Ibrahim, Musa, Daud, Sulaiman dan Isa, anak Maryam. Hatta perubahan Kiblat adalah tanda amaran yang jelas kepada kaum Yahudi yang tetap berdegil menyatakan bahawa Jerusalem adalah puncak spiritual agama Ibrahim.

Oleh sebab Nabi Muhammad s.a.w. tidak ditimpa bala oleh Allah s.w.t. kerana berpaling dari Jerusalem, maka seorang Rasul yang benar boleh berpaling dari Jerusalem dan masih kekal sebagai Rasul yang benar! Bukan sahaja Nabi Muhammad s.a.w. tidak dihukum kerana berpaling dari Jerusalem malah baginda telah berjaya menewaskan orang-orang Yahudi yang berkeras kepala mengatakan bahawa mereka adalah orang-orang yang terpilih oleh Tuhan kepada nabi Ibrahim a.s.!

Maka nyatalah tiada implikasi politik dari penukaran Kiblat ini kerana Islam tidak lagi ada sebarang kaitan atau hubungan dengan Jerusalem dan tidak lagi menuntut hak ke atas Jerusalem. Sebaliknya al-Qur'an mengesahkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. dan pengikut-pengikut baginda adalah pengikut agama Nabi Ibrahim a.s. yang sebenar.

﴿إِنَّ أَوۡلَى ٱلنَّاسِ بِإِبۡرَٰهِيمَ لَلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ وَهَٰذَا ٱلنَّبِيُّ وَٱلَّذِينَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan Nabi ini (Muhammad), serta orang-orang yang beriman (kepada Muhammad), dan Allah adalah Pelindung semua orang-orang yang beriman."

(Ali Imran, 3: 68)

Implikasi dari ayat ini adalah jelas. Mereka yang akan mewarisi Tanah Suci Jerusalem adalah mereka yang berpegang kepada ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Kebenaran fakta ini akan dibuktikan oleh halatuju Jerusalem.

Peluang Golongan Yahudi Untuk Mencapai Keredhaan Allah S.W.T.

Perubahan Kiblat ini mempunyai implikasi yang lebih penting dari yang tersebut di atas.

Ketika kaum Yahudi menyembah patung lembu emas semasa Nabi Musa a.s. berada di Bukit Sinai, dan apabila mereka mengubah kandungan kitab Taurat dengan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. ke atas mereka, dan bilamana mereka berbangga dengan hal bagaimana mereka membunuh Isa al-Masih, anak Maryam, perbuatan-perbuatan ini semuanya menunjukkan insiden-insiden yang sangat keji dan jelek yang membuktikan kecurangan mereka terhadap perjanjian mereka dengan Allah s.w.t. Sebagai reaksi kepada semua perbuatan hina dan keji ini, Allah s.w.t, masih menawarkan kepada mereka satu lagi peluang yang akan menggelakkan mereka ditimpa

bencana yang besar. Peluang keemasan ini adalah kehadiran Rasul Allah terakhir yang berbangsa Arab. Sekiranya mereka menerima dan mengikut ajaran Rasul ini, mereka akan beroleh keampunan dan rahmat daripada Allah s.w,t. Janji ini tertera di dalam ayat al-Qur'an berikut di mana Allah tujukan kepada kaum Yahudi yang telah melakukan dosa yang keji dan hina dan melanggar perjanjian dengan Allah:

﴿ ... قَالَ عَذَابِىٓ أُصِيبُ بِهِۦ مَنْ أَشَآءُ ۖ وَرَحْمَتِى وَسِعَتْ كُلَّ
شَىْءٍ ۚ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلَّذِينَ هُم
بِـَٔايَـٰتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾ ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِىَّ ٱلْأُمِّىَّ ٱلَّذِى
يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَىٰهُمْ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَـٰتِ
وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ ٱلْخَبَـٰٓئِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَٱلْأَغْلَـٰلَ ٱلَّتِى
كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِهِۦ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَٱتَّبَعُوا۟
ٱلنُّورَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ مَعَهُۥٓ ۙ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya:

"Dan tetapkanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di Akhirat; sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada Engkau. Allah berfirman: "Seksa akan Kutimpakan kepada siapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu maka

akan Aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertaqwa, yang menunaikan zakat dan orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami."

(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka, Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (Al Qur'an), mereka itulah orang-orang yang beruntung."

(Al-A'raf, 7: 156-157)

Jelas bahawa ayat al-Qur'an di atas merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dengan ketibaan Rasul Allah ke Madinah selepas Hijrah, peluang keemasan untuk mengelakkan bala dari Allah terbuka luas di hadapan kaum Yahudi. Sekiranya mereka menerima dan mempercayai risalah kerasulan baginda, mereka akan dirahmati oleh Allah s.w.t. dan sekiranya mereka menolak, peluang keemasan untuk mencapai rahmat Allah s.w.t. akan tertutup! Hukuman Allah s.w.t. akan bermula. Waktu tersebut merupakan detik paling kritikal dalam sejarah kaum Yahudi.

Selepas tibanya Rasulullah s.a.w. ke Madinah, baginda telah mengambil beberapa tindakan yang seharusnya meyakinkan rabbi-rabbi

Yahudi tentang kebenaran baginda sebagai seorang Rasul yang mereka nanti-nantikan. Semasa tujuh belas bulan yang pertama di Madinah, baginda telah bersolat ke arah Jerusalem kerana ia merupakan kiblat kaum Yahudi. Kiblat kepada mereka yang menyembah seperti yang diajar oleh agama Nabi Ibrahim a.s. Adalah suatu perkara yang besar bagi seorang Arab membelakangi Ka'abah (disanjung) dan manghadap Jerusalem. Tindakan Rasulullah s.a.w. ini sebenarnya sudah cukup untuk meyakinkan kaum Yahudi tentang kerasulannya. Baginda juga telah berpuasa barsama-sama kaum Yahudi di hari-hari mereka berpuasa seperti di dalam kitab Taurat (yakni dari matahari terbenam ke matahari terbenam). Belum pernah ada seorang Arab pun yang telah berpuasa seperti ini sebelumnya. Seluruh komuniti Islam Madinah telah berpuasa sedemikian.

Akhir sekali telah berlaku suatu kejadian di mana dua orang yang telah melakukan zina dibawa oleh orang-orang Yahudi untuk berdepan dengan Rasulullah s.a.w. Mereka ingin menguji Rasulullah s.a.w. dengan bertanyakan baginda tindakan yang akan baginda ambil ke atas penzina tersebut. Ketika itu, baginda bertanya tentang hukuman yang biasa dilakukan oleh orang-orang Yahudi tersebut untuk kesalahan seumpana itu. Golongan Yahudi tersebut menjawab bahawa penzina tersebut akan dimalukan dan dipukul di khalayak ramai. Baginda menanya lagi sama ada hukuman ini adalah seperti di dalam kitab mereka. Baginda menyuruh golongan Yahudi tersebut membacakan kitab mereka di hadapan baginda (kerana baginda tidak boleh membaca atau menulis). Ketika kitab Taurat tersebut dibaca, Rabbi mereka yang bernama Abdullah bin Salaam, yang telah memeluk Islam berdiri di sebelah baginda. Apabila tiba ke ayat berkenaan rejam

(dibaling dangan batu sehingga mati) pembaca tersebut telah menutup ayat tersebut dangan jarinya agar dapat menyembunyikannya. Abdullah bin Salaam menghentikan bacaan Yahudi tersebut dan beliau sendiri yang membaca ayat berkenaan hukuman rejam kepada penzina. Kejadian ini telah memalukan kaum Yahudi. Terbongkarlah tabiat mereka sebagai orang-orang yang membelakangi undang-undang suci mereka sendiri. Rasulullah s.a.w. seterusnya menjatuhkan hukuman rejam ke atas kedua-dua penzina tersebut. Baginda talah melaksanakan undang-undang Yahudi yang tidak dilaksanakan oleh orang-orang Yahudi sendiri. Ini sepatutnya sudah cukup untuk meyakinkan kaum Yahudi bahawa baginda adalah seorang Rasul yang benar.

Selepas dari jangka waktu ini (17 bulan) nyata sekali kaum Yahudi menolak risalah yang dibawa oleh baginda. Mereka juga mula berkomplot untuk memusnahkan kekuatan kaum muslimin. Pada ketika inilah Allah s.w.t. memerintahkan penukaran arah Kiblat (dari Jerusalem ke Makkah). Allah s.w,t. juga menurunkan ayat yang memerintahkan perang (*Qital*) dan puasa (*Saum*) sebagai suatu kewajipan ke atas orang Islam. Ketiga-tiga perintah tersebut diturunkan pada bulan Syaaban. Dengan menganjurkan puasa dalam bulan Ramadan, Allah s.w.t. telah mengubah cara berpuasa yang dianjurkan di dalam kitab Taurat. Cara berpuasa yang baru ini mewajibkan berpuasa dari Subuh ke Maghrib. Makan, minum dan perhubungan kelamin bersama isteri dibenarkan selain dari waktu-waktu ini. Akhir sekali Allah s.w.t. telah mengubah hukum ke atas pelaku zina kepada hukuman sebatan di khalayak ramai!

Implikasi dari perubahan kaedah berpuasa ini maka kaedah berpuasa golongan Yahudi telah dibatalkan dan tidak diterima lagi oleh

Allah s.w.t. Iimplikasi lebih buruk dari ini adalah tatkala suatu ketika Rasulullah s.a.w. telah bermimpi bahawa Yakjuj dan Makjuj telah mula dilepaskan di atas muka bumi ini. Baginda juga telah mengesahkan bahawa Dajjal telah dibebaskan ketika itu. Hal ini dapat disimpulkan dari suatu insiden di mana Rasullullah s.w.t. bersama-sama Saidina Umar r.a. telah pergi berjumpa dengan seorang budak lelaki Yahudi bernama Ibn Sayyad kerana baginda mengesyaki budak tersebut adalah Dajjal. Alamat yang menunjukkan bahawa Dajjal telah dibebaskan di muka bumi ini menjadi nyata apabila Rasullullah melarang Umar r.a. dari memancung kepala budak itu. Baginda telah berkata: "Sekiranya dia adalah Dajjal engkau tidak boleh membunuhnya dan sekiranya dia bukan Dajjal maka adalah berdosa membunuhnya."

Berdasarkan kejadian-kejadian di atas, nyatalah bahawa Dajjal dan Yakjuj dan Makjuj telah dibebaskan semasa zaman Rasullullah s.a.w. Maka implikasinya ialah zaman akhir dan zaman fitnah telah bermula pada masa kehidupan Rasullullah lagi yakni selepas dari perubahan Kiblat bagi golongan Muslim. Peluang bagi orang-orang Yahudi mencapai rahmat Tuhan telah tertutup buat selamanya dan hukuman dahsyat ke atas mereka akan bermula. Kaum Yahudi tidak lagi layak mewarisi Tanah Suci. Mereka hanya akan kembali untuk menguasai Tanah Suci dengan bantuan Yakjuj dan Makjuj. Semua ini adalah rancangan Allah s.w.t., suatu rancangan yang akan menyaksikan kaum Yahudi dihukum dengan hukuman yang paling dahsyat!

Bab 8

NABI ISA – AL-MASIH YANG SEBENAR DAN DAJJAL – AL-MASIH YANG PALSU

﴿ وَنُقَلِّبُ أَفْـِٔدَتَهُمْ وَأَبْصَـٰرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَذَرُهُمْ فِى طُغْيَـٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan (begitu pula) Kami memalingkan hati dan penglihatan mereka seperti mereka belum pernah beriman kepadanya (Al-Qur'an) pada permulaannya, dan Kami biarkan mereka bergelumang dalam kesesatannya yang sangat."

(Al-An'am, 6: 110)

Isa Al-Masih:

Nabi-nabi Allah s.w.t. telah membawa mesej kepada Bani Israil berkenaan janji Allah s.w.t. untuk melantik seorang Rasul bagi mereka. Rasul ini akan dikenali sebagai al-Masih di mana beliau akan memerintah dunia dari takhta kerajaan Raja (nabi) Daud a.s. Pemerintahan oleh Rasul ini merupakan ramalan bahawa akan kembalinya zaman keemasan keatas Israel seperti ketika pemerintahan Nabi Sulaiman a.s.

Di dalam Chronicles, 17: 15, Nabi Idris telah berkata kepada Raja (nabi) Daud a.s. tentang al-Masih dan menggelarnya anak kepada Daud:

> "Akan tiba masa di mana hari kamu berakhir dan kamu harus pergi untuk bersama bapa-bapa kamu, dan Aku akan mengangkat seorang dari keturunan kamu selepas kamu yang merupakan anak kamu, dan Aku akan menegakkan suatu kerajaan untuknya. Dia akan membina untukKu sebuah rumah dan aku akan meneruskan pemerintahannya buat selama-lamanya. Aku akan menjadi bapanya dan dia akan menjadi anakKu: dan Aku tidak akan mengalihkan RahmatKu darinya, seperti yang telah Aku ambil darinya sebelum kamu. Aku akan menetapkannya di RumahKu dan KerajaanKu buat selama-lamanya, dan kerajaan ini akan terus wujud selamanya."
>
> (1 Chronicles, 17: 11-15)

Bertahun-tahun kemudian Ishak (Isaiah) menambah:

> "Ke atas kami lahirnya seorang anak; atas kami seorang anak lelaki diberi; dan kerajaan tersebut akan dipikul olehnya (yakni dia akan memerintah dunia); dan namanya adalah " *Wonderful, Counsellor, the Mighty God, the Everlasting Father, the Prince of Peace.*" Penguasaan kerajaannya dan keamanan yang dibawanya tidak akan berhenti (yakni dia akan memerintah dunia selama-lamanya) ke atas kerajaan Daud, dan ke atas negaranya, untuk mentadbirnya dan menjalankannya dengan adil selama-lamanya. Kemahuan Tuhan akan melakukan ini semua."
>
> (Isaiah 9: 6)

Zakariah (Jeremiah) telah merujuk kepadanya sebagai:

" ... bahagian Daud yang melambangkan kebenaran".

(Jeremiah 23: 5,6)

Selanjutnya Ishak (Isaiah) menulis:

"Dengarlah hambaKu, dengannya rohKu bergembira: Aku telah meletakkan rohKu ke jiwanya; dia akan membawa keadilan kepada golongan gentil. Dia tidak akan menangis, atau mengangkat suaranya di jalan-jalan. Dia tidak akan mematahkan pepohon yang matang atau mengusik pohon yang sedang terbakar; Dia akan mengadili dengan kebenaran. Dia tidak akan gagal atau mengaku kalah sehingga dia menegakkan keadilan di atas mukabumi; dan penduduk-penduduk akan menanti kedatangan hukumnya."

(Isaiah, 42: 1-4)

"Aku akan menjadikan kamu ketua bagi golongan Gentil, sehingga kamu menjadi penyelamat mereka sehingga akhir zaman."

(Isaiah: 49: 6)

Rasullullah s.a.w. pula mengisytiharkan bahawa al-Masih tersebut adalah seorang pemerintah dunia yang adil (*Hakimun A'adil*):

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Bersabda Rasulallah s.a.w.: "Dengan namaNya yang nyawaku berada di tanganNya, anak kepada Maryam akan turun di kalangan kamu sebagai pemerintah yang adil. Dia akan memecahkan salib dan

membunuh khinzir dan memansuhkan jizyah (suatu jenis cukai ke atas penduduk-penduduk Yahudi dan Kristian di dalam wilayah kekuasaan Islam). Wang akan melimpah ruah dan tidak ada yang mahu menerima sedekah."

(Sahih Bukhari)

Dua Gambaran Yang Bercanggah Berkenaan Al-Masih

Kaum Yahudi bergembira mendapat berita akan datangnya seorang al-Masih kepada mereka seperti yang telah dijanjikan. Tetapi mereka menjadi keliru akibat dari dua gambaran yang berlainan yang mereka terima tentang al-Masih tersebut dan fungsinya. Yang pertama ialah gambaran beliau sebagai seorang Raja penakluk yang akan mengembalikan "golongan yang dipilih oleh Allah s.w,t." (pada ketika itu ialah orang-orang Yahudi) kembali ke Tanah Suci dan seterusnya beliau akan memerintah dunia dengan adil dan aman. Gambaran al-Masih yang kedua pula adalah seorang yang suka merendah diri dan kerap mengalami penderitaan, kedua-dua gambaran yang berselisih ini diterangkan dalam Isaiah di mana al-Masih digambarkan sebagai "hamba kepada Tuhan" yang akan dinaikkan martabatnya:

"Dengarlah, hambaKu akan berhati-hati di dalam tugasnya: dia akan diangkat darjat dan martabatnya ke paras yang tinggi".

(Isaiah 52: 13)

Pada ketika yang sama, "hamba" ini dinyatakan di dalam bab Isaiah ini digambarkan sebagai seorang yang akan mengalami kecacatan yang teruk sehingga dia tidak lagi akan menyerupai seorang manusia, hatta dia menjadi seorang yang akan merasai kemuliaan dan juga

penghinaan:

> "Seperti kebanyakan orang yang kehairanan dengan kamu; rupanya terlalu buruk berbanding lelaki lain, dan bentuknya lebih teruk dari anak orang."
>
> (Isaiah 52: 14)

Isaiah juga telah meramalkan bahawa "hamba" ini akan dipukul di bahagian belakang dan mukanya. Dia akan dihina secara diludah ke mukanya (Isaiah, 50: 4-11). Inilah yang telah berlaku ke atas Nabi Isa al-Masih. Seorang penulis beragama Kristian, Hal Lindsey, mengulas tentang kejadian tersebut dan seterusnya membuat pengakuan yang mengesahkan berlakunya ramalan yang terdapat di dalam Isaiah 52: 13 dan 53: 12.

> "Telah diketahui umum bahawa Isa al-Masih telah dilayan sebegitu rupa semasa dihadapkan enam kali ke perbicaraan yang tidak sah. Para pegawai di kuil Herod telah meludah ke atasnya selepas dihina oleh seseorang bernama Sanhedrin. Mereka kemudiannya menutup matanya dan memukulnya di bahagian muka. Setelah itu, segenggam duri yang tajam telah ditekan ke atas kepalanya dan beliau telah disebat dengan zalimnya dengan menggunakan sebat Rom. Sebat tersebut dibuat dari kulit yang diikat dengan tulang serta logam-logam yang kasar untuk meningkatkan lagi kesan kesakitannya."
>
> Hal Lindsey, "The Messiah",
> Harvest House Publishers, Oregon, 1982, pp. 108-9.

Isaiah seterusnya telah mengenalpasti identiti mereka yang telah menyeksa "hamba Tuhan" ini sebagai orang-orang Yahudi sendiri.

Isaiah mengecam identiti mereka ini dengan menghuraikan tentang hamba tersebut (al-Masih) sebagai: "yang keji dan yang dibenci oleh orang-orang negerinya" (Isaiah 49: 7). Hal Lindsey seterusnya menyatakan negeri di sini merujuk kepada sebuah negara dan bukan beberapa buah negara. Beliau seterusnya memprotes penterjemahan ayat di atas sebagai penterjemahan yang tidak jujur:

> "Adalah sangat menghampakan (dan tidak jujur) melihat penterjemahan ayat "dia dibenci oleh negara-negara" di dalam "Revised Standard Version" Kitab Injil dan di dalam komen-komen Soncino Yahudi. Dengan menggunakan perkataan majmuk "negara-negara" nampak seolah-olah golongan *Gentil* (*Gentil* selalu dirujuk sebagai "Negara-negara") yang membenci hamba ini. Idea 'hamba' yang diceritakan oleh terjemahan ini bermaksud Israel dan Israel dibenci oleh golongan gentil. Walaupun ini mungkin benar di dalam sejarah Yahudi, fakta ini tidak dapat dibuktikan di dalam ayat di atas kerana perkataan negara di dalam bahasa Hebrew adalah "*goi*" yang menandakan sebuah negara dan hanya boleh dirujuk kepada Israel sahaja.
>
> Lindsey, p.109

Versi 'King James' kitab Injil pula menterjemahkan ayat ini secara asli:

> "Maka berkatalah Tuhan, Penebus negara Israel, yang Suci, kepada dia yang dibenci manusia, kepada dia yang dibenci Negara, kepada pembantu pemerintah, raja-raja akan naik dan turun tahkta, putera raja juga akan menyembah, kerana Tuhan yang tetap setia, dan yang suci ke atas Israel, dan Dia akan

memilih kamu".

(Isaiah, 49: 7)

Malah di dalam Genesis, telah ada ramalan bahawa akan ada seseorang yang akan menyambung salasilah pemerintahan dunia, seperti yang telah pertama kali diasaskan oleh Nabi Daud a.s. dan diikuti oleh Nabi Sulaiman a.s. Beliau digelar Shiloh:

> "Cokmar pemerintahan tidak akan beralih daripada (anaknya) Judah, begitu juga pekerja-pekerjanya tidak akan beralih dari kakinya, sehingga datang Shiloh dan kepadanya kepatuhan rakyatnya."

(Genesis: 49: 10)

Ramalan di atas bukan sahaja menerangkan bangsa dari mana akan datangnya al-Masih ini tetapi juga mengenalpasti Judah sebagai pewaris raja-raja di masa hadapan.Rabbi-rabbi di zaman silam ini telah mengiktiraf "Shiloh" sebagai gelaran khas kepada al-Masih dan beliau diramalkan akan muncul daripada kalangan puak Judah.

Kekeliruan ini memuncak lagi apabila timbulnya ayat-ayat yang dicemari oleh tangan-tangan manusia di dalam buku Isaiah yang membuat kenyataan bahawa al-Masih bukan sahaja akan lahir sebagai seorang bayi (maka semestinya seorang manusia) dan akan memerintah dunia tetapi juga akan menjadi Tuhan! Hatta ayat-ayat yang dicemari ini menggambarkan al-Masih sebagai manusia dan Tuhan:

> "Ke atas kami lahir seorang anak; kepada kami diberi seorang anak lelaki; dan kerajaan tersebut akan dipikul olehnya (yakni dia akan memerintah dunia); dan namanya adalah " *Wonderful,*

Counsellor, the Mighty God, the Everlasting Father, the Prince of Peace."

(Isaiah, 9: 6)

Dua ribu tahun yang lampau, tatkala Allah s.w.t. memenuhi janjiNya dengan menghantar al-Masih – Isa anak Maryam kepada Bani Israel, Allah s.w.t. telah mendapati mereka berpegang hanya kepada aspek luaran agama dan meninggalkan aspek dalaman agama. Aspek luaran agama yang menjadi pegangan mereka juga telah mereka ubah dan meraka telah menulis semula kitab mereka dan merosakkannya semata-mata untuk menyesuaikannya dengan angan-angan mereka. Maka tatkala Nabi Isa al-Masih muncul dan mengesahkan bahawa beliau adalah al-Masih yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. dan berdakwah dengan berani menegakkan ciri-ciri dalaman asas agama Tuhan di kalangan umat beliau dan pada masa yang sama mengutuk perbuatan mereka yang merosakkan dan mengubah ciri-ciri luaran asas agama, tidak semua orang Yahudi dapat menerima ajaran beliau. Sedikit sahaja dari kalangan kaum Yahudi yang menerima beliau dan sebahagian yang besar pula telah menolak risalah beliau hingga ke hari ini. Al-Qur'an menegaskan bahawa mereka (Bani Israel) telah mendabik dada (ketika itu) atas kejayaan mereka membunuh Nabi Isa di atas palang salib:

Apabila Bani Israel melihat Nabi Isa di "salib" di hadapan mata mereka sendiri mereka mula meyakini bahawa beliau adalah seorang yang menyamar sebagai al-Masih. Ini adalah kerana di dalam Kitab Taurat disebut sesiapa yang mati secara digantung dilaknat oleh Allah s.w.t. (Deuteronomy, 21: 23). Sebab yang kedua tidak mungkin beliau adalah al-Masih yang dijanjikan adalah kerana beliau mati sebelum sempat membebaskan Tanah Suci dari cengkaman kerajaan pagan

Rom dan tidak sempat memerintah dunia dari takhta Daud a.s. di Jerusalem.

Bani Israel terus menanti kedatangan al-Masih yang dijanjikan itu. Setiap orang Yahudi yang telah menolak Nabi Isa a.s. sebagai al-Masih dan terus menanti kedatangan al-Masih secara tidak langsung terbabit di dalam cubaan untuk mensalib beliau. Ini adalah kerana keengganan mereka untuk menerima kenabian beliau adalah di sebabkan oleh pembunuhan beliau yang kononnya telah berlaku seperti yang mereka percayai.

Allah s.w.t. membuat deklarasi bahawa kaum Yahudi telah ditipu sehingga mempercayai bahawa Nabi Isa a.s. telah dibunuh atau disalib:

﴿ وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا ٱلْمَسِيحَ عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ ... ﴿١٥٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah," padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikut persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa."

(An-Nisa, 4: 157)

Maka apakah yang sebenarnya telah berlaku ke atas Nabi Isa a.s.?

Al-Qur'an telah menjelaskan tentang kejadian ini di lima tempat berlainan:

1. Pertama sekali al-Qur'an menegaskan bahawa kaum Yahudi tidak berjaya membunuh Nabi Isa al-Masih:

﴿ وَمَا قَتَلُوهُ ﴾

Maksudnya:

"Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah," padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa."

(Al-Nisa, 4: 157)

2. Kedua, al-Qur'an menegaskan bahawasanya mereka tidak berjaya mensalib beliau.

﴿ وَمَا صَلَبُوهُ ﴾

Maksudnya:

"Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah," padahal

mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa."

(Al-Nisa, 4: 157)

3. Ketiga, al-Qur'an menegaskan bahawa Allah s.w.t. telah mengambil semula roh Nabi Isa al-Masih. Ada dua kenyataan al-Qur'an berhubung hal ini:

﴿ إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّى مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىَّ وَمُطَهِّرُكَ مِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَجَاعِلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوكَ فَوْقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۖ ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Ingatlah, ketika Allah berfirman: "Hai Isa, sesungguhnya Aku akan menyampaikan kamu kepada akhir ajalmu dan mengangkat kamu kepadaKu serta membersihkan kamu dari orang-orang kafir, dan menjadikan orang-orang yang mengikuti kamu di atas orang-orang kafir hingga hari Kiamat. Kemudian hanya kepada Akulah kembalimu, lalu Aku memutuskan di antaramu tentang

hal-hal yang selalu kamu berselisih padanya."

(Ali Imran, 3: 55)

﴿وَإِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ءَأَنتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ ٱتَّخِذُونِى وَأُمِّىَ
إِلَٰهَيْنِ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ قَالَ سُبْحَٰنَكَ مَا يَكُونُ لِىٓ أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِى
بِحَقٍّ ۚ إِن كُنتُ قُلْتُهُۥ فَقَدْ عَلِمْتَهُۥ ۚ تَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِى وَلَآ أَعْلَمُ مَا فِى
نَفْسِكَ ۚ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿١١٦﴾ مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَآ أَمَرْتَنِى بِهِۦٓ أَنِ
ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبَّكُمْ ۚ وَكُنتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَّا دُمْتُ فِيهِمْ ۖ فَلَمَّا
تَوَفَّيْتَنِى كُنتَ أَنتَ ٱلرَّقِيبَ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنتَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿١١٧﴾﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: "Hai Isa putera Maryam, adakah kamu mengatakan kepada manusia; "Jadikanlah aku dan ibuku dua orang tuhan selain Allah?" Isa menjawab: "Maha Suci Engkau, tidaklah patut bagiku mengatakan apa yang bukan hakku (mengatakannya). Jika aku pernah mengatakannya maka tentulah Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku dan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri Engkau. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui perkara yang ghaib-ghaib."

Aku tidak pernah mengatakan kepada mereka kecuali apa yang Engkau perintahkan kepadaku (mengatakan)nya iaitu: "Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhanmu", dan adalah aku

menjadi saksi terhadap mereka, selama aku berada di antara mereka. Maka setelah Engkau wafatkan (angkat) aku, Engkaulah yang mengawasi mereka. Dan Engkau Maha Menyaksikan atas segala sesuatu."

(Al-Maidah, 5: 116-117)

Sekiranya Allah s.w.t. telah mengambil roh Nabi Isa al-Masih dan tidak mengembalikannya, maka hal ini adalah bersamaan dengan maut (kematian). Tetapi al-Qur'an menegaskan bahawa beliau tidak dibunuh atau disalib:

Maksudnya:

"Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah," padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesunggulnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa."

(Al-Nisa, 4: 157)

Maka, apakah yang telah dilakukan oleh Allah s.w.t. dengah roh Nabi Isa a.s. yang telah diangkatNya? Adakah terdapat kemungkinan bagiNya untuk mengembalikan roh tersebut ke dalam jasadnya?

Bolehkah perkara sedemikian berlaku?

Al-Qur'an mengesahkan bahawa Allah s.w.t. berkemampuan mengembalikan roh-roh ke dalam jasad-jasadnya selepas diangkat dari jasad-jasad tersebut:

Maksudnya:

"Allah memegang jiwa (orang) ketika matinya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati di waktu tidurnya; maka Dia menahan jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditentukan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir."

(Az-Zumar, 39: 42)

Di dalam hal Nabi Isa a.s. adakah perkara ini berlaku? Jawapannya terdapat di dalam dua kenyataan al-Qur'an yang berikut:

4. Keempat, al-Qur'an menegaskan bahawa Allah s.w.t. yang Maha Berkuasa telah menjadikan keadaan ketika itu seolah-olah Nabi Isa a.s. telah dibunuh. Ini dilakukan dengan menggantikan seorang yang lain dengan seorang lagi ataupun menggantikan sesuatu benda dengan yang lain (*tashbih*). Hatta, mereka yang telah menyaksikan kejadian itu menjadi yakin

bahawa Nabi Isa a.s. telah menemui maut:

﴿...وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ ... ﴿١٥٧﴾﴾

Maksudnya:

"Dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah," padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa."

(Al-Nisa, 4: 157)

Setelah meneliti ayat-ayat di atas, jawapan kepada persoalan ini dapat dijawab: Apa yang telah Allah s.w.t. lakukan setelah mengambil roh Nabi Isa a.s.? Jawapan yang mungkin ialah Allah s.w.t. telah menggantikan sesuatu dengan yang lain (*tashbih*):

- ❖ Allah s.w.t. telah mengambil nyawa Nabi Isa a.s. semasa beliau masih di atas salib.
- ❖ Allah s.w.t. telah meyakinkan mereka yang menyaksikan kejadian itu bahawa Isa a.s. telah benar-benar mati.
- ❖ Setelah itu Allah s.w.t. mengembalikan roh Isa a.s. ke dalam jasadnya dan diangkat ke langit di mana beliau

akan turun suatu hari kemudian. Ini berlaku apabila beliau diturunkan dari salib dan tidak dilihat oleh sesiapapun.

Satu-satunya perbezaan analisis ini di antara kepercayaan Kristian dengan interpretasi al-Qur'an adalah, kepercayaan agama Kristian menganggap beliau telah mati di antara jangkamasa disalib dan diangkat ke langit walhal di dalam al-Qur'an beliau tidak mati lagi ketika itu kerana rohnya telah dikembalikan ke dalam jasadnya.

Mereka yang menolak penjelasan al-Qur'an di atas mendalilkan bahawa Isa a.s. tidak pernah disalib. Mereka mentafsir ayat al-Qur'an yang menyatakan "mereka tidak mensalibnya" sebagai beliau tidak pernah diletakkan di atas salib. Mereka beranggapan bahawa menyalib seseorang bermakna meletakkannya di atas salib dan tidak semesti bermakna seseorang itu menemui maut! Berkenaan surah Al-Maidah 5: 36, Ibn Kathir berpegang kepada anggapan bahawa menyalib seseorang bermakna membunuh seseorang.

Interpretasi alternatif kepada isu di atas adalah, Allah s.w.t. telah menggantikan seorang yang lain di tempat Nabi Isa a.s. (*tashbih*) di atas salib dan orang inilah yang telah disalib. Ini adalah teori "penggantian". Hal ini lebih diketahui oleh Allah s.w.t. (*Allahu 'alam*). Terdapat ramai ulama-ulama Islam yang berpegang kepada teori penggantian ini. Ulama-ulama yang menolak teori penggantian ini pula menegaskan adalah tidak adil untuk Allah s.w.t. membunuh seorang yang lain yang tidak bersalah sebagai pengganti Nabi Isa a.s. Allah s.w.t. telah berkali-kali menegaskan bahawa tidak ada nyawa yang akan menanggung beban nyawa yang lain (Al-An'am, 6: 164, Bani Israil, 17: 15, al-Fathir 35: 18, al-Zumar, 39: 7, al-Najm, 53: 38).

5. Kelima, al-Qur'an memberi gambaran Allah s.w.t. telah mengangkat Nabi Isa a.s. kepadaNya.

﴿ بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيۡهِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ١٥٨ ﴾

Maksudnya:

"Tetapi (yang sebenarnya), Allah telah mengangkat Isa kepada-Nya. Dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(Al-Nisa, 4: 158)

﴿ إِذۡ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ وَمُطَهِّرُكَ مِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ ... ٥٥ ﴾

Maksudnya:

"(Ingatlah), ketika Allah berfirman: "Hai Isa, sesungguhnya Aku akan menyampaikan kamu kepada akhir ajalmu dan mengangkat kamu kepada-Ku serta membersihkan kamu dari orang-orang yang kafir, dan menjadikan orang-orang yang mengikuti kamu di atas orang-orang kafir hingga hari kiamat. Kemudian hanya kepada Akulah kembalimu, lalu Aku memutuskan di antaramu tentang hal-hal yang selalu kamu berselisih padanya."

(Ali Imran, 3: 55)

Al-Qur'an seterusnya menegaskan bahawa setiap yang hidup pasti merasai maut:

﴿ كُلُّ نَفۡسٖ ذَآئِقَةُ ٱلۡمَوۡتِۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوۡنَ أُجُورَكُمۡ يَوۡمَ

ٱلْقِيَـٰمَةِ ۖ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ وَأُدْخِلَ ٱلْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَـٰعُ ٱلْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya:

"Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Dan sesungguhnya pada Hari Kiamat sajalah disempurnakan pahalamu. Barangsiapa dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga maka sungguh ia telah beruntung. Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan."

(Ali Imran 3: 185)

Jika sekiranya Allah s.w.t. menetapkan bahawa setiap yang hidup (*Nafs*) mesti merasai maut, maka sudah semesti Nabi Isa a.s., jika bernyawa mesti merasai maut! Timbul dari sini persoalan-persoalan yang lain: Adakah Nabi Isa a.s. memiliki roh? Adakah dia seorang manusia dan adakah ibunya Maryam seorang manusia juga?

Al-Qur'an memberi respon kepada soalan-soalan di atas dengan menegaskan bahawa Nabi Isa a.s. dan Maryam adalah manusia:

﴿مَّا ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ وَأُمُّهُۥ صِدِّيقَةٌ ۖ كَانَا يَأْكُلَانِ ٱلطَّعَامَ ۗ ٱنظُرْ كَيْفَ نُبَيِّنُ لَهُمُ ٱلْـَٔايَـٰتِ ثُمَّ ٱنظُرْ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٧٥﴾

Maksudnya:

"Al Masih putera Maryam itu hanyalah seorang rasul yang sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa rasul, dan ibunya seorang yang sangat benar, kedua-duanya biasa memakan makanan. Perhatikan bagaimana Kami menjelaskan kepada mereka (ahli kitab) tanda-tanda kekuasaan (Kami), kemudian perhatikanlah bagaimana mereka berpaling (dari memperlihatkan ayat-ayat Kami itu)."

(Al-Maidah, 5: 75)

Dengan mengungkapkan secara jelas bahawa mereka berdua perlu kepada makanan, maka tertolaklah segala andaian selain dari fakta bahawa Nabi Isa a.s. dan Maryam adalah manusia semata-mata.

Al-Qur'an yang menegaskan bahawa Nabi Isa a.s. adalah hamba kepada Allah s.w.t.:

﴿ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ وَلَا تَقُولُواْ عَلَى
ٱللَّهِ إِلَّا ٱلۡحَقَّۚ إِنَّمَا ٱلۡمَسِيحُ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ رَسُولُ ٱللَّهِ
وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلۡقَىٰهَآ إِلَىٰ مَرۡيَمَ وَرُوحٞ مِّنۡهُۖ فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦۖ وَلَا
تَقُولُواْ ثَلَٰثَةٌۚ ٱنتَهُواْ خَيۡرٗا لَّكُمۡۚ إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓ
أَن يَكُونَ لَهُۥ وَلَدٞۘ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ
وَكِيلٗا ﴿١٧١﴾ ﴾

Maksudnya:

"Wahai Ahli Kitab, janganlah kamu melampaui batas dalam agamamu, dan janganlah kamu mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar. Sesungguhnya Al Masih, Isa putera Maryam itu, adalah utusan Allah dan (yang diciptakan dengan) kalimah-Nya yang disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (dengan tiupan) roh dari-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga", berhentilah (dari ucapan itu). (Itu) lebih baik bagimu. Sesungguhnya Allah Tuhan yang Maha Esa. Maha Suci Allah dari mempunyai anak, segala yang di langit dan di bumi adalah kepunyaan-Nya. Cukuplah Allah sebagai pemelihara."

(An-Nisa, 4: 171)

Maksudnya:

"Isa tidak lain hanyalah seorang hamba yang Kami berikan kepadanya nikmat (kenabian) dan Kami jadikan dia sebagai tanda bukti (kekuasaan Allah) untuk Bani Israel."

(Al-Zukhruf, 43: 59)

Hatta dengan jelas disebut dan diterangkan di dalam al-Qur'an bahawa Nabi Isa a.s. adalah seorang manusia. Maka Nabi Isa juga harus (sebagai manusia) merasai maut.

Isa A.S. Akan Kembali

Al-Qur'an telah menegaskan bahawa Nabi Isa a.s. belum

menemui maut lagi (yakni tidak dibunuh atau disalib). Seterusnya al-Qur'an menegaskan bahawa Nabi Isa a.s. telah diangkat kepada Allah s.w.t. Memandangkan al-Qur'an juga menegaskan bahawa setiap yang hidup mesti merasai maut sebagai *Sunatullah*, maka sudah semestinya Nabi Isa a.s. akan kembali ke dunia ini dan melalui proses menempuh ajal (maut) seperti manusia yang lain. Dia akan dikebumikan dan dikembalikan kepada Tuhan sepertimana dia dijadikan pada asalnya. Al-Qur'an menegaskan:

﴿ ۞ مِنْهَا خَلَقْنَٰكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَىٰ ﴿٥٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dari bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkan kamu pada kali yang lain."

(Ta Ha 20: 55)

Al-Qur'an juga memberi amaran yang tegas apabila ia menyebut tentang kematian Nabi Isa a.s. Setiap orang Kristian dan Yahudi diberi amaran akan terpaksa mempercayai kenabian Nabi Isa a.s. dan identitinya yang sebenarnya sebagai al-Masih sebelum beliau menemuai ajalnya. Ayat di bawah menunjukkan rancangan Allah s.w.t. bahawa Nabi Isa a.s. akan kembali ke dunia suatu hari nanti sebelum kematiannya.

﴿ وَإِن مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِۦ قَبْلَ مَوْتِهِۦ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ﴿١٥٩﴾ ﴾

Maksudnya:

"Tidak ada seorang pun dari Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya. Dan di hari Kiamat nanti Isa itu akan menjadi saksi terhadap mereka."

(Al-Nisa, 4: 159)

Maka pada hari tersebut setiap orang Yahudi terpaksa menerima Isa sebagai al-Masih yang dijanjikan kepada mereka. Setiap penganut agama Kristian pula terpaksa menolak kepercayaan mereka bahawa Isa a.s. adalah "anak tuhan" dan "orang yang ketiga" di dalam konsep *triniti.*

Nabi Muhammad s.a.w. juga telah membuat deklarasi seperti mana yang boleh dilakukan oleh sesiapa pun, akan kembalinya Nabi Isa a.s.:

"Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Bersabda Rasulullah: Dengan namaNya yang nyawaku berada di tanganNya, anak kepada Maryam akan turun di kalangan kamu sebagai pemerintah yang adil. Dia akan memecahkan salib dan membunuh khinzir dan memansuhkan *jizyah* (suatu jenis cukai ke atas penduduk-penduduk Yahudi dan Kristian di dalam wilayah kekuasaan Islam). Wang akan melimpah ruah dan tidak ada yang mahu menerima sedekah"

(Sahih Bukhari)

Sesungguhnya kembalinya Nabi Isa a.s. ke dunia ini adalah salah satu dari sepuluh tanda besar kiamat, sebagaimana yang disabda oleh Rasullullah s.a.w.:

"Diriwayatkan oleh Hudhayfah ibn Usayd Ghifari: Rasul Allah s.a.w. datang kepada kami secara mengejut ketika kami sibuk berbincang, baginda bersabda: Apa yang kamu bincangkan? Berkata para sahabat: Kami sedang berbincang tentang Hari Kiamat. Kemudian baginda berkata: Ia tidak akan datang sehingga kamu melihat sepuluh tanda dan dalam konteks ini baginda menerangkan tentang asap, Dajjal, sejenis makhluk, terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa anak Maryam a.s., Yakjuj dan Makjuj dan pergerakan bumi di tiga tempat, satu di timur, satu di barat dan satu di Semenanjang Arab dan di akhir ini akan muncul api dari Yemen yang akan membawa manusia ke tempat pengumpulan mereka."

(Sahih Muslim)

Sepuluh Tanda-tanda tersebut di atas adalah:

1. Dajjal dibebaskan - al-Masih yang palsu
2. Yakjuj dan Makjuj dibebaskan
3. Kembalinya Nabi Isa a.s. - al-Masih yang sebenar
4. Kehadiran asap (dukhan)
5. Kehadiran d'abbatul ard (makhluk dari bumi, iaitu di Tanah Suci)
6. Matahari terbit dari Barat
7. Pergerakan bumi - satu di timur
8. Satu lagi di barat
9. Yang ketiga di Semenanjung Arabia

10. 10. Api yang timbul di Yemen menyebabkan manusia berkumpul di suatu tempat pengumpulan

(Tanda-tanda ini tidak disusun mengikut yang mana akan terjadi dahulu.)

Al-Qur'an menguatkan lagi kisah kembalinya Isa a.s. ke bumi sebagai "tanda segala tanda" bagi hari terakhir:

﴿وَإِنَّهُۥ لَعِلْمٌ لِّلسَّاعَةِ ... ﴾ ٦١

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya Isa itu benar-benar memberikan pengetahuan tentang hari Kiamat. Kerana itu janganlah kamu ragu-ragu tentang Kiamat itu dan ikutilah Aku. Inilah jalan yang lurus."

(Az-Zukhruf, 43: 61)

Nabi Isa a.s. sendiri telah menceritakan akan tanda-tanda di kala beliau akan dikembalikan ke bumi:

1. Wujudnya manusia yang menggelar diri mereka al-Masih – tetapi semuanya palsu.
2. Akan berlakunya peperangan dan khabar-khabar angin tentang berlakunya peperangan.
3. Akan berlakunya kesengsaraan dan kelaparan penduduk bumi seperti yang tidak pernah disaksikan sebelum itu.
4. Penyakit-penyakit menular akan timbul di bumi.
5. Akan bertambahnya ketidakadilan sesama manusia dan

kacau bilau secara besar-besaran.

6. Kejadian-kejadian gempa bumi akan bertambah kerap dan dahsyat.

Penulis dapat memberi penjelasan kepada dua gambaran yang bertentangan berkenaan Nabi Isa al-Masih di dalam kitab-kitab – gambaran yang pertama – beliau sebagai seorang yang lemah dan merendah diri yang akan diseksa oleh umatnya dengan hina sekali dan gambaran yang kedua – beliau seorang yang gagah dan berkeupayaan menakluk bumi. Dengan kembalinya Nabi Isa a.s. gambaran yang kedua tentang beliau akan dipenuhi.

Rasullullah s.a.w. seterusnya mendedahkan bahawa sebelum ketibaan Isa a.s., Allah s.w.t. akan membebaskan al-Masih yang palsu (al-Masih al-Dajjal) ke dunia akhir zaman.

Siapa Itu Dajjal?

Impian yang paling besar bagi kaum Yahudi selama lebih 2000 tahun ialah untuk dapat kembali ke Tanah Suci dan memerintahnya serta menegakkan semula negara Israel yang pernah diasaskan oleh seorang nabi yang juga raja iaitu Daud a.s. dan Sulaiman a.s., membina semula rumah ibadat (temple) yang dibina oleh Sulaiman a.s. di Jerusalem dan supaya dapat menyembah Tuhan kepada Ibrahim di dalam rumah ibadat (temple) tersebut. Ini adalah suatu impian yang murni. Kaum yang berimpian sebegini sudah semesti suatu kaum yang akan mencapai keagungan rohani. Mereka adalah kaum yang seharusnya lebih cenderung kepada akhirat dari dunia yang fana ini dan mereka juga seharusnya memiliki kebolehan untuk melihat kepada sebarang kejadian menjangkau imej luaran dan sebaliknya melihat dari

perspektif kerohanian. Sekurang-kurangnya, mereka harus sedar bahawa impian sedemikian tidak mungkin dicapai dengan membentuk sebuah negara – yakni negara Israel yang tidak mengendahkan ajaran Tuhan (sekular) dan negara yang ditegakkan secara bathil di atas dasar keganasan dan penindasan di Tanah Suci yang kini mencapai lebih dari 50 tahun. Lima puluh tahun yang dinodai dengan penindasan berdarah ke atas penduduk-penduduk Palestin. Tidak mungkin bagi penindasan sebegini berlanjutan selama 50 tahun lagi tanpa mereka ditimpa bala dan bencana.

Setelah berjaya menegakkan negara sekular Israel, Kaum Yahudi – Israel kini yakin bahawa impian utama mereka tidak akan tercapai selagi seorang Nabi yang dijanjikan kepada mereka yang dipanggil al-Masih tidak tiba untuk mereka. Dia akan "menjadi penyelamat di akhir zaman apabila dia ditabalkan sebagai raja dunia". Zaman kekuasaan al-Masih ini juga disebut di dalam kitab-kitab mereka (I Enoch: 45:3; 105: 2; 28: 29; 13: 32-35; 14: 9). Sudah semestinya golongan Yahudi Eropah yang telah mengasaskan pergerakan Zionisma langsung tidak mempercayai ramalan berkenaan al-Masih ini.

Allah s.w.t. telah menetapkan bahawa al-Masih yang palsu (al-Masih al-Dajjal) akan merealisasikan impian kaum Yahudi ini dengan cara penipuan, yakni dengan mengembalikan mereka ke Tanah Suci, menegakkan semula negara Israel, melantik seorang raja yang akan memerintah mereka: (Lantik ke atas kami seorang raja agar kami dapat berperang pada jalan Allah – Al-Qur'an, Al-Baqarah, 2: 246) dan membina semula rumah ibadat (*temple*). Fakta bahawa mereka telah ditipu dengan kewujudan negara Israel yang palsu ini adalah petanda yang jelas tentang butanya hati-hati dan rohani mereka.

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang kafir, amal-amal mereka adalah laksana fatamorgana di tanah yang datar, yang disangka air oleh orang-orang yang dahaga, tetapi bila didatanginya air itu dia tidak mendapatinya sesuatu apapun. Dan didapatinya (ketetapan) Allah sisinya, lalu Allah memberikan kepadanya perhitungan amal-amal dengan cukup dan Allah adalah sangat cepat perhitunganNya."

(An-Nur, 24: 39)

Negara Israel hari ini boleh digambarkan seperti seorang yang dahagakan air di padang pasir yang luas dan menyangkakan ilusi air di depannya sebagai lompokkan air yang memang wujud.

﴿إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٧٦﴾ وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٧﴾﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel sebahagian besar dari (perkara-perkara) yang mereka berselisih tentangnya.

Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu benar-benar menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang beriman."

(Al-Naml, 27: 76-77)

Keadaan hari ini menggambarkan seolah-olah impian agung orang-orang Yahudi hampir tercapai. Golongan Yahudi Israel telah kembali ke Tanah Suci dan bebas berbuat demikian dari segenap pelusuk dunia. Negara Israel telah dibentuk pada tahun 1948 dan kini merupakan suatu kenyataan. Apa yang tinggal sekarang adalah untuk melengkapkan impian mereka untuk melantik seorang raja dan untuk memusnahkan Masjid Al-Aqsa agar sebuah rumah ibadat (*temple*) dapat dibina di tapaknya:

"Tatkala kamu sampai ke tanah yang diberikan oleh Tuhan mu, dan menguasainya, dan tinggal di dalamnya dan berkata: Akan aku lantik seorang raja ke atas ku seperti semua negara lain di sekelilingnya, Engkau akan melantik raja yang dipilih oleh Tuahn engkau (bermaksud dari keturunan Daud a.s.)."

(Deuteronomy, 17: 14-15)

Di samping itu Israel mesti menjadi negara yang memerintah dunia dan raja negara Israel ini mestilah memerintah dunia dari Jerusalem.

Implikasi yang jelas dari semua perkara di atas adalah tidak mungkin tercapai semua ini tanpa kedatangan al-Masih. Ini merupakan sangkaan mereka sahaja. Apakah realitinya yang sebenar?

Realitinya apabila dilihat dari sudut Islam adalah Dajjal, al-Masih palsu, telah berjaya menipu orang-orang Yahudi agar mempercayai

bahawa bantuan dari Tuhan telah membolehkan mereka hampir mencapai impian agung mereka. Realitinya yang sebenar ialah oleh sebab butanya rohani mereka, mereka telah memasuki perangkap yang telah disediakan Allah s.w.t. Dan tidak ada jalan keluar lagi bagi mereka. Mereka mengutuk penindasan dan ketidakadilan yang mereka lakukan ke atas orang-orang lain. Mereka melakukan demikian kerana beranggapan mereka memiliki status istimewa yang deberi Tuhan yang tidak terdapat pada kaum atau orang-orang lain. Disebabkan mereka beranggapan bahawa Tanah Suci itu milik mereka, mereka yakin bahawa mereka memiliki hak yang mutlak untuk membebaskan Tanah Suci dari penduduk yang telah menetap di situ selama beratus-ratus tahun. Bagi mereka, matlamat menghalalkan cara. Realitinya mereka telah disesatkan dan ditipu bulat-bulat oleh Dajjal.

Dajjal, al-Masih palsu adalah ciptaan Allah s.w.t. Dajjal akan menyamar sebagai al-Masih dan akan menipu kaum Yahudi agar menerimanya sebagai al-Masih yang sebenar. Allah s.w.t. telah mengurniakan Dajjal dengan kekuatan yang luarbiasa, kebolehan besar untuk berpura-pura dan menipu dan kebolehan untuk bergerak dengan cara yang luarbiasa.

Golongan Kristian mengenalinya sebagai "Anti-Christ". Dajjal akan timbul di muka bumi suatu hari nanti sebagai seorang manusia yang berbangsa Yahudi, muda, gagah perkasa dan berambut kerinting. Rasullullah telah mengesyaki seorang budak Yahudi dengan nama Ibn Sayyad yang tinggal di Madinah sebagai Dajjal. Ini membuktikan bahawa Dajjal telah pun dibebaskan dan akan muncul suatu hari nanti sebagai:

1. Seorang manusia.

2. Seorang Yahudi.
3. Seorang lelaki muda.

Al-Masih yang sebenar, seperti juga Sulaiman a.s. akan memerintah dunia dari takhta kerajaan Daud a.s. di Jerusalem. Untuk mencapai status ini beliau perlu mencapai yang berikut dahulu:

1. Membebaskan Tanah Suci dari pemerintahan kaum yang tidak menyembah Tuhan kepada Ibrahim a.s.
2. Mengembalikan kaum yang terpilih (orang-orang Yahudi di ketika itu) ke Tanah Suci.
3. Menegakkan semula negara Israel yang diasaskan oleh Daud a.s. dan Sulaiman a.s.
4. Menjadikan Israel sebagai negeri yang memerintah dunia (*Ruling State of the World*).

Hanya selepas semua pencapaian ini al-Masih yang sebenar boleh memerintah dunia dari takhta kerajaan Daud a.s. yakni dari Jerusalem.

Sekiranya Dajjal, al-Masih palsu hendak menyamar dengan jayanya sebagai al-Masih yang sebenar, dia haruslah dapat melakukan keempat-empat perkara di atas.

Sekiranya Dajjallah yang bertanggungjawab melakukan semua penipuan ke atas kaum Yahudi secara sistematik, dan sekiranya ia sudah dibebaskan di atas muka bumi ini maka di manakah Dajjal sekarang ini? Dalam suatu hadith, Rasullullah menyebut (Hadith yang menjadi kunci kepada teka-teki) yang berikut tentang Dajjal al-Masih yang palsu:

Diriwayatkan oleh al-Nawwas ibn Sam'an: "... Kami bertanya: Ya Rasullullah, berapa lama dia (Dajjal) akan berada di atas bumi? Baginda bersabda: Selama empat puluh hari, satu hari seperti setahun, satu hari seperti sebulan, satu hari seperti seminggu dan baki hari-harinya seperti hari kamu ..."

(Sahih Muslim: Sunan, Tirmidzi)

Hanya di akhir kehidupan dajjal di atas muka bumi ini, hari-hari Dajjal akan menjadi seperti hari-hari kita. Ketika itu Dajjal al-Masih yang palsu akan berada di dalam dimensi yang serupa dengan kita-maka hari-harinya menjadi serupa dengan hari-hari kita. Ketika itu Dajjal memasuki dunia kita di akhir hayatnya setelah berjaya memenuhi misnya menyamar sebagai al-Masih. Janji Allah s.w.t. adalah bahawasanya al-Masih akan memerintah dunia dari takhta Daud a.s. yakni dari Jerusalem di pusat negara Israel. Jelaslah bahawa Dajjal akan berada secara fizikal di Jerusalem di akhir hayatnya di atas bumi. Ketika itu Dajjal boleh dilihat dengan mata kasar manusia kerana hari-harinya adalah serupa dengan hari-hari kita. Dajjal akan tampil sebagai seorang lelaki muda Yahudi, berbadan gagah dan berambut kerinting. Dia akan memerintah dunia dari Jerusalem. Ini adalah jawapan kepada persoalan tentang kepentingan strategik Jerusalem di akhir zaman.

Sebelum dari ini Dajjal akan berada di sekeliling kita sama seperti malaikat dan jin yang sentiasa di sekeliling kita tetapi tidak dapat dilihat kerana mereka berada di dalam dimensi yang berlainan. Dajjal akan berterusan menyerang dan menguji keimanan kita. Manusia belum boleh melihat Dajjal lagi kerana satu hari bagi Dajjal belum sama dengan hari-hari manusia lagi. Persoalannya, di manakah akan Dajjal akan berada apabila dia dibebaskan oleh Allah s.w.t. Di atas muka

bumi ini? Di manakah Dajjal apabila satu harinya adalah seperti setahun dan satu harinya seperti sebulan dan akhirnya satu harinya seperti seminggu. Dia akan berada di atas bumi, tetapi di mana?

Alhamdulillah, jawapan kepada soalan pertama sudah ada dan ini memberi ruang untuk mencari jawapan kepada persoalan yang kedua dan ketiga. Jawapan kepada persoalan pertama boleh didapati dari sebuah hadith yang dikenali sebagai hadith Tamim al-Dari. Tamim al-Dari adalah asalnya seorang penganut agama Kristian yang telah memeluk agama Islam di Madinah. Dia telah menceritakan suatu pengalaman yang telah dialaminya berkenaan Dajjal kepada Rasullullah s.a.w. Tidak menjadi suatu kepastian sama ada pengalaman tersebut merupakan sebuah mimpi, visi atau pengalaman yang sebenar yang dialaminya. Rasullullah s.a.w. pun menceritakan kisah Tamim al-Dari kepada orang ramai selepas solat. Baginda meminta orang ramai di masjid supaya tidak berganjak agar dapat mendengar kisah Tamim al-Dari. Seterusnya Rasullullah s.a.w. membuat deklarasi bahawa kisah Tamim al-Dari adalah benar seperti apa yang telah diceritakan oleh baginda sendiri berkenaan Dajjal. Hadith tersebut dipaparkan di bawah ini:

> "Diriwayatkan oleh Fatimah binti Qays, kakak kepada ad-Dahhak ibn Qays:
>
> Amir ibn Sharahil ash-Sha'bi berkata: Fatimah binti Qays adalah antara wanita terawal berhijrah. Aku telah menyuruhnya agar menceritakan kepadaku suatu hadith yang telah didengarnya daripada Rasullullah s.a.w. sendiri tanpa perantara. Dia menjawab: Jika engkau mahu, aku akan berbuat demikian. Dia berkata kepadanya: Ceritakanlah kepadaku. Dia berkata: Aku

telah berkahwin dengan anak kepada Mughirah seorang lelaki muda yang terpilih dari Bani Quraish ketika itu, tetapi dia telah syahid ketika jihad yang pertama (berperang bersama Rasullullah s.a.w.). Setelah menjadi janda, Abdurrahman ibn Auf, seorang sahabat Rasullullah s.a.w. telah melamarku. Rasullullah s.a.w. Juga telah melamarku bagi pihak hambanya yang telah dibebaskan, Usama ibn Zayd. Rasullullah s.a.w. telah berkata tentang Usama: Sesiapa yang mencintaiku harus mencintai Usama juga. Apabila Rasullullah s.a.w. berkata kepadaku tentang hal ini, aku berkata: Aku serahkan hal ini kepada engkau. Kahwinkanku kepada sesiapa yang engkau mahu. Baginda berkata, Pergilah tinggal di rumah Umm Syarik. Umm Syarik adalah seorang yang kaya daripada golongan Ansar. Dia banyak menderma di jalan Allah dan meraikan tetamu dengan meriah. Aku berkata: Baiklah, akan aku buat sesuka hatimu. Baginda kemudian berkata (setelah memikirkannya): Jangan lakukan demikian kerana Umm Syarik ialah seorang wanita yang kerap dikunjungi tetamu dan aku tidak gemar melihat kepalamu terdedah sehingga orang asing dapat melihat sesuatu yang engkau tidak suka. Baik engakau tinggal di rumah sepupumu, Abdullah ibn Amr ibn Umm Maktum. Dia adalah dari Banu Fihr, cabang kepada Banu Quraish dan dia adalah puak yang sama dengan Fatimah. Aku pun berpindah ke rumah tersebut. Aku telah mendengar seruan azan untuk solat jemaah. Aku pun menuju ke Masjid untuk bersolat bersama Rasullullah s.a.w. Aku duduk pada barisan wanita yang hampir kepada barisan lelaki. Apabila Rasullullah s.a.w. Telah habis solatnya, baginda duduk di atas mimbar, sambil tersenyum dan bersabda: Setiap makmum mesti

duduk di tempatnya. Baginda bertanya: Tahukah kamu mengapa kamu disuruh berkumpul di sini? Mereka menjawap: Allah dan Rasulnya lebih mengetahui. Baginda bersabda lagi: Dengan nama Allah aku tidak mengumpulkan kamu untuk diugut atau diberi amaran. Aku telah kumpulkan kamu kerana Tamim Dari seorang Kristian yang telah menemuiku dan memeluk Islam telah menceritakan kepadaku sesuatu yang aku bersetuju tentang Dajjal. Beliau telah menceritakan pelayarannya dengan tiga puluh orang daripada Banu Lakhm dan Banu Judkam dan telah dipukul ombak selama sebulan di lautan. Ini telah membawa mereka ke sebuah kawasan dikelilingi laut (pulau) di kala matahari terbenam. Mereka telah mendarat di pulau tersebut. Di situ mereka menjumpai makhluk dengan rambut yang lebat dan panjang sehinggakan muka dan belakangnya tidak dapat dibezakan. Mereka berkata: Siapa kamu? Ia menjawab: Akulah al-Jassasah. Mereka bertanya lagi: Apa itu al-Jassasah? Ia menjawab: Wahai manusia, pergilah ke rumah ibadat tersebut kerana ada seseorang yang ingin mengetahui tentang kamu. Dia (perawi) berkata: Apabila orang itu dinamakan kami takut kerana mengingatkan ia mungkin syaitan. Kami pun bergegas ke rumah ibadat itu dan mendapati seorang lelaki yang bertubuh tegap dengan tangannya terikat di lehernya dan rantai besi mengikat kakinya. Kami bertanya: Siapa kamu? Dia menjawab: Kamu akan mengetahui tentangku sebentar lagi, siapa pula kamu ini? Kami menjawab: kami dari Arabia, kapal kami dipukul ombak selama sebulan dan membawa kami mendarat di sini. Kami telah berjumpa dengan suatu makhluk dengan rambut yang sangat tebal sehingga mukanya tidak dapat dibezakan dengan

belakangnya. Kami bertanya: Siapakah engkau? Ia berkata: Aku al-Jassasah. Kami menanya: Apa itu al-Jassasah? Ia berkata: Seorang lelaki sedang menanti kamu di dalam rumah ibadat. Kami pun terus mendapatkan kamu kerana menyangkakan yang makhluk itu adalah syaitan. Dia (orang yang dibelenggu) berkata: Ceritakan tentang pohon kurma Baysan. Kami bertanya: Tentang apa yang hendak kamu tahu berkenaannya? Dia berkata: Adakah pohon-pohon itu berbuah? Kami berkata: Ya. Dia menjawab: Aku merasakan pohon-pohon itu tidak akan berbuah. Dia bertanya: Ceritakan tentang Tasik Tabariyyah? Kami berkata: Berkenaan apa? Dia berkata: Adakah air di dalamnya? Mereka menjawab terdapat banyak sekali air di dalamnya. Dia menjawab: ia akan kering tidak lama lagi. Dia bertanya lagi: Ceritakan tentang matair Zughar. Mereka berkata: Berkenaan apa? Dia (orang yang dibelenggu) berkata: Adakah terdapat air di dalamnya dan adakah ia digunakan untuk mengairi tanah? Kami berkata: Ya, terdapat air yang banyak di dalamnya dan penduduk Madinah mengairi tanah mereka dengannya. Dia berkata: Ceritakan kepadaku tentang Nabi yang ummi; Apakah yang telah dia lakukan? Kami berkata: Dia telah meninggalkan Mekah dan menetap di Madinah. Dia berkata: Adakah orang-orang Arab menentangnya? Kami berkata: Ya. Dia berkata: Bagaimana dia menangani mereka? Kami menceritakan bahawa dia (Nabi) telah mengatasi orang-orang di sekelilingnya dan mereka telah menyerah diri kepadanya. Dia berkata: Benarkah ini telah berlaku? Kami menjawab: Ya. Dia berkata lagi: Jika demikian adalah lebih baik bagi mereka patuh kepadanya (Nabi). Aku akan ceritakan kepada kamu tentang

diriku. Aku adalah Dajjal yang akan dibebaskan tidak lama lagi. Aku akan berjalan di bumi ke setiap bandar selama 40 malam kecuali ke Mekah dan Tauba (Madinah). Kedua tempat ini dilarang bagiku dan aku tidak akan cuba memasukinya. Malaikat dengan pedang di tangannya akan menghalang aku di segenap jalan dari mendekati kedua-dua tempat ini. Kemudian Rasullullah s.a.w. menghentak mimbar dengan tongkatnya dan bersabda: Ini menandakan Taubah bermakna Madinah. Pernahkah aku menceritakan kepadamu tentang Dajjal sebegini? Orang ramai berkata: Ya dan cerita oleh Tamim Dari ini disukai kerana ia menguatkan lagi cerita yang telah aku beri berkenaan Dajjal di Mekah dan Madinah. Dengarkanlah, Dajjal berada di Laut Syria (Mediteranean) atau di Laut Yemen (Laut Arab). Bukan, sebaliknya dia berada di timur, di timur dan baginda menuding jarinya ke arah timur. Aku (Fatimah binti Qays) berkata: Aku telah menghafal hadith ini di dalam kepalaku."

(Sahih Muslim)

Adalah jelas dari hadith di atas, ketika Dajjal dibebaskan dia berada di pulau tersebut dan dari pulau tersebut dia akan mula menyamar sebagai al-Masih yang akan membebaskan Tanah Suci dari pemerintahan golongan bukan Yahudi. Pulau manakah yang dimaksudkan ini?

Pulau Tersebut Adalah Britain

Pada pandangan penulis, pulau yang dirujuk di dalam hadith Tamim al-Dari di atas adalah pulau Britain. Bukti yang menyokong pendirian ini adalah sungguh mengkagumkan! Berikut di jelaskan

buktinya. Pada tahun 1917, kerajaan "pulau" Britain mengeluarkan Deklarasi Belfour yang mengumumkan hasrat kerajaan Britain untuk menyokong penubuhan sebuah negara untuk kaum Yahudi di Tanah Suci. Seterusnya, pada tahun 1917-18, tentera British yang diketuai oleh Jeneral Allenby telah mengalahkan tentera Turki dan seterusnya membebaskan Tanah Suci dari pemerintahan Islam. Dari tahun 1919 sehingga tahun1948, Britain telah memerintah Tanah Suci atas mandat yang diberikan oleh Liga Negara-Negara (League of Nations). Pada masa yang sama, dunia telah melihat penghijrahan beramai-ramai orang-orang Yahudi Eropah ke Tanah Suci. Kebencian yang mendalam orang-orang Jerman terhadap kaum Yahudi telah mendorong Hitler menghukum kaum Yahudi secara besar-besaran dan hal ini telah meningkatkan lagi penghijrahan Yahudi Eropah ke Tanah Suci. Kebencian orang-orang Jerman terhadap golongan Yahudi ini berpunca dari sikap talam dua muka mereka semasa Perang Dunia Pertama dahulu. Golongan Yahudi Jerman telah membuat pakatan dengan Britain untuk mendapatkan sokongan Amerika sekiranya Britain berjanji menyerahkan Tanah Suci kepada mereka setelah memenangi peperangan tersebut. Akhirnya pada tahun 1948, Britain telah menyambut kelahiran negara Israel dengan mengumumkan kemerdekaan negara Israel. Pulau Britain juga terletak lebih kurang sebulan pelayaran dari dunia Arab! Orang-orang British juga cekap di dalam bidang pengintipan. Cerita-cerita Sherlock Holmes dan James Bond mempunyai persamaan dengan kisah Lawrence of Arabia.

Sudah tentu akan ada pendapat yang tidak bersetuju dengan penulis tentang identiti pulau tersebut. Sekiranya terdapat pendapat yang berbeza tentang identiti pulau tersebut, penulis dengan hormatnya

menyeru agar identiti ini diperbetulkan. Merka harus mencari pulau lain dan memberikan bukti yang dapat mengesahkan identiti pulau yang baru tersebut sekaligus membatalkan pendirian penulis.

Dengan ini, penulis membuat rumusan bahawa tatkala Dajjal dibebaskan dan memulakan misinya menyamar sebagai al-Masih, yakni ketika satu hari Dajjal adalah seperti setahun manusia, ia telah dilakukan dari pulau Britain. Ketika itu Britain juga berfungsi sebagai negara yang memerintah dunia di mana Britain ketika itu menguasai hal-hal berkaitan dengan kawalan matawang dunia yang dilakukan menerusi penglibatan Bank of England. London pula ketika itu merupakan pusat kewangan dunia.

Setelah dari ini, dengan penuh misteri, Britain tidak menjadi negara yang memerintah dunia lagi. Fungsi Britain ini telah digantikan oleh Amerika Syarikat! Proses penggantian ini seolah-olah telah bermula semasa Perang Dunia Pertama dan berakhir semasa Perang Dunia Kedua. Penulis berpendapat julat masa di antara Perang Dunia Pertama dengan Perang Dunia Kedua menyaksikan pergerakan Dajjal dari sehari seperti setahun kepada sehari seperti sebulan. Adalah penting untuk meneliti proses perubahan ini secara mendalam kerana ini akan memberi petunjuk yang jelas agar dapat dikenal pasti waktu di mana Dajjal akan bergerak dari sehari seperti sebulan ke sehari seperti seminggu.

Suatu tindakan ganas telah berlaku dalam musim panas pada tahun 1914 di bandar Sarajevo di mana Arch Duke Franz Ferdinand dari Austria-Hungary telah dibunuh. Pembunuhnya adalah seorang berbangsa Serb yang telah dijejaki sehingga ke negara Rusia. Perancang-perancang pembunuhan tersebut sebenarnya berniat untuk melagakan

Austria-Hungary dengan Rusia. Sasaran sebenar pembunuhan tersebut bukanlah Rusia tetapi sekutu Rusia yakni Britain. Kerajaan Islam Uthmaniah juga menjadi sasaran kedua. Kerajaan Islam Uthmaniah perlu dimusnahkan dan Britain ditugaskan untuk menjalankan misi ini. Apabila Austria-Hungary melancarkan perang ke atas Rusia, Britain dan Perancis terus melibatkan diri di dalam peperangan tersebut dengan berpihak kepada Rusia. Jerman pula berpihak kepada Austria-Hungary. Rancangan di sebalik pembunuhan tersebut adalah untuk melemahkan ekonomi Britain melalui penglibatannya di dalam peperangan dan akhirnya supaya Britain hilang statusnya sebagai negara pemerintah dunia dan supaya satus ini diganti oleh negara lain. Perancang peperangan ini telah memulakan semua ini dengan penuh keganasan dan tipu-helah. Mereka juga berupaya pada masa yang sama untuk menyerang kerajaan Islam Uthmaniah. Memandangkan kerajaan Islam Uthmaniah merupakan penghalang kepada pembebasan Tanah Suci dan seterusnya penubuhan negara Israel, maka cara terbaik untuk meruntuhkan halangan tersebut adalah menerusi peperangan. Dengan cara penipuan yang halus dan penuh muslihat jahat, kerajaan Islam Uthmaniah dipaksa untuk menyertai peperangan tersebut dengan berpihak kepada Jerman. Britain seterusnya digunakan untuk menghancurkan kerajaan Islam Uthmaniah dan sistem Khilafah Islam. (Lihat buku: "*The Caliphate the Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation State*").

Dari tahun 1914 hingga tahun 1916, peperangan tersebut menjadi malapetaka buat Britain. Kapal-kapal selam Jerman mengambil alih kekuasaan di laut dari Britain. Jerman pula menakluki Perancis dan menubuhkan kerajaan pro-Jerman di Paris. Tentera-tentera Rusia pula

mula mengundur diri dan tidak aktif berperang lagi. Akhirnya pada tahun 1916, Briatin menjadi terasing dan diancam kebuluran. Setelah itu, pada tahun yang sama berlaku sebuah perubahan yang dramatik. Golongan Yahudi menawarkan kerajaan British bantuan ketenteraan dari Amerika Syarikat dengan syarat Britain menyerahkan Tanah Suci kepada mereka selepas tamatnya peperangan. Britain menerima tawaran tersebut. Kaum Yahudi kemudiannya memulakan kempen propaganda yang hebat di Amerika Syarikat dan menggunakan setiap peluang yang ada sehingga berjaya mengheret Amerika Syarikat ke kancah peperangan dengan menyokong Britain dalam peperangan tahun 1916 tersebut. Setahun kemudian Britain mengisytiharkan Deklarasi Belfour yang juga menandakan kehebatan aktiviti perisikan oleh perisik-perisik British di Semenanjung Arab!

Britain berjaya mencapai dua objektif penting dengan menghancurkan kerajaan Islam Uthmaniah. Kaedah pertama ialah dengan mencapai perjanjian "Bantuan Sesama dan Kebajikan Sesama" di antara Britain dan Abdul Aziz Ibn Saud (pemerintah Riyadh). Abdul Aziz diberi upah hanya sebanyak 5,000 Paun Sterling sebulan oleh perbendaharan British. Kedua ialah kejayaan menghasut Sharif Husain untuk menentang Khalifah Uthmaniah dan mengisytiharkan kemerdekaannya. Sharif Husain ketika itu adalah "*Sharif*" atau penjaga kepada Mekah dan Hejaz yang dilantik oleh kerajaan Uthmaniah. Britain terpaksa membelanjakan sebanyak 7 juta Paun Sterling (lihat buku: *The Caliphate the Hejaz and Saudi-Wahhabi Nation State*) dalam proses ini.

Akhirnya tahun 1916 telah melihat kemenangan kepada Amerika Syarikat, Britain dan golongan Yahudi. Jerman telah dikalahkan dan

kerajaan Islam Uthmaniah pula telah dipecahkan dan digantikan dengan kerajaan sekular Turki. Kerajaan sekular Turki dengan serta merta menjalin kesatuan ketenteraan dengan kerajaan Britain yang telah memainkan peranan utama dalam memecahkan kerajaan Islam Uthmaniah itu sendiri. Britain yang telah kalah di dalam peperangan tersebut telah digantikan oleh Amerika Syarikat sebagai negara pemerintah dunia. Hal ini dapat dibuktikan dengan meneliti kejadian-kejadian di antara Perang Dunia Pertama dan Kedua dan juga selepas Perang Dunia Kedua. Sebagai contohnya, semasa Perang Dunia Kedua, Jeneral Dwight Eisenhower seorang warga Amerika telah menjadi ketua angkatan perang tentera-tentera bersekutu. Seterusnya pada tahun 1944, persidangan Bretton Woods telah menetapkan Dolar Amerika sebagai matawang antarabangsa menggantikan Paun Sterling. Peristiwa ini sudah cukup meyakinkan bahawa status Britain sebagai negara pemerintah dunia telah luput. IMF dan Bank Dunia telah menggantikan Bank of England sebagai institusi kewangan utama dunia. Washington juga telah menggantikan London sebagai pusat kewangan dunia dan seterusnya sebagai pusat kawalan matawang dunia. Selepas peperangan berakhir, Amerika Syarikatlah yang membantu membina semula ekonomi Britain dan Eropah menerusi rancangan Marshall. Semasa krisis Suez pada tahun 1956 dan krisis peluru berpandu Cuba tahun 1963, Amerika Syarikat telah menunjukkan statusnya sebagai negara pemerintah dunia yang baru!

Seperti Britain yang secara aneh menjadi terlalu obses terhadap Tanah Suci (Deklarasi Belfour), di mana rakyat Britain sendiri tidak dapat menerangkan hal ini, Amerika Syarikat juga secara aneh menjadi terlalu obses terhadap Tanah Suci. Rakyat Amerika juga tidak dapat

menerangkan obsessi ini. Sebagai contoh, Amerika Syarikat menjadi negara pertama yang mengiktiraf negara Israel ketika kemerdekaannya diistytiharkan pada tahun 1948. Sejak dari itu, Amerika Syarikat telah bertindak sebagai pelindung kepada negara Israel dalam sebarang keadaan sekalipun. Amerika Syarikat telah membekalkan Israel dengan bantuan kewangan, ekonomi dan ketenteraan yang besar sekali. Jumlah bantuan oleh Amerika Syarikat kepada Israel melebihi jumlah bantuan Amerika Syarikat kepada negara-negara lain di dunia. Bantuan ini dihulurkan kepada kerajaan Israel menerusi kerajaan Amerika Syarikat dan juga oleh kaum Yahudi yang menetap di Amerka Syarikat. Bantuan ketenteraan pula diberi melalui 'pintu hadapan' dan juga 'pintu belakang' (seperti di dalam kes Jonathan Pollard yang telah menzahirkan rahsia nuklear Amerika Syarikat kepada Israel). Akibatnya Israel menjadi sebuah negara nuklear seperti negara nuklear yang lain di dunia.

Hubungan yang aneh di antara Israel dan Amerika Syarikat ini dapat dilihat sekali lagi sebelum serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat. Ketika berlangsungnys persidangan sedunia berkenaan penindasan kaum dan perkauman di Durban, wakil Afrika Selatan telah mengutuk keras penindasan Israel terhadap rakyat Palestin. Israel telah meninggalkan persidangan tersebut sebagai protes terhadap kutukan universal yang diterimanya dan wakil Amerika Syarikat juga telah mengikut langkah Israel!

Penulis berpendapat bahawa Dajjal berada di Amerika Syarikat ketika hidupnya berada di kala sehari seperti sebulan. Penulis berpendapat bahawa ketika ini Dajjal sedang bergerak menuju ke peralihan waktu seharinya sama seperti seminggu di dunia. Perubahan

ini juga akan menyaksikan Amerika Syarikat digantikan oleh Israel sebagai negara pemerintah dunia! Penulis telah mengenalpasti serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat sebagai permulaan kepada proses perubahan kerajaan dunia ini berlaku.

Dengan kebenaran yang ada pada al-Qur'an di mana al-Qur'an telah menegaskan bahawa ia menerangkan segala sesuatu:(al-Nahl,16: 89), maka ia juga dapat menerangkan kejadian-kejadian yang paling menakjubkan yang belum pernah disaksikan di dalam sejarah keagamaan manusian sejagat-yakni tertegak semula negara Israel di Tanah Suci hampir 2000 tahun selepas ia dimusnahkan oleh Allah s.w.t.

Penulis mengambil al-Qur'an sebagai petunjuk untuk menerangkan kejadian-kejaddian yang sedang berlaku di Tanah Suci supaya kaum Muslimin dapat mengambil petunjuk dari suratan *Ilahi* dan bertindak dengan sewajarnya terhadap peristiwa-peristiwa aneh yang sedang berlaku ini.

Sebelum kembali mengkaji berkenaan ramalan Tuhan (yang telah berlaku) berkenaan kembalinya kaum Yahudi ke Tanah Suci pada akhir zaman ini, penulis perlu memberi penerangan tentang Mirza Ghulam Ahmad, seorang penipu yang terbesar yang pernah disaksikan oleh dunia tentang ramalan kembalinya al-Masih.

Bab 9

MIRZA GHULAM AHMAD: AL-MASIH YANG PALSU

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.:

"Dengan namaNya yang memegang jiwaku, sudah pasti (Isa) anak kepada Maryam akan turun di antara kamu dan menjadi pemerintah yang adil, dia akan memecahkan salib dan membunuh khinzir dan menghapuskan *Jizyah.* Wang akan berlebihan dan tiada seorang pun yang akan menerimanya, dan satu perbuatan menyembah Allah akan menjadi lebih utama dari seluruh dunia dan isinya! Abu Hurairah menambah "Jika engkau mahu, engkau boleh membaca (ayat ini di dalam al-Qur'an):"

"Dan tiada di antara ahli-ahli kitab (Yahudi dan Kristian) yang tidak mempercayainya (yakni Nabi Isa a.s.) sebelum kematiannya. Di akhirat kelak dia akan menjadi saksi menentang mereka" (al-Qur'an, al-Nisa, 4: 159)

(Sahih Bukhari)

Mirza Ghulam Ahmad adalah seorang Islam berketurunan Punjabi dari bandar Qadian, India sekitar awal abad ke 20. Beliau mati ketika bermulanya perang dunia pertama. Beliau tidak sempat melihat perpindahan kuasa pemerintah dunia dari satu negara (Britain) ke satu

negara yang lain (Amerika Syarikat) yang telah berlaku semasa perang dunia pertama. Beliau juga tidak sempat menyaksikan kembalinya orang Yahudi ke Tanah Suci dan pembentukan negara Israel pada tahun 1948. Beliau juga tidak sempat menyaksikan apa yang akan bakal kita saksikan iaitu pemindahan kuasa dari Amerika Syarikat ke sebuah negara pemerintah dunia yang baru – iaitu negara Yahudi Israel. Buku ini merumuskan bahawa pemindahan ini akan berlaku dalam masa lima hingga sepuluh tahun akan datang (atau lebih awal lagi).

Mirza mengejutkan dunia apabila beliau membuat beberapa pengakuan berkenaan ramalan kembalinya al-Masih. Beliau telah mengasaskan pergerakan Ahmadiyyah di India dan seterusnya telah memulakan suatu tindakan luarbiasa untuk menerangkan kepada dunia barat tentang pergerakan Ahmadiyyah dan menjadikan orang-orang Eropah sebagai penganut fahaman Ahmadiyyah. Pergerakan ini juga telah memberi perhatian terhadap golongan Islam Afrika-Amerika dari '*Nations of Islam*' yang diketuai oleh Elijah Muhammad. Dengan ini Mirza berjaya mempengaruhi kebanyakan orang-orang Islam Afrika-Amerika berkenaan kembalinya al-Masih. Golongan ini kini dipimpin oleh Imam Warithuddin Muhammad atau Louis Farrakhan. Disebabkan oleh ini penulis merasakan perlu untuk mengkhususkan satu bab di dalam buku ini untuk menerangkan dakwaan-dakwaan Mirza.

Dengan perkembangan yang berlaku di akhir zaman ini, sudah semestinya jelas kepada pengikut-pengikut dan kepada mereka yang terpengaruh dengan ajaran-ajaran Mirza Ghulam Ahmad (dari India) bahawa dakwaan-dakwaannya seperti di bawah ini adalah palsu semata-mata:

1. Beliau ialah Imam al-Mahdi yang akan memimpin orang-orang Islam ketika kembalinya al-Masih.

2. Ramalan tentang kembalinya al-Masih telah dipenuhi olehnya.

3. Beliau telah dilantik oleh Tuhan sebagai Rasul dalam lingkungan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Penulis berharap golongan Ahmadiyyah akan menerima jemputan untuk menggunakan al-Qur'an dan hadith bagi menerangkan kejadian-kejadian yang telah berlaku setelah kematian Mirza, terutamanya berkenaan kembalinya kaum Yahudi ke Tanah Suci dan penubuhan negara Israel. Jika mereka menerima jemputan ini, sudah tentu mereka akan beroleh konsep yang baru berkenaan Dajjal, al-Masih yang palsu, Yakjuj dan Makjuj, Imam al-Mahdi dan kembalinya Isa al-Masih (Jesus, son of Mary) – suatu pemahaman yang berlainan dengan apa yang mereka terima dari Mirza Ghulam Ahmad.

Buku ini ditulis untuk mambantu golongan Ahmadiyyah mencari penjelasan di dalam al-Qur'an barkenaan kejadian yang aneh di dalam sejarah keagamaan manusia, iaitu kembalinya golongan Yahudi ke Tanah Suci. Tidak mungkin bagi seorang ahli Ahmadiyyah untuk mamahami dan menerima isi kandungan buku ini tanpa pada masa yang sama, menolak ajaran Mirza Ghulam Ahmad. Allah s.w.t. membimbing sesiapa sahaja yang Ia kehendaki ka arah cahayaNya.

Dajjal bukan sahaja berjaya menipu kaum Yahudi, tetapi juga berjaya menipu orang-orang alim Islam yang lain. Mereka bersatu di dalam pergerakan Ahmadiyyah dangan berkeyakinan memeluk ajaran Islam yang sebenar tanpa menyedari mereka sebenarnya dihumban ke

dalam perangkap yang disediakan oleh Dajjal. Bagaimanakah hal ini barlaku?

Pergerakan Ahmadiyyah mempercayai bahawa ramalan tantang kembalinya al-Masih telah dipenuhi oleh Mirza Ghulam Ahmad. Antara sebab-sebab mengapa pengakuan ini adalah palsu semata-mata adalah seperti berikut: pertama, hadith-hadith berkenaan al-Masih dengan jelas menyebut bahawa al-Masih yang akan kembali adalah anak kepada Maryam (son of Mary). Walhal Mirza Ghulam Ahmad ialah anak kepada seorang wanita Punjabi. Kedua, jika Mirza adalah al-Masih seperti yang dituntutnya, maka dia seharusnya telah membunuh Dajjal al-Masih yang palsu semasa hidupnya kerana inilah antara misi al-Masih yang sebenar. Berkenaan perkara ini hadith di bawah memberi penjelasan. Seluruh hadith ini dipaparkan untuk para pembaca:

> "Diriwayatkan oleh al-Nawwas ibn Sam'an: Rasulullah s.a.w. telah menyebut tentang Dajjal di suatu pagi. Kadang-kala baginda menyebut tentangnya sebagai tidak penting dan kadang-kala sebagai penting (kejahatannya) seolah-olah dia berada di antara pohon-pohon kurma. Apabila kami berjumpa dengan baginda di waktu petang dan baginda melihat (tanda-tanda takut) pada muka-muka kami, baginda bertanya: Apakah halnya dengan kamu? Kami menjawab: Wahai Rasulullah, engkau telah bercakap tentang Dajjal pagi tadi (kadang-kadang sebagai) sesuatu yang tidak penting dan kadang-kadang sebagai sesuatu yang penting, sehingga kami merasakan dia berada di antara pohon-pohon kurma. Baginda menjawab: Aku khuatir tentang banyak perkara berkaitan kamu selain daripada Dajjal. Sekiranya ia muncul ketika aku masih barsama kamu, aku akan berdepan

dengannya bagi pihak kamu, dan jika dia muncul ketika aku tidak lagi bersama kamu, seseorang lelaki mesti berdepan dengannya bersendirian dan Allah s.w.t. akan menjaga setiap orang Islam bagi pihakku (dan memeliharanya dari kejahatan Dajjal). Dia (Dajjal) adalah searang lelaki, berambut kerinting dan buta sebelah matanya, Aku membandingkannya dengan Abdul al-Uzza ibn Qatan. Sesiapa yang hidup dan melihatnya mestilah membaca pembukaan surah al-Kahf ke atasnya. Dia akan muncul di antara Syria dan Iraq dan akan menyebarkan kejahatan ke kiri dan ke kanan. Wahai hamba Allah! Berpeganglah kepada kebenaran. Kami bertanya baginda lagi: Berapa lamakah dia akan hidup di atas bumi? Baginda menjawab: Selama empat puluh hari, satu hari seperti setahun, satu hari seperti sebulan, satu hari seperti seminggu dan hari-hari berikutnya seperti hari-hari kamu. Kami bertanya: Wahai Rasulullah, cukupkah solat sehari untuk solat di mana sehari menyamai setahun? Baginda menjawab: Tidak, tetapi kamu mesti mengira jangka waktu tersebut (dan bersolat). Kami bertanya: Wahai Rasulullah, berapa cepat dia akan berjalan di atas bumi? Baginda menjawab: Seperti awan yang ditiup angin. Dia akan mengajak manusia ke agama yang salah, mereka akan mengesahkan kepercayaan mereka kepadanya dan memberi respon mereka kepadanya. Dajjal kemudian akan memerintahkan langit untuk menurunkan hujan yang akan menumbuhkan tanaman. Selepas itu, haiwan ternakan mereka akan menjadi gemuk dan penuh berisi susu. Kemudian dia akan pergi ke sekumpulan orang yang lain dan mengajak mereka. Mereka akan menolak ajakannya dan dia akan beredar dari

mereka, mereka akan mengalami kemarau dan mereka akan hidup melarat. Dia akan berjalan di atas padang pasir dan berkata kepadanya: keluarkan khazanahmu. Khazanah-khazanah tersebut akan keluar dan berkumpul di hadapannya seperti sekawanan lebah (ini merujuk kepada minyak dan khazanah bumi yang lain). Dia kemudiannya akan memilih seorang pemuda dan memotong tubuhnya kepada dua bahagian dan mengasingkannya kepada dua bahagian dengan jarak seperti seorang pemanah dengan sasarannya. Dia akan memanggil (pemuda) dan pemuda itu akan datang kepadanya sambil ketawa dan bergembira. Ketika inilah Allah akan menurunkan Isa anak Maryam. Dia akan turun di menara putih di sebelah timur Damascus dengan memakai dua helai kain kuning muda dengan kedua-dua tangannya di atas kepak dua malaikat. Apabila kepalanya tunduk, akan jatuh peluh dari kepalanya dan bila dia mengangkat kepalanya semula, peluh itu akan bertebaran seperti mutiara. Setiap orang kafir yang mencium bau badannya akan mati dan nafasnya akan menjangkau sejauh penglihatannya. Dia akan mencari Dajjal sehingga ke pagar Ludd, menangkapnya dan membunuhnya. Kemudian sekumpulan orang yang telah dilindungi oleh Allah akan datang kepada Isa anak Maryam dan dia akan menyapu muka-muka mereka seraya memberitakan tentang kedudukan mereka di dalam syurga. Di sinilah Allah akan berfirman kepada Isa a.s.: Aku telah jadikan di antara hamba-hambaKu segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur, kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj yang akan turun dari segenap cerun. Yang pertama daripada mereka akan

melewati Tasik Tiberias dan meminum air darinya. Apabila yang terakhir dari mereka melewatinya, dia akan berkata; Dahulu pernah ada air di sini. Nabi Isa dan para sahabatnya kemudiannya akan terkepung di sini (di Tur, dan mereka akan mengalami kesusahan yang amat sangat) sehingga kepala seekor lembu akan lebih bernilai dari seratus dinar. Rasul Allah Isa a.s. dan para sahabatnya akan berdoa ke hadrat Allah, dan Allah akan menghantar serangga yang akan menyerang leher-leher mereka dan mereka semua akan mati keesokan paginya. Nabi Isa a.s. dan sahabat-sahabatnya akan turun ke bumi dan mendapati bumi dipenuhi dengan bau bangkai yang teramat busuk. Nabi Isa a.s. dan para sahabatnya akan memohon kepada Allah yang akan menghantar burung yang lehernya seperti unta yang akan mengangkat bangkai-bangkai ini dan membuangkannya ke tempat yang dipilih Allah. Kemudian Allah akan menurunkan hujan di mana tiada satu pun rumah yang dibuat dari tanah liat atau dari (khemah) kulit unta yang dapat mengelak darinya dan ia akan membasahi bumi sehingga ia kelihatan seperti cermin. Kemudian bumi akan diperintah dengan mengeluarkan hasilnya dan dipulihkan semula rahmatNya dan sebagai hasilnya akan tumbuh buah delima yang besar sehingga boleh dimakan oleh segolongan orang dan mereka dapat berlindung di bawah kulitnya, seekor lembu akan menghasilkan susu yang banyak sehingga sekumpulan orang dapat meminumnya. Unta susu pula akan memberi susu yang banyak sehingga seluruh puak tersebut boleh minum darinya, dan kambing yang menyusu akan menghasilkan susu sehingga seluruh ahli keluarganya dapat minum darinya. Ketika itu Allah

s.w.t. akan menghantar angin yang sejuk yang akan memberi keselesaan kepada manusia sehingga ketiak mereka. Dia akan mengambil nyawa setiap Muslim dan hanya orang-orang zalim yang melakukan zina seperti seekor keldai yang akan tinggal dan selepas itu akan tiba Kiamat ke atas mereka.

(Sahih Muslim)

Hadith ini dengan jelas menyatakan bahawa Isa al-Masih yang sebenar akan membunuh Dajjal al-Masih yang palsu: "Dia akan mencari Dajjal sehingga ke pagar Ludd dan membunuhnya". Sekiranya Mirza Ghulam Ahmad telah memenuhi ramalan hadith di atas berkenaan kembalinya Isa al-Masih, dia semestinya telah membunuh Dajjal. Tidak mungkin Dajjal wujud lagi sekiranya hal ini berlaku. Maka tidak mungkin Dajjal al-Masih palsu meneruskan misinya selepas kematian Mirza. Tetapi Mirza mati sebaik sahaja pergerakan Zionis diasaskan dan beliau tidak sempat melihat kemenangan besar Dajjal dalam menegakkan negara Israel yang "palsu" dan kembalinya orang-orang Yahudi ke Tanah Suci. Dalam seluruh sejarah keagamaan manusia, belum ada lagi bandingan keanehan atas pencapaian Dajjal ini.

Ketiga, terdapat banyak lagi bukti (nampak kepada mereka yang melihat dengan dua mata) bahawa kita semua masih hidup di dalam Zaman Dajjal al-Masih yang palsu. Contoh-contohnya adalah seperti di bawah:

1. Syirik falsafah di zaman moden ini yang mendewakan materialisma telah memenuhi ramalan Rasullullah s.a.w. yang menegaskan bahawa Dajjal akan cuba menyesatkan manusia agar menyembahnya dan bukan menyembah

Allah s.w.t. Serangan materialisma ini bermula di Pulau Britain. Hadith Tamim al-Dari telah menunjukkan dengan jelas bahawa apabila Dajjal dibebaskan dia akan berada di sebuah pulau dan akan melancarkan serangannya ke atas kaum Yahudi dan seluruh manusia dari pulau tersebut. Penulis telah membuktikan dengan jelas bahawa pulau tersebut adalah negara Britain.

2. Kaedah ilmu moden yang diamalkan Barat adalah suatu perbuatan Syirik kerana ia tidak mengiktiraf ilmu yang berpunca dari rohani/hati seseorang. Rasullullah s.a.w. telah bersabda bahawa Dajjal hanya melihat dengan satu mata sahaja manakala Allah s.w.t. tidak melihat dengan satu mata. Kaedah ilmu moden yang bermata satu ini dipakai oleh tamadun barat moden dan disebarkan ke seluruh umat manusia menerusi kaedah pendidikan barat. Sekali lagi Britain telah memulakan serangan ini.

3. Syirik politik sejagat yang dicirikan oleh negara sekular moden juga telah memenuhi ramalan Rasullullah s.a.w. di mana baginda menegaskan bahawa Dajjal (al-Masih palsu) akan memastikan manusia menyembahnya dan bukan menyembah Allah s.w.t. Tamadun barat moden telah menegakkan negara sekular yang moden dan menetapkan kedaulatan negara, undang-undang negara dan kekuasaan negara sebagai institusi paling tinggi kedudukannya. Negara boleh menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah s.w.t. dan ini adalah perbuatan Syirik! Yang paling menghairankan sekali adalah fakta bahawa orang-

orang Islam pun menghadapi masalah untuk memahami dan mengecamnya. Sekali lagi Britain yang mengetuai serangan ini. Seluruh dunia telah mengguna pakai sistem kerajaan sekular ini yang diketuai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang sekular. Perkembangan ini belum berlaku lagi ketika kematian Mirza Ghulam Ahmad.

4. Revolusi sains dan teknologi yang membolehkan manusia terbang di udara dan angkasa lepas, serta kemajuan bidang komunikasi telah mencampur adukkan perkara-perkara yang berguna kepada manusia dengan yang membahayakan manusia. Revolusi ini masih belum berakhir dan akan terus berkembang untuk mengaburi mata-mata manusia dengan suatu penipuan yang nampak indah. Revolusi ini berkait rapat dengan kehadiran Dajjal di mana sebuah hadith telah menerangkan bahawa Dajjal akan menunggang keldai yang mampu bergerak selaju awan dan telinga keldai ini akan menjangkau jauh ke tepi. Ini merujuk kepada kapal terbang penumpang dan jet-jet pejuang sekarang ini.

5. Allah s.w.t. telah mencipta manusia dan menerangkan kepada para malaikat bahawa Dia akan menjadikan manusia di atas bumi yang akan berfungsi sebagai khalifah (bertindak atas perintahNya). Kerajaan khalifah Islam telah berfungsi sebegitu rupa. Kerajaan Islam mengakui hakikat kebesaran dan kedaulatan kekuasaan Allah s.w.t. dan telah mengambil undang-undang Allah s.w.t. sebagai

undang-undang yang paling tinggi. Kerajaan Islam ini telah dimusnahkan oleh tamadun barat, selepas kematian Mirza dan telah digantikan dengan negara moden sekular yang berasaskan kepada Syirik. Pemerintahan sekular ini telah merebak ke negara Turki di pusat pemerintahan Khalifah Islam itu sendiri. Seterusnya sistem sekular ini telah merebak ke Semenanjung Arab – pusat bagi agama Islam dan seterusnya ke seluruh dunia Islam. Dengan ini, seluruh dunia Islam telah disatukan bersama dalam amalan Syirik. Ini adalah kerja-kerja Dajjal dan berlaku hanya selepas kematian Mirza.

6. Sistem riba yang telah menguasai ekonomi dunia adalah contoh yang jelas bahawa ramalan Rasullullah s.a.w. telah menjadi kenyataan. Baginda telah bersabda bahawa di zaman Dajjal, amalan riba akan meluas. Baginda juga bersabda bahawa akan datang suatu hari di mana tidak ada seorang pun yang akan bebas dari perbuatan riba dan jika ada orang yang mengakui tidak mengambil riba, "saksikanlah bahawa debu-debu riba akan menimpanya". Riba kini telah mengawal seluruh ekonomi dunia, tidak seperti sebelum kematian Mirza.

7. Revolusi feminisma moden dan pembebasan kaum wanita telah memenuhi ramalan Rasullullah s.a.w. di mana baginda telah bersabda bahawa kaum wanita akan menjadi golongan terakhir yang akan mengikut Dajjal.

"Golongan terakhir yang akan mengikut Dajjal adalah kaum wanita sehingga seorang lelaki terpaksa mengikat ibunya,

anaknya, kakaknya atau makciknya agar mereka tidak mengikut Dajjal"

(Kanz al-'Ummal, Jilid 7, Hadith No 2116)

"Kebanyakan pengikut Dajjal adalah daripada kalangan orang-orang Yahudi dan wanita"

(Kanz al- 'Ummal, Jilid 7, Hadith No 2114)

Wanita Britishlah yang telah yang mengetuai revolusi feminisma moden ini dan hanya selepas kematian Mirza, revolusi ini berjaya menembusi dunia Islam.

8. Pencemaran alam yang membawa perubahan iklim di dunia seperti yang telah diramalkan oleh Rasullullah s.a.w. juga berlaku di zaman Dajjal. Hal ini masih berlaku sekarang ini, lama selepas kematian Mirza.

9. Dunia moden yang dipenuhi dengan kepalsuan dan penipuan sehingga realiti berbanding dengan penampilan luaran sesuatu perkara adalah sangat berbeza di antara satu dengan yang lain. Jalan ke syurga nampak seperti menuju ke neraka dan sebalilknya. Ini adalah bukti Dajjal masih menjalankan misinya seperti yang telah diramalkan oleh Rasullullah s.a.w.

10. "Pembebasan" Tanah Suci dari genggaman orang-orang bukan Yahudi (orang-orang Islam) dan kembalinya orang-orang Yahudi ke Tanah Suci dan pembentukan negara Israel telah dicapai dengan pembabitan secara aktif oleh sebuah pulau Kristian bernama Britain yang terletak

sebulan pelayaran dari Semenanjung Arab (Hadith Tamim al-Dari). Ini juga berlaku selepas kematian Mirza. Hal ini menjadi bukti yang kukuh bahawa Dajjal telah bertindak menyerang orang-orang Yahudi dari Pulau Britain lama selepas kematian Mirza.

11. Adalah suatu kepastian bahawa suatu hari nanti, negara Israel akan menggantikan Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang akan memerintah dunia dan yang kononnya akan mengembalikan semula zaman keemasan pemerintahan Nabi Sulaiman a.s. Buat masa ini, penggantian ini masih belum lagi berlaku. Sekiranya hal ini berlaku ia akan membuktikan bahawa misi Dajjal untuk meniru al-Masih telah mencapai kemajuan. Tetapi Mirza sudah meninggal dunia hampir satu abad yang lalu.

Semua di atas adalah kerja-kerja Dajjal yang masih lagi hidup, walhal Mirza telah lama mati. Kejadian-kejadian di atas berlaku lama selepas kematian Mirza. Sekiranya Mirza telah membunuh Dajjal al-Masih yang palsu, bagaimanakah boleh pengikut-pengikut Mirza menerangkan kejadian-kejadian di atas? Mungkin kini pengikut-pengikut Mirza dapat mengenali kebenaran dan membezakannya dari apa yang didakwa oleh Mirza Ghulam Ahmad. *Amin!*

Bab 10

YAKJUJ DAN MAKJUJ DI DALAM AL-QUR'AN DAN HADITH

﴿ قَالُوا۟ يَـٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰٓ أَن تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Mereka berkata: "Hai Zulkarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu orang-orang yang membuat kerosakan di muka bumi, maka dapatlah kami memberi sesuatu pembayaran kepadamu, supaya kamu membuat dinding antara kami dan mereka?"

(Al-Kahf, 18: 94)

Guru kepada penulis, yakni Maulana Dr. Muhammad Fadhlur Rahman Ansari r.a. telah mengajar suatu hakikat yang penting dalam konteks pencarian ilmu – terutama berkaitan dengan ilmu tentang kebenaran. Beliau menekankan di dalam pengajarannya bahawa ilmu itu tidak boleh dihayati secara berasingan dengan cabang ilmu yang lain dari keseluruhan cakupan ilmu itu sendiri. Beliau juga menyarankan supaya proses pengumpulan ilmu itu dilakukan secara keseluruhannya. Hal ini tidak mungkin dicapai melainkan jika asas yang

menyatukan semua cabang ilmu ini dikenalpasti. Beliau menamakan asas yang menyatukan cabang-cabang ilmu ini sebagai 'sistem pemahaman'. Sistem ini harus dikenalpasti apabila ilmu berkenaan Yakjuj dan Makjuj (Gog and Magog) dipelajari. Jika kaedah pembelajaran ini tidak diterima pakai oleh para ilmuan ia boleh menyesatkan mereka dalam memahami ilmu yang berkaitan dengan Yakjuj dan Makjuj ini.

Di dalam sebuah hadith dari Kitab Sahih Muslim, dijelaskan bahawa dunia tidak akan mengalami fenomena Yakjuj dan Makjuj sehinggalah kembalinya Nabi Isa a.s ke bumi:

Di sinilah Allah akan berfirman kepada Isa a.s.:

> "Aku telah jadikan di antara hamba-hamba Ku segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur, kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj yang akan turun dari segenap cerun."
>
> (Sahih Muslim)

Tetapi bukti yang didapati dari al-Qur'an dan bukti dari tidak kurang lapan hadith Sahih Bukhari, menunjukkan bukti yang bertentangan dengan kenyataan hadith di atas. Hadith-hadith ini menyebut bahawa Yakjuj dan Makjuj telah dibebaskan ketika hayat Rasullullah s.a.w. lagi, yakni sebelum Nabi Isa a.s. diturunkan ke dunia semula.

Hanya terdapat dua rujukan berkaitan dengan Yakjuj dan Makjuj di dalam al-Qur'an. Langkah pertama adalah untuk mencari asas yang mengaitkan dua ayat al-Qur'an ini dengan Yakjuj dan Makjuj.

Rujukan pertama terdapat di dalam surah Al-Kahf dan rujukan kedua di dalam surah Al-Anbiya'. Rujukan pertama:

﴿ قَالُوا۟ يَـٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰٓ أَن تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Mereka berkata: Hai Zulkarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu orang-orang yang membuat kerosakan di muka bumi, maka dapatkah kami memberi sesuatu pembayaran kepadamu, supaya kamu membuat dinding antara kami dan mereka?"

(Al-Kahf, 18: 94)

Ayat di atas menunjukkan bahawa Yakjuj dan Makjuj adalah agen-agen perlakuan fasad. Rasullullah s.a.w. menerangkan bahawa Yakjuj dan Makjuj adalah suatu golongan masyarakat manusia berketurunan Nabi Adam a.s. Hadith di bawah ini menyokong ayat di dalam al-Qur'an untuk memberi peringatan bahawa Allah s.w.t. telah mengurniakan golongan ini (yang menjadi agen fasad) dengan kekuatan yang sebegitu rupa sehingga mereka tidak dapat dikalahkan oleh manusia yang lain:

"Di sinilah Allah akan berfirman kepada Isa a.s.: Aku telah jadikan di antara hamba-hamba Ku segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur, kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj yang akan turun dari segenap cerun. Yang pertama daripada mereka akan melewati Tasik Tiberias dan meminum air darinya. Apabila

yang yang terakhir dari mereka melewatinya, dia akan berkata: Dahulu pernah ada air di sini. Nabi Isa dan para sahabatnya kemudiannya akan terkepung di sini (di Tur, dan mereka akan mengalami kesusahan yang amat sangat) sehingga kepala seekor lembu akan lebih bernilai dari seratus dinar. Rasul Allah Isa a.s. dan para sahabatnya akan berdoa ke hadrat Allah s.w.t., dan Allah s.w.t. akan menghantar serangga yang akan menyerang leher-leher mereka dan mereka semua akan mati keesokan paginya. Nabi Isa a.s. dan sahabat-sahabatnya akan turun ke bumi dan mendapati bumi dipenuhi dengan bau bangkai yang teramat busuk. Nabi Isa a.s. dan para sahabatnya akan memohon kepada Allah yang akan menghantar burung yang lehernya seperti unta yang akan mengangkat bangkai-bangkai ini dan membuangkannya ke tempat yang dipilih Allah."

(Sahih Muslim)

Di dalam surah Al-Kahf di atas diterangkan bahawa Dzul Qarnain telah membina benteng penghalang di antara penduduk-penduduk tersebut dengan agen-agen fasad ini dengan menggunakan blok-blok besi dan dikukuhkan dengan tembaga cair. Dzul Qarnain kemudian membuat deklarasi bahawa benteng tersebut merupakan rahmat daripada Allah s.w.t. dan Dia sendiri yang akan meruntuhkan benteng tersebut agar Yakjuj dan Makjuj dapat dibebaskan apabila amaran Allah tiba pada waktu yang ditetapkan:

﴿قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي ۖ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾﴾

Maksudnya:

"Zulkarnain berkata: Ini (dinding) adalah rahmat dari Tuhanku, maka apabila sudah datang janji Tuhanku, Dia akan menjadikannya hancur luluh; dan janji Tuhan itu adalah benar."

(Al-Kahf, 18: 98)

Amaran (*W'ad*) yang mana satu yang dirujuk di dalam ayat di atas? Jawapannya amat jelas di dalam hadith di bawah di mana Rasullullah s.a.w. telah bersabda tentang sepuluh tanda akhir zaman. Antaranya ialah pembabasan Yakjuj dan Makjuj:

"Diriwayatkan oleh Hudhayfah ibn Usayd Ghifari: Rasul Allah s.a.w. datang kepada kami secara mengejut ketika kami sibuk berbincang, baginda bersabda: Apa yang kamu bincangkan? Berkata para sahabat: Kami sedang berbincang tentang Hari Kiamat. Kemudian baginda berkata: Ia tidak akan datang sehingga kamu melihat sepuluh tanda dan dalam konteks ini baginda menerangkan tentang asap, Dajjal, sejenis makhluk, terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa anak Maryam a.s., Yakjuj dan Makjuj dan pergerakan bumi di tiga tempat, satu di timur, satu di barat dan satu di Semenanjang Arab dan di akhir ini akan muncul api dari Yemen yang akan membawa manusia ke tempat pengumpulan mereka.

(Sahih Muslim)

Maka jelaslah dengan runtuhnya benteng tersebut dan pembebasan Yakjuj dan Makjuj menandakan satu dari tanda besar akhir zaman telah berlaku dan manusia sudah memasuki zaman

terakhir kehidupan di bumi. Persoalannya: Apakah cara untuk mengetahui samada benteng tersebut telah diruntuhkan serta pembebasan Yakjuj dan Makjuj telah bermula? Berikut dipaparkan lapan hadith untuk kajian yang dapat memberi jawapan kapada persoalan di atas – kesemuanya hadith ini di ambil dari himpunan Sahih Bukhari. Walaupun terdapat pengulangan fakta dalam hadith-hadith ini, semua hadith-hadith ini adalah berlainan tetapi menerangkan perkara yang serupa, Hadith-hadith berikut adalah hadith mutawatir, yakni hadith yang paling kuat sanadnya:

> "Diriwayatkan oleh Abu Huraira: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sebuah lubang telah terbuka di dalam benteng Yakjuj dan Makjuj. Wuhaib (perawi kedua) telah membentuk angka 90 (dengan ibu jari dan jari telunjuknya)"
>
> (Sahih Bukhari)

> "Diriwayatkan oleh Zainab binti Jahsh: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. masuk ke kamarnya dalam keadaan gementar dan bersabda: Tiada yang berhak disembah melainkan Allah! Celaka ke atas orang-orang Arab disebabkan kejahatan besar yang menimpa mereka. Pada hari ini sebuah lubang telah dibuat di dalam benteng Yakjuj dan Makjuj seperti ini. Rasulullah s.a.w. telah membentuk suatu bulatan dengan ibu jari dan jari telunjuknya. Zainab binti Jahsh menambah: Saya bertanya: Wahai Rasulullah! Akan musnahkah kami walaupun terdapat orang-orang beriman di kalangan kami? Nabi menjawab: Ya, jika kejahatan (orang-orang jahat) bertambah."
>
> (Sahih Bukhari)

Hadith di atas telah diulang di dalam Sahih Bukhari dengan teks yang berbeza sedikit:

> "Diriwayatkan oleh Zainab binti Jahsh: Rasulullah s.a.w. telah terjaga dari tidurnya dengan muka merah padam dan bersabda: Celaka ke atas orang-orang Arab, disebabkan kejahatan besar yang sedang menghampiri mereka. Pada hari ini sebuah lubang telah dibuat di dalam benteng Yakjuj dan Makjuj (Sufyan menunjukkan ini dengan membentuk angka 90 atau 100 dengan jarinya). Baginda telah ditanya: Akan musnahkah kami walaupun ada di kalangan kami orang-orang yang beriman? Rasulullah menjawab: Ya, jika kejahahatan meningkat."
>
> (Sahih Bukhari)

> "Diriwayatkan oleh Zainab binti Jahsh: Rasulullah s.a.w. telah datang kepadanya dalam keadaan ketakutan sambil berkata: Tiada yang layak disembah melainkan Allah s.w.t. Celaka ke atas orang-orang Arab disebabkan kejahatan besar yang sedang menghampiri mereka. Pada hari ini sebuah lubang telah dibuat di dalam benteng Yakjuj dan Makjuj sebesar ini (menggunakan dua jarinya untuk membuat bulatan), Zainab berkata: Wahai Rasulullah! Akan musnahkah kami walaupun terdapat orang-orang yang beriman di kalangan kami? Baginda berkata: Ya, jika kejahatan meningkat."
>
> (Sahih Bukhari)

> "Diriwayatkan oleh Zainab binti Jahsh: Rasulullah s.a.w. telah datang kepadanya dalam keadaan ketakutan sambil berkata: "Tiada yang layak disembah melainkan Allah s.w.t. Celaka ke

atas orang-orang Arab disebabkan kejahatan besar yang sedang menghampiri mereka. Suatu bukaan telah dibuat pada dinding Yakjuj dan Makjuj seperti ini (membuat bulatan dengan ibu jari dan jari telunjuknya). Zainab binti Fahsh berkata: Wahai Rasulullah! Akan musnahkah kami walaupun terdapat orang-oraag yang beriman di kalangan kami? Baginda berkata: Ya, jika kejahatan meningkat."

(Sahih Bukhari)

"Diriwayatkan oleh Umm Salama: Rasulullah s.a.w. bangun dari tidurnya seraya berkata: Maha Suci Allah: Betapa banyak khazanah yang telah diturunkan dan betapa banyak kesusahan telah diturunkan!"

(Sahih Bukhari)

"Diriwayatkan oleh Abu Huraira: Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah telah membuat suatu bukaan di dalam dinding Yakjuj dan Makjuj seperti ini (dan dia menggunakan tangan dan jari-jarinya)."

(Sahih Bukhari)

"Diriwayatkan oleh Ibn Abbas: Rasulullah telah melakukan Tawaf (di keliling Kaabah sambil menunggang kudanya dan setiap kali baginda tiba di penjuru (Hajar al-Aswad), dia akan menuding jarinya ke arahnya dan berkata: 'Allahu Akbar.' Zainab berkata: Rasulullah bersabda: Sebuah bukaan telah dibuat di dalam dinding Yakjuj dan Makjuj seperti ini (membentuk angka 90 dengan ibu jari dan jari telunjuknya."

(Sahih Bukhari)

Kelapan-lapan hadith Sahih Bukhari ini yang datang dari empat sumber berlainan iaitu daripada Abu Hurairah, Zainab binti Jahsh, Umi Salama dan Abdullah ibn Abbas r.a. dengan jelas menerangkan bahawa Yakjuj dan Makjuj telah dibebaskan semasa hayat Rasullullah s.a.w. lagi. Rasullullah s.a.w. juga telah menegaskan bahawa pembebasan Yakjuj dan Makjuj telah berlaku pada "hari ini"! Hatta zaman terakhir atau zaman fitnah telah bermula di ketika hayat Rasullullah s.a.w. lagi. Berikut adalah kenyataan baginda yang masyhur tentang kaitannya dengan zaman akhir:

> Diriwayatkan oleh Sahl bin Sad: "Aku telah melihat Rasulullah s.a.w. menuding jari telunjuk dan jari tengahnya seraya berkata: Masa di antara kehadiranku dengan akhir zaman adalah seperti dua jari ini. Malapetaka yang besar akan menyelebungi segalanya."
>
> (Sahih Bukhari)

Seterusnya al-Qur'an memberi petunjuk kepada pengikut-pengikutnya tanda besar yang membuktikan pembebasan Yakjuj dan Makjuj dan bukti-bukti bahawa dunia kini di bawah kawalan Yakjuj dan Makjuj. Mereka dapat mengenalpasti Yakjuj dan Makjuj sebagai kuasa yang memerintah dunia. Bukti-bukti ini terdapat di dalam surah Al-Anbiya':

Maksudnya:

"Sungguh tidak mungkin atas (penduduk) suatu negeri yang telah Kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (kepada Kami).

Hingga apabila dibukakan (tembok) Yakjuj dun Makjuj, dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggal."

(Al-Anbiya, 21: 95-96)

Ayat di atas menjelaskan bahawa, apabila Yakjuj dan Makjuj dibebaskan dan setelah mereka 'turun dari setiap ketinggian' dan 'merebak di dalam setiap arah', ketika itulah segolongan kaum yang telah dihukum oleh Allah s.w.t. dan diusir dari bandar mereka (negeri mereka) akan kembali semula menghuni bandar atau negeri tersebut. Hanya terdapat satu bandar sahaja (yang dimusnahkan oleh Allah s.w.t.) yang disebut di dalam hadith berkaitan Yakjuj dan Makjuj. Bandar itu adalah Jerusalem.

Hadith yang berikut pula menerangkan tentang Yakjuj dan Makjuj melewati Laut Galilee (Sea of Galilee) yang terletak di Tanah Suci:

Diriwayatkan oleh al-Nawwas ibn Sam'an ... "Di sinilah Allah akan berfirman kepada Isa a.s.: Aku telah jadikan di antara hamba-hamba Ku segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur, kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj yang akan turun dari segenap cerun. Yang pertama daripada mereka akan melewati Tasik Tiberias (Laut Galilee) dan meminum air darinya. Apabila yang terakhir dari mereka melewatinya, dia

> akan berkata: Dahulu pernah ada air di sini. Nabi Isa dan para sahabatnya kemudiannya akan terkepung di sini (di Tur, dan mereka akan mengalami kesusahan yang amat sangat) sehingga kepala seekor lembu akan lebih bernilai dari seratus dinar ..."
>
> (Sahih Muslim)

Setelah Yakjuj dan Makjuj melewati Laut Galilee, mereka akan terus ke Tur (gunung) yang disebut di dalam suatu hadith lain sebagai sebuah gunung di Jerusalem:

> "Yakjuj dan Makjuj akan berjalan sehingga mereka sampai ke gunung al-Khamr; dan ia adalah sebuah gunung di Bait al-Maqdis (yakni Jerusalem), dan mereka akan berkata: Kami telah membunuh mereka yang di langit. Sekarang kami akan bunuh mereka yang di langit. Mereka akan menembak anak-anak panah mereka ke arah langit dan anak-anak panah ini akan kembali kepada mereka berlumuran dengan darah."
>
> (Sahih Muslim)

Oleh sebab tiada sebarang bandar atau kota (yang dimusnahkan Allah s.w.t.) selain dari Jerusalem yang disebut di dalam Hadith berkaitan dengan Yakjuj dan Makjuj, penulis berpendapat bahawa bandar atau kota yang dirujuk di dalam surah al-Anbiya' (95-96) sudah semestinya Jerusalem.

Dengan kesimpulan bahawa identiti kota ini adalah Jerusalem, maka implikasi dari kembalinya orang-orang Yahudi ke Tanah Suci adalah bukti yang nyata dan kukuh bahawa benteng tersebut telah diruntuhkan oleh Allah s.w.t. Kehidupan manusia kini berada di dalam

zaman Yakjuj dan Makjuj iaitu di akhir zaman!

Implikasi dari kembalinya orang-orang Yahudi ke Jerusalem dan penubuhan negara Israel adalah bahawasanya Yakjuj dan Makjuj telah pun memenuhi misinya (seperti di dalam surah Al-Anbiya' 21: 91) yakni misi untuk turun dari setiap ketinggian, dan merebak ke setiap arah dan untuk menguasai dunia. Order dunia yang mengembalikan orang-orang Yahudi ke Tanah Suci adalah order dunia Yakjuj dan Makjuj. Siapakah mereka ini? Bolehkah mereka dikenali? Kaedah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini ialah untuk mengenalpasti segolongan manusia yang mempamerkan obsessi dengan orang-orang Yahudi dan Tanah Suci di mana obsessi ini bermula hanya selepas dari Zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan bukan sebelumnya.

Obsesi Ganjil Orang-Orang Eropah Ke Atas Tanah Suci

Ketika Nabi Ibrahim a.s. berhijrah ke Tanah Suci dari Babylon, Parsi, Mesir dan China merupakan tamadun-tamadun yang agung di dunia. Ketika itu Empayar Greek dan Rom belum muncul lagi dan orang-orang di Eropah kebanyakannya hidup sebagai puak-puak yang liar (wild tribes). Aktiviti perdagangan di antara orang-orang Eropah dengan dunia yang bertamadun tidak wujud langsung atau hampir tidak wujud. Begitu juga tidak terdapat interaksi dengan dunia bertamadun. Akibat dari isolasi ini dunia tidak dapat memahami bahasa-bahasa yang diguna di Eropah dan Eropah juga tidak memainkan peranan di pentas dunia.

Al-Qur'an di dalam surah Kahf telah mengisahkan tentang ciri-ciri orang Eropah yang unik ini bilamana Dzul-Qarnain memulakan pengembaraannya dan telah bertemu dengan sekumpulan manusia

yang bahasanya tidak dapat difahami (surah al-Kahf).

Selepas dari ini suatu revolusi yang aneh dan penuh misteri telah melanda Eropah. Tamadun Rom dan Greek pagan telah muncul hasil dari revolusi tersebut. Kedua-dua tamadun ini dengan aneh sekali telah memulakan penaklukan dunia luar sebanyak yang mungkin. Kedua-dua empayar Rom dan Greek Eropah telah menunjukkan minat yang istimewa terhadap Tanah Suci Jerusalem. Seterusnya "*Alexander the Great*" telah menakluki Jerusalem dan telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap agama Yahudi. Empayar Rom pula telah memerintah Jerusalem dan Tanah Suci sehingga melewati zaman Nabi Isa a.s. Tamadun Greek dan Rom tidak menunjukkan kesetiaan terhadap tuhan-tuhan mereka dan terhadap cara kehidupan pagan. Tuhan-tuhan mereka tidak berkekalan seperti tuhan-tuhan di kalangan orang-orang Hindu di India. Sebaliknya kepercayaan pagan mereka telah ditinggalkan secara beransur-ansur dengan penuh keanehan sepertimana ianya telah didakapi secara aneh berkurun sebelum itu.

Anehnya, selepas dari ini benua Eropah memeluk agama Kristian atas sebab-sebab politik. dan ini menyaksikan timbulnya Gereja Euro-Kristian. Rom pula menjadi pusat kepada agama baru ini. Agama Kristian telah membantu mengeluarkan Eropah dari kehidupan berpuak dan liar serta berjaya menyatukan Eropah sebagai pusat kepercayaan Kristian, Gereja Kristian baru ini telah memilih suatu tarikh yang baru untuk meraikan kelahiran Nabi Isa a.s. sebagai menunjukkan kelainannya dari ajaran Kristian yang asal.

Agama Kristian anutan orang-orang Eropah ini jelas berbeza jika dibandingkan dengan Kristian ortodok Byzantium. Perbezaan ini juga adalah suatu misteri. Sebaik sahaja agama Kristian yang baru ini dapat

menguatkan cengkamannya di seluruh Eropah, ia mula menunjukkan obsesi terhadap Tanah Suci seperti yang tidak pernah ditunjukkan oleh orang-orang Kristian sebelum itu. Mereka yang melancarkan Perang Salib bukanlah orang-orang Kristian semata-mata sebaliknya mereka adalah orang-orang Kristian-Eropah. Perang Salib ini telah dilancarkan bertalu-talu ke atas kaum Muslimin tanpa beroleh kejayaan untuk menguasai Tanah Suci. Kejayaan yang singkat oleh Eropah untuk membebaskan Tanah Suci berakhir dengan kekalahan golongan Kristian-Eropah di tangan Sultan Salahuddin Al-Ayubi dan seterusnya kaum Muslimin berjaya menguasai semula Tanah Suci.

Perkara yang penting tentang Perang Salib adalah fakta bahawa kesemua peperangan tersebut telah dilancarkan oleh orang-orang Eropah. Walaupun tentera Salib Eropah bergerak melalui kawasan Kristian Byzantin dalam siri perang mereka ke atas golongan Islam, tidak ada golongan Kristian bukan Eropah yang turut serta dalam perang-perang tersebut. Maka, obsesi terhadap Jerusalem dan Tanah Suci yang dipamerkan oleh orang-orang Eropah bukanlah kehendak agama Kristian. Jika demikian, mengapa wujud obsesi yang aneh oleh kaum Eropah-Kristian ini terhadap Tanah Suci?

Ketika golongan Eropah-Kristian berjaya manawan Jerusalem daripada orang-orang Islam, untuk suatu waktu yang pendek, mereka telah menumpahkan darah (pembunuhan) dengan sebegitu rupa sehingga melanggar ciri-ciri ajaran agama Kristian. Mereka telah menyembelih semua penduduk Jerusalem, termasuk kanak-kanak dan wanita. Dunia Kristian telah dikejutkan oleh tindakan tidak bertamadun, biadap dan buas oleh golongan Eropah Kristian ini yang kononnya bertindak atas ciri keagamaan dan kerohanian untuk

membebaskan Tanah Suci. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah Eropah menggunakan agama Kristian sebagai alasan dan jalan mudah untuk bertindak zalim dan bukannya suatu tindakan yang melambangkan kepercayaan kepada ajaran agama Kristian. Tentera Salib tersebut telah mempamerkan sifat tamadun Eropah tersebut yang bersifat ganas, tidak bertuhan, tidak bermoral, zalim dan menakutkan. Ciri-ciri ini lebih menyebelahi sifat kaum yang tidak bertuhan dan sama sekali tidak menyebelahi ajaran agama Kristian. Ianya mencirikan sifat suatu kaum yang liar (*wild tribes*) dan tidak bertamadun. Mereka juga seakan-akan memiliki kekuasaan yang luarbiasa dan dengan peredaran zaman, mereka berjaya menutup hakikat perbuatan mereka yang sebenar dan mula mempamerkan ciri-ciri yang berlawanan dengan yang sebenarnya.

Tumpuan golongan Muslimin untuk mengkaji kemunculan fenomena Eropah yang aneh ini telah terpadam dengan penuh misteri dengan berlakunya serangan kaum Monggol, (suatu kaum yang liar dan ganas) yang telah mengganas di bumi Islam, sama seperti perilaku tentera Salib Eropah-Kristian. Sekiranya serangan kaum Monggol ini tidak berlaku, para pemikir Islam mungkin dapat mengenalpasti suatu bentuk tingkahlaku yang aneh dan berbahaya yang telah muncul di Eropah ketika itu.

Disebabkan oleh tiadanya kajian ilmiah terhadap fenomena kebangkitan benua Eropah ini, dunia Islam tidak berkeupayaan untuk memahami dan menjelaskan berkenaan revolusi yang penuh misteri yang telah mengubah Eropah dari suatu tamadun kuno Kristian kepada suatu tamadun sekular barat yang tidak bertuhan. Revolusi tersebut juga telah mengilhamkan Eropah kemajuan sains dan industri yang hebat

berserta dengan sistem ekonomi berasaskan riba. Ini telah mengubah benua Eropah yang tidak bertuhan menjadi kuat dan hebat jika dibandingkan dengan seluruh dunia dikumpulkan bersama. Seterusnya Eropah menjadi kuasa dunia yang tidak dapat dicabar dan tidak mampu dicabar oleh sesiapa pun. Tamadun Eropah yang baru ini telah melihatkan Britain, sebuah pulau yang tidak signifikan yang terletak sebulan pelayaran dari Tanah Suci, muncul sebagai sebuah negara yang mengetuai tamadun baru Eropah ini dan berfungsi sebagai negara pemerintah dunia.

Tamadun Eropah yang baru ini pada hakikatnya adalah suatu tamadun yang tidak bertuhan, dan bertopengkan agama Kristian. Tamadun Eropah yang bari ini telah mempamerkan obsesi yang aneh dan luarbiasa terhadap Tanah Suci sama seperti Eropah lama yang telah melancarkan siri perang Salib ke atas Islam. Ia telah bergabung dengan golongan Yahudi Khazer yakni Yahudi Eropah yang juga pada hakikatnya tidak bertuhan dan terus menunjukkan obsesi untuk membebaskan Tanah Suci. Dua golongan di Eropah ini telah bersatu dengan penuh misteri semenjak dari waktu itu.

Pada tahun 1917 Pulau Britain telah mengumumkan (Deklarasi Balfour) suatu dasar untuk membantu usaha untuk mengasaskan tanahair bagi orang-orang Yahudi di Palestin. Seterusnya Britain telah berjaya membebaskan Tanah Suci dari pemerintahan Islam dua tahun kemudiannya. Pembebasan ini berlaku pada tahun 1919 apabila seorang Jeneral British bernama Allenby dan tenteranya telah menewaskan tentera Islam Turki yang pada ketika itu mempertahankan Jerusalem dan Tanah Suci Palestin. Perang Salib yang telah dilancarkan oleh tentera Eropah yang lama, yang bertopengkan agama Kristian telah

gagal dalam usaha mereka tetapi tentera Eropah yang baru yang tidak bertuhan telah berjaya menawan Tanah Suci dari genggaman orang-orang Islam. Kedua-dua usaha untuk membebaskan Jerusalem dan Tanah Suci berpunca daripada usaha orang-orang Eropah. Kedua-duanya merupakan Perang Salib. Malah Jeneral Allenby, semasa memasuki Jerusalem setelah berjaya menawannya telah berkata: "Pada hari ini Perang Salib telah berakhir!" Jelaslah bahawa usaha untuk membebaskan Tanah Suci tiada kaitan langsung dengan perkara keagamaan. Ia hanya menunjukkan suatu sifat yang aneh oleh pelakon yang baru di pentas dunia yakni Eropah.

Seterusnya Britain menguasai Tanah Suci dengan kuasa mandat dari Liga-Liga Negara (*League Of Nations*) dan meneruskan usaha untuk mengasaskan tanahair bagi kaum Yahudi. Buku ini mempersoalkan: Mengapa wujudnya suatu obsesi yang aneh keatas Tanah Suci oleh orang-orang Eropah di mana mereka adalah penganut fahaman sekularisma dan juga materialisma dan hanya segelintir sahaja daripada mereka yang menganut fahaman Kristian?

Andaikata tindakan bangsa Eropah memeluk agama Kristian adalah sesuatu yang nampak aneh, maka tindakan bangsa Eropah memeluk agama Judaisma merupakan suatu tindakan yang lebih aneh lagi! Lebih kurang pada abad ketujuh, puak Khazer yang berasal dari timur Eropah telah memeluk fahaman Judaisma. Mereka menjadi Yahudi semata-mata kerana keuntungan yang mereka boleh perolehi dari segi politik. Kepercayaan kepada agama itu sendiri langsung tidak memainkan peranan dalam penukaran agama mereka ke Judaisma. Sebelum puak ini memeluk agama Judaisma lagi, puak Khazer-Eropah ini diakui memiliki kekuasaan misteri yang membolehkan mereka

menyekat kemaraan Islam ke Eropah dengan jayanya.

Golongan Kristian-Eropah seperti juga Yahudi-Eropah berbeza sekali daripada golongan Yahudi Israel. Tidak seperti Yahudi Israel, golongan Yahudi Eropah obses dengan idea untuk menguasai Tanah Suci. Golongan Yahudi-Eropahlah yang akhirnya telah memulakan gerakan Zionisma dan meneruskan usaha golongan Kristian-Eropah (perang salib) untuk membebaskan Tanah Suci. Buku ini mempersoalkan mengapa wujudnya obsessi aneh ini oleh golongan Yahudi-Eropah terhadap Tanah Suci?

Negara Britain telah membantu pergerakan Zionis untuk merealisasikan obsessi membawa kembali orang-orang Yahudi ke Tanah Suci, sesuatu yang berjaya mereka capai pada tahun 1948 dengan tertubuhnya negara Israel. Dengan penubuhan ini, dunia telah menyaksikan apa yang nampak seperti penubuhan semula negara Israel silam yang telah dimusnahkan oleh Allah s.w.t. 2,000 tahun yang lampau.

Setelah negara Britain menjadi pemerintah dunia selama beberapa ratus tahun, suatu perubahan yang penuh misteri dan aneh telah berlaku di mana sebuah negara yang baru mengambil alih peranan Britain sebagai kuasa dunia pula. Bukti berkenaan perubahan ini telah dapat dilihat semasa Perang Dunia Pertama apabila campurtangan tentera Amerika Syarikat di dalam perang tersebut telah mengelakkan kekalahan Britain. Peristiwa ini menjadi lebih jelas lagi apabila seorang Jeneral Amerika Syarikat, Eisenhower telah dipilih sebagai komander untuk memimpin tentera dari semua negara-negara bersekutu di dalam Perang Dunia Kedua.Eisenhower adalah seorang yang berbangsa Jerman dengan kerakyatan Amerika dan bukannya berketurunan

British.

Seterusnya, pada tahun 1944, di Bretton Woods, New York, telah berlangsung suatu persidangan antarabangsa untuk mengasaskan sistem matawang antarabangsa yang baru. Persidangan ini telah memilih Dolar Amerika Syarikat sebagi matawang utama dunia menggantikan Sterling Paun British – begitu juga London telah digantikan oleh Washington sebagai pusat sistem matawang antarabangsa yang menggunakan wang kertas (wang palsu kerana tidak bersandarkan kepada nilai emas).

Dengan penuh misteri dan keanehan, kuasa dunia yang baru ini muncul dari tamadun Eropah yang sama yang telah melancarkan Perang Salib,yang terlalu obses dengan pembebasan Jerusalem dan yang telah memainkan peranan penting dalam mengasaskan negara Israel di Tanah Suci. Kuasa dunia yang baru ini terus mempamerkan suatu tarikan dan hubungan erat yang penuh mistikal terhadap Tanah Suci dan negara Israel. Amerika Syarikat menjadi negara yang pertama di dunia yang telah mengiktiraf kewujudan Israel ketika kemerdekaan negara Israel diumumkan pada tahun 1948.

Kuasa dunia yang baru ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa ia telah menggantikan Britain sebagai sekutu strategik negara Yahudi. Ia telah berbuat demikian dengan memalukan Britain di mata dunia dalam proses menegaskan fakta ini. Sebuah revolusi telah berlaku di Mesir pada tahun 1952 di mana tentera Mesir ketika itu telah menggantikan pemerintahan berajanya dengan pemerintahan tentera. Dalam tahun 1956 Kolonel Gamal Abdul Nasser telah menggantikan Muhammad Naquib sebagai Ketua Negara Mesir. Nasser dengan segera telah membuktikan sifat pro kebangsaannya dengan menguasai Terusan Suez. Israel melihat perkembangan ini sebagai suatu ancaman.

Britain pula merasai fungsinya sebagai kuasa dunia terancam dengan tindakan Nasser ini.

Sebagai tindakbalas, tentera British, Perancis dan Israel telah bersatu dan menyerang Mesir.Gabungan tentera tiga negara ini berjaya mengusir tentera Mesir dari Terusan Suez. Ini telah mereka lakukan tanpa bantuan Amerika Syarikat. Presiden Amerika Syarikat ketika itu, Eisenhower tanpa berlengah telah mengarahkan tentera-tentera British, Perancis dan Israel agar berundur dari bumi Mesir. Akibat dari tekanan Amerika Syarikat ini, Britain terpaksa berundur dan akibatnya kerajaan Britain pimpinan Anthony Eden jatuh. Bermula dengan kejadian ini, sehingga kini, Amerika Syarikat telah menjadi penaung kepada negara Israel tanpa ada tolok bandingan. Buku ini mempersoalkan mengapakah terdapat obsessi yang aneh terhadap Tanah Suci oleh golongan Euro-Amerika ini?

Jika menjadi sesuatu yang aneh untuk melihat obsessi Eropah dan Amerika (termasuk Kristian Eropah dan Yahudi-Eropah) terhadap Tanah Suci, maka lebih banyak lagi kejadian-kejadian yang pelik akan terbongkar di masa hadapan! Penulis berpendapat dunia akan menyaksikan kemunculan negara Israel Eropah (yakni negara Israel yang dibentuk oleh pergerakan Zionis-Eropah) sebagai kuasa dunia yang baru menggantikan Britain dan Amerika Syarikat sebagai kuasa dunia. Israel-Eropah kini telah memiliki kuasa nuklear dan termo-nuklear yang setanding dengan yang terbaik di dunia. Teknologi ketenteraannya juga setanding dengan yang terbaik di dunia. Ahli-ahli kewangan dan pemilik-pemilik bank Yahudi-Eropah pula memiliki keupayaan untuk menguasai sistem kewangan dunia dengan cara menjatuhkan nilai matawang Dolar Amerika.

Dengan kejatuhan Dollar Amerika Syarikat, segala matawang kertas dunia akan turut serta menjunam. Hal ini mungkin dirancang agar berlaku selari dengan serangan ketenteraan Israel-Eropah ke atas orang-orang Palestin dan negara-negara Arab di sekelilingnya. Seterusnya Israel akan bertindak untuk tidak meghiraukan desakan dunia dan terus mencengkam kawasan sekelilingnya lagi. Hasil dari serangannya ini ia berupaya menjadi negara pemerintah dunia yang baru.Kepada golongan Yahudi-Israel (Bani Israel), kejayaan ini akan kelihatan seolah-olah mereka telah kembali ke zaman keemasan mereka dahulu - yakni zaman ketika Nabi Sulaiman a.s. memerintah dunia dari Israel.

Adakah terdapat penjelasan di dalam al-Qur'an berkenaan semua kejadian ini dan jika ada apakah penjelasannya?

Penulis ingin menegaskan adalah tidak mungkin, buku sebegini dapat ditulis sebelum kembalinya kaum Yahudi ke Tanah Suci. Buku ini nampak seperti buku pertama yang pernah ditulis berkenaan subjek ini semenjak kembalinya kaum Yahudi ke Tanah Suci. Maka apabila penulis menggunakan al-Qur'an dan hadith untuk menerangkan kejadian-kejadian yang aneh dan penuh misteri ini, sudah semestinya ianya akan menjadi sesuatu yang menghairankan termasuklah kepada para cendekiawan Islam. Bagi penulis, penjelasan di dalam al-Qur'an berkenaan kejadian-kejadian aneh di Eropah dan Tanah Suci merupakan ilmu yang mungkin tidak wujud lagi sebelum ini. Maka sudah menjadi kemestian bagi penulis dan kepada mereka yang menerima isi kandungan buku ini sebagai suatu kebenaran dan juga kepada mereka yang telah memiliki ilmu ini untuk sujud dan merendah diri ke hadrat Allah s.w.t. dengan kesedaran bahawa Allah

s.w.t. jualah yang memiliki segala ilmu dan Allah jualah yang membimbing sesiapa yang dikehendakiNya ke arah cahayaNya.

Kepada mereka yang menolak penjelasan al-Qur'an yang terdapat di dalam buku ini (berkenaan kembalinya kaum Yahudi ke Tanah Suci dan penubuhan semula negara Israel) mereka harus membuat deklarasi bahawa al-Qur'an tidak menjelaskan berkenaan peristiwa ini atau mengemukakan penjelasan yang lain dari yang terdapat di dalam buku ini dan mengemukakan bukti dan sokongan dari al-Qur'an.

Kepada mereka yang menolak Islam dan berkata bahawa kebenaran memihak kepada mereka, mereka dicabar untuk menerangkan berkenaan subjek ini. Samada tuntutan tentang kebenaran dibuat oleh kerajaan moden sekular atau dibuat oleh agama Judaisma, Kristian, Hinduisma, Jainisma, Budhisma, Confucianisma, Taoisma, Bahaisma, Ahmadiyah, humanisma dan liberalisma sekular, materialisma atau atheisma, tuntutan untuk kebenaran oleh fahaman-fahaman ini hanya boleh diterima sekiranya mereka dapat menjelaskan subjek yang diterangkan di dalam buku ini. Subjek inilah yang mencirikan kepentingan buku ini. Buku ini mengesahkan bahawa fahaman Islam terhadap kejadian-kejadian ini adalah benar.

Al-Qur'an seterusnya memberikan amaran bahawa dunia kini akan menyaksikan detik-detik yang menuju hari terakhir (Kiamat):

Maksudnya:

"Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah,adalah umpan Jahannam, kamu pasti masuk ke dalamnya."

(Al-Anbiyaa 21: 97)

Apabila Yakjuj dan Makjuj dibebaskan, mereka akan turun dari segenap ketinggian dan menyebar dalam setiap arah. Ini menunjukkan mereka memiliki kekuasaan yang tidak dapat ditumpaskan oleh manusia lain dan mereka akan menguasai dunia. Buat pertama kali dalam sejarah manusia, suatu golongan manusia akan memerintah seluruh manusia lain di dunia. Secara tepatnya sekaranglah waktunya di dalam sejarah kehidupan manusia di mana penguasaan dunia oleh Yakjuj dan Makjuj sedang berlaku.

Order dunia yang dibawa oleh Yakjuj dan Makjuj adalah bercirikan Fasad (yakni penindasan dan kejahatan). Penjelasan di dalam Surah al-Kahf berkenaan kedua-dua ciri Fasad Yakjuj dan Makjuj adalah berlawanan dengan ciri-ciri yang mendefinasikan order dunia Dzul-Qarnain. Keterangan di bawah menerangkan keadaan ini dengan lebih lanjut.

Dzul-Qarnain telah menggunakan kekuasaannya (kuasa atas dasar keimanan kepada Allah s.w.t.) untuk menghukum mereka yang menjadi penindas masyarakat dan dengan demikian menghasilkan keharmonian di antara order dunia dengan order alam ghaib (keharmonian temporal dengan realiti kerohanian). Sebaliknya, Yakjuj dan Makjuj menggunakan kekuasaan mereka (kuasa atas dasar tidak mempercayai wujudnya Tuhan) untuk menindas dan menghukum mereka yang tertindas. Dengan berbuat demikian, mereka menegakkan

suatu order dunia yang bertentangan sama sekali dengan order alam ghaib di atas. Order dunia Yakjuj dan Ma'juj ini memperlihatkan penindasan yang akan meningkat secara berterusan.

Dzul-Qarnain telah menggunakan kekuasaannya untuk memberi ganjaran kepada mereka yang beriman kepada Allah s.wrt. dan kepada mereka yang berkelakuan baik dan sempurna. Yakjuj dan Makjuj pula menggunakan kekuasaan mereka untuk perkara yang bertentangan sama sekali dengan yang tersebut di atas. Dzul-Qarnain telah menahan dirinya dari menggunakan kekuasaannya apabila berdepan dengan penduduk primitif di atas bumi. Dia telah menunjukkan kebijaksanaan dan belas kasihan dengan tidak mencabul cara hidup primitif mereka. Yakjuj dan Makjuj pula akan menggunakan kekuasaan mereka untuk memusnahkan cara hidup semua golongan primitif di atas muka bumi ini. Order dunia ini juga menyaksikan serangan yang berterusan dan semakin meningkat ke atas cara kehidupan primitif manusia lain sehingga akhirnya gaya kehidupan mereka ini hilang sama sekali.

Order dunia yang dimulakan dan diteruskan oleh Yakjuj dan Makjuj akan dapat dikenali oleh mereka yang memiliki visi rohani (yang terbina di atas dasar keimanan dan kelakuan yang baik) yang akan membolehkan mereka melihat kepada realiti sesuatu perkara. Jika orang-orang Yahudi membenarkan Yakjuj dan Makjuj menjadi juara untuk membebaskan Tanah Suci agar mereka boleh kembali ke Jerusalem maka ini menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi adalah buta rohani mereka.

Dari zaman awal Euro-Kristian hinggalah ke zaman moden tamadun barat, Eropah telah beransur-ansur menunjukkan ciri-ciri order dunia Yakjuj dan Makjuj dan juga telah berjaya mencapai misi

asas mereka. Eropah telah mencemari seluruh dunia dan telah membawa kaum Yahudi kembali ke Tanah Suci. Hal ini menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi buta rohani mereka sehingga membiarkan diri-diri mereka ditipu oleh Yakjuj dan Makjuj menuju kepada kemusnahan mereka sendiri.

Rasullullah saw, telah menerangkan suatu kaedah untuk mengetahui bila akan terjadinya hukuman terakhir ke atas orang-orang Yahudi. Pertama sekali, hukuman terakhir ini tidak akan berlaku sehingga Nabi Isa al-Masih berjaya membunuh Dajjal al-Masih yang palsu dan sehingga Allah s.w.t. sendiri memusnahkan Yakjuj dan Makjuj melalui peperangan biologi – kejadian-kejadian tersebut tidak akan berlaku selagi masih terdapat air di dalam Laut Galilee. Ikuti hadith di bawah:

> "Diriwayatkan aleh al-Nawwas ibn Sam'an: ... Di sinilah Allah akan berfirman kepada Isa a.s.: Aku telah jadikan di antara hamba-hambaKu segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur, kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj yang akan turun dari segenap cerun. Yang pertama daripada mereka akan melewati Tasik Tiberias dan meminum air darinya. Apabila yang terakhir dari mereka melewatinya, dia akan berkata: Dahulu pernah ada air di sini. Nabi Isa dan para sahabatnya kemudiannya akan terkepung di sini (di Tur, dan mereka akan mengalami kesusahan yang amat sangat) sehingga kepala seekor lembu akan lebih bernilai dari seratus dinar ..."
>
> (Sahih Muslim)

Berdasarkan hadith di atas, adalah penting untuk memberi perhatian terhadap paras air di Laut Galilee (*Sea Of Galilee*). Maklumat berkenaan Laut Galilee boleh didapati di lampiran 1. (buku yang akan ditulis oleh penulis bertajuk '*Suratul Kahf and the Modern Age*' akan memberi penerangan yang lanjut berkenaan Yakjuj dan Makjuj. *InsyaAllah!.*

ORANG-ORANG YAHUDI DAN ARAB

﴿ لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ
أَشْرَكُوا۟ ۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ
قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا
وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾ ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya kamu dapati orang-orang yang paling keras permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. Dan sesungguhnya kamu dapati yang paling dekat persahabatannya dengan orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya kami ini orang Nasrani." Yang demikian itu disebabkan kerana di antara mereka itu (orang-orang Nasrani) terdapat pendeta-pendeta dan rahib-rahib, (juga) keranamu sesungguhnya mereka tidak menyombongkan diri."

(Al-Maidah, 5: 82)

Sebelum mengkaji ramalan-ramalan yang akan berlaku, yakni Allah s.w.t. akan membawa kembali orang-orang Yahudi ke

Tanah Suci dan detik terakhir sebelum hukuman ke atas mereka bermula, kita harus meneliti subjek berkenaan Nabi Ismail a.s., orang-orang Arab dan Tanah Suci. Penelitian ini penting kerana gerakan Zionis telah berjaya menegakkan negara Israel dengan mengusir penduduk-penduduk Arab dari rumah-rumah mereka. Mereka mungkin tidak berani untuk melakukan demikian tanpa justifikasi ayat-ayat di dalam kitab mereka. Ayat-ayat di dalam kitab mereka adalah penipuan semata-mata ke atas Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. Golongan Zionis sedar akan penipuan ini dan mereka menggunakan peluang ini seluas-luasnya untuk kepentingan mereka. Hal inilah yang akan dibincangkan di dalam bab ini.

Pandangan Agama Yahudi Terhadap Golongan Arab

Seorang pemimpin rohani Parti Orthodox Shas dari puak Yahudi Sephardic telah mengeluarkan suatu kenyataan di dalam khutbahnya pada hari Sabtu, 5 haribulan Ogos 2000: "Golongan Ismail (Arab) semua berkelakuan buruk dan dilaknat, mereka adalah musuh kepada Israel. Tuhan yang suci, (rahmat ke atasnya), menyesal atas penciptaan kaum Ismail ini." Kenyataan tersebut menunjukkan bagaimana Rabbi Ovadia Yosef mempersendakan usaha kerajaan Barak ketika itu untuk mencapai suatu persetujuan dengan PLO mengenai tuntutan bersama kedua-dua pihak ke atas bandar suci Jerusalem. Ovadia menanya, "Mengapa harus dibahagikan bandar yang lama itu?" "Adakah agar mereka boleh membunuh kami sekali lagi?" "Mengapa harus kami hidup bersebelahan dengan mereka?" Semasa memberi ucapan kepada Perdana Menteri Barak, Rabbi tersebut menambah: "Anda membawa ular ke sebelah kami, bagaimana boleh anda hidup aman dengan seekor ular?" "Barak" katanya: "sedang mengamok ke atas golongan

Ismail yang jahat dan keji .... dan pada masa yang sama dia membawa ular-ular untuk tinggal bersebelahan kami di Jerusalem. Dia tidak berfikiran waras!" Suratkhabar Jerusalem Post menyebut bahawa para hadirin yang mendengar ucapan Rabbi ini telah memberi tepukan yang gemuruh (lihat www.JerusalemPost.com – Aug 5, 2000).

Salah satu dari sebab yang menerangkan kemarahan Rabbi tersebut terhadap golongan Ismail dan tuntutan mereka ke atas Jerusalem adalah kerana Buku Genesis di dalam kitab Taurat menegaskan bahawa Nabi Ismail a.s. adalah:

> "Dia seorang yang liar, tangannya menentang setiap orang dan tangan setiap orang menenentangnya."
>
> (Genesis, 16: 12)

Rabbi tersebut dan pengikut-pengikutnya semestinya berpendapat bahawa penindasan yang semakin meningkat oleh Israel ke atas negara-negara Arab adalah justifikasi yang diberikan oleh Tuhan seperti di dalam ayat: "tangan semua orang menentangnya". Jika tidak, bagaimana dunia dapat menerangkan serangan Israel ke atas kem pelarian Jenin yang amat biadap dan keji melainkan dengan rujukan kepada ayat-ayat di atas? Sekiranya kaum Yahudi tidak mengarang semula kitab Taurat dan mencanangkan penipuan terhadap Nabi Ismail a.s., maka akan lebih mudah bagi mereka mengenali penipuan dan perangkap yang dipasang oleh pergerakan Zionis untuk mengusir penduduk Arab Islam dari Tanah Suci agar negara Israel dapat ditegakkan.

Penerangan mengenai Nabi Allah Ismail a.s., yang diberi di dalam al-Qur'an telah membongkar hakikat bahawa kenyataan di dalam Taurat adalah suatu pemalsuan dan penipuan fakta terhadap Allah s.w.t.:

﴿ وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِسۡمَٰعِيلَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صَادِقَ ٱلۡوَعۡدِ وَكَانَ رَسُولٗا نَّبِيّٗا ٥٤ وَكَانَ يَأۡمُرُ أَهۡلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ مَرۡضِيّٗا ٥٥ ﴾

Maksudnya:

"Dan ceritakanlah (hai Muhammad kepada mereka) kisah Ismail (yang tersebut) di dalam Al-Qur'an. Sesungguhnya ia adalah seorang yang benar janjinya, dan dia adalah seorang rasul dan nabi, dan ia menyuruh ahlinya untuk bersembahyang dan menunaikan zakat, dan ia adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya."

(Maryam, 19: 54-55)

﴿ وَإِسۡمَٰعِيلَ وَإِدۡرِيسَ وَذَا ٱلۡكِفۡلِۖ كُلّٞ مِّنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ٨٥ وَأَدۡخَلۡنَٰهُمۡ فِي رَحۡمَتِنَآۖ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٨٦ ﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah kisah) Ismail, Idris dan Zulkifli. Semua mereka termasuk dalam orang-orang yang sabar. Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka termasuk orang-orang yang soleh."

(Al-Anbiyaa,21: 85-86)

﴿ وَٱذۡكُرۡ إِسۡمَٰعِيلَ وَٱلۡيَسَعَ وَذَا ٱلۡكِفۡلِۖ وَكُلّٞ مِّنَ ٱلۡأَخۡيَارِ ٤٨ هَٰذَا ذِكۡرٞۚ وَإِنَّ لِلۡمُتَّقِينَ لَحُسۡنَ مَـَٔابٖ ٤٩ جَنَّٰتِ عَدۡنٖ مُّفَتَّحَةٗ لَّهُمُ ٱلۡأَبۡوَٰبُ

Maksudnya:

"Dan ingatlah akan Ismail, Ilyasa', dan Zulkifli. Semuanya termasuk orang-orang yang paling baik. Ini adalah penghormatan (bagi mereka). Dan sesungguhnya bagi orang-orang yang bertaqwa benar-benar (disediakan) tempat kembali yang baik. (Iaitu) Syurga 'Adn yang pintu-pintunya terbuka bagi mereka. Di dalamnya mereka bertelekan (di atas dipan-dipan) sambil meminta buah-buahan yang banyak dan minuman di Syurga itu. Dan pada sisi mereka (ada bidadari-bidadari) yang tidak liar pemandangannya dan sebaya umurnya. Inilah apa yang dijanjikan kepadamu pada Hari Hisab. Sesungguhnya ini adalah benar-benar rezeki dari Kami yang tiada habis-habisnya."

(Sad, 38: 48-54)

﴿ وَتِلْكَ حُجَّتُنَآ ءَاتَيْنَٰهَآ إِبْرَٰهِيمَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ ۚ نَرْفَعُ دَرَجَٰتٍ مَّن
نَّشَآءُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٨٣﴾ وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۚ
كُلًّا هَدَيْنَا ۚ وَنُوحًا هَدَيْنَا مِن قَبْلُ ۖ وَمِن ذُرِّيَّتِهِۦ دَاوُۥدَ
وَسُلَيْمَٰنَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى

ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٤﴾ وَزَكَرِيَّا وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِلْيَاسَ ۖ كُلٌّ مِّنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ
﴿٨٥﴾ وَإِسْمَـٰعِيلَ وَٱلْيَسَعَ وَيُونُسَ وَلُوطًا ۚ وَكُلًّا فَضَّلْنَا عَلَى
ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٨٦﴾ وَمِنْ ءَابَآئِهِمْ وَذُرِّيَّـٰتِهِمْ وَإِخْوَٰنِهِمْ ۖ وَٱجْتَبَيْنَـٰهُمْ وَهَدَيْنَـٰهُمْ
إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٨٧﴾ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهْدِى بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ
عِبَادِهِۦ ۚ وَلَوْ أَشْرَكُوا۟ لَحَبِطَ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٨٨﴾ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
ءَاتَيْنَـٰهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ ۚ فَإِن يَكْفُرْ بِهَا هَـٰٓؤُلَآءِ فَقَدْ وَكَّلْنَا بِهَا قَوْمًا
لَّيْسُوا۟ بِهَا بِكَـٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُ ۖ فَبِهُدَىٰهُمُ
ٱقْتَدِهْ ۗ قُل لَّآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْعَـٰلَمِينَ
﴿٩٠﴾ وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓ إِذْ قَالُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِّن شَىْءٍ ۗ قُلْ
مَنْ أَنزَلَ ٱلْكِتَـٰبَ ٱلَّذِى جَآءَ بِهِۦ مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُۥ
قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ وَعُلِّمْتُم مَّا لَمْ تَعْلَمُوٓا۟ أَنتُمْ وَلَآ ءَابَآؤُكُمْ ۖ
قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِى خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾ وَهَـٰذَا كِتَـٰبٌ أَنزَلْنَـٰهُ مُبَارَكٌ
مُّصَدِّقُ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا ۚ وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِٱلْـَٔاخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

Maksudnya:

"Dan itulah hujah Kami yang Kami berikan kepada Ibrahim untuk menghadapi kaumnya. Kami tinggikan siapa yang Kami kehendaki beberapa darjat. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

Dan Kami telah menganugerahkan Ishak dan Yaakub kepadanya. Kepada keduanya masing-masing telah Kami beri petunjuk; dan kepada Nuh sebelum itu (juga) telah Kami beri petunjuk; dan kepada sebahagian dari keturunannya (Nuh) iaitu Daud, Sulaiman, Ayub, Yusuf, Musa dan Harun. Demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik.

Dan Zakaria, Yahya, Isa dan Ilyas. Semuanya termasuk orang-orang yang soleh. Dan Ismail, Ilyasa, Yunus dan Luth. Masing-masingnya Kami lebihkan darjatnya di atas umat (di masanya). (Dan Kami lebihkan pula darjat) sebahagian dari bapa-bapa mereka, keturunan mereka dan saudara-saudara mereka. Dan Kami telah memilih mereka (untuk menjadi nabi-nabi dan rasul-rasul) dan Kami menunjuk mereka ke jalan yang lurus.

Itulah petunjuk Allah, yang dengannya Dia memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya. Seandainya mereka mempersekutukan Allah, nescaya lenyaplah dari mereka amalan yang telah mereka kerjakan.

Mereka itulah orang-orang yang telah Kami berikan kepada mereka kitab, hikmah (pemahaman agama) dan kenabian. Jika orang-orang (Quraisy) itu mengingkarinya (yang tiga macam itu), maka sesungguhnya Kami akan menyerahkannya kepada kaum yang sekali-kali tidak akan mengingkarinya.

Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutilah petunjuk mereka. Katakanlah: "Aku tidak meminta upah kepadamu dalam menyampaikan (Al-Qur'an)." Al Qur'an itu tidak lain hanyalah peringatan untuk segala umat.

Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sepatutnya di kala mereka berkata: "Allah tidak menurunkan sesuatu pun kepada manusia." Katakanlah: "Siapakah yang menurunkan kitab (Taurat) yang dibawa oleh Musa sebagai cahaya dan petunjuk bagi manusia, kamu jadikan kitab itu lembaran-lembaran kertas yang bercerai-berai, kamu perlihatkan (sebahagiannya) dan kamu sembunyikan sebahagian besarnya, padahal telah diajarkan kepadamu apa yang kamu dan bapa-bapa kamu tidak mengetahui(nya)? Katakanlah: "Allah-lah (yang menurunkannya) kemudian (sesudah kamu menyampaikan Al Qur'an kepada mereka), biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatannya.

Dan ini (Al Qur'an) adalah kitab yang telah Kami turunkan yang diberkati; membenarkan kitab-kitab yang (diturunkan) sebelumnya dan agar kamu memberi peringatan kepada (penduduk) Ummul Qura (Mekah) dan orang-orang yang di luar lingkungannya. Orang-orang yang beriman kepada adanya kehidupan Akhirat tentu beriman kepadanya (Al Qur'an), dan mereka selalu memelihara sembahyangnya."

(Al-An'am, 6: 83-92)

Rabbi tersebut seharusnya peka dan berjaga-jaga terhadap amaran keras di dalam Al-Qur'an terhadap mereka yang mengadakan penipuan

dan tohmahan terhadap Allah s.w.t., termasuk tohmahan dan penipuan ke atas Nabi Ismail dan keturunannya:

﴿ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِىَ إِلَىَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ
شَىْءٌ وَمَن قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۗ وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى
غَمَرَٰتِ ٱلْمَوْتِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَاسِطُوٓا۟ أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوٓا۟ أَنفُسَكُمُ ۖ ٱلْيَوْمَ
تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَكُنتُمْ
عَنْ ءَايَٰتِهِۦ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat kedustaan terhadap Allah atau yang berkata: "Telah diwahyukan kepada saya," padahal tidak ada diwahyukan sesuatu pun kepadanya, dan orang yang berkata: "Saya akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah:" Alangkah dahsyatnya sekiranya kamu melihat di waktu orang-orang yang zalim (berada) dalam tekanan-tekanan sakaratul-maut, sedang para malaikat memukul dengan tangannya, (sambil berkata): Keluarkanlah nyawamu, Di hari ini kamu dibalas dengan seksaan yang sangat menghinakan, kerana kamu selalu mengatakan terhadap Allah (perkataan) yang tidak benar dan (kerana) kamu selalu menyombongkan diri terhadap ayat-ayatNya."

(Al-An'am, 6: 93)

Rabbi tersebut dan mereka yang percaya kepada pemalsuan-

pemalsuan di dalam kitab Taurat sebenarnya hidup di alam maya. Persepsi tentang realiti bagi mereka adalah suatu persepsi yang palsu dan menyimpang. Kepercayaan palsu ini, telah menimbulkan suatu pandangan yang menyimpang berkenaan Nabi Ismail a.s. di kalangan orang-orang Yahudi dan pandangan itu masih tetap kukuh hingga ke hari ini. Sebenarnya tidak terdapat sebarang bukti berkenaan salahlaku, kelakuan jahat atau pemberontakan oleh Nabi Ismail a.s. di dalam Kitab Taurat yang dapat menerangkan kutukan Tuhan seperti yang digembar-gemburkan mereka. Sebaliknya, kaum Ismail yang sama yang telah digelar oleh Rabbi tersebut sebagai ular-ular, telah menawarkan tempat tinggal kepada kaum Yahudi di kalangan mereka selama 2,000 tahun! Mereka telah menikmati jaminan keselamatan ke atas nyawa dan harta benda mereka dan telah diberi kebebasan untuk hidup dan mengamalkan kepercayaan mereka secara aman.

Mereka yang menyokong dan terus menyokong pembentukan negara Israel palsu (sebuah pemerintahan sekular kebangsaan dan tidak bertuhan) atas dasar yang tidak adil dan atas dasar penindasan adalah golongan yang langsung tidak memiliki kecelikan akal berhubung hal-hal kerohanian. Tiadanya kecelikan akal berhubung hal-hal kerohanian inilah yang menyebabkan mereka tidak berupaya mengenali kepalsuan negara ini, yang saban hari terus memimpin mereka menuju kesesatan yang lebih jauh dan sebab inilah juga mereka menuduh Maryam berzina, menuduh Nabi Isa a.s. sebagai anak luar nikah dan dengan demikian, menganggap gelaran al-Masih ke atas Nabi Isa as sebagai suatu gelaran yang palsu. Ini juga menyebabkan mereka tergamak melakukan perbuatan yang paling hina dan terkutuk dalam sejarah dengan percubaan menyalib Nabi Isa a.s. dan seterusnya mendabik

dada kerana berjaya membunuhnya. Tiadanya kecelikan akal berhubung hal-hal kerohanian ini juga mendorong mereka menolak Rasul terakhir yang dihantar untuk manusia oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s – Nabi Muhammad s.a.w. Ini juga menyebabkan mereka menolak al-Qur'an sebagai ayat-ayat Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. Ini juga telah mendorong mereka sekali lagi melakukan perbuatan yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Kegiatan kewangan, ekonomi dan perhubungan antarabangsa mereka pada hari ini amat menjijikkan.

Apabila mereka mempersendakan Nabi Musa a.s. agar beliau dan Tuhan beliau sahajalah yang harus berusaha dan berjihad (untuk membebaskan Tanah Suci) sementara mereka terus menetap di Semenanjung Sinai, Allah s.w.t telah memberi reaksi terhadap perbuatan keji ini dengan mengharamkan mereka (Bani Israil) dari menduduki Tanah Suci selama 40 tahun serta menyesatkan mereka di Semenanjung Sinai selama 40 tahun, Allah s.w.t. kemudian memerintahkan Nabi Musa a.s: agar "jangan bersedih ke atas orang-orang yang telah berdosa ini!" Tidak ada belas kasihan di dalam ayat tersebut! Walaupun dunia tidak dapat mencari ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan penipuan-penipuan yang telah dimasukkan ke dalam kitab Taurat, kecelikan rohani sepatutnya sudah cukup bagi pengikut-pengikut Taurat dan Injil untuk mengecam kepalsuan di dalam ayat-ayat berkenaan Nabi Ismail a.s. Hatta mereka tidak layak untuk menikmati belas kasihan ketika itu dan disebabkan perkara yang sama, mereka tidak layak menerima belas kasihan sekarang ini. Waktu mereka telah sampai ke penghujung. Masa depan mereka sudah ditetapkan. Mereka telah ditipu oleh suatu penipuan besar yang belum pernah disaksikan oleh sejarah. Mereka ditipu sehingga meninggalkan

tempat mereka menetap di kalangan orang-orang Arab Ismail dengan aman, selamat dan dengan kebebasan beragama selama 2,000 tahun (Yaman, Maghribi, Mesir, Iran, Iraq, Syria dan lain-lain) untuk kembali ke Tanah Suci untuk menyokong dalam perkara ketidakadilan dan penindasan. Ketidakadilan dan penindasan ini semakin meningkat setiap hari. Yang menipu mereka bukanlah orang-orang Islam. Orang-orang Islam tidak mengajak mereka untuk kembali ke Tanah Suci. Al-Qur'an menegaskan bahawa Tuhan kepada nabi Ibrahimlah yang menjadikan keadaan ini. Tuhan yang sama ini telah dua kali memusnahkan rumah ibadat (masjid) yang telah dibina oleh Sulaiman a.s. dan akan memastikan kemusnahan negara palsu Israel ini suatu hari nanti. Buku ini bertujuan menarik perhatian umum terhadap penerangan di dalam al-Qur'an berkenaan Jerusalem dan kemusnahan negara Israel. Pada hari ini, kejadian ini sedang berlaku (dan ini tidak dapat dielakkan), hukuman Tuhan yang paling berat yang belum pernah dijatuhkan ke atas manusia akan berlaku di hadapan mata mereka! Kepada Rabbi tersebut berhati-hatilah terhadap amaran ini!

Persepsi yang menyimpang yang dapat dilihat pada kenyataan Rabbi tersebut juga dapat dilihat pada kedua-dua pihak yang telah berunding dengan mencapai kegagalan berkenaan masa depan Jerusalem dan Tanah Suci iaitu rundingan diantara pihak PLO dan negara Israel. Di dalam perundingan ini, kedua-dua pihak telah mengabaikan ayat-ayat al-Qur'an dan Taurat sebagai sumber petunjuk berkenaan subjek ini. Kedua-dua pihak ini mempunyai persamaan yang lebih kukuh berbanding dengan kepatuhan mereka terhadap agama Islam atau Judaisma. Kedua-dua pihak ini merupakan gerakan sekular nasionalis yang mengeksploitasikan agama untuk mengejar cita-cita

nasionalisma dan sekularisma mereka. Sistem sekular nasionalis tidak memiliki cita-cita untuk mencari kebenaran yang mutlak. Tuhan yang mereka sembah adalah Tuhan yang mereka cipta sendiri berulang-ulang kali. Nilai-nilai mereka diolah untuk kemudahan mereka sendiri dan nilai-nilai ini diolah secara berterusan agar dapat menyesuaikannya dengan objektif-objektif sekular nasionalis mereka yang sentiasa berubah.

Mungkin suatu persefahaman yang luarbiasa dapat dicapai mengenai tuntutan Palestin agar kawasan Timur Jerusalem dapat dijadikan sebagai ibu negara Palestin. Sekiranya penubuhan negara Palestin ini menjadi kenyataan, ianya akan menjadi replika kepada negara sekular nasionalis Israel. Dengan ini, Tanah Suci akan menjadi sebahagian dari Order Dunia baru berdasarkan Syirik yang lebih lengkap yang timbul dari tamadun barat moden. Syirik dengan jelas berlaku apabila kedaulatan sesebuah negara terletak atau diletakkan pada negara tersebut atau di tempat lain dan bukan pada Allah s.w.t. Adalah suatu perbuatan Syirik apabila sesebuah negara diberi kekuasaan yang unggul dan undang-undang negara tersebut dijadikan undang-undang yang unggul dengan mengenepikan hukum Allah!

Suatu perbuatan Syirik yang paling nyata pernah disaksikan adalah saranan kerajaan Amerika Syarikat agar persetujuan dicapai berkenaan pendirian yang berlawanan di antara kerajaan Israel dan PLO tentang lokasi Masjid yang dibina oleh Nabi Sulaiman a.s., bagi orang-orang Islam ia dikenali sebagai al-Haram al-Sharif dan bagi orang-orang Yahudi sebagai '*Temple of Mount*'. Rancangan yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat adalah supaya Israel diberi kedaulatan ke atas 'Dinding Barat' (*Wailing Wall*). Orang-orang Yahudi menganggapnya

sebagai peninggalan Rumah Ibadat (Masjid) asal yang dibina oleh Sulaiman a.s. Negara Palestin pula akan memiliki 'kedaulatan' ke atas Masjid al-Aqsa dan Masjid Umar (dikenali sebagai '*Dome over the Rock*'). Bagi Tuhan kepada Ibrahim a.s., cukuplah dengan kedaulatanNya ke atas al-Haram al-Sharif yang selebihnya (dikenali sebagai '*the walled area*'). Syaitan sudah semestinya bertindak sebagai penasihat semasa rancangan ini direka!

Menjadi suatu perbuatan Syirik juga apabila sesebuah negara itu menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. dan sebaliknya. Adalah menjadi suatu kepastian seperti pastinya matahari terbit dari timur bahawa negara Palestin yang akan datang ini akan menghalalkan perjudian dan loteri dan juga memulakan perjudian loteri tajaan kerajaan. Ia akan menghalalkan riba (meminjam wang dan memberi pinjaman wang dengan pulangan faedah). Ia juga akan menghalalkan pengambilan arak. Dengan perkataan lain, negara Palestin akan melakukan perbuatan Syirik sama sepertimana negara Yahudi Israel dan dunia selebihnya (termasuk kebanyakan dunia Islam) telah lakukan. Negara Palestin yang diasaskan oleh PLO ini akan menyebabkan rakyatnya dicemari dengan keruntuhan dari semua aspek sama seperti keruntuhan yang mencemari negara Yahudi sekular dan kebanyakan negara lain di dunia hari ini.

Orang-orang Islam tidak boleh dan tidak patut memberi sokongan kepada sebarang perjanjian seperti yang telah diutarakan oleh Arab Saudi baru-baru ini yang cuba mengiktiraf negara sekular Israel dan menerima penindasannya selama 50 tahun ke atas orang-orang asli Palestin Islam dan juga Kristian. Orang-orang Islam juga tidak boleh menerima penubuhan negara Palestln yang akan menjadi replika

kepada negara Yahudi Israel. Sebagai menyokong pendirian ini, penulis telah menulis berkenaan isu ini dari perspektif al-Qur'an. Kajian yang lebih menyeluruh berkenaan subjek ini boleh didapati di dalam buku oleh penulis yang sama bertajuk - "*The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an.*"

Buku ini juga bertujuan menerangkan kepada kaum Yahudi bahawa mereka telah menerima tanpa usul periksa sebuah negara sekular Israel nasionalis yang kononnya mewakili negara gilang-gemilang yang pernah diasaskan oleh Nabi Daud a.s. dan Nabi Sulaiman a.s. Negara Israel kini adalah sebuah negara yang menyamar sebagai negara Israel yang asal dan berjaya mengaburi mata orang-orang Yahudi, Dr. Ismail Raji Al-Faruqi, seorang cendekiawan Islam Palestin yang secara lantang telah mengkritik Israel dan yang telah dibunuh dengan kejam pada suatu malam, telah menggambarkan Israel sebagai 'sebuah kegiatan bersifat kolonial', 'dilahirkan di dalam kedosaan', 'diasaskan atas dasar kebangsaan yang ketinggalan zaman' dan 'suatu entiti ketenteraan yang menindas orang-orang asli (lihat bukunya berjudul: '*Islam and the Problem of Israel*'). Orang-orang asli Arab yang telah diusir dari rumah mereka atau terpaksa lari dalam ketakutan merupakan orang-orang yang menyembah Tuhan kepada Ibrahim a.s. Tetapl apabila orang-orang Yahudi berjaya menguatkan genggaman mereka ke atas Tanah Suci, mereka enggan menjemput kembali pelarian-pelarian ini ke rumah asal mereka atau membenarkan mereka melakukan demikian. Hingga ke hari ini, lebih dari 50 tahun selepas penubuhan negara Israel, mereka tetap enggan membenarkan pelarian-pelarian tersebut kembali ke rumah-rumah mereka. Pada masa yang sama mereka membuat tawaran terbuka untuk menjemput orang-orang

Yahudi dari serata dunia untuk kembali ke Tanah Suci. Nyata sekali ini perbuatan syaitan dan bukannya suatu kelakuan yang baik. Ramalan-ramalan Nabi Muhammad s.a.w. menunjukkan bahawa negara Zionis Israel akhirnya akan mengkhianati Banl Israel dan mencampakkan mereka bersama-sama orang-orang yang telah mereka tindas selama ini dengan penindasan yang terbuka dan memalukan.

Yasser Arafat juga adalah seorang penyamar. Dia tidak mewakili golongan yang telah diusir dari kediaman mereka dan yang telah ditindas selama lebih dari 50 tahun. Mereka ini adalah orang-orang Palestin yang telah diusir keluar dari Palestln oleh Israel. Mereka telah menetap di kem-kem pelarian di Lebanon dan di merata tempat selama lebih lima puluh tahun. Arafat akan mengkhianati mereka sebagaimana Israel sedang mengkhianati mereka. Mereka yang dikhianati oleh Arafat akhirnya akan bersama tentera Islam yang akan menghukum penduduk-penduduk Yahudi di Tanah Suci tatkala negara Israel mengetepikan mereka. Tentera Islam telah menunjukkan kehebatannya berperang di selatan Lebanon. Pengunduran Israel dari selatan Lebanon telah meninggalkan tentera Kristian di wilayah tersebut (setelah ia berperang untuk Israel) bersendirian. Ini adalah suatu permulaan kepada kemenangan Islam yang lebih dramatik pada masa-masa yang akan datang.

Penindasan ke atas golongan Ismail oleh negara sekular Yahudi Israel telah meningkatkan secara dramatik. Penindasan di Tanah Suci ini merangkumi penindasan agama, politik dan ekonomi. Penindasan ini terus meningkat dan dalam konteks ini ramalan Nabi Muhammad s.a.w. boleh difahami:

"Kamu akan berperang dengan orang-orang Yahudi dan kamu akan membunuh mereka sehingga batu-batan akan bersuara: Wahai orang beriman! Ada seorang Yahudi di belakangku, bunuhlah akan dia."

(Sahih Bukhari)

KEMBALINYA ORANG-ORANG YAHUDI KE TANAH SUCI: PENJELASAN DI DALAM AL-QUR'AN

Maksudnya:

"Dan katakanlah: Segala puji bagi Allah, Dia akan memperlihatkan kepadamu tanda-tanda kebesaran-Nya, maka kamu akan mangetahuinya. Dan Tuhanmu tiada lalai dari apa yang kama kerjakan."

(al-Naml, 27: 93)

Kini telah tiba waktu di mana orang-orang Yahudi telah dikembalikan ke Jerusalem untuk menuntut semula hak ke atas Tanah Suci setelah mereka diusir oleh Tuhan dari situ selama hampir 2000 tahun. Hari ini Jerusalem merupakan sebuah kota yang sedang berkembang pesat. Ia memiliki penguasaan dan pengaruh ke atas seluruh Tanah Suci. Negara Israel telah mengadakan perjanjian yang menyebelahi mereka dengan negara-negara yang bersekutu dengan barat (yang tidak bertuhan) seperti Mesir dan Jordan. Israel juga telah

mengadakan beberapa siri perjanjian dengan PLO yang mengakibatkan penentangan PLO terhadap penubuhan negara Yahudi tersebut semakin berkurangan. Kerajaan Arab Saudi pun telah bertindak secara halus dan berahsia sehingga menawarkan "Rancangan Damai Saudi" yang melibatkan pengiktirafan negara Israel.

Sebaliknya, pada waktu yang sama, fungsi bandar Madinah telah merosot dan tidak lagi mempunyai pengaruh besar ke atas perkembangan kawasan sekitarnya dan di dunia amnya. Lebih menyedihkan lagi, Madinah kini dikuasai oleh kerajaan Arab Saudi yang muncul dari keruntuhan pemerintahan Khilafah Islam dan telah diasaskan oleh negara sekutunya – yakni Britain. Apabila Amerika Syarikat mengambil alih fungsi sebagai negara pemerintah dunia dari Britain, Arab Saudi menjadi sekutu Amerika Syarikat pula. Arab Saudi (seperti juga Israel) dari awal penubuhannya bergantung penuh kepada Britain (mulanya) dan diikuti kini kepada Amerika Syarikat untuk survivalnya.

Golongan Saudi-Wahhabi yang menguasai iklim politik dan agama di Arab Saudi telah mengekalkan statusnya sebagai negara sekutu barat sejak tahun 1916 di mana Raja 'Abd al-'Aziz ibn Saud telah menerima tawaran pihak British untuk menjadi sekutunya agar beliau dapat menguasai Semenanjung Hejaz dari pemerintahan Islam Uthmaniah. Kejayaan ini tercapai hanya dengan upah 5,000 paun sterling sebulan sahaja! Golongan Wahhabi ini bersekutu dengan golongan barat Kristian dan Yahudi kerana mereka beranggapan bahawa golongan Kristian dan Yahudi lebih hampir kepada mereka berbanding dengan orang-orang Islam di tempat lain di dunia. Golongan Wahhabi menganggap mereka yang tidak berfahaman Wahhabi sebagai telah

melakukan Syirik dan tidak beriman! (lihat buku penulis. "*The Caliph, the Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation State*").

Negara Israel juga ditegakkan dengan cara sebegini, yakni sebagai sebuah negara sekutu barat. Tetapi terdapat perbezaan yang besar di antara dua negara sekutu barat ini iaitu Israel dan Arab Saudi. Negara Israel telah ditakdirkan untuk membebaskan dirinya dari menjadi negara sekutu Britain (mulanya) dan kemudian sekutu Amerika Syarikat dan seterusnya muncul sebagai kuasa besar dunia yang akan menggantikan Britain dan Amerika Syarikat sebagai sebuah negara pemerintah dunia. Apabila ini berlaku, Arab Saudi akan menjadi negara sekutu Israel pula. Pada ketika itu, Jerusalem akan berkembang pesat sementara Madinah pula akan terus kekal mundur (yakni berada di bawah telunjuk negara Israel secara total).

Rasulullah s.a.w. telah meramal akan tibanya waktu ini di masa hadapan. Tetapi ramalan ini adalah tanda yang tidak memihak kepada Israel:

> "Diriwayatkan oleh Mu'adh ibn Jabal: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Jerusalem akan berkembang pesat ketika Yathrib (Madinah) berada dalam dalam keruntuhan. Keruntuhan Yathrib adalah ketika munculnya perang yang besar dan kemunculan perang yang besar ini adalah ketika Istanbul ditakluki dan penaklukan Istanbul adalah ketika munculnya Dajjal (al-Masih yang palsu). Baginda telah menyentak peha atau bahunya seraya berkata: Ini adalah benar sepertimana kamu sedang duduk di sini (yakni merujuk kepada Muaz ibn Jabal)."
>
> (Sunan, Abu Daud)

Jerusalem yang telah berkembang pesat dan menguasai seluruh kawasan di mana ia berada kini, telah membenarkan ramalan hadith di atas. Israel kini telah berjaya membelakangi arahan presiden Amerika Syarikat dan resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu agar tenteranya berundur dari Wilayah Tebing Barat Palestin. Ini nyata apabila Israel telah bertindak terhadap para pengebom manusia Palestin (para syuhada dan bukannya pengebom berani mati). Tentangan dari Israel akan terus meningkat dengan Israel melancarkan perang yang paling besar, perang yang sudah dijangkakan oleh semua (kecuali Presiden Amerika Syarikat). Peperangan ini akan menghasilkan pertambahan keluasan wilayah penguasaan Israel secara dramatik. Dengan ini ramalan Rasullullah s.a.w. di dalam hadith di atas akan menjadi suatu kenyataan.

Ramalan hadith di atas menjadi lebih jelas lagi apabila dilihat dari sudut kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat (yang sudah mula menunjukkan tandanya) dan ketidak-endahan Israel terhadap desakan Amerika Syarikat agar Israel mengembalikan wilayah Palestin yang diperolehinya melalui peperangan. Begitu juga Yathrib (Madinah) yang kini berada dalam keruntuhan telah pun memenuhi kebenaran hadith di atas di mana negara yang menjadi pusat kepada agama Islam telah menjalinkan hubungan dengan negara tidak bertuhan Amerika Syarikat. Ramalan hadith tersebut akan menjadi lengkap apabila Arab Saudi pula menjadi negara sekutu Israel yang menjadi kuasa besar dunia. Implikasi dari hadith ini adalah kaum Muslimin kini sedang berada di ambang peperangan yang besar yang akan dimulakan oleh Israel (mungkin dengan bantuan tentera Kamal (Turki). Rasullullah s.a.w. telah meramalkan tentang peperangan dengan Turki ini di dalam

sebuah hadith baginda di mana tentera Turki hari ini telah menjadi alat kepada Israel:

> "Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Tidak akan tiba hari Kiamat selagi kamu tidak berperang dengan penduduk sebuah negara yang memakai kasut berbulu, dan sehingga kamu berperang dengan orang-arang Turki, yang mempunyai mata yang kecil, bermuka merah dan berhidung leper; dan muka mereka leper seperti perisai. Kamu akan dapati bahawa orang-orang yang terbaik adalah mereka yang tidak suka kepada tanggungjawab memerintah sehingggalah mereka dipilih sebagai pemerintah. Dan orang-orang ini adalah berbeza-beza: Yang terbaik di waktu pra-Islam adalah yang terbaik di dalam Islam. Akan tiba suatu waktu di mana kamu akan lebih gemar melihat ku dari memiliki keluarga dan harta yang berlipat kali ganda."
>
> (Sahih Bukhari)

Peperangan yang disebut di dalam hadith di atas mungkin bermula dengan serangan Turki ke atas Syria yang akan dimanfaatkan oleh Israel untuk meningkatkan ketidakstabilan di rantau tersebut. Akhir sekali, Israel akan muncul sebagai negara pemerintah dunia. Ketika inilah Dajjal akan berada pada ketika di mana satu harinya adalah seperti satu hari kita (manusia). Dajjal akan muncul di dunia di dalam dimensi yang sama seperti yang sedang kita tempuhi. Dajjal akan muncul di Ierusalem sebagai pemimpin negara Israel. Pada ketika ini juga al-Masih yang sebenar yakni Nabi Isa a.s., anak kepada Maryam akan kembali dan membunuh Dajjal. Seterusnya segerombolan tentera Islam akan muncul dan memusnahkan negara Israel. Al-Qur'an telah

menceritakan tentang kembalinya orang-orang Yahudi ke Tanah Suci dan implikasi dari peristiwa ini. Terdapat banyak penjelasan di dalam al-Qur'an dan ramalan-ramalan Nabi Muhammad s.a.w. berkenaan destinasi Jerusalem di akhir zaman. Apakah penjelasan dan ramalan-ramalan ini? Para pembaca harus memberi perhatian kepada sepuluh deklarasi di bawah yang menjadi tunjang kepada penjelasan al-Qur'an berkenaan destinasi Jerusalem.

Al-Qur'an dan hadith mengesahkan kembalinya Nabi Isa a.s. ke dunia suatu hari nanti di mana orang-orang Yahudi tidak akan mempunyai pilihan melainkan unmk mempercayainya sebagai al-Masih yang sebenar. Kemudian mereka akan dimusnahkan dengan kematian yang paling dahsyat (yakni setelah menyedari hakikat kebenaran kenabian Nabi Isa a.s. dan Nabi Muhammad s.a.w. dan menyedari bahawa segala anutan dan fahaman mereka selama ini adalah palsu belaka). Mereka akan mati dengan pengetahuan ini dan akan dihumban ke dalam neraka.

Orang-orang Yahudi telah disingkirkan oleh Allah s.w.t. dari Tanah Suci setelah mereka berbangga dapat membunuh Nabi Isa a.s. Penyingkiran mereka kali ini pula berbeza dari yang terdahulu (di mana mereka telah diperhambakan di Babylon). Mereka diasing-asingkan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan menjalankan kehidupan di kalangan bangsa-bangsa lain. Seterusnya al-Qur'an mendedahkan halatuju Jerusalem dan destinasi kaum Yahudi seperti berikut:

1. Bangsa Yahudi yang hidup tersebar dengan meluas di serata pelusuk bumi.

2. Pengharaman ke atas kaum Yahudi untuk kembali

menuntut semula Tanah Suci.

3. Peluang bagi kaum Yahudi unutk menerima pengampunan Allah s.w.t. sekiranya mereka menerima risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. (yang ummi dan bukan daripada bangsa Yahudi).

4. Takdir Tuhan untuk membawa semula kaum Yahudi kembali ke Tanah Suci di akhir zaman.

5. Yakjuj dan Makjuj bertanggungjawab membawa kembali orang-orang Yahudi ke Tanah Suci.

6. Amaran oleh Allah s.w.t. kepada kaum Yahudi bahawa hukuman ke atas mereka boleh berulang.

7. Amaran berkenaan hukuman yang paling dahsyat ke atas kaum Yahudi.

8. Tertutupnya hati-hati mereka kepada kebenaran ketika munculnya hukuman terakhir ke atas mereka.

9. Jasad Firaun akan ditemui semula yang menjadi petunjuk bahawasanya orang-orang Yahudi juga akan mengalami nasib yang sama seperti Firaun.

10. Kaum Yahudi tidak akan mempunyai pilihan lain tetapi mengakui hakikat kerasulan Nabi Isa al-Masih (apabila dia kembali), tetapi kesedaran ini sudah terlambat bagi menyelamatkan mereka dari hukuman yang dahsyat dan dari api neraka.

Ketika Allah s.w.t. menyingkirkan orang-orang Yahudi dari Tanah Suci (setelah mereka menolak risalah yang dibawa oleh Nabi Isa dan setelah mereka cuba membunuhnya), Dia telah menetapkan bahawa diaspora baru bagi kaum Yahudi kali ini akan berbeza dari yang terdahulu (di Babylon). Ketika itu orang-orang Yahudi masih menetap sabagai suatu komuniti homogenus di Babylon. Penyingkiran kali kedua ini akan dicirikan oleh diaspora yang berlainan pula, seperti firman Allah s.w.t.:

Maksudnya:

"Dan Kami bahagi-bahagi mereka di dunia ini menjadi beberapa golongan; di antaranya ada orang-orang yang soleh dan di antaranya ada yang tidak demikian. Dan Kami uji mereka dengan (nikmat) yang baik-baik dan (bencana) yang buruk-buruk agar mereka kembali (kepada kebenaran)."

(Al-Araf, 7: 168)

Penerangan ayat al-Qur'an di atas telah menjadi kenyataan di mana selama lebih 2,000 tahun bangsa Yahudi telah hidup tersebar dengan meluas sebagai komuniti-komuniti kecil di serata dunia. Mereka tinggal menetap di Yaman, Maghribi, Iraq, Iran, Mesir, Syria, Jordan, Libya, Ethiopia, Arab Saudi, Turki dan di merata tempat yang lain selama lebih 2,000 tahun.

Kehidupan kaum Yahudi seperti ini adalah hukuman Tuhan ke atas mereka dan kebanyakan daripada mereka menyedari akan hakikat ini.

2. Pengharaman Ke Atas Kaum Yahudi Untuk Kembali Menuntut Semula Tanah Suci.

Setelah disingkirkan dari Tanah Suci, Allah s.w.t. telah mengharamkan orang-orang Yahudi dari kembali ke tanah tersebut (mereka boleh kembali sebagai pelancong tetapi bukan untuk menuntutnya semula). Pengharaman selama lebih 2000 tahun ini adalah suatu realiti dalam sejarah dan setiap orang boleh meneliti fakta ini. Fakta ini adalah selaras dengan kebenaran ayat surah al-Anbiya' di bawah ini:

Maksudnya:

"Sungguh tidak mungkin atas (penduduk) suatu negeri yang telah Kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (kepada Kami)."

(Al Anbiya, 21: 95)

(Lihat di bawah: Yakjuj dan Makjuj bertanggungjawab mengembalikan orang-orang Yahudi ke Tanah Suci dan juga lihat Bab 10 di mana 'bandar' tersebut dikenalpasti sebagai Jerusalem.)

Pengharaman ini berfungsi sebagai hukuman ke atas kaum Yahudi dan untuk menunjukkan kemurkaan Allah s.w.t. terhadap perbuatan mereka. Ia juga berfungsi untuk menyedarkan mereka bahawa mereka bukan lagi terdiri daripada golongan yang terpilih (*the chosen people*).

3. Peluang Bagi Kaum Yahudi Diampunkan Oleh Allah S.W.T. Sekiranya Mereka Menerima Risalah Yang Dibawa Oleh Nabi Muhammad Saw. (Yang Ummi Dan Bukan Daripada Bangsa Yahudi)

Hatta, setelah disingkirkan dari Tanah Suci (akibat cubaan menyalib Nabi Isa al-Masih dan banyak lagi kesalahan-kesalahan yang lain) dan setelah mereka diharamkan kembali kepadanya (untuk menuntutnya semula) kaum Yahudi masih lagi diberi peluang oleh Allah s.w.t. untuk pengampunan seperti yang dinyatakan di dalam ayat al-Qur'an di bawah:

Maksudnya:

"Mudah-mudahan TuhanMu akan melimpahkan rahmat(-Nya) kepadamu; dan sekiranya kamu kembali kepada (kederhakaan), nescaya Kami kembali (mengazabmu) dan Kami jadikan Neraka Jahannam penjara bagi orang-orang yang tidak beriman."

(Bani Israel, 17: 8)

Allah s.w.t. telah memberi mereka masa untuk kembali ke pangkal jalan dan bersedia mengampunkan mereka sekiranya mereka bertaubat dan kembali kepada ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Tetapi ada satu cara sahaja yang membolehkan mereka mencapai

pengampunan ini. Al-Qur'an telah menerangkan tentang Bani Israel yang mana telah diturunkan kepada mereka Kitab Taurat dan Injil dan juga menerangkan tindakan Bani Israel yang telah cuba membunuh Nabi Isa al-Masih serta menerangkan kepada mereka

kaedah untuk mereka mencapai keampunan Allah s.w.t.:

﴿ ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِىَّ ٱلْأُمِّىَّ ٱلَّذِى يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا
عِندَهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَىٰهُمْ
عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ
وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَٱلْأَغْلَٰلَ ٱلَّتِى كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ بِهِۦ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَٱتَّبَعُوا۟ ٱلنُّورَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ مَعَهُۥٓ ۙ
أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (Al-Qur'an), mereka itulah orang-orang yang beruntung."

(Al-Araf, 7: 157)

Hanya dengan menerima, mempercayai dan mengikuti ajaran

Rasul terakhir sahajalah mereka dapat mencapai pengampunan daripada Allah s.w.t.

Terdapat beberapa petanda yang menunjukkan bahawa tempoh yang diberi kepada Bani Israel untuk bertaubat telah berakhir. Di antara tanda-tanda tersebut ialah pembebasan Dajjal serta Yakjuj dan Makjuj di atas muka bumi ini. Pembebasan ini telah berlaku ketika hayat Nabi Muhammad s.a.w. lagi yakni setelah tujuh belas bulan Rasullullah menetap di Madinah (di antara orang-orang Yahudi). Risalah yang dibawa oleh baginda serta ayat-ayat al-Qur'an telah ditolak oleh kaum Yahudi dan pada masa yang sama mereka juga telah merancang untuk menghancurkan Islam. Ketika itulah Allah s.w.t. telah mengubah Kiblat Islam menghala ke arah Kaabah. Perubahan Kiblat ini (dari Jerusalem ke Makkah) bermakna pintu taubat bagi kaum Yahudi telah tertutup. Ini menjadi petanda bermulanya akhir zaman dan hukuman ke atas orang-orang Yahudi tidak dapat dielakkan lagi. Peristiwa ini adalah suatu yang telah ditakdirkan.

Walaupun akhir zaman telah bermula dan pintu taubat bagi golongan Yahudi telah tertutup, kaum Yahudi perlu menunggu untuk suatu waktu sebelum hukuman besar yang dahsyat ke atas mareka bermula. Hukuman ini akan berlaku secara perlahan-lahan Sebelum dari bemulanya hukuman ini orang-orang Yahudi akan mendapat perlindungan dengan hidup di kalangan orang-orang Islam:

﴿ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

وَبَآءُو بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ

كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ٱلْأَنۢبِيَآءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا
عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya:

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu pasti akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihumban ke dalam Neraka Jahannam. Dan itulah tempat yang seburuk-buruknya."

(Ali Imran, 3: 112)

Tatkala hampir bermulanya hukuman tersebut, akan datang tanda-tanda dari Allah s.w.t. Di antara tanda yang paling jelas ialah penemuan mayat Firaun yang telah lemas ketika mengejar Nabi Musa a.s. dan kaumnya merentas Laut Merah. Sayang sekali bagi orang-orang Yahudi penemuan mayat Firaun (Ramses II) menjadi petanda bahawa sudah terlambat bagi mereka untuk bertaubat dan untuk menerima kebenaran agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Muhammad s.a.w. Sudah terlambat juga bagi mereka menerima ajaran al-Qur'an dan juga sudah terlambat bagi mereka mengelak dari ditimpa hukuman yang dahsyat:

﴿ هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأْتِيَهُمُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ أَوْ يَأْتِىَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِىَ بَعْضُ
ءَايَـٰتِ رَبِّكَ ۗ يَوْمَ يَأْتِى بَعْضُ ءَايَـٰتِ رَبِّكَ لَا يَنفَعُ نَفْسًا إِيمَـٰنُهَا لَمْ تَكُنْ ءَامَنَتْ
مِن قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِىٓ إِيمَـٰنِهَا خَيْرًا ۗ قُلِ ٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya:

"Yang mereka nanti-nanti tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka), atau kedatangan Tuhanmu atau kedatangan sebahagian tanda-tanda Tuhanmu. Pada hari datangnya sebahagian tanda-tanda Tuhanmu tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang bagi dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya. Katakanlah: "Tunggulah olehmu, sesungguhnya kami pun menunggu (pula)."

(Al-Anam, 6: 158)

4.Takdir Tuhan Untuk Mengembalikan Semula Kaum Yahudi Ke Tanah Suci Di Akhir Zaman (Fasa Terakhir Bagi Akhir Zaman)

Al-Qur'an menegaskan bahawasanya Allah s.w.t. akan mengembalikan semula kaum Yahudi kembali ke Tanah Suci di akhir zaman. Kaum Yahudi akan diperdayakan dengan kejayaan mereka untuk kembali menuntut semula Tanah Suci sebagai suatu kejayaan yang nampak seperti membenarkan kepercayaan mereka selama ini. Ramalan ini telah menjadi kenyataan lebih-lebih lagi dengan tertegaknya negara sekular nasionalis Israel.

﴿ وَقُلْنَا مِنۢ بَعْدِهِۦ لِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱسْكُنُوا۟ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْـَٔاخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan Kami berfirman sesudah itu kepada Bani Israel: Diamlah di negeri ini, maka apabila datang masa berbangkit; nescaya

Kami datangkan kamu dalam keadaan bercampur aduk (dengan musuhmu)".

(Bani Israel, 17: 104)

Al-Qur'an meramalkan bahawa di akhir zaman ini akan memperlihatkan kembalinya orang-orang Yahudi dari serata pelusuk dunia ke Tanah Suci, sekaligus mempamerkan perbezaan dan diversiti yang telah mereka tempuhi selama kehidupan di dalam diaspora yang tersebar luas di serata dunia selama 2000 tahun. Perkataan "*lafif*" di dalam ayat di atas bermakna, segolongan manusia yang memiliki ciri yang berbeza-beza, Inilah keadaan masyarakat Yahudi di Israel pada hari ini. Ia merupakan masyarakat Yahudi majmuk dari banyak negara di seluruh dunia (termasuk Negara Islam dan dunia Islam), bertutur dalam bahasa dan loghat yang berlainan, berpakaian lain-lain, menggemari makanan berlainan, beribadat secara berbeza-beza dan perbezaan-perbezaan yang lain. Perbezaan yang paling mengkagumkan ialah perbezaan yang wujud di kalangan bangsa Yahudi itu sendiri — di sinilah ramalan al-Qur'an menjadi kenyataan dengan jelas sekali. Negara Israel moden terdiri daripada golongan orang-orang Yahudi yang sebenarnya terdiri daripada orang-orang asli Eropah yang bermata biru dan berambut perang. Kajian-kajian genetik menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi Eropah ini (Yahudi Ashkenazi) mempunyai turutan genetik yang tersendiri, dan tidak serupa dengan mana-mana manusia di muka bumi. Kehomogenan bangsa Israel yang sepatutnya dari keturunan Nabi Ibrahim a.s. melalui nabi Ishak (Isaac) a.s. dan Ya'akub a.s. kini telah hilang.

Apakah implikasi ramalan al-Qur'an tentang kembalinya orang-orang Yahudi ke Tanah Suci di akhir zaman?

5. Yakjuj Dan Makjuj Bertanggungjawab Membawa Kembali Kaum Yahudi Ke Tanah Suci.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga ayat al-Qur'an yang dengan jelas menerangkan hukuman Allah s.w.t. ke atas kaum Yahudi apabila mereka dibawa kembali ke Tanah Suci. Bagi memahami ayat-ayat al-Qur'an berkenaan akhir zaman, seseorang harus memiliki visi dalaman (visi rohani) di samping visi luaran. Dua dari tiga ayat tersebut adalah seperti berikut:

Maksudnya:

"Sungguh tidak mungkin atas (penduduk) suatu negeri yang telah Kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (kepada Kami).

Hingga apabila dibukakan (tembok) Yakjuj dan Makjuj, dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi."

(Al-Anbiyaa, 21: 95-96)

Identiti "bandar" di dalam ayat di atas walaupun tidak dinyatakan secara terbuka, tidak lain dan tidak bukan adalah bandar Jerusalem. Di bawah ini dijelaskan identifikasi bandar tersebut secara tidak langsung: Para Rabbi di Madinah telah menyahut permintaan puak Quraish untuk memastikan kebenaran kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Mereka telah mengemukakan tiga soalan dan jika soalan-soalan ini dapat dijawab dengan betul maka benarlah kerasulan nabi Muhammad s.a.w. Allah s.w.t. telah memberi responnya dengan memberi jawapan kepada ketiga-tiga soalan tersebut di dalam al-Qur'an. Jawapan kepada dua soalan pertama terletak di dalam surah Al-Kahf (lihat Al-Kahf, 18: 9-26, 83-98) yakni jawapan kepada soalan tentang pemuda-pemuda yang telah lari menyembunyikan diri di dalam gua dan tentang seorang "pengembara" yang telah mengembara ke kedua-dua hujung dunia. Jawapan kepada soalan ketiga, yakni tentang roh didapati di dalam surah Bani Israil, 17: 85. Penyusunan jawapan-jawapan ini membawa implikasi bahawa kedua-dua surah ini berkait antara satu dengan yang lain seperti suatu pasangan, Dr. Israr Ahmad, seorang penyelidik al-Qur'an yang muktabar telah menyimpul hal ini dengan bukti-bukti yang jelas dan nyata.

Untuk mengetahui identiti orang-orang muda di dalam gua tersebut, identiti Dzul-Qarnain, identiti Yakjuj dan Makjuj dan identiti Bandar (*Qaryah*) tersebut, perlu kita rujuk kepada surah Bani Israil untuk mendapatkan penjelasan. Menerusi rujukan surah ini, penulis mendapati surah tersebut hanya menceritakan tentang satu *Qaryah* (Bandar) sahaja yakni Jerusalem.

Hadith Rasullullah s.a.w. juga telah mengesahkan identiti Bandar tersebut sebagai Jerusalem. Jerusalem telah disebut dengan jelas di dalam hadith berkenaan Yakjuj dan Makjuj dan tidak ada nama bandar yang lain yang disebut yang pernah dimusnahkan oleh Allah s.w.t. Hadith berikut pula menerangkan tentang kembalinya Nabi Isa al-Masih dan kaitannya dengan Yakjuj dan Makjuj serta Tanah Suci Jerusalem berserta dengan identiti Bandar (*Qaryah*) tersebut. Tidak lain

dan tidak bukan Bandar tersebut adalah Jerusalem:

> "Diriwayatkan oleh al-Nawwas ibn Sam'an: ... Di sinilah Allah akan berfirman kepada Isa a.s.: Aku telah jadikan di antara hamba-hamba Ku segolongan manusia yang tidak dapat dikalahkan; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur, kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj yang akan turun dari segenap cerun. Yang pertama daripada mereka akan melewati Tasik Tiberias dan meminum air darinya. Apabila yang terakhir dari mereka melewatnya, dia akan berkata: Dahulu pernah ada air di sini. Nabi Isa dan para sahabatnya kemudiannya akan terkepung di sini (di Tur, dan mereka akan mengalami kesusahan yang amat sangat) sehingga kepala seekor lembu akan lebih bernilai dari seratus dinar ."
>
> (Sahih Muslim)

Laut Galilee terletak di Tanah Suci. Gunung Tur di dalam hadith di atas pula adalah sebuah gunung di Jerusalem. Sebuah lagi hadith yang menceritakan hal yang sama dipaparkan di bawah ini:

> "Yakjuj dan Makjuj akan mara sehingga ke gunung al-Khamr, yakni sebuah bukit di Bait al-Maqdis (di Jerusalem) dan mereka akan berkata: Kami telah membunuh mereka di bumi. Sekarang kami akan bunuh mereka yang di langit. Mereka akan melepaskan anak panah ke arah langit dan anak panah tersebut akan dikembalikan dengan lumuran darah."
>
> (Sahih Muslim)

Setelah meneliti hadith-hadith di atas nyatalah bahawa kembalinya

kaum Yahudi ke Jerusalem di akhir zaman ini adalah petanda (seperti di dalam al-Qur'an) yang mengesahkan bahawa Yakjuj dan Makjuj telah dibebaskan dan mereka kini menguasai dunia dengan kekuasaan yang tidak dapat dikalahkan. Yakjuj dan Makjuj merupakan agen fasad universal (lihat Al-Qur'an, Al-Kahf, 18: 94). Fasad membawa erti keruntuhan moral dan akhlak, kemerosotan akidah, kerosakan alam, kezaliman, perlakuan yang berlawanan dengan lumrah alam dan lain-lain lagi. Kaedah Yakjuj dan Makjuj akan digunakan manusia secara global dan ini akan menjerumuskan mereka ke dalam api neraka. Hadith di bawah menerangkan bahawa dalam era globalisasi di zaman Yakjuj dan Makjuj, 999 daripada 1000 orang manusia akan dimasukkan ke dalam api neraka:

> "Diriwayatkan oleh Abu Said Al Khudri: Bersabda Rasullulah saw.: Pada hari manusia dibangkitkan, Allah akan berfirman: Wahai Adam! Adam akan menjawab: Labbaik dan Sa'daik wahai Tuhan kami. Kemudian akan ada suatu panggilan yang kuat: Allah memerintahkan kamu mengambil daripada keturunan kamu untuk dimasukkan kedalam neraka. Adam akan bertanya: Wahai Tuhanku! Berapa ramai untuk dimasukkan ke dalam api neraka? Allah akan berfirman: Daripada seribu orang, keluarkan 999. Ketika itu setiap wanita mengandung akan keguguran dan kanak-kanak akan menjadi putih rambutnya."
>
> (Sahih Bukhari)

Kembalinya kaum Yahudi ke Jerusalem dan tertegaknya negara Israel menjadi mungkin hanya dengan bantuan Yakjuj dan Makjuj dan Dajjal al-Masih yang palsu. Inilah ancaman dan bahaya yang paling besar yang berdepan dengan kaum Yahudi sepanjang sejarah mereka.

Takdir mereka telah ditetapkan, tetapi mereka tidak menyedarinya. Hanya dengan beriman kepada ajaran Islam dan mengkaji Al-Qur'an mereka dapat menyelamatkan diri mereka. Rujukan-rujukan Al-Qur'an dan Hadith di dalam buku ini diharap dapat membantu mereka memahami realiti yang sebenar.

6. Amaran Oleh Allah S.W.T. Kepada Orang-Orang Yahudi Bahawa Hukuman Ke Atas Mereka Boleh Berulang.

Al-Qur'an telah memberi amaran kepada kaum Yahudi sekiranya mereka kembali ke cara keji mereka, Allah s.w.t. akan menghukum mereka semula. Pada mulanya Allah s.w.t. menghukum mereka dengan tentera Babylon dan kemudian dengan tentera Rom dan akhir sekali, dengan tentera Islam:

Maksudnya:

"Mudah-mudahan Tuhanmu akan melimpahkan rahmat(-Nya) kepadamu; dan sekiranya kamu kembali kepada (kederhakaan), nescaya Kami kembali (mengazabmu) dan Kami jadikan Neraka Jahanam penjara bagi orang-orang yang tidak beriman."

(Bani Israil, 17: 8)

7. Amaran Hukuman Yang Dahsyat Ke Atas Orang-Orang Yahudi

Al-Qur'an memberi amaran yang jelas kepada orang-orang Yahudi bahawa mereka akan berdepan dengan Yakjuj dan Makjuj dan Dajjal al-

Masih palsu apabila ia dibebaskan ke dunia. Kaum Yahudi enggan mempercayai ayat-ayat Al-Qur'an hatta mereka tidak berupaya mengecam realiti tersebut:

﴿وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٦٧﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu memberitahu, bahawa sesungguhnya Dia akan mengirim kepada mereka (orang-orang Yahudi) sampai hari Kiamat orang-orang yang akan menimpakan kepada mereka azab yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksa-Nya, dan sesunggahnya Dia adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Al- 'Araf, 7: 167)

Mengikut undang-undang Allah s.w.t., hukuman haruslah setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Memandangkan kaum Yahudi telah melakukan jenayah yang paling hina dengan cubaan menyalib Nabi Isa a.s. al-Masih dan mengubah ayat-ayat di dalam kitab Taurat dan lain-lainnya, mereka akan dikenakan hukuman yang paling dahsyat, hukuman yang akan bermula sebelum datangnya hari kiamat lagi. Hukuman ke atas mereka telah bermula setelah risalah Rasullullah s.a.w. ditolak. Suatu rangkaian kejadian-kejadian yang dramatik akan berlaku dengan kemuncaknya sebagai hukuman yang paling dahsyat ke atas kaum Yahudi. Allah saw. akan membangkitkan pelakon-pelakon yang utama untuk drama tersebut yakni Yakjuj dan Makjuj dan Dajjal, al-Masih yang palsu (Lihat Bab 8 berkenaan Dajjal al-Masih yang

palsu).

8. Tertutupnya Hati Kaum Yahudi Tatkala Munculnya Masa Untuk Menerima Hukuman Terakhir

Allah s.w.t. telah menutup hati-hati kaum Yahudi dan mereka-mereka yang tidak beriman daripada mampu melihat kepada kebenaran:

﴿ سَأَصْرِفُ عَنْ ءَايَٰتِيَ ٱلَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَإِن
يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلرُّشْدِ لَا
يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلْغَيِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ۚ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٤٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Aku akan memalingkan orang-orang yang menyombongkan dirinya di muka bumi tanpa alasan yang benar dari tanda-tanda kekuasaanKu. Mereka jika melihat tiap-tiap ayat(Ku), mereka tidak beriman kepadanya. Dan jika mereka melihat jalan yang membawa kepada petunjuk, mereka tidak mahu menempuhnya, tetapi jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus menempuhnya. Yang demikian itu adalah kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka selalu lalai daripadanya."

(Al -'Araf, 7: 146)

Pelakon utama di dalam drama yang menakjubkan ini adalah

Dajjal, Al-Masih yang palsu. Drama yang ini akan menutup hati-hati sekalian manusia terhadap kebenaran (kecuali mereka yang beriman). Dajjal telah diberi kebolehan untuk menjalankan tugas ini oleh Allah s.w.t. dengan menjadikannya buta di mata kanannya-yakni buta terhadap aspek rohani dalaman. Setiap manusia yang mengikuti jejak Dajjal akan menjadi buta secara rohani dan tidak berupaya mengenal tanda-tanda kebesaran Allah s.w.t. di akhir zaman ini. Ini akan berterusan hingga kembalinya Nabi Isa Al-Masih yang sebenar.

9. Jasad Firaun Akan Ditemui Dan Menjadi Lambang Nasib Yang Sama Bakal Menimpa Kaum Yahudi

Satu lagi ayat di dalam Al-Qur'an tentang akhir zaman dan hari-hari terakhir bagi Bani Israel telah semakin dekat adalah penemuan jasad Firaun yang telah lemas semasa cuba mengharungi Laut Merah ketika mengejar Nabi Musa a.s. Dalam kejadian tersebut, Allah s.w.t. telah menyelamatkan Bani Israel tetapi telah menenggelamkan Firaun dan bala tenteranya. Allah berfirman:

﴿ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ ٱلْبَحْرَ فَأَنجَيْنَٰكُمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah), ketika Kami belah laut untukmu, lalu Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan (Firaun) dan pengikut-pengikutnya sedang kamu sendiri menyaksikan."

(Al-Baqarah, 2: 50)

Bani Israel tidak sedar ketika itu dan masih tidak menyedari

hakikat bahawa mereka akan dimusnahkan sekiranya mereka mengkhianati Allah s,w.t. dan melakukan dosa-dosa yang teramat besar. Apakah situasinya semasa kematian Firaun? Cuba renungi ayat di bawah:

﴿ ۞ وَجَٰوَزۡنَا بِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡبَحۡرَ فَأَتۡبَعَهُمۡ فِرۡعَوۡنُ وَجُنُودُهُۥ بَغۡيٗا
وَعَدۡوًاۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدۡرَكَهُ ٱلۡغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِيٓ
ءَامَنَتۡ بِهِۦ بَنُوٓاْ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٩٠﴾ ءَآلۡـَٰٔنَ وَقَدۡ عَصَيۡتَ
قَبۡلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿٩١﴾ فَٱلۡيَوۡمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ
لِمَنۡ خَلۡفَكَ ءَايَةٗۚ وَإِنَّ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنۡ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan Kami memungkinkan Bani Israel melintasi laut, lalu mereka diikuti oleh Firaun dan bala tenteranya, kerana hendak menganiaya dan menindas (mereka); hingga bila Firaun itu telah hampir tenggelam, berkatalah dia: "Saya percaya bahawa tidak ada Tuhan melainkan Tuhan yang dipercayai oleh Bani Israel, dan saya termasuk orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)."

Apakah sekarang (baru kamu percaya), padahal sesungguhnya kamu telah derhaka sejak dahulu, dan kamu termasuk orang-orang yang berbuat kerosakan.

Maka pula hari ini Kami selamatkan jasadmu supaya kamu dapat menjadi pelajaran bagi orang-orang yang datang sesudahnya dan

sesungguhnya kebanyakan dari manusia lengah dari tanda-tanda kekuasaan Kami."

(Surah Yunus, 10: 90-92)

﴿ فَلَمَّآ ءَاسَفُونَا ٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَـٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾ فَجَعَلْنَـٰهُمْ سَلَفًا وَمَثَلًا لِّلْـَٔاخِرِينَ ﴿٥٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Maka tatkala mereka membuat Kami murka, Kami menghukum mereka lalu Kami tenggelamkan mereka semuanya (di laut).

Dan Kami jadikan mereka sebagai pelajaran dan contoh bagi orang-orang yang kemudian."

(Al-Zukhruf, 43: 55-56)

Al-Qur'an telah mencatatkan ramalan yang sungguh benar berkenaan penemuan jasad Firaun di masa hadapan. Peristiwa ini menjadi tanda amaran yang sangat keras daripada Allah s.w.t. Dengan penuh keajaiban jasad Firaun telah ditemui di akhir abad yang lalu. Dunia Islam dengan para cendekiawannya tidak berupaya memahami utusan yang tersirat dari penemuan ini dan ini amat membimbangkan. Mereka hanya menegaskan bahawa satu lagi ramalan di dalam Al-Qur'an telah dipenuhi. Lebih membahayakan lagi bagi kaum Yahudi, ialah timbulnya pergerakan Zionisma di waktu yang sama dengan penemuan jasad Firaun. Nyata bahawa Dajjallah (al-Masih yang palsu) yang menjadi arkitek penubuhan pergerakan Zionisma ini. Maka wajar disebut bahawa zaman Yakjuj dan Makjuj juga merupakan zaman

Dajjal. Sebagai implikasi dari semua ini kaum Yahudi kini sedang dipimpin oleh Dajjal (al-Masih palsu) dan oleh Yakjuj dan Makjuj. Kesudahan bagi mereka akan sama separti berakhirnya zaman Firaun. Apakah kesudahan ini? Penemuan jasad Firaun adalah tanda yang jelas daripada Allah s,w.t. di mana dunia akan menyaksikan suatu drama yang paling besar dalam sejarah kemanusian. Telah tiba pengakhiran waktu bagi kaum Yahudi dan seluruh manusia secara amnya. Mereka yang hidup seperti Firaun akan mati sebagaimana matinya Firaun.

10. Kaum Yahudi Akan Tidak Mempunyai Pilihan Yang Lain Tetapi Menyedari Hakikat Kerasulan Nabi Isa Al-Masih (Apabila Dia Kembali). Tetapi Kesedaran Lni Sudah Terlambat Bagi Menyelamatkan Mereka Dari Hukuman Yang Dahsyat Dan Dari Api Neraka.

Allah s.w.t telah menurunkan amaran yang paling keras ke atas kaum Yahudi setelah mereka cuba menyalib Nabi Isa a.s. dan mendabik dada atas kejayaan mereka. Kaum Yahudi yang menolak Nabi Isa a.s. sebagai Al-Masih (dan golongan Kristian yang menyembahnya sebagai tuhan) diberitahu bahawa mereka akan terpaksa mempercayai kerasulan Nabi Isa a.s. sebelum beliau menemui maut, yakni setelah beliau kembali ke dunia, sebelum menemui ajalnya. Hatta kaum Yahudi terpaksa mengakui bahawa dialah Al-Masih dan golongan penganut Kristian terpaksa berhenti menyembahnya dan sebaliknya mengakui kerasulannya.

﴿ وَإِن مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِۦ قَبْلَ مَوْتِهِۦ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ﴿١٥٩﴾ ﴾

Maksudnya:

"Tidak ada seorang pun dari Ahli Kitab, kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kemunculannya. Dan di hari Kiamat nanti Isa itu akan menjadi saksi terhadap mereka."

(Al-Nisa, 4: 159)

Ayat di atas menegaskan bahawa apabila Nabi Isa a.s. kembali, kaum Yahudi akan mengenali beliau dan akan mempercayainya dan juga secara langsung mempercayai kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul terakhir yang diutuskan oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. Mereka juga akan megiktiraf Al-Qur'an sebagai kitab Allah yang terakhir. Keimanan di saat akhir ini tidak akan mengubah nasib kaum Yahudi seperti mana keimanan Firaun di saat ia di ambang maut telah tidak membantunya (Firaun disiksa dengan api neraka). Inilah amaran yang keras untuk kaum Yahudi sebagai pengajaran dari penemuan jasad Firaun!

Dengan peredaran masa menuju ke waktu-waktu terakhir sebelum bermulanya hukuman Allah s.w.t., kaum Yahudi dan mereka yang tidak beriman akan menyangka bahawa mereka berada di jalan kebenaran yang hakiki. Maka Islam di kala itu akan kelihatan sebagai suatu sistem kepercayaan yang telah gagal. Inilah keadaan dunia kita pada hari ini.

AL-QUR'AN DAN HALATUJU JERUSALEM

﴿... وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا ... ۝٨﴾

Maksudnya:

"... dan sekiranya kamu kembali kepada (melanggar syarat-syarat yand ditetapkan untuk mewarisi Tanah Suci), nescaya Kami kembali (mengazabmu yakni mengusir kamu dari Tanah Suci berkali-kali) dan Kami jadikan Neraka Jahanam penjara bagi orang-orang yang tidak beriman."

(Bani Israil, 17: 8)

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"Zaman kenabian akan bertahan di kalangan kamu selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan ada Khilafah mengikut cara kenabian selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan ada pemerintahan beraja (keturunan) dan ini akan berkekalan selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan timbul penindasan yang teruk dan ia akan berkekalan selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan ada Khalifah

mengikut cara kenabian dan selepas itu Rasulullah s.a.w. mendiamkan diri."

(Musnad Ahmad bin Hambal)

Setelah menghukum kaum Yahudi dengan mengusir mereka dari Tanah Suci buat kali kedua, Allah Yang Maha Tinggi telah berfirman menjahirkan hasratNya untuk terus menghukum mereka (dengan mengusir mereka) sekiranya mereka (kaum Yahudi) terus menlanggar batas-batas keimanan dan perlakuan yang baik di Tanah Suci:

Maksudnya:

"... dan sekiranya kamu kembali kepada (melanggar syarat-syarat yand ditetapkan untuk mewarisi Tanah Suci), nescaya Kami kembali (mengazabmu yakni mengusir kamu dari Tanah Suci berkali-kali) dan Kami jadikan Neraka Jahanam penjara bagi orang-orang yang tidak beriman."

(Bani Israil, 17: 8)

Halatuju Jerusalam dan Tanah Suci telah jelas termaktub di dalam ayat al-Qur'an sebagai suatu amaran dan deklarasi yang kukuh. Apa pun jenis perjanjian yang telah disepakati di Camp David atau di tempat lain di antara wakil sekular nasionalis Palestin dengan wakil sekular nasionalis Yahudi Eropah (yang menggangap mereka mewakili keturunan Nabi Ibrahim a.s.) halatuju Jerusalem menjadi jelas jika dilihat kepada keruntuhan akhlak, penindasan dan kesyirikan yang sedang melanda Tanah Suci pada hari ini. Perkara yang paling ketara di negara Israel hari ini adalah mereka meninggalkan cara kehidupan

beragama dan tidak membelakangkan kewujudan Tuhan. Baru-baru ini, suatu penulisan di dalam Jerusalem Post menzahirkan fakta berikut tentang tahap amalan agama Nabi Ibrahim a.s. di Israel: Bagi kebanyakan penduduk Israel, agama Yahudi telah menjadi sesuatu yang kuno, primitif dan merupakan suatu sistem yang tidak lagi releven yang hanya berfungsi untuk merebut kekuasaan pentadbiran dan sumber kewangan dan menjadi suatu perkara yang memalukan bagi masyarakat moden yang terpelajar (Jerusalem Post, September 12, 2000).

Petanda daripada Tuhan yang telah dizahirkan kepada Rasullullah s.a.w semasa baginda dibawa melawat Jerusalem merupakan antara petanda yang menunjukkan halatuju yang bakal ditempuh oleh Jerusalem. Perkara ini nampak seperti terlepas daripada perhatian Daniel Pipes. Ini tidaklah menghairankan kerana seperti juga bagi kebanyakan Orang Yahudi, dia tidak dapat mendengar suara "batu-batan" *intifida* yang telah mula bercakap di Tanah Suci. Bekas Brigader-General Tentera Israel, Aphraim Eitam (yang baru-baru ini telah meletakkan jawatan dari Angkatan Tentera Israel) mempercayai bahawa batu-batan ini telah mula bercakap. Beliau menegaskan: "Israel adalah sebuah negara yang paling merbahaya di dunia bagi orang-orang Yahudi ..." (Jerusalem Post, 20 Feb, 2001).

Al-Qur'an telah menegaskan bahawa halatuju Jerusalem akan menyaksikan pemerintahan Islam di Jerusalem – pemerintahan ini telah bermula tidak lama selepas wafatnya Rasullullah s.a.w. dan berlanjutan tanpa gangguan selama beberapa ratus tahun. Apabila Jerusalem ditakluk oleh tentera-tentera Euro-Kristian, mereka hanya dibenarkan memerintah selama 80 tahun sahaja dan halatuju Jerusalem menjadi jelas semula. Tentera-tentera Islam telah mengalahkan tentera-

tentera Euro-Kristian ini, dan berjaya memerintah Jerusalem semula tanpa gangguan selama beberapa ratus tahun lagi sehingga tiba saat berlakunya perancangan Tuhan, di mana kaum Yahudi telah dibawa semula menduduki Tanah Suci. Tidak mungkin pemerintahan Yahudi kini seperti pemerintahan Euro-Kristian dahulu dapat kekal lebih dari 80 tahun. Allah lebih mengetahui. Suatu pasukan tentera Islam akan mengalahkan kaum Yahudi dan pemerintahan Islam akan bertapak semula di Jerusalem. Allah yang Maha Besar telah berfirman :

﴿ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى
ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ
ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِى لَا
يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا ۚ وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ
﴿٥٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh, bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentiasa. Mereka tetap

menyembah-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik."

(An-Nur, 24: 55)

Rujukan tentang hidup dalam ketakutan di dalam ayat di atas sudah semestinya termasuk kehidupan di tengah-tengah penindasan Israel di Tanah Suci seperti yang berlaku sekarang ini. Ayat di atas juga manjelaskan bahawa mereka yang akan menduduki dan memerintah Tanah Suci selepas ini adalah mereka yang hanya menyembah Allah dan tidak melakukan Syirik. PLO tidak termasuk di dalam golongan yang setia kepada Allah.

Ini adalah janji-janji di dalam Al-Qur'an ini juga telah disahkan di dalam hadith berikut:

"Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a,w. telah bersabda: Bendera-bendera hitam akan muncul dari Khorasan (yakni wilayah yang merangkumi Afganistan, Pakistan, sebahagian dari Iran dan Asia Tengah) dan tidak akan ada kuasa yang dapat menghalang mereka sehinggalah mereka bertapak di Aelia (Jerasalem)."

(Sunan Tirmidhi)

Al-Qur'an juga telah memberi justifikasi moral terhadap "penentangan bersenjata" tersebut yang akan melihat penaklukan Jerusalem oleh orang-orang Islam. Tuhan kepada Nabi Ibrahim sendiri telah membenarkan peperangan ke atas mereka yang menindas orang-orang lain dengan mengusir mereka dari rumah-rumah dan tanah

mereka semata-mata kerana mereka beragama Islam:

﴿ أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا۟ ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُولُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Berkuasa menolong mereka itu.(Iaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: "Tuhan kami hanyalah Allah." Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa."

(Al-Hajj, 22: 39-40)

Adalah menjadi suatu ketetapan bagi Jerusalem, di mana tentera Islam akan memusnahkan negara Israel dan al-Masih (Isa anak kepada

Maryam) akan memerintah seluruh dunia dari Jerusalem sebagai seorang pemimpin yang adil, Isa al-masih akan memerintah dunia dari negara Islam yang akan ditegakkan di Tanah Suci menggantikan negara palsu Zionis Israel.

Adalah juga menjadi suatu ketetapan bagi Jerusalem bahawa sebelum perkara di atas boleh berlaku, Negara Yahudi Israel mesti berperanan sebagai "negara yang memerintah" dunia. Israel akan "memerintah" dunia di kala sehari adalah seperti seminggu. Pada penghujung waktu yang penuh dengan penindasan yang dahsyat ini, Dajjal, al-Masih yang palsu akan muncul ketika sehari baginya adalah seperti sehari bagi kita. Di waktu itu, air di Laut Galilee akan menjadi kering.

Dajjal akan 'memerintah' dunia dari Jerusalem dan berjaya memenuhi misinya untuk menyamar sebagai al-Masih yang sebenar. Imam al-Mahdi pula akan muncul apabila munculnya Dajjal. Rasulullulah s.a.w. telah menyebut berkenaan kejadian ini di dalam hadith berikut:

> Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Zaman kenabian akan bertahan di kalangan kamu selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan ada Khilafah mengikut cara kenabian selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan ada pemerintahan beraja (keturunan) dan ia akan berkekalan selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan timbul penindasan yang teruk dan ia akan berkekalan selama mana Allah mengkehendakinya, kemudian

Allah akan mengangkatnya. Selepas itu akan ada Khalifah mengikut cara kenabian dan selepas itu Rasulullah s.a.w. mendiamkan diri."

(Musnad Ahmad bin Hambal)

Dajjal akan menyerang Imam al-Mahdi di Damsyik dan Nabi Isa al-Masih yang sebenar pula akan turun ke bumi dan membunuh Dajjal. Di kala Dajjal dibunuh golongan terakhir Yakjuj dan Makjuj akan dibebaskan dan mereka akan melalui laut Galilee sambil berkata, "tempat ini dahulunya dipenuhi dengan air!" Yakjuj dan Makjuj akan mengikuti Isa al-Masih ke sebuah gunung di Jerusalem dan Allah s.w.t. akan memerintahkan Nabi Isa a.s. untuk mendaki gunung tersebut. Yakjuj dan Makjuj akan mendabik dada dengan keupayaan mereka membunuh orang-orang di bumi dan kini akan membunuh mereka di langit. Mereka melepaskan anak panah ke langit dan Allah s.w.t. akan mangembalikan anak-anak panah tersebut berlumuran dengan darah (InsyaAllah hadith ini dapat diterangkan orang tidak lama lagi). Seterusnya Nabi Isa al-Masih akan berdoa agar Allah s.w.t. memusnahkan Yakjuj dan Makjuj. Allah memusnahkan mereka dengan serangga yang akan menggigit belakang tengkuk mereka. Mereka akan semuanya gugur dan mati keesokan harinya.

Dengan musnahnya golongan Yakjuj dan Makjuj, order dunia yang dikuasai oleh orang-orang putih akan jatuh dan dunia saintifik dan teknologi moden akan hancur. Buku ini menjangka peristiwa ini akan berlaku tidak lebih dari lima puluh tahun sahaja lagi. Selepas ini, akan muncul tentera Islam dari Khorasan yang akan berdepan dengan golongan Yahudi di medan peperangan yang adil. Rasulullah s.a.w. telah menegaskan behawa golongan Islam akan berperang dengan

golongan Yahudi di dalam hadith Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Lihat hadith di bawah:

> "Kamu (yakni orang-arang Islam) akan melawan orang-orang Yahudi sehingga ada di antara mereka yang akan berlindung di belakang batu. Batu-batu itu akan berkata: Wahai Muslim! Ada seorang Yahudi di belakangku, maka bunuhlah ia!"
>
> (Sahih Bukhari)

> "Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Telah bersabda Rasullullah s.a.w.: Waktu terakhir tidak akan muncul selagi orang-orang Islam tidak berperang dengan kaum Yahudi. Orang-orang Islam akan membunuh mereka sehingga orang-orang Yahudi akan berlindung di sebalik batu-batuan atau sepohon pokok dan batu atau pokok itu akan berkata: Wahai Muslim, atau wahai hamba Allah, ada Yahudi di belakangku, bunuhlah ia, kecuali pohon Gharqad, ia tidak akan berkata demikian kerana ia adalah pohon Yahudi."
>
> (Sahih Muslim)

Adalah mudah untuk mengasingkan cendekiawan Islam yang tidak berupaya memberi petunjuk yang sebenar di zaman ini. Mereka adalah para cendekiawan yang tidak akan menyentuh atau menyebut tentang hadith di atas secara terbuka.

Halatuju Jerusalem adalah sebegitu rupa di mana ia memberi keyakinan yang jitu bagi orang-orang Islam dan harapan bahawa kebenaran akan berjaya mengatasi kepalsuan dan penindasan.

Buku ini ditulis semata-mata untuk sebab ini – untuk menerangkan kepada orang-orang Islam tentang kehidupan yang aneh di dunia yang diduduki hari ini. Ia adalah dunia di mana Islam kelihatan seperti suatu yang telah kalah. Dengan membaca buku ini, pembaca akan sedar bahawa realitinya adalah berbeza sekali. Apabila mereka sedar bahawa adalah menjadi fungsi Jerusalem untuk mengesahkan kebenaran Islam, orang-orang Islam harus bersatu tenaga menentang peperangan yang kini telah dimulakan ke atas Islam untuk memusnahkan keimanan mereka kepada Allah oleh dunia yang tidak mengendahkan kewujudan Tuhan.

BAHAGIAN KEDUA

TANAH SUCI DAN KESYIRIKAN POLITIK NEGARA ISRAEL

﴿ وَءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan Kami berikan kepada Musa Kitab (Taurat) dan Kami jadikan kitab Taurat itu petunjuk bagi Bani Israil (dengan firman): Janganlah kamu mengambil penolong selain Aku."

(Bani Israil, 17: 2)

(*Syirik* ialah menyembah selain dari Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. Segala yang bercanggah dengan penyembahan Tuhan yang satu tersebut adalah *Syirik*. *Kafir* bererti menolak kebenaran.)

Israel merupakan sebuah negara sekular moden yang terletak di Tanah Suci. Sistem politiknya adalah bersandarkan sistem sekular. Adakah satu negara moden sekular seperti ini sah dari segi agama apabila dipandang dari sudut agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s? Adakah negara sekular sebegini rupa di Tanah Suci bertentangan atau selari dengan syarat-syarat yang ditetapkan Tuhan bagi mewarisi

Tanah Suci? Bab ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Order Dunia Hari Ini

Walaupun masih terdapat tamadun-tamadun besar dunia di zaman ini (ada yang berusia beribu tahun), tetapi anehnya tamadun-tamadun ini tidak satu pun yang menguasai wilayah miliknya dengan sepenuhnya. Di mana-mana negara di dunia hari ini, manusia hidup mengikut gaya tamadun Eropah. Seluruh dunia telah didakapi oleh model negara sekular Eropah. Perkara ini adalah sesuatu yang unik dalam sejarah manusia, penuh dengan misteri dan suatu petanda yang tidak elok. Sistem negara-negara sekular Eropah ini telah melahirkan Liga Negara-Negara yang kemudiannya dikenali sebagai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pertubuhan ini secara langsung melambangkan matlamat Order Dunia Baru yang diasaskan oleh tamadun Eropah. Matlamat penubuhannya ialah untuk menyatukan seluruh dunia di bawah pengaruh dan kekuasaan politik Eropah agar Eropah dapat memerintah dunia sebagai sebuah kerajaan yang mewakili seluruh dunia. Ketika buku ini ditulis Eropah berada di ambang kejayaan bagi pencapaian strategi politik ini. Tamadun-tamadun bukan Eropah di dunia hari ini tidak mampu membebaskan diri mereka dari belenggu golongan sekular Eropah ini.

Seorang ahli sejarah British yang terkenal, Arnold Toynbee, telah mengulas tentang fenomena unik ini. Beliau berkata bahawa semua tamadun yang lampau (sebelum tamadun moden barat) telah musnah atau menjadi kaku dan semestinya tamadun barat juga akan mengalami nasib yang sama seperti tamadun-tamadun yang terdahulu (Toynbee: *Civilisation On Trial*, Oxford University Press, London, 1957: p38). Matlamat Eropah adalah tidak lain dan tidak bukan untuk mengasaskan

pemerintahan Eropah ke atas seluruh dunia. Toynbee telah menyatakan di dalam bukunya, "*Civilisation On Trial*":

> "Tamadun Barat bermatlamat untuk menyatukan seluruh manusia agar menjadi suatu masyarakat besar yang memiliki ciri-ciri yang serupa dan menguasai segalanya di bumi, air dan udara ..."
>
> (Ibid, m/s 166)

Sebaliknya, matlamat utama Eropah adalah untuk mengembalikan kaum Yahudi kes Tanah Suci dan menyerahkan tampuk pemerintahan dunia kepada kaum Yahudi supaya mereka dapat mamerintah dunia dari Jerusalem. Buku ini akan mengupas dan menerangkan fakta ini!

Al-Qur'an (di dalam surah Al-Anbiya', 21: 96) telah menegaskan bahawa ketika mana Yakjuj dan Makjuj dibebaskan ke dunia oleh Allah s.w.t., mereka akan menyebar keluar ke setiap arah. Akibat dari ini, penduduk dari sebuah kota yang telah diusir dan diharamkan oleh Allah untuk kembali akan dapat kembali untuk menguasai kota tersebut. Kota tersebut adalah Jerusalem! Manusia yang lain tidak akan dapat mengatasi kamaraan Yakjuj dan Makjuj berdasarkan firman Allah s.w.t. seperti berikut:

> "Aku telah jadikan di antara hamba-hambaKu segolongan manusia yang tidak mampu diatasi oleh sesiapapun; bawa orang-orang ini dengan selamat ke Tur dan kemudian Allah akan menghantar Yakjuj dan Makjuj dan mereka akan tersebar ke setiap arah."
>
> (Sahih Muslim)

Jelaslah dari hadith di atas bahawa tamadun Eropah (selepas kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.) adalah tamadun Yakjuj dan Makjuj.

Buku ini juga menerangkan fenomena Dajjal, al-Masih yang palsu. Dajjal berserta Yakjuj dan Makjuj merupakan suatu tanda akhir zaman yang paling besar. Misinya adalah untuk meniru fungsi al-Masih yang benar yakni untuk memerintah dunia dari Jerusalem. Buku ini telah mengenalpasti Pulau Britain sebagai lokasi awal Dajjal semasa ia memulakan misinya. Maka matlamat utama Eropah bukan sahaja untuk membolehkan kaum Yahudi kembali ke Tanah Suci tetapi juga untuk menyerahkan kepada mereka kuasa pemerintahan dunia agar mereka dapat memerintah dunia dari Jerusalem!

Sistem negara sekular ini merupakan satu ciri yang penting dari strategi menyeluruh Eropah untuk mencapai matlamat tersebut.

Pembentukan Negara Moden Sekular

Negara moden sekular muncul di Eropah setelah tamadun Euro-Kristian diserang dengan penuh misteri dari dalam sehingga menyebabkan perubahan yang bersifat merbahaya dan mempunyai ciri-ciri revolusi. Revolusi tersebut telah mengubah sebuah tamadun berdasarkan ciri-ciri agama Kristian dan Judaisma kepada sebuah tamadun yang kuat, tidak bertuhan (tidak beragama), penuh dengan penipuan dan kepalsuan serta penuh dengan ciri-ciri keruntuhan akhlak dan moral. Serangan misteri ini merupakan salah satu dari kejadian yang paling bersejarah sepanjang sejarah Eropah.

Ciri-ciri tidak bertuhan yang sangat nyata di dalam tamadun moden Eropah dapat dilihat dari fahaman materialisma yang menjadi

anutan mereka. Eropah hanya mengiktiraf sesuatu sebagai realiti dalam lingkungan materialisma dan tidak lebih dari itu. Fahaman materialisma ini adalah hasil dari epistemologi "satu-mata" (*one-eyed*) yang mengatakan bahawa ilmu itu hanya boleh didapati dari satu sumber sahaja (yakni dari pemerhatian luaran dan kajian saintifik sahaja). "Mata" yang kedua (yakni yang berkenaan rohani dan keimanan) tidak diterima oleh mereka sebagai suatu sumber untuk memperolehi ilmu atau maklumat.

Negara sekular moden telah muncul hasil dari fahaman baru Eropah yang tidak mengiktiraf kekuasaan Tuhan di dalam falsafah politik dan teori politik mereka. Ini bukan semuanya! Walaupun negara sekular pernah muncul dalam sejarah sebelum ini, ia menjadi fenomena universal yang mendakapi seluruh manusia sebagai order dunia baru hanya di zaman moden ini sahaja. Zaman moden telah muncul hasil dari revolusi Eropah yang telah berlaku. Revolusi Eropah ini telah mendakapi segenap lapisan masyarakat dunia sehingga menjadi masyarakat sekular yang tidak bertuhan dan seterusnya mengubah kehidupan seluruh manusia kepada suatu kehidupan yang global, sekular, tidak bertuhan dan berciri-cirikan keruntuhan moral — suatu kejadian yang paling unik di dalam seluruh sejarah kemanusian. Penulis mengatakan bahawa hanya al-Qur'an yang telah menjelaskan berkenaan fenomena ini.

Revolusi sekularisma Eropah yang tidak mengiktiraf keagungan Tuhan ini adalah fenomena yang penuh dengan misteri memandangkan ia disertakan dengan revolusi teknologi dan sains yang telah menobatkan Eropah sekular dengan suatu kekuasaan yang nampak tidak dapat dikalahkan dan memberinya 'glamor' serta tidak

mudah bagi manusia mengelakkannya. Enjin keretapi, kereta,lori, kereta kebal, kapal, kapalterbang dan lain-lain telah merubah cara manusia bergerak di muka bumi, berperang dan seterusnya mengubah gaya hidup manusia. Kuasa elektrik telah mengubah malam menjadi siang dan mengubah cara kehidupan manusia. Telefon dan telegraf membolehkan manusia berkomunikasi dengan sesama mereka di lokasi yang jauh, seterusnya mengubah cara hidup mereka. Revolusi feminisma pula telah memberi wanita kebebasan untuk menjalankan fungsi lelaki di dalam masyarakat dan seterusnya melanggar batas-batas fungsi yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. (Al-Lail, 92: 1-4).

Revolusi ini telah digambarkan sebagai liberasasi kaum wanita! Ini mengakibatkan perubahan yang besar dan merbahaya kepada kehidupan manusia. Eropah yang baru ini telah melancarkan serangannya secara berterusan ke atas manusia dengan menggunakan naluri asas manusia sebagai senjata yakni nafsu seks dan sifat tamak. Revolusi seksual yang diperkenalkan memberi jaminan bahawa perbuatan seks samada secara tabii atau di luar tabii mudah diperolehi seperti mudahnya memperolehi sinaran matahari. Perkahwinan semakin dianggap sebagai sesuatu yang tidak perlu dan manusia boleh memilih untuk hidup bersama tanpa pernikahan dan mereka ini masih dianggap menjalani kehidupan yang penuh dengan kehormatan. Sebagai contoh, Jacqueline Kennedy, isteri kepada bekas Presiden John F. Kennedy, hidup di akhir hayatnya dengan bersekedudukan di luar ikatan perkahwinan. Setelah beliau mati, teman Yahudinya telah diperkenalkan kepada dunia sebagai teman hidupnya.

Perbuatan homoseksual dan lesbianisma dipertahankan sebagai tabiat seks alternatif dan menjadi sangat popular sehingga seorang

paderi atau rabbi homoseksual atau lesbian dipandang dengan penuh penghormatan dan boleh terus berfungsi sebagai paderi atau rabbi. Perkataan homoseksual juga diubah untuk menyingkirkan elemen negatif dari perkataan tersebut dan digantikan dengan perkataan "*gay*".

Umum menerima perubahan ini tanpa usul periksa. Revolusi pengguna pula telah memberi manusia berbagai-bagai pilihan makanan yang mengaburi mata. Revolusi ini menembusi seluruh lapisan masyarakat dunia dan mengubah setiap dapur, bilik air dan tandas mereka.

Tamadun Eropah sekular yang baru ini telah menggunakan kekuatannya untuk menguasai dan menjajah seluruh dunia dan seterusnya menggunakan "glamor" untuk menggoda manusia agar meniru gaya hidup dan gaya pengguna tamadun Eropah sekular yang keruntuhan moral ini, Revolusi Eropah sekular telah memperlihatkan zaman perubahan politiknya semasa revolusi Amerika, revolusi Perancis dan revolusi Bolshevik dalam tahun 1776, 1787-1800 dan 1917 Perubahan dari segi ekonomi pula berlaku dengan munculnya sistem ekonomi berasaskan riba yang berjaya dicapai melalui revolusi Protestan. Perubahan budaya berlaku dengan munculnya revolusi feminisma yang berjuang untuk kebebasan wanita. Revolusi-revolusi ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa dibantu oleh revolusi sains dan teknologi yang turut serta berlaku.

Syirik Dan Kekufuran Negara Sekular Moden

Di akhir semua revolusi tersebut, tamadun Euro-Kristian (yang asalnya bersandarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan dan kekuasaan mutlakNya — melalui teori kuasa raja yang dianugerahkan

oleh Tuhan dan bertindak sebagai wakil Tuhan di atas bumi yang diwakili oleh Gereja Rome) tidak lagi mengiktiraf Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. sebagai kuasa yang berdaulat dan paling tinggi dan tidak lagi mengiktiraf kekuasaannya dan undang-undangNya sebagai yang paling agung. Negara moden sekular sekarang ini dianggap sebagai berdaulat dan ini adalah perbuatan Syirik! Kekuasaan dan undang-undang negara sekular moden dianggap sebagai yang paling tinggi dan ini adalah perbuatan Syirik! Negara sekular ini memiliki kuasa untuk menghalalkan apa yang diharamkan oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. dan ini juga adalah perbuatan Syirik!

Syirik adalah dosa yang paling besar yang tidak akan diampunkan oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾ ﴾

Maksudnya:

"Allah tidak akan mengambil dosa Syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang menyekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar."

(Al-Nisa, 4: 8)

Sesiapa yang melakukan perbuatan Syirik dan mati dalam keadaan tersebut tidak akan dapat memasuki syurga:

﴿ ... إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُۖ

Maksudnya:

"Sungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah ialah Al Masih putera Maryam, padahal Al Masih (sendiri) berkata; Hai Bani Israil, sembahlah Allah Tuhanku dan TuhanMu. Sesungguhnya orang yang mempersekutukan (sesuatu dengan)Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka, tidaklah ada bagi orang-orang zalim itu seorang penolong pun."

(Al-Maidah, 5: 72)

Penyembahan berhala adalah satu berbentuk perbuatan Syirik secara terbuka. Syirik seperti ini tidak lagi diamalkan di dunia hari ini dengan meluas, kecuali oleh orang-orang Hindu. Maka tidak ada keampunan ke atas mereka yang tidak dapat mengenali Syirik yang diamalkan oleh penganut agama Hindu. Al-Qur'an telah memberi amaran yang jelas kepada orang-orang yang beriman bahawa kebencian dan penentangan yang berulang-ulang akan menimpa mereka yang akan dilakukan oleh kaum Yahudi dan mereka yang melakukan perbuatan Syirik (seperti menyembah berhala).

Maksudnya:

"Sesungguhnya kamu dapati orang-orang yang paling keras

permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. Dan sesungguhnya kamu dapati yang paling dekat persahabatannya dengan orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya kami ini orang Nasrani." Yang demikian itu disebabkan kerana di antara mereka itu (orang-orang Nasrani) terdapat pendeta-pendeta dan rahib-rahib, (juga) kerana sesungguhnya mereka tidak menyombongkan diri."

(Al Maidah, 5: 82)

Disamping ini terdapat juga bentuk Syirik yang berlainan yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Sebagai contoh, Firaun telah berkata kepada Nabi Musa a.s.: "Saya adalah Tuhan kamu yang maha tinggi" dan seterusnya berkata kepada ketua-ketua kerajaannya: "Wahai para ketua, tiada tuhan buat kamu kecuali saya sendiri ...." Ini adalah perbuatan Syirik! Penyembahan penduduk-penduduk Mesir kepada Firaun memerlukan mereka menerima kekuasaannya sebagai kuasa paling agung di Mesir dan undang-undangnya sebagai undang-undang paling agung di Mesir. Ini perbuatan Syirik!

Al-Qur'an juga telah berkali-kali menegur mereka seperti Firaun yang telah menegakkan hukum selain dan yang bertentangan dengan hukum Allah s.w.t. Sekiranya orang-orang Yahudi, Kristian atau Islam menerima petunjuk daripada Allah s.w.t., keadaannya akan menjadi berbeza. Sekiranya orang-orang ini mendapat peluang untuk menguasai sebahagian dari wilayah di bumi dan mereka gagal menegakkan undang-undang dan kekuasaan berdasarkan undang-undang Tuhan, maka Al-Qur'an dengan tegas mengutuk dan menuduh mereka berkelakuan *kufur* (tidak mempercayai), *dhulm* (tidak adil),

dan fisq (berdosa besar dan berkelakuan keji) – seperti orang-orang Islam India yang telah menubuhkan negara Pakistan tetapi gagal menubuhkan sebuah negara berdasarkan hukum Allah s.w.t.

﴿...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ﴾

﴿...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ﴾

﴿...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab Taurat di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), yang dengan Kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerah diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan pendita-pendita mereka, disebabkan mereka diperintahkan memelihara kitab-kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Kerana itu janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir."

"Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (At Taurat) bahawasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisasnya. Barangsiapa yang melepaskannya (hak qisas), maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara

menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim. Dan Kami iringkan jejak mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan Isa putera Maryam, membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu Taurat, Dan Kami telah memberikan kepadanya kitab Injil sedang di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), dan membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu Kitab Taurat. Dan menjadi petunjuk serta pengajaran untuk orang-orang yang bertaqwa. Dan hendaklah pengikut Injil, memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan di dalamnya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik."

(Al-Maidah, 5: 44-47)

Memandangkan perbuatan dan kenyataan Firaun adalah Syirik, maka kewujudan dan deklarasi yang serupa oleh negara sekular moden adalah juga suatu perbuatan Syirik! Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. telah berfirman: Sesiapa yang tidak menghukum berdasarkan apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t., dia telah berlaku *kufr*, *dhulm* dan *fisq* – negara moden sekular telah melakukan apa yang disebut di dalam ayat di atas, maka sekiranya orang-orang Yahudi, Kristian atau Islam dan lain-lain, menegakkan negara sekular setelah diturunkan ke atas mereka undang-undang Tuhan di dalam Taurat, Zabur, Injil dan Al-Qur'an, mereka telah bersalah kerana melakukan perbuatan *kufr*, *dhulm* dan *fisq*!

Sekiranya orang-orang Yahudi, Kristian atau Islam mengundi di dalam pilihanraya negara moden sekular, bermakna bahawa dia menganggap parti yang dipilihnya layak untuk memerintahnya.

Sekiranya parti tersebut telah melakukan Syirik, kufr, dhulm dan fisq, maka orang Yahudi, Kristian atau Islam tersebut akan turut serta melakukan Syirik, *kufr*, *dhulm* dan *fisq* (Termasuk juga bagi orang-orang Hindu, Buddha dan lain-lain). Al-Qur'an juga mengutuk perbuatan menghalalkan apa yang diharamkan Allah s.w.t. Telah turun ayat daripada Tuhan kepada Nabi Ibrahim as yang mengutuk orang-orang Yahudi dan Kristian yang melakukan dosa besar ini:

Maksudnya:

"Mereka menjadikan orang-orang alimnya, dan rahib-rahib mereka sebagai Tuhan selain Allah, dan (juga mereka mempertuhankan) Al Masih putera Maryam; padahal mereka hanya disuruh menyembah Tuhan Yang Maha Esa, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan."

(Al-Taubah, 9: 31)

Apabila turunnya ayat al-Qur'an ini, seorang lelaki datang menemui Rasullullah s.a.w. dan memprotes kepada baginda bahawa kaum Yahudi dan Kristian tidak menyembah paderi-paderi dan rabbi-rabbi mereka. Bagaimana boleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s.

menuduh mereka melakukan yang sedemikian? Rasullullah s.a.w. menjawab: Tidakkah mereka menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Ini adalah Syirik, tegas baginda. Kemudian baginda bertanya lagi: Tidakkah engkau mengikuti tingkahlaku mereka? Ini adalah Syirik, tegas baginda lagi. Di antara perkara-perkara haram yang dihalalkan mereka ialah berjudi, loteri, meminum arak dan memakan riba (faedah atas pinjaman). Kitab Taurat itu sendiri telah ditulis semula agar menghalalkan perkara di atas (lihat buku penulis: *The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an*).

Apabila orang-orang Yahudi berkelakuan demikian, Nabi Daud a.s. dan Nabi Isa a.s. telah mengutuk mereka:

﴿ لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ
وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾
كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا
كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾ ﴾

Maksudnya:

"Telah dilaknati orang-orang kafir dari Bani Israil dengan lisan Daud dan Isa putera Maryam, yang demikian itu, disebabkah mereka derhaka dan selalu melampaui batas. Mereka satu sama lain selalu tidak melarang tindakan mungkar yang mereka perbuat. Sesungguhuya amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu."

(Al-Maidah, 5: 78-79)

Sesiapa sahaja yang mati dengan laknat oleh seorang Rasul tidak akan ada peluang langsung bagi mereka mengelak dari dibakar di dalam api neraka! Mereka yang membuat deklarasi menyembah Tuhan kepada Ibrahim a.s. dan seterusnya menghalalkan apa yang diharamkan Tuhan dan mengharamkan apa yang dihalalkan olehNya sebenarnya mempamerkan sifat hipokrit yang besar:

﴿ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتُ بَعْضُهُم مِّنۢ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمُنكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ ۚ نَسُوا۟ ٱللَّهَ فَنَسِيَهُمْ ۗ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٦٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"Orang-orang munafik laki-laki dan perempuan, sebahagian dengan sebahagian yang lain adalah sama, mereka menyuruh membuat yang mungkar dan melarang berbuat yang makruf dan mereka menggenggamkan tangannya. Mereka telah lupa kepada Allah, maka Allah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itulah orang-orang yang fasik."

(Al-Taubah, 9: 67)

Sekiranya apa yang dihalalkan oleh para paderi dan rabbi ke atas apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. adalah perbuatan Syirik, maka adalah Syirik juga bagi mana-mana kerajaan yang melakukan hal yang sama sekarang ini. Sekiranya ia adalah suatu tindakan hipokrit ketika itu, ia juga adalah suatu tindakan hipokrit sekarang ini. Dan jika tindakan tersebut mengundang laknat dari Rasul maka adalah sama akibatnya sekarang!

Kaedah yang biasa dipakai untuk mengkaji subjek ini adalah untuk menimbangkan perkara-perkara yang positif dan negatif yang berkait dengan penyertaan mereka yang beriman di dalam pilihanraya sesebuah negara sekular moden. Mereka yang mempertahankan kewujudan negara sekular hanya mengetengahkan pencapaiannya sahaja. Mereka mengatakan bahawa ianya adalah model bagi order politik yang paling maju dan progresif yang belum pernah timbul dalam sejarah. Ada yang berkata: "Jika kami tidak mengambil bahagian di dalam pilihanraya maka kami tidak akan mempunyai wakil dalam pantadbiran negara – tiada siapa yang akan memperjuangkan hak kami!" Dengan pemikiran yang lebih mendalam ada yang berkata: "Penglibatan di dalam pilihanraya merupakan suatu kaperluan untuk mengubah sistem politik sekular" Hal berkaitan dengan Syirik dielak dengan membuat tafsiran: "Kami akan melibatkan diri di dalam pilihanraya atas dasar mewakili pendirian umum untuk menolak perlembagaan sekular dan negara sekular. Pendirian ini akan membebaskan kami dari perbuatan Syirik."

Pendirian penulis terhadap penglibatan di dalam pilihanraya sebuah negara sekular walau apa cara pun menandakan penerimaan ciri negara sekular tersebut oleh mereka yang terlibat. Sesebuah negara sekular mempunyai pendirian yang sama seperti mana Firaun telah berkata kepada Nabi Musa a.s.: "Negara ini berdaulat, Kuasanya adalah paling agung. Undang-undangnya adalah paling agung." Semua ini adalah perbuatan Syirik! Apabila orang ramai mengundi di dalam sesuatu pilihanraya negara sekular, mereka secara langsung menerima kedaulatan negara tersebut, kuasanya sebagai yang paling utama dan juga undang-undangnya sebagai yang paling agung. Maka apabila orang-

orang beriman mengundi di dalam pilihanraya sedemikian, mereka tidak terlepas dari perbuatan Syirik!

Perkara yang kedua adalah, apabila orang-orang beriman mengundi di dalam sesuatu pilihanraya negara sekular, mereka sebenarnya mengundi untuk sebuah parti politik. Sekiranya parti tersebut menang dan berfungsi sebagai sebuah kerajaan dan manghalalkan apa yang diharamkan oleh Tuhan kepada Ibrahim a.s. atau menegakkan undang-undang mereka sendiri, maka kerajaan tersebut telah melakukan perbuatan Syirik. Di seluruh dunia pada hari ini, kerajaan-kerajaan dan parlimen-parlimen negara sekular telah menghalalkan hampir kesemua perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Apabila orang-orang beriman mengundi untuk parti-parti politik dan kerajaan yang telah melakukan Syirik demi Syirik, pengundian sebegini menandakan penerimaan mereka terhadap parti-parti politik tersebut untuk memerintah ke atas mereka. Maka sudah tentu orang-orang beriman ini turut serta mengikuti mereka melakukan *syirik*, *kufr*, *dhulm* dan *fisq!*

Perkara yang ketiga ialah, cara ini membelakangkan dan melanggar sunnah nabi kita Muhammad s.a.w.

Parti-parti politik dan kerajaan-kerajaan di seluruh dunia hari ini terdiri daripada mereka yang secara tegas dan tetap menghalalkan apa sahaja yang telah diharamkan oleh Allah s.w.t. Bab ini telah memberi banyak contoh berkenaan fakta ini. Orang-orang yang beriman harus berfikir secara mendalam akibat dari perbuatan mereka mengundi dan mengiktiraf parti-parti politik seperti ini untuk memerintah mereka. Besar sekali akibat yang buruk dari berterusan melakukan perbuatan haram. Amat jelas sekali bahawa negara-negara moden sekular sekarang

ini sedang ditimpa akibat yang buruk ini. Apakah akibat yang buruk ini?

Maksudnya:

"Maka tatkala mereka bersikap sombong terhadap apa yang mereka dilarang mengerjakannya. Kami katakan kepadanya: "Jadilah kamu kera yang hina."

(Al-'Araf, 7: 166)

Maksud daripada ayat di atas adalah mereka akan hidup seperti monyet yang tidak mampu mengawal hawa nafsu yang buas sehingga di akhir zaman, mereka akan melakukan persetubuhan di tempat-tempat terbuka seperti seekor keldai.

Negara moden sekular menghalalkan peminjaman wang berdasarkan faedah (Riba). Di serata dunia hari ini, negara-negara sekular telah menghalalkan perjudian, pengambilan minuman keras dan khinzir dan penggunaan duit kertas yang sentiasa menurun nilainya (menyebabkan kekayaan sesebuah masyarakat hilang lenyap dan akhirnya masyarakat tersebut terbelenggu sebagai hamba kepada pekerjaan mereka). Perbuatan homeseksual, lesbianisma, penzinaan dan seks rambang serta perguguran anak dalam kandungan semuanya telah dihalalkan di zaman ini. Di Amerika Syarikat misalnya wujud perniagaan yang mengiklankan kepada mereka yang ingin menjual anak mereka. Ada juga servis penghantaran kondom ke rumah dan pejabat untuk mereka yang ingin mengambil kesempatan ke atas peluang yang tidak diduga.

Di serata dunia hari ini, kebanyakan negara moden sekular tidak

lagi mengiktiraf hukum Allah s.w.t. bahawa seorang anak lelaki layak mewarisi dua kali ganda dari apa yang diwarisi oleh seorang anak perempuan. Mereka menuduh undang-undang sebegini tidak berlaku adil kepada kaum wanita dan mereka mendabik dada dengan mengatakan undang-undang yang mereka cipta adalah lebih adil dari undang-undang Allah s.w.t. Sebenarnya undang-undang mereka bukanlah undang-undang. Seorang lelaki boleh meninggalkan seluruh hartanya kepada seseorang yang tidak berguna tanpa sebarang peninggalan untuk anak atau isterinya! Negara moden sekular melarang seseorang lelaki berpoligami kerana mereka berpendapat ini mendiskriminasi kaum wanita. Mereka menetapkan bahawa hanya seorang wanita sahaja yang boleh dimiliki oleh seseorang lelaki pada satu-satu masa dan beranggapan ini lebih adil dari hukum Allah s.w,t. Kaedah ini telah mengakibatkan revolusi seksual yang menyingkirkan institusi perkahwinan itu sendiri! Seorang isteri tidak lagi mempunyai obligasi untuk berlaku setia pada suaminya kerana yang sedemikian melambangkan diskriminasi terhadap kesamaan hak di antara lelaki dengan wanita. Matahari tidak pernah terbit serta menyuluh dunia yang sepelik ini – dunia moden yang membelakangi Allah s.w.t. dan penuh dengan 'glamor' dunia Eropah moden. Semua ini bukanlah suatu petanda yang baik!

Sifat yang menakrifkan agama yang dibawa oleh nabi Ibrahim a.s. ialah ia langsung tidak memberi ruang untuk perlakuan kufur dan Syirik di dalamnya. Tetapi sistem politik sekular yang mencirikan tamadun Euro-Kristian yang tidak bertuhan ini – sekarang dikenali sebagai tamadun barat moden, adalah berasaskan Syirik dan kufur. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah diasaskan di atas dasar Syirik

yang serupa. Perlembagaan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menegaskan bahawa Allah s.w.t. tidak bersifat al-Akbar! Artikel 24 dan 25 di dalam perlembagaan tersebut menetapkan bahawa Majlis keselamatan memiliki kuasa yang paling tinggi ke atas semua perkara yang berkaitan dengan keamanan dan keselamatan di dunia. Dengan kata lain, kekuasaan majlis keselamatan mengatasi kekuasaan Allah s.w.t. dan RasulNya s.a.w. Sesungguhnya ini adalah *Syirik!*

Bagaimana pula Bani Israel dapat menerima penubuhan sebuah negara moden sekular di Tanah Suci (yakni negara Israel)? Bagaimana hendak dijelaskan tentang penerimaan orang-orang Islam di seluruh dunia terhadap negara moden sekular (Turki, Arab Saudi, Pakistan, Malaysia dan lain-lain) sebagai pengganti yang sah kepada sistem Khalifah? Mungkin inilah waktu yang sesuai untuk menerangkan tentang sistem Khalifah dan membandingkan dengan negara moden sekular. Dunia pada hari ini langsung tidak mempedulikan subjek ini sehingga orang-orang Islam langsung tidak menyedari kewujudan subjek ini.

Sistem Khalifah Dan Negara Moden Sekular

Sistem Khalifah Islam adalah suatu sistem kenegaraan dan sistem politik Islam yang mengiktiraf kedaulatan Allah s.w.t., kekuasaanNya dan undang-undangNya sebagai yang paling agung dan mengharamkan apa yang haram serta menghalalkan apa yang halal.

Sistem Khalifah muncul akibat dari kewajipan untuk mematuhi perintah Allah s.w.t. dan oleh mereka yang berkuasa di kalangan golongan Muslimin:

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (Sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

(Al-Nisa', 4: 59)

Islam tidak mengiktiraf kepatuhan yang berbelah bagi — yakni patuh kepada negara dan pada masa yang sama patuh kepada Allah s,w.t. Dunia agama dan politik tidak boleh diasingkan antara satu dengan yang lain seperti yang disebut di dalam al-Qur'an: "Allah adalah yang Terawal dan Terakhir, yang Nyata dan yang Tersembunyi." (Al-Hadid, 57: 3).Kepatuhan yang paling utama haruslah kepada Allah s.w.t. dan bukannya kepada negara seperti yang disuruh di dalam al-Qur'an:

Maksudnya:

"Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta Alam."

(Al-An'am, 6: 162)

Model kenegaraan dan politik Islam telah dimusnahkan oleh Eropah dengan jatuhnya empayar Uthmaniah. Eropah telah memastikan bahawa sistem Khalifah Islam tidak akan dapat dipulihkan lagi, dengan membentuk negara sekular Arab Saudi di Semenanjung Hejaz, dan seterusnya memastikan keselamatan negara tersebut terjamin (lihat buku penulis: The Caliphate, the Al-Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation State). Sistem Khalifah tidak mungkin dapat dipulihkan di atas dua sebab. Pertamanya, rejim Wahhabi-Saudi yang menguasai Tanah Al-Haram dan Semenanjung Al-Hejaz dan urusan haji tidak akan memulakan sistem Khalifah semula. Keduanya, selagi mereka menguasai Tanah Haram, Hejaz dan urusan haji, tiada siapa yang dapat berbuat demikian!

Ada beberapa sebab mengapa Eropah telah bertindak ganas dan memusnahkan sistem Khalifah Islam. Pertama sekali adalah untuk memudahkan misi mereka bagi membebaskan Tanah Suci dan mengembalikan orang-orang Yahudi ke Tanah Suci. Sebab kedua adalah untuk membolehkan seluruh manusia memeluk perbuatan Syirik yang dibawa oleh model kerajaan sekular Eropah. Kemusnahan sistem Khalifah telah melihatkan penubuhan kerajaan sekular Turki di pusat pentadbiran bekas kerajaan Islam. Setelah itu muncul pula negara sekular Iran di pusat Syiah Islam dan negara sekular Arab Saudi di pusat Sunni Islam. Akhir sekali kaum Islam India telah diperdayakan untuk menerima pakai negara Republik Pakistan yang sekular. Ketiga, sistem Khalifah terpaksa dihancurkan kerana ia menjadi penghalang kepada matlamat utama agenda Eropah yang tidak bertuhan.

Agenda ini tidak lain dan tidak bukan untuk menegakkan negara Israel Yahudi sebagai negara pemerintah dunia (*Ruling State of the*

World) – memerintah dunia dari Jerusalem. Rasullullah saw. telah meramalkan akan berakhirnya sistem Khalifah Islam ini:

> "Bagaimana keadaan kamu ketika anak kepada Maryam turun di kalangan kamu dan Imam kamu (yakni Amirul Mukmmm atau Khalifah) adalah di kalangan kamu (yakni seorang Islam?)"
>
> (Sahih Bukhari)

Hadith ini menegaskan tiga perkara:

Pertama sekali ia menegaskan bahawa sistem Khalifah akan muncul semula di akhir zaman. Ini menyamai ramalan bahawa sistem Khalifah akan hilang dari dunia tetapi dikembalikan suatu hari nanti.

Kedua, sebelum pemulihan sistem Khalifah, orang-orang Islam akan hidup di bawah kekuasaan dan telunjuk golongan bukan Islam. Ini adalah zaman penghidupan sekarang. Ketiga, pemulihan semula sistem Khalifah akan berlaku serentak dengan kembalinya anak kepada Siti Maryam. Dengan kembalinya nabi Isa a.s., beliau akan memerintah dunia dari Jerusalem sebagai seorang pemerintah yang adil dengan menjunjung undang-undang Allah s.w.t. Implikasi dari ini adalah bahawasanya sebuah negara Islam yang tulen akan menggantikan negara moden sekular Israel dan akan bebas dari Syirik yang mencirikan Israel sekular sekarang ini.

Kepada mereka yang mempertahankan status quo negara sekular Islam, mereka haruslah berhenti dan berfikir sejenak tentang ramalan Nabi Muhammad saw. berkenaan dengan pemulihan semula sistem Khalifah. Berdasarkan perkiraan, penulis yakin ramalan ini akan menjadi kenyataan dalam lima puluh tahun yang akan datang.

Pencapaian-Pencapaian Negara Moden Sekular

Sistem kerajaan sekular tidak mungkin dapat menambat hati-hati golongan Euro-Kristian, Euro-Yahudi atau golongan Muslim sekiranya mereka tidak menutup ciri-ciri kufur dan Syirik pada sistem kerajaan sekular ini dengan pencapaian-pencapaian tertentu. Apakah pencapaian-pencapaian tersebut? Negara moden sekular muncul di Eropah sebagai reaksi kepada tekanan dan penindasan yang dominan yang dimainkan oleh golongan teokrasi Euro-Kristian. Ia telah bertindak mencabar kekuasaan "*temporal*" institusi gereja Euro-Kristian. Ia mencabar kekuasaan gereja dengan mengeluarkan sistem kepercayaan yang baru yang memberi kebebasan tanpa had kepada proses pendidikan, kebebasan beragama dan kebebasan individu serta toleransi beragama kepada semua. Ia juga memperkenalkan sistem politik yang dapat mengekalkan keharmonian di kalangan golongan-golongan yang berlainan agama di sesebuah wilayah yang tertentu. Sistem ini sekaligus telah menghentikan peperangan berdarah yang berunsur agama yang telah mencengkam Eropah untuk sekian lama. Sistem ini juga berjaya dengan licik sekali menawan hati-hati manusia menerusi ciptaan-ciptaan baru. Ia telah menghasilkan apa yang dilihat sebagai sesuatu yang memudahkan kehidupan dan membawa kegembiraan untuk seluruh manusia tidak mengira kepercayaan agama mereka, seperti elektrik, radio, telefon, telefon bimbit, TV, komputer, kapalterbang, kereta, mesin faks, mesin fotokopi dan lain-lain. Dengan menerima kemodenan ini, seseorang itu juga mendakap sistem negara dan sistem kehidupan sekular. Ini suatu pencapaian yang menakjubkan!

Realiti Negara Moden Sekular

Pencapaian-pencapaian negara sekular ini (di antaranya telah

wujud ketika Rasullullah saw, mengasaskan negara – bandar Madinah) langsung tidak mengubah asasnya yang bercirikan kekufuran dan *Syirik.* Sebaliknya negara sekular moden sedikit demi sedikit mendedahkan agenda tersembunyinya iaitu penentangan terhadap kehidupan beragama. Apabila masyarakat mula berpegang kepada sekularisma, semakin kurang orang yang pergi ke gereja-gereja. Gereja-gereja kosong mula dijual dan ada yang dijadikan dewan-dewan "*bingo*". Agama menjadi kuasa yang semakin pudar di dalam kehidupan baru dunia yang tidak bertuhan ini.

Sistem demokrasi negara sekular sebenarnya adalah racun yang bersalut dengan lapisan gula yang manis. Demokrasi politik sistem ini berfungsi atas dasar penindasan ekonomi dengan mengeksploitasikan masyarakat berdasarkan sistem riba. Penindasan ekonomi keatas masyarakat ditambah pula dengan penindasan kaum dan etnik. Golongan yang miskin tidak mungkin dapat menguasai tampuk kuasa politik dari golongan elit yang kaya dan dengan ini tidak mungkin dapat berkuasa untuk mengakhiri penindasan ekonomi tersebut. Ini adalah kerana, kekayaan golongan elit inilah yang menentukan di antara kejayaan atau kekalahan di dalam kempen-kempen pilihanraya yang kerap memakan belanja yang besar. Dasar baru negara moden sekular memastikan golongan yang kaya akan mewarisi bumi. Inilah yang sedang berlaku.

Tamadun Eropah yang baru ini seterusnya telah menggunakan kekuatan ketenteraan dan kekuasaannya yang hebat untuk mengaburi mata serta untuk mendominasi serta mengubah minda-minda masyarakat bukan Eropah. Falsafah politik sekular yang baru ini berserta dengan konsep negara berdaulatnya serta eksploitasi sistem

ekonominya dan budaya yang rosak telah akhirnya mendakap seluruh dunia. Ini bukan suatu pencapaian yang mudah!

Sistem pemerintahan Barat kini dipaksakan ke atas seluruh manusia termasuk ke atas orang-orang Islam. Dengan ini, sistem politik yang berciri kekufuran dan Syirik diperkenalkan kepada orang-orang Islam dengan cara yang halus. Negara moden sekular Turki muncul dari kehancuran empayar Uthmaniah Islam. Negara moden sekular Arab Saudi (lengkap dengan ciri-ciri kerakyatan dan kedaulatan wilayah) muncul dari abu kehancuran Dar Al-Islam yang telah diasaskan oleh Rasullullah saw. Semuanya menjadi negara sekutu barat yang tidak bertuhan. Benarlah ramalan Rasullullah s.a.w. Baginda telah bersabda bahawa umatnya (orang-orang Islam) akan meniru gaya dan mengikuti cara orang-orang Yahudi dan Kristian walaupun sehingga ke lubang cicak sekalipun!

Dunia Yahudi, Kristian dan Islam sekaligus gagal dalam fitnah ini dan gagal mematuhi perintah Tuhan kepada nabi Ibrahim seperti di dalam ayat di bawah:

﴿ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾ ﴾

Maksudnya:

"Ikutilah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya. Amat sedikitlah kamu mengambil pelajaran (daripadanya)."

(Al-Araf, 7: 3)

Negara moden sekular telah memperkenalkan suatu sistem pilihanraya kerajaan berparlimen yang dipilih oleh rakyat dan adakalanya untuk memilih para hakim. Penduduk sesebuah negara sekular, tidak kira agama akan mengundi di dalam pilihanraya tersebut. Walaupun kerajaan yang terpilih ini terdiri daripada mereka yang menyembah syaitan sekalipun, prinsip pilihanraya dalam sistem demokrasi ini mengkehendaki seseorang (Kristian, Yahudi atau Islam) untuk mengundi di dalam pilihanraya tersebut dan menerima kerajaan yang dipilih itu untuk memerintah ke atasnya secara sah. Mereka juga dikehendaki patuh dan menyerah kepada kekuasaan kerajaan tersebut. Sebagai contoh, jika kerajaan yang dipilih terdiri daripada orang-orang Hindu yang menyembah berhala dan dengan terang-terangan anti terhadap Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t., maka berdasarkan prinsip demokrasi, semua orang-orang tidak kira agama yang menjadi warganegara negara sekular tersebut mesti menerima kerajaan Hindu ini sebagai suatu kerajaan yang sah dan menyerah serta patuh kepadanya.

Tidak ada sebarang ayat di dalam Taurat, Injil atau Al-Qur'an atau hadith Nabi Muhammad s.a.w, yang dapat digunakan untuk membenarkan penglibatan di dalam pilihanraya sebegini oleh orang-orang Yahudi, Kristian, Islam dan lain-lain. Sebaliknya terdapat penentangan yang jelas terhadap perbuatan sedemikian! Walaupun demikian, seorang ulama Islam yang terkenal – Dr. Taha Jabir al-Alwani telah mengeluarkan fatwa yang mewajibkan setiap orang Islam untuk mengundi di dalam pilihanraya Presiden Amerika Syarikat pada November 2000. Kebanyakannya penduduk Islam Amerika telah mengundi Presiden Bush V dan sekarang telah menerima padahnya.

Sekiranya mereka mengundi Albert Gore, keadaan tidak akan berbeza sama sekali! Mereka telah memilih Bush dan sekarang mereka meratap mengenang nasib orang Islam di Tanah suci yang sedang ditindas oleh negara Yahudi Israel dengan penindasan yang semakin meningkat. Penindasan yang berterusan dan yang tidak mengenal belas kasihan ini disokong dengan padu oleh pemerintahan Bush! Mereka juga meratap buat golongan Islam Afghanistan yang dibunuh dengan kejam oleh kerajaan Bush yang telah mereka pilih. (Lihat lampiran 2: *Respon Seorang Muslim Terhadap Serangan ke atas Amerika*).

Pilihan Lain Bagi Orang-Orang Beriman Di Dalam Pilihanraya Negara Moden Sekular

Pembaca-pembaca Yahudi, Kristian atau Islam mungkin bertanya, adakah terdapat alternatif bagi kami di dalam pilihanraya sesebuah negara moden sekular? Jawapannya adalah: Ya! Sudah semestinya ada! Alternatifnya adalah untuk berjuang untuk mengembalikan kedaulatan Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. dalam sistem politik – untuk berjuang sehingga kekuasaanNya diiktiraf sebagai kekuasaan yang paling besar dan untuk berjuang agar hukumNya diakui dan diterimapakai sebagai hukum yang paling tinggi darjatnya. Ini adalah perjuangan yang paling suci yang mesti diteruskan sehingga akhir zaman. Kejayaan atau kegagalan di dalam perjuangan ini tidaklah relevan berbanding dengan keperluan untuk perjuangan itu sendiri.

Allah s.w.t. telah memberi jaminan bahawa masa tidak akan berakhir selagi perjuangan sebegini belum mencapai matlamatnya. Alternatif yang lain bagi orang-orang yang beriman adalah untuk mempertahankan apa yang dihalalkan oleh Allah s.w.t. sebagai halal dan mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. tidak kira

betapa besar pengorbanan yang harus dibuat. Apabila ada golongan yang melakukan *Syirik, Kufr, Dhulm* dan *Fisq*, maka orang-orang beriman mestilah mengutuk, menentang dan berjuang melawan perbuatan sedemikian dan berdoa agar Allah s.w.t. mengasingkan mereka daripada orang-orang yang sedemikian:

﴿... فَٱفۡرُقۡ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٥﴾

Maksudnya.

"Berkata Musa, "Ya Tuhanku, aku tidak menguasai kecuali diriku sendiri dan saudaraku. Sebab itu pisahkanlah kami dengan orang-orang yang fasik itu."

(Al-Maidah, 5: 25)

Al-Qur'an merujuk kepada misi sedemikian oleh orang-orang beriman sebagai amar makruf dan nahi munkar. Jika perjuangan untuk mendaulatkan keagungan Allah s.w.t. dan hukum-Nya berjaya, wilayah tersebut akan menjadi Dar al-Islam dengan orang Islam sebagai pemerintah ke atas wilayah tersebut. Alternatif terhadap kaedah ini adalah dengan mengamalkan model negara majmuk di mana golongan Islam akan berkongsi penguasaan ke atas sebuah wilayah dengan orang-orang bukan Islam atas dasar kesamaan hak politik dan penerimaan perlembagaan oleh kedua-dua pihak. Cara ini akan membolehkan orang-orang Islam mengakui kedaulatan Allah s.w.t. dan kebesarannya serta menguatkuasakan hukumNya ke atas mereka. Model majmuk seperti ini telah diasaskan oleh Rasullullah s.a.w. di Madinah di mana orang-orang Islam, Yahudi dan '*pagan*' Arab berkongsi kekuasaan ke atas wilayah, negara tersebut atas dasar kesamaan hak politik dengan

aman.

Manusia diberi kebebasan untuk menerima atau menolak agama yang dibawa oleh Ibrahim a.s. Apabila agama yang dibawa oleh Ibrahim a.s. dipilih sebagai anutan, maka para penganut tidak lagi memiliki kebebasan untuk memilih di antara kerajaan yang terdiri dari orang-orang yang beriman atau sebaliknya. Selama mana orang-orang beriman mempunyai kebebasan untuk berbuat demikian, mereka mesti memilih orang-orang beriman sebagai pemerintah mereka. Jika hak ini tidak diberikan kepada mereka, mereka mesti berhijrah ke tempat lain yang mempunyai kebebasan sedemikian! Inilah yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ ... ﴾

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasulnya) dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

(Al-Nisa', 4: 59)

Sekiranya mereka tidak lagi memiliki kebebasan untuk menegakkan kerajaan mereka sendiri di mana-mana tempat dan mereka terpaksa hidup di bawah pemerintahan orang-orang yang tidak beriman, orang-orang yang beriman kepada agama Ibrahim a.s. harus "tunduk" kepada pemerintahan sedemikian sehingga mereka

boleh sekali lagi memilih orang-orang yang beriman untuk menjadi pemimpin mereka. "Tunduk" kepada pemerintahan orang-orang yang tidak beriman ini tidak boleh melibatkan penyertaan di dalam pemilihan kerajaan tersebut. Orang-orang beriman hanya tunduk kepada pemerintahan sedemikian dengan syarat mereka diberi kebebasan beragama yakni tidak ada paksaan ke atas mereka untuk melanggar batas-batas hukum yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t., sebagai contoh kewajipan untuk berperang (al-Qital) dan menerima latihan ketenteraan. (Adalah mustahil bagi seorang Islam pemabuk menetap di Amerika Syarikat dan pada masa yang sama mengekalkan keimanannya. Atas sebab inilah penulis kini sedang mencari sebuah tempat tinggal yang baru), Walaupun kerajaan seperti ini bukanlah kerajaan "mereka" orang-orang beriman boleh membantu dan menasihati kerajaan tersebut dalam hal-hal kebaikan dan melarang serta memberi amaran serta tidak bersekongkol dalam hal-hal yang palsu, merbahaya dan jahat.

Adalah menjadi ciri negara moden sekular di mana ia tidak akan membenarkan pilihanraya digunakan untuk mengubah sistemnya ke suatu sistem pemerintahan yang berlainan – yakni sistem yang akan akur kepada kedaulatan Allah s.w.t. dan keagungan kuasaNya serta hukumNya. Politik elektoral digunakan untuk berkhidmat kepada sistem negara sekular.

Rasullullah saw. menegaskan bahawa dunia Kufur sebenarya mewakili kesatuan yang sama (*al-Kufr millatun wahidah*). Apa yang berlaku di dunia hari ini adalah tepat seperti kenyataan tersebut. Orang-orang Yahudi dan Kristian haruslah melihat kepada apa yang telah berlaku di Algeria. Apabila golongan Muslim Algeria telah

menggunakan pilihanraya untuk menegakkan semula agama Nabi Ibrahim a.s. dan telah memenangi 85% undian, seluruh dunia sekular telah bersatu untuk menghukum 85% dari para pengundi tersebut tanpa belas kasihan hingga ke hari ini.

Hatta orang-orang Islam harus melindungi diri mereka dari perbuatan Syirik dengan memisahkan diri mereka dari sistem negara sekular dan tidak mengambil bahagian di dalam pilihanraya yang akan menghalalkan sistem kerajaan berdasarkan Syirik. Mereka harus memberi respon dengan menegaskan bahawa model negara majmuk yang telah diasaskan oleh Rasullullah s.a.w. adalah sebuah model yang syumul berbanding dengan model negara moden sekular yang tidak bertuhan.

Penjelasan Al-Qur'an Berkenaan Syirik Universal Negara-Negara Moden Sekular

Penulis berpendapat hanya Al-Qur'an sahaja yang boleh dan telah menerangkan tentang perubahan politik yang penting ini yang telah melanda dunia Euro-Kristian dan Euro-Yahudi dan seterusnya melanda seluruh manusia yang lain. Apakah penjelasan ini?

Al-Qur'an telah menyatakan bahawa sejarah hanya akan tiba ke penghujungnya hanya apabila Allah s.w.t. memerintahkan agar "hari terakhir" muncul ke atas setiap orang di dunia ini. Sebelum hari terakhir tersebut tiba, akan datang suatu zaman yang di dalamnya terdapat tanda-tanda daripada Allah s.w.t. untuk menunjukkan bahawa ia adalah zaman terakhir. Antara tanda-tanda tersebut ialah kemunculan Dajjal serta Yakjuj dan Makjuj. Mereka akan memainkan peranan yang utama dalam proses sejarah dunia dan akan menjadi perancang utama

dalam mengatur perubahan yang unik yang akan melanda manusia di seluruh dunia. Rasullullah saw, telah menegaskan bahawa zaman Dajjal adalah zaman di mana amalan riba akan berleluasa berserta dengan penindasan ekonomi yang dahsyat. Ia juga adalah zaman yang penuh dengan kekufuran memandangkan perkataan *KAFIR* akan tertulis di antara kedua-dua mata Dajjal. Ia juga adalah zaman Syirik kerana Dajjal akan memainkan peranan sebagai Tuhan dan memimpin manusia untuk mempercayainya. Bagi penulis, Dajjallah yang merupakan perancang utama dalam mencipta sistem negara sekular moden yang membelakangi Tuhan berserta dengan sistem pilihanraya politiknya.

Penulis menyatakan bahawa penglibatan di dalam sistem pilihanraya politik negara moden sekular adalah sesuatu perbuatan Syirik dan kufur berdasarkan penjelasan-penjelasan di dalam Al-Qur'an dan hadith. Sebarang ketidak fahaman berkenaan isu ini haruslah dibincang berlandaskan Al-Qur'an dan sunnah Rasullullah s.a.w. Mereka harus dengan terbuka menyatakan syarat-syarat yang menghalalkan seseorang yang beriman untuk mengundi di dalam sesuatu pilihanraya. Sebagai contoh, adakah dibolehkan bagi seseorang yang beriman untuk memilih seorang Hindu yang menyembah berhala, atau seorang musuh Islam, seorang penipu, kaki mabuk, seorang pencuri, seorang penzina, seorang ceti yang memiliki saham bank atau seorang direktor bank dan sebagainya? Bolehkah dia mengundi atas dasar kebangsaan atau atas dasar kepentingan perdagangan; "Kami akan mengundi kamu tetapi dengan syarat kami menerima sesuatu dari kamu." Bolehkah dia mengundi untuk sebuah parti politik yang komited untuk menyokong Zionis Israel serta untuk terus menindas dan menduduki Tanah Suci dan Masjid al-Aqsa secara haram?

Bolehkah dia mengundi untuk sebuah parti politik yang menghalalkan perbuatan homoseksual dan pengguguran anak?

Rasullullah saw. telah bersabda: "*Apa yang halal adalah nyata, apa yang haram adalah nyata. Jauhilah dari perkara-perkara yang meragukan*". Kini tinggal buat para ulama yang menjadi pemimpin orang-orang yang beriman untuk membuat deklarasi samada halal atau tidak perbuatan mengundi di dalam sebuah negara moden sekular. Untuk memberi jawapan positif yang mantap, para ulama tersebut mestilah membuktikan bahawa ia bukanlah suatu perbuatan yang haram dan keduanya ia bukanlah sesuatu perbuatan yang meragukan. Respon mereka mestilah bersandarkan Al-Qur'an dan Hadith yang sahih.

Negara Sekular Israel Di Tanah Suci

Kini kesimpulan dapat dicapai, berkenaan kesahihan negara sekular Israel yang telah ditegakkan di Tanah Suci. Adakah kejayaan pergerakan Zionis untuk mengasaskan negara Israel merupakan pengesahan kepada apa yang dianggap sebagai kebenaran oleh orang-orang Yahudi? Adakah pencapaian ini hasil pertolongan dari Tuhan?

Negara sekular Israel seperti semua negara sekular lain adalah semua sistem yang menjijikkan memandangkan ia diasaskan atas dasar *Syirik*! Ciri-ciri paling asas agama nabi Ibrahim a.s. adalah kebebasan dari *Syirik*. Maka adalah jelas, negara sekular Israel telah melanggar syarat-syarat Tuhan untuk mewarisi Tanah Suci tersebut kerana ia berlandaskan perbuatan *Syirik*. Maka ia tidak akan bertahan lama di Tanah Suci. Ia akan dimusnahkan. Rasullullah s.a.w. telah menjelaskan bahawa tentera Islam akan muncul dari wilayah Khorasan dan

memusnahkan negara Israel. Ini akan berlaku selepas Imam al-Mahdi muncul dan dengannya sistem Khalifah Islam dipulihkan semula:

> "Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasallullah s.a.w. telah bersabda: Bendera-bendera hitam akan muncul dari Khorasan (wilayah yang merangkumi Afghanistan, Pakistan dan sebahagian dari Iran dan Asia Tengah) dan tiada kuasa yang dapat menghentikan mereka sehinggalah mereka bertapak di Aelia (Jerusalem)."
>
> (Sunan, Tirmidhi)

Pemulihan semula sistem Khilafah Islam akan menyebabkan kemusnahan Israel. Ini adalah kejadian yang ketiga seumpamanya dan yang terakhir. Dalam kejadian pertama, tentera Babylon telah memusnahkan Israel. Kemusnahan kali kedua dilakukan oleh tentera Rom. Dan kini untuk kali terakhir ia akan dilakukan oleh tentera Islam. Terdapat banyak sebab politik yang lain untuk menolak fakta yang menyatakan bahawa negara Israel yang muncul di Tanah Suci adalah akibat dari pertolongan Tuhan dan seterusnya menolak kepercayaan golongan Yahudi bahawa pegangan mereka adalah pegangan yang benar. Pertama sekali, tidak mungkin pertolongan Tuhan dihulurkan kepada orang-orang Yahudi melalui bangsa-bangsa Eropah moden yang membelakangi Tuhan, yang hidup dalam keruntuhan moral dan yang menindas orang-orang lain. Cara mesti sepadan dengan matlamatnya.

Kedua, negara Israel ditegakkan dengan cara mengusir penduduk-penduduk di Tanah Suci yang menyembah Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s. Mereka diusir semata-mata kerana mereka bukan dari golongan Yahudi. Mereka hidup di dalam kem-kem pelarian, setelah

diusir dari kampung halaman mereka selama lebih dari 50 tahun. Ini adalah penindasan yang terbuka! Sejak Israel ditubuhkan, penindasan ke atas orang-orang Arab-Islam dan Kristian yang tinggal menetap di Tanah Suci dan sekitarnya semakin bertambah. Bantuan Tuhan sudah semestinya tidak akan datang kepada penindas-penindas sebegini!

Ketiga, mereka yang menubuhkan negara Israel tidak langsung menghormati nilai-nilai keluhuran masyarakat. Ciri-ciri keruntuhan moral, seks rambang, sifat membelakangi ajaran Tuhan dan amalan rasuah yang wujud di Israel samalah dengan yang wujud di dalam tamadun Eropah. Ini tidak dapat diterima akal sebagai suatu yang akan diredhai Tuhan. Negara sekular Israel telah memperkenalkan keruntuhan moral yang dahsyat sekali yang belum pernah lagi berlaku di Tanah Suci sehingga kegiatan perhambaan seks kini subur di Tanah Suci. Hal ini adalah bertentangan dengan nilai-nilai perbuatan yang mulia. Nyata sekali bahawa sebuah masyarakat jahiliyah kini menghuni di Tanah Suci!

Negara Jahiliyah Di Tanah Suci

Negara Yahudi Israel sebenarnya adalah sebuah negara yang lengkap dengan semua ciri jahiliyah. Setiap orang Yahudi perlu membaca artikel akhbar di bawah ini sebelum menganggap bahawa kembalinya bangsa Yahudi ke Tanah Suci dan pemulihan semula negara Israel melambangkan kemajuan menuju ke suatu era yang telah dijanjikan buat mereka berserta dengan pengesahan bahawa ajaran Judaisma adalah ajaran yang benar:

> "Statistik polis menunjukkan terdapat lebih 200 kelab-kelab seks dan lebih 200 rumah pelacuran di seluruh Israel. Ini tidak

termasuk sejumlah perniagaan yang tidak diketahui bilangannya yang menawarkan khidmat perempuan panggilan. Yael Dayan, pengerusi jawatankuasa Knesset bagi status wanita, menganggarkan bahawa terdapat satu juta lawatan oleh penduduk Israel sebulan ke rumah-rumah pelacuran. Terdapat 50 hingga 60 "kelab-kelab kesihatan" yang beroperasi di sekitar stesen bas Tel Aviv dan di Haifa, Jerusalem, Netanya, Beersheba, Ashkelon, Ashdoel dan Eilat. Kebanyakan muka belakang suratkhabar tempatan mengiklankan khidmat seks, dan juga iklan "perlu bantuan" untuk mengambil wanita baru bekerja dalam perkhidmatan ini."

(Jerusalem Post, 28 Ogos 2000)

"Polis telah menyerbu pusat pelacuran Bat Yam pada malam Isnin ketika pemiliknya hendak menjual empat orang wanita asing kepada pengurus sebuah pusat pelacuran yang lain, kata seorang wakil pejabat polis Tel Aviv. Seorang pekerja di Bat Yam telah membantu majikannya dengan menghubungi agen di Moldavia yang merupakan pakar dalam penyeludupan wanita ke Israel untuk dijadikan sebagai pelacur. Polis telah menahan tiga orang lelaki dan tujuh orang wanita yang berada di premis rumah pelacuran tersebut. Ketujuh-tujuh wanita itu telah dibebaskan setelah disoal siasat. Yang lain dihadapkan ke mahkamah Majistret Tel Aviv untuk menghadapi tuduhan reman. Mereka telah dituduh membayar agen tersebut $7,000 untuk empat orang wanita dan bercadang untuk menjual wanita-wanita tersebut kepada bapak-bapak ayam tempatan dengan bayaran hanya antara $5,000 - $10,000 setiap seorang."

(Jerusalem Post, 14 Februari 2001)

"Sejak kebelakangan ini media dipenuhi dengan pendedahan tentang perhambaan orang-orang putih di Israel. Wanita bertukar dari satu bapak ayam kepada yang lain dan dijual seperti barang dagangan. Lebih kurang 5,000 transaksi seks untuk wang berlaku di Israel setiap hari. Kejadian di mana menteri pertahanan Yitzhak Mordechai telah disabit kesalahan atas serangan seks serta pembebasannya selepas itu telah menyebabkan banyak perbincangan tentang nilai wanita di kalangan masyarakat Israel. Tingkahlaku seks masyarakat Israel langsung tidak berbeza dengan yang diamalkan oleh masyarakat barat. Tindakan mereka yang menjual-beli wanita patut ditegur dengan lebih lantang dari kegiatan seks haram. Tindakan mereka menunjukkan pandangan umum kebanyakan orang."

(Jerusalem Post, 10 Mei, 2001)

Satu lagi laporan dari penjawat jawatan tinggi dalam masyarakat Israel mendedahkan tahap penindasan di Israel:

"... dalam suatu kenyataan umum yang telah memeranjatkan orang-orang Israel, seorang bekas ketua perkhidmatan keselamatan domestik Israel telah menuduh polisi-polisi kerajaan sebagai pemangkin yang memulakan penentangan Palestin."

"Ami Ayalon, ketua perkhidmatan keselamatan Shim Bet yang telah bersara berkata, Israel bersalah ke atas polisi-polisi berbentuk apartheidnya yang berlawanan dengan semangat Judaisma. Dia menegaskan bahawa apa yang dilakukan oleh

penduduk Palestin adalah sesuatu yang logik. Dia juga telah menceritakan tentang penghinaan orang-orang Israel ke atas orang-orang Palestin yang memasuki Israel untuk mencari pekerjaan. Kenyataan ini kerap kedengaran dari orang-orang Palestin tetapi jarang sekali dari seorang Israel yang pernah memegang jawatan yang tinggi di dalam perkhidmatan keselamatan."

(Jerusalem Post, Selasa 4 Disember, 2000)

Presiden Israel sendiri telah mengesahkan tentang penindasan yang melanda penduduk Palestin yang menentang negara Yahudi tersebut dengan "*intifida*":

"Jika mereka mempunyai pemikiran logik, orang-orang Palestin akan membuka mata mereka dan akan sedar ke mana jalan yang jahat ini telah membawa mereka: ratusan telah mati dan ribuan lagi cedera walaupun kami telah menahan diri, menjadikan mereka miskin dan serba kekurangan, tidak memiliki pekerjaan, menghancurkan ekonomi mereka, pentadbiran mereka telah lumpuh dan dengan semua ini mereka masih tidak maju ke hadapan dalam aspek politik"

(Israel Presiden Katsav, Jerusalem Post, 16 Feb 2001)

Presiden tersebut telah berlaku khianat dengan kebenciannya terhadap orang-orang Arab, sifat yang timbul hasil dari berpegang kepada kemodenan yang membelakangi Tuhan:

"Mereka berjiran dengan kami, tetapi nampak seperti hanya pada jarak beberapa ratus meter, terdapat orang-orang yang

bukan dari benua kami dan dunia kami, tetapi sebenarnya dari galaksi lain!"

(Presiden Moshe Katsav, Jerusalem Post, 11 Mei 2001)

Seorang Profesor Universiti Tel Aviv, Dan Jacobson telah menyebut tentang keadilan Israel seperti berikut:

"Selama 52 tahun golongan minoriti Arab telah dimalukan dan didiskriminasikan. Pengambilan tanah-tanah mereka secara berterusan adalah contoh diskriminasi ini. Penutupan peluang pekerjaan di dalam perkhidmatan awam, syarikat-syarikat awam dan syarikat-syarikat swasta, peruntukan yang kecil untuk perkhidmatan kesihatan dan pendidikan Arab, peruntukan yang sangat kecil untuk majlis perbandaran Arab adalah petanda kepada status kelas kedua golongan Arab Israel. Fakta ini disedari oleh setiap kerajaan yang memerintah tetapi tidak banyak yang dilakukan dalam 50 tahun yang lalu untuk mengatasi masalah ini."

(Jerusalem Post, 3 April, 2001)

Petikan -petikan di atas mengesahkan amaran di dalam Al-Qur'an tentang api neraka yang akan muncul di hadapan mata-mata mereka.

﴿وَعَرَضْنَا جَهَنَّمَ يَوْمَئِذٍ لِّلْكَٰفِرِينَ عَرْضًا ﴿١٠٠﴾ ٱلَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِى غِطَآءٍ عَن ذِكْرِى وَكَانُوا۟ لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ﴿١٠١﴾﴾

Maksudnya:

"*Dan Kami nampakkan Jahannam pada hari itu kepada orang-*

orang kafir dengan jelas. Iaitu orang-orang yang matanya dalam keadaan tertutup dari memperhatikan tanda-tanda kebesaran-Ku, dan adalah mereka tidak sanggup mendengar."

(Al-Kahf, 18: 100-101)

Kita harus sedar bahawa order dunia baru ini yang muncul akibat dari dominasi tamadun barat moden yang sekular adalah suatu oder yang bercirikan penindasan ekonomi, agama dan etnik, membelakangi agama dan tidak bermoral serta melibatkan aktiviti perhambaan seks yang telah mendakap seluruh manusia di seluruh dunia, termasuk dunia Islam. Tetapi Tanah Suci adalah suatu wilayah yang istimewa. Al-Qur'an menegaskan bahawa Tanah Suci diwariskan hanya kepada mereka yang beriman (kepada Tuhan kepada Ibrahim as.) dan berkelakuan baik sahaja. (Al- Anbiyah, 21: 105).

Israel moden dan PLO langsung tidak berjaya memenuhi syarat-syarat ini. Halatuju Jerusalem seperti di dalam Al-Qur'an menunjukkan bahawa Yasser Arafat ataupun negara sekular Israel tidak akan berkekalan di Tanah Suci. Mereka sama-sama akan ditelan zaman. Alasan-alasan di atas menunjukkan dengan jelas ketidaksahihan tuntutan politik Israel ke atas Tanah Suci Jerusalem. Ini bukan sesuatu yang mustahil difahami dan diterima oleh orang-orang Yahudi atau Kristian.

Bab 2

TANAH SUCI DAN EKONOMI ISRAEL YANG BERASAAKAN RIBA

﴿ فَبِظُلْمٍ مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَٰتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾ وَأَخْذِهِمُ ٱلرِّبَوٰا۟ وَقَدْ نُهُوا۟ عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلْبَٰطِلِ ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾ ﴾

Maksudnya:

"Maka disebabkan kezaliman orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka (memakan makanan) yang baik-baik (yang dahulunya) dihalalkan bagi mereka, dan kerana mereka banyak menghalang (manusia) dari jalan Allah. Dan disebabkan mereka memakan riba, padahal sesungguhnya mereka telah dilarang daripadanya, dan kerana mereka memakan harta orang dengan jalan yang batil. Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir di antara mereka itu siksa yang pedih."

(Al-Nisa, 4: 160-161)

Pengenalan

Israel adalah sebuah negara moden sekular yang terletak di Tanah Suci. Seperti setiap negara sekular hari ini, sistem ekonomi Israel

adalah berasaskan kepada amalan riba (*usury*). Riba adalah proses meminjam wang dengan pulangan faedah (tidak kira kadar faedah). Di dalam Islam, definasi riba termasuklah transaksi berdasarkan penipuan yang mendatangkan keuntungan buat penipu tersebut dengan cara tidak sah. (Lihat buku oleh penulis bertajuk: *The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah*). Jika pertimbangan dibuat berdasarkan agama Ibrahim a.s. kami ingin mengaju persoalan ini: Apakah kesahihan berdasarkan agama terhadap kewujudan Israel di anah Suci di mana ekonominya adalah berasaskan aktiviti riba? Adakah ini sehaluan atau bertentangan dengan syarat-syarat yang ditetapkan untuk mewarisi Tanah Suci? Bab ini akan cuba menjawab persoalan ini.

Ekonomi Dunia Hari Ini

Ciri asas kepada ekonomi dunia hari ini adalah fakta bahawa kekayaan tidak lagi berpusing di dalam seluruh ruang lingkup ekonomi. Kekayaan hanya berlegar di kalangan orang-orang yang kaya. Akibatnya, di seluruh dunia hari ini, mereka yang kaya terus kaya dan yang miskin terbelenggu di dalam kemiskinan yang berkekalan. Mereka yang kaya terus menjadi kaya dengan menghisap darah orang-orang kebanyakan. Sementara yang miskin menjunam ke dalam lembah kepapaan yang menjadi mangkin kepada keganasan, kacau-bilau, huru-hara, kesengsaraan dan kemusnahan iman dan nilai-nilai murni masyarakat. Bayangkan jika seluruh manusia di dunia berada di atas sebuah kapal. Suatu golongan manusia yang senantiasa kaya dan terus kaya berada di dalam "kelas pertama" lengkap dengan segala kemewahan dan ciri-ciri keselamatan. Mereka sentiasa memiliki tiket "kelas pertama". Mereka menggunakan kekayaan mereka untuk memegang kuasa di atas kapal. Mereka menguasai politik dengan

kekayaan mereka. Demokrasi di atas kapal tersebut adalah pemerintahan orang-orang kaya untuk orang-orang kaya yang sama dengan pelacuran sistem kewangan. Golongan kaya ini tidak memerintah secara langsung. Mereka memerintah secara proksi serta memberi sokongan yang halus kepada parti-parti poiitik serta tokoh-tokoh politik yang mereka kuasai secara tidak langsung. Inilah gambaran sebenar ekonomi politik dunia hari ini. Golongan Yahudi Eropah di Britain dan Amerika Syarikatlah yang telah menyempurnakan kaedah ini untuk mendapatkan kuasa dan kawalan ke atas masyarakat umum. Henry Ford telah berjaya menghidu perkembangan yang merbahaya ini dari dahulu lagi.

Kebanyakan daripada manusia yang lain pula terbelenggu di dalam kemiskinan yang berterusan dan disisihkan di bawah geledak kapal dengan ciri-ciri kemiskinan, kesengsaraan dan kehinaan yang semakin bertambah. Mereka terpaksa bekerja untuk pendapatan yang kecil dan dari penat lelah golongan ini orang lain dapat hidup dengan senang lenang. Mereka juga hidup di kawasan-kawasan yang tidak selamat dengan pertambahan insiden-insiden kecurian, pembunuhan, dadah dan kes-kes rogol.

Mereka yang berada di dalam "kelas pertama" memiliki akses kepada air bersih dan perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Perubatan moden pula, sudah boleh "menghidupkan mereka yang telah mati". Mereka di geledak bawah juga terpaksa minum air yang tercemar, makan dan minum susu yang tercemar oleh bahan-bahan kimia dan hormon. Mereka juga terpaksa makan makanan yang diperolehi secara genetik. Mereka yang sakit tidak mampu mendapatkan rawatan. Mereka hidup dan mati dalam kesengsaraan. Ekonomi dunia hari ini

adalah sejenis perhambaan ekonomi yang canggih. Ia berfungsi dengan kaedah penipuan secara halus. Mereka yang menguasai ekonomi dunia bersyarah tentang "pasaran yang bebas dan adil", dan pada masa yang sama mereka jugalah yang melanggar syarat-syarat pasaran bebas ini dengan mewajibkan orang ramai menerima pakai matawang kertas yang palsu untuk urusan transaksi kewangan yang sah. Matawang kertas ini pula secara berterusan kehilangan nilainya! Dengan bertambahnya kadar kemiskinan, mereka mengadakan proses kawalan harga atas keperluan-keperluan asas seperti makanan dan paras gaji minimum di dalam pasaran buruh. Ini dilakukan untuk mengelakkan masyarakat ramai dari bangkit menentang kerajaan dan golongan elit yang sentiasa kaya dan supaya mereka tidak sedar wujudnya perhambaan jenis baru ini.

Sebenarnya penipuan-penipuan mereka ini iebih dari yang disebut di atas. Kebanyakan orang-orang miskin melihat kepada mereka di dalam kelas pertama dengan keyakinan bahawa kehidupan seperti itu adalah kehidupan di dalam syurga. Mereka ingin berada di dalam syurga seperti ini. Mereka tidak dapat memahami bagaimana sistem penindasan ini berfungsi. Ada di antara orang-orang miskin ini bertindak terhadap penindasan ekonomi tersebut dengan tindakan-tindakan ganas terhadap mereka yang berkuasa dan terhadap mereka yang memiliki kekayaan. Mereka yang miskin percaya bahawa mereka hidup di dalam neraka dan ingin meniru gaya hidup orang-orang kaya yang hidup seperti di dalam syurga! Kapal seperti ini haruslah dikaramkan dengan semua orang di dalamnya!

Presiden Cuba Fidel Castro seperti Ivan Illich (Tenaga dan Kesamaan) telah menghuraikan tentang ekonomi dunia dengan bahasa

yang sama:

> "Belum pernah lagi manusia memiliki keupayaan saintifik dan teknologi seperti sekarang, keupayaan luarbiasa untuk menghasilkan kekayaan dan kesenangan tetapi belum pernah lagi wujud ketidakadilan yang begitu meluas seperti sekarang ini di dalam dunia". Beliau memberi respon kepada penindasan ekonomi ini dengan berkata: "Satu lagi Nuremberg diperlukan untuk menghakimi sistem ekonomi yang tidak adil ini."
>
> Ucapan Presiden,
> Konferen Kemuncak G77, Havana, September 2000

Rasullullah s.a.w. telah memberi kepada dunia suatu sistem ekonomi yang bebas dari ketidakadilan dan penindasan. Tiada siapa yang bekerja untuk upah seperti seorang hamba. Kekayaan diagihkan samarata di kalangan masyarakat. Yang kaya tidak selalu kaya dan yang miskin tidak selalu miskin. Tidak ada keperluan untuk undang-undang gaji minima. Pasaran ketika itu merupakan pasaran yang bebas dan adil. Tidak ada sesiapapun yang boleh mendapatkan kekayaan tanpa berusaha. Matawang ketika itu memiliki nilai intrinsik dan tidak boleh dimanipulasikan oleh bank atau golongan predator elit untuk mengurangkan nilainya.

Pasaran sebegini tidak pernah dilanda inflasi. Tidak ada harga dan upah buruh yang tetap. Kebajikan sosial dicapai dengan mengenakan cukai ke atas harta kekayaan dan ini digunakan untuk mereka yang tidak memiliki keperluan asas untuk kehidupan. Sistem nilai ini adalah sebegitu rupa di mana usaha sentiasa diambil untuk mengurangkan pergantungan kepada sumbangan orang ramai.

Rasullullah s.a.w. telah berjaya dalam segenap aspek yang gagal ditangani oleh kerajaan-kerajaan di dunia hari ini. Baginda berjaya kerana baginda melaksanakan perintah Tuhan yang mengharamkan riba. Tidak ada syarikat-syarikat insuran, dan baginda mengekalkan keutuhan nilai matawang dengan menggunakan duit yang sebenarnya dan bukan menggunakan duit palsu (yakni duit dari kertas, plastik atau urusan transaksi elektronik). Baginda juga tegas terhadap mereka yang mencuri.

Hari ini, dunia telah menolak kaedah baginda dan orang-orang Islam telah menolak sunnahnya di dalam hal-hal ekonomi. Akibatnya dunia hari ini dipenuhi dengan dhulm (penindasan), fasad (yakni, rosaknya system pasaran bebas dan adil yang menyebabkan kerosakan terhadap aktiviti perniagaan (*Ba'i*).

Penindasan ekonomi hari ini semakin meningkat di seluruh dunia – yang kaya semakin kaya dan yang miskin semakin miskin. Di Amerika Syarikat sebagai contoh, golongan kulit hitam hidup melarat dan sentiasa berada di dalam kemiskinan sementara orang-orang kulit putih pula tetap kaya. Penindasan semakin meningkat kerana jurang perbezaan di antara orang-orang berkulit putih dengan golongan berkulit hitam (kaya dengan yang miskin) semakin meningkat! Ekonomi Amerika Syarikat mengelabui mata orang-orang bukan berkulit putih dan bagi orang-orang berkulit putih mereka tidak pernah menikmati kehidupan yang sebegini mewah sebelum ini. Disebabkan kekayaan hanya berpusing di kalangan orang-orang kaya di Amerika Syarikat, bilangan orang-orang miskin yang hidup dengan bantuan badan-badan kabajikan semakin bertambah. Tamadun Barat inginkan kita mempercayai bahawa model ekonomi mereka adalah yang terbaik

dan paling maju serta progresif serta menjadi tuah bagi kita sekiranya dapat mengikutinya! Golongan Islam yang bermata satu dan kaki tiru sedang sibuk untuk memastikan dunia Islam juga meniru cara barat ini. Sebenarnya cita-cita Amerika Syarikat dan dunia barat ini disuburkan dengan darah serta titik peluh masyarakat seluruh dunia di mana kekayaan dunia disedut berterusan tanpa disyaki oleh kebanyakan manusia yang jahil. Kami ingin menerangkan bagaimana hal ini berlaku! Orang-orang Barat, Bani Israel dan golongan buruh di seluruh dunia dinasihati untuk mengambil berat, mendengar dan menerima Al-Qur'an sebagai kata-kata Allah s.w.t. dan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh Allah sebelum terlambat.

Kajian ilmiah kami menunjukkan bahawa orang-orang yang telah memulakan perubahan politik tamadun Eropah (dan dengan peniruan oleh seluruh dunia) kepada suatu dunia sekular (tidak bertuhan) adalah orang-orang yang serupa yang telah mendorong orang-orang Yahudi bukan Eropah agar menyokong penubuhan semula negara Yahudi Israel. Merekalah juga yang menguasai kekayaan dunia melalui cara yang jahat dengan mengawal dan memanipulasikan sistem kewangan antarabangsa, sistem perbankan berdasarkan riba dan sistem insuran di seluruh dunia. Mereka juga telah mengatasi orang-orang Yahudi tradisional (bukan Eropah – yakni yang telah cuba membunuh Nabi Isa a.s.) dalam kegiatan riba. Kami berpendapat bahawa pakatan jahat ini dijalankan oleh suatu golongan orang-orang Eropah yang mula-mula sekali telah memeluk fahaman Judaisma dan seterusnya telah menguasai fahaman tersebut untuk kepetingan mereka.

Al-Qur'an bukan sahaja menerangkan tentang dunia hari ini tetapi juga penindasan ekonominya. Al-Qur'an yang merupakan kitab yang

penuh dengan kebijaksanaan (termasuk kebijaksanaan ekonomi) telah menetapkan peraturan-peraturan agar kekayaan tidak berpusing di kalangan orang-orang tertentu sahaja.

﴿ مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾ ﴾

Maksudnya:

"Apa saja harta rampasan (fai'i) yang diberikan Allah kepada RasulNya yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah darinya. Dan apa yang dilarangnya bagi kamu maka tinggalkanlah; dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukumun-Nya."

(Al-Hashr, 59: 7)

Golongan Islam kini terpaksa membayar dengan harga yang mahal akibat dari kebodohan mereka membelakangi peraturan-peraturan di dalam Al-Qur'an. Suatu bentuk perhambaan ekonomi yang baru dan canggih sedang melanda mereka dan seluruh komuniti bukan Eropah. Perhambaan ini adalah sesuatu yang memalukan terutamanya apabila

dilihat bahawa salah satu fungsi asas Islam adalah untuk membebaskan manusia daripada penindasan.

Apakah yang menyebabkan penindasan ekonomi secara global ini? Jawapannya adalah riba! Suatu golongan elit yang rakus yang berpusat di pusat-pusat perbankan barat yang dikawal oleh golongan Yahudi yang wujud di seluruh dunia, sedang mencuri kekayaan manusia dan memiskinkan komuniti buruh melalui amalan riba. Para penindas ini membentuk sistem politik, perundangan, kehakiman, media dan sistem-sistem yang lain dengan tujuan agar fungsi asas untuk penindasan ekonomi terus kekal. Mereka juga menggunakan televisyen, internet, industri filem, lagu-lagu moden, pakaian-pakaian berfesyen dan lain-lain untuk membawa manusia ke dunia fantasi agar manusia tetap tidak menyedari hakikat sebenarnya. Riba pula terus digunakan untuk menguasai dan memperhambakan mereka. Objektif utama Dajjal, yang menjadi dalang di sebalik kegiatan-kegiatan ini adalah untuk memperhambakan seluruh manusia melalui kekayaan, kemiskinan dan kepapaan dan menguji keimanan mereka, kepada Allah s.w.t. dengan ujian yang paling besar. Kini bukti-bukti menunjukkan bahawa kebanyakan orang-orang Islam samada yang kaya atau miskin gagal dalam ujian ke atas keimanan mereka ini. Objektif Dajjal yang kedua adalah untuk menipu orang-orang Yahudi dan memimpin mereka menuju kemusnahan yang besar. Penilaian objektif terhadap perjalanan dunia moden amnya dan Tanah Suci khususnya pada hari ini menunjukkan bahawa objektif tersebut hampir tercapai. Dajjal telah hampir mencapai objektifnya di mana dia akan menyerahkan penguasaan ke atas dunia kepada kaum Yahudi. Apabila Israel menjadi negara pemerintah dunia ("*ruling state*") dan

melengkapkan jangkawaktu di mana sehari adalah seperti seminggu, Dajjal sendiri akan muncul dan memerintah dunia dari Jerusalem. Dengan ini dia telah dapat menyempurnakan misinya menyamar sebagai al-Masih yang sebenar.

Adalah penting perhatian serius diberi kepada fakta bahawa dunia hari ini yang terdiri dari berbagai-bagai tamadun (ada yang berusia beribu tahun) telah memeluk dan menganut sistem politik sekular yang berasaskan Syirik dan sistem ekonomi sekular yang berasaskan riba yang serupa. Senjata ekonomi berasaskan riba melengkapkan senjata politik dunia moden sekular dan pertubuhan bangsa-bangsa bersatu yang telah diperalatkan oleh Dajjal untuk mencapai misinya untuk menguasai politik dan ekonomi seluruh dunia.

Kaedah yang digunakan oleh penulis adalah dengan menerangkan kepentingan subjek ini dan seterusnya menerangkan tentang ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith Rasullullah s.a.w. berkenaan dengan subjek ini. Akhirnya penerangan dibuat berkenaan fungsi riba di dalam ekonomi moden. Selepas ini barulah penulis akan mengkaji kesahihan bagi kewujudan negara Israel di Tanah Suci yang mempunyai ekonomi berasaskan kepada riba.

Apa Itu Riba?

Riba juga dikenali sebagai kegiatan memberi pinjaman wang pada kadar faedah tertentu. Perkataan faedah ini diguna dengan sengaja untuk mengelakkan penggunaan perkataan riba (*usury*) di Eropah agar membolehkan "peminjam duit" (kini digelar sebagai pegawai bank) tersebut mengambil jalan pintas dari penentangan Institusi Gereja Kristian yang ketika itu menentang sebarang bentuk amalan riba. Buku

klasik oleh R.W. Tawney yang ditulis pada tahun 1935 bertajuk "Agama dan Kebangkitan Kapitalisma" telah menerangkan penentangan berterusan golongan Euro-Kristian terhadap riba. Perkara yang sama telah diketengahkan oleh William Shakespeare di dalam drama klasiknya berjudul "*Merchant of Venice*".

Riba di dalam Islam (seperti di dalam kepercayaan Kristian di zaman pertengahan) merupakan kegiatan memberi pinjaman wang dengan faedah, tidak kira kadar faedah tersebut. Dengan memberi pinjaman wang dengan kadar faedah tertentu, wang tersebut akan bertambah dengan peredaran masa tanpa sebarang usaha atau risiko oleh pemberi pinjaman tersebut. Bagaimanakah peningkatan ini berlaku? Peningkatan ini terjadi secara penipuan melalui eksploitasi tenaga buruh, barangan dan hartanah. Ini bertambah nyata apabila Allah s.w.t. dengan nyata menarik perhatian kepada isu ini:

﴿ وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾ ﴾

Maksudnya:

"dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya."

(Al-Najm, 53: 39)

Maka, al-Qur'an menolak tuntutan bahawa masa itu adalah wang dan wang boleh bertambah dengan masa! Salah satu cara eksploitasi tersebut berlaku adalah dengan penurunan nilai pendapatan seseorang, penurunan nilai barangan dan hartanah melewati julat sesuatu waktu. Allah s.w.t. secara spesifik telah melarang hal ini dari berlaku di dalam beberapa ayat al-Qur'an. Nabi Shu'aib (namanya telah ghaib dari kitab

Injil) telah memberi amaran kepada umatnya berkenaan amalan ekonomi mereka yang jahat. Beliau telah memberi amaran:

﴿... وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ ...﴾

Maksudnya:

"Dan (Kami telah mengutus) kepada penduduk Madyan) saudara mereka, Syuaib. Ia berkata: Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain-Nya. Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti yang nyata dari Tuhanmu. Maka sempurnakanlah ukuran dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang tukaran dan timbangannya, dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi sesudah Tuhan memperbaikinya. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika betul-betul kamu orang-orang yang beriman".

(Al-Araf, 7: 85)

Maksudnya:

"Dan Syuaib berkata: Hai kaumku, cukupkanlah tukaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahatan di muka bumi dengan membuat kerosakan."

(Hud, 11: 85)

Mungkin sekarang ini juara-juara sekular bagi persatuan-persatuan buruh yang telah menolak Al-Qur'an sebagai buku petunjuk akan memahami mengapa tenaga buruh kini semakin hari berubah menjadi

orang-orang bodoh yang berpeluh bagi pihak mereka yang kaya dan bank-bank yang mereka miliki.

Orang-orang Islam juga harus faham,(walaupun susah untuk memahaminya bagi sebahagian daripada mereka) bahawa sebenarnya kekayaan masyarakat yang dirampas hasil dari penggunaan duit kertas juga adalah suatu bentuk riba. Duit ini telah menggantikan matawang yang menjadi sunnah setiap rasul Allah s.w.t. yakni emas, perak dan logam-logam berharga yang lain. Duit kertas palsu, duit plastik dan elektronik (yakni duit sekular) tidak memiliki nilai intrinsik. Sebaliknya sesuatu nilai diberi kepada matawang kertas ini dan nilainya terus berkurangan dengan masa kerana sistem ini sememangnya dicipta untuk berfungsi sedemikian.

Bank-bank memainkan peranan utama untuk menurunkan nilai matawang kertas ini. Pada masa yang sama bank mendapat keuntungan yang besar dari aktiviti tersebut. Dengan penurunan nilai niatawang, nilai setiap barangan menurun. Harga meningkat dan gaji yang diperolehi hilang nilainya. Tenaga buruh pula akan terbelenggu dengan keadaan ini.

Penurunan Ayat Al-Qur'an Yang Terakhir

Dalam penurunan ayat Al-Qur'an yang terakhir, Allah s.w.t. telah memilih untuk kembali ke subjek yang telah pun dinyatakan sebelum dari itu – di dalam Al-Qur'an, juga di dalam Taurat, Zabur dan Injil yakni berkenaan pengharaman riba. Hadith yang diterima dari Abu Abbas r.a. dan daripada Umar r.a. menyatakan bahawa ayat Al-Qur'an terakhir yang diturunkan kepada Rasullullah s.a.w. sebelum kemangkatan baginda adalah ayat 279-281 dari surah Al-Baqarah

berkenaan riba.

> Berkata Umar Ibn Khattab: Ayat terakhir yang diturunkan adalah berkenaan riba, tetapi Pesuruh Allah s.a.w. telah diangkat tanpa sempat menghuraikan berkenaannya, oleh itu tinggalkanlah riba dan juga *Reebah* (sebarang ketidakpastian tentang kehalalannya).
>
> (Sunnah, Ibn Majah; Darimi).

> Berkata Ibn Abbas: "Wahai orang-orang beriman, takutlah kepada Allah dan tinggalkanlah apa yang ada (yang harus kamu terima) dari riba (mulai sekarang) jika kamu benar-benar beriman .... dan tiada sesiapa yang akan dihukum dengan tidak adil. Berkata Ibn Abbas: Inilah ayat terakhir yang diturunkan kepada Rasullallah s.a.w".
>
> (Sahih Bukhari)

Ayat terakhir ini mengesahkan penekanan Rasullullah s.a.w. terhadap hukum yang mengharamkan riba di dalam khutbah Al-Wida'nya (khutbah perpisahan) di Arafat. Ayat terakhir ini boleh didapati di dalam ayat-ayat Al-Qur'an di bawah ini. Seluruh ayat-ayat tersebut ditulis di bawah ini:

﴿ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً
فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ
يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾ ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰا۟ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا

يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا
ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن
رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾ يَمْحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰا۟ وَيُرْبِى
ٱلصَّدَقَٰتِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ
تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ
أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾ وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ
فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ
﴿٢٨٠﴾ وَٱتَّقُوا۟ يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى ٱللَّهِ ۖ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا
كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

Maksudnya:

"Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam dan di siang

hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. Orang-orang yang makan (mengambil riba) tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu) (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya. Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa. Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal soleh, mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba) maka ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dan pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya. Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah

tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui. Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberi balasan yang sempurna terhadap apa yang telah dikerjakannya, sedang mereka sedikit pun tidak dianiaya (dirugikan)."

(Al-Baqarah, 2: 274-281)

Mengapa Allah s.w.t. yang Maha Bijaksana memilih untuk menurunkan satu lagi ayat sejurus sebelum kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.? Mengapa pula ayat ini diturunkan di penghujung julat waktu penurunan ayat-ayatNya? Mengapa pula Allah s.w.t. berbuat demikian setelah menurunkan ayat yang mengisytiharkan telah lengkapnya Din Islam dan juga lengkapnya pertolonganNya buat orang-orang yang beriman? Dan mengapa pula Dia memilih untuk kembali kepada subjek riba yang telah diberi perhatian sebelumnya di dalam Al-Qur'an?

Sudah semestinya ada jawapan kepada semua persoalan-persoalan yang penting ini. Apa yang ketara kepada penulis adalah penurunan ayat terkhir seperti ini digunakan untuk memberi penekanan semula kepada sesuatu yang menjadi intipati kepada petunjuk Tuhan. Ia boleh juga bermaksud untuk memberi tumpuan kepada petunjuk Tuhan terhadap aspek keimanan manusia yang paling mudah menjadi sasaran (ibu kepada segala serangan) di masa hadapan oleh musuh-musuh Islam. Akhir sekali ayat ini diturunkan sebagai ayat terakhir mungkin kerana ia memiliki kepentingan strategik di akhir zaman ini. Allah lebih mengetahui!

Ayat terakhir yang dipilih berkenaan riba merangkumi amaran paling keras bahawasanya riba boleh mengancam keimanan, kebebasan dan kekuasaan orang-orang yang beriman. Subjek ini adalah teramat penting kerana di sini letaknya kemampuan untuk serangan yang merbahaya yang mampu merosakkan dan memusnahkan keimanan orang-orang Islam serta mampu meruntuhkan keutuhan serta kekuatan umat Rasullullah s.a.w. Inilah jawapan penulis dan sekali lagi Allah jualah yang Maha Mengetahui!

Rasullullah S.A.W. Mengesahkan Betapa Besarnya Bahaya Riba

Pendirian penulis berkenaan bahaya riba dikuatkan lagi oleh ramalan Rasulullah s.a.w. di dalam suatu hadith yang telah diterima dari Abu Hurairah r.a. di mana hadith ini mengesahkan akan berjayanya serangan yang dilancarkan menggunakan riba. Serangan ini akan dilancarkan oleh musuh-musuh Islam dan akan menimpa seluruh umat manusia termasuk pengikut-pengikut Rasulullah s.a.w. Sabda Rasulullah s.a.w.:

> "Akan tiba suatu masa, di mana tidak akan ada satu orang pun di kalangan manusia yang tidak memakan riba. Dan jika ada yang mengatakan dia tidak mengambil riba maka debu-debu riba akan sampai kepadanya."
>
> (Sunan Abu Daud)

Rasulullah s.a.w. telah menyatakan dengan jelas bahawa riba akan menjadi bahaya yang paling utama ke atas keutuhan ummah dan kepercayaan orang-orang yang beriman. Hal ini mengesahkan amaran tentang riba daripada Allah s.w.t. yang memilih riba sebagai tajuk yang terakhir yang diturunkan. Ramalan Rasulullah s.a.w. berkenaan

kegiatan riba secara universal telah pun menjadi kenyataan hari ini. Malah ia menjadi kenyataan ketika kehidupan kami. Secara spesifik, ia mula digunakan selepas keruntuhan pemerintahan Khalifah Uthmaniah pada tahun 1924. Sehingga tahun 1924, sistem ekonomi Eropah yang berasaskan riba tidak mampu menembusi pasaran perdagangan dan ekonomi dunia Islam amnya. Walaupun demikian, Eropah telah berjaya memujuk kerajaan yang memerintah orang-orang Islam untuk mula mangamalkan riba. Khalifah Uthmaniah sebagai contoh, telah mengambil bantuan kewangan dari Eropah berasaskan riba. Beliau mula berdepan dengan masalah kewangan dan ekonomi yang semakin memuncak sehingga beliau terpaksa memohon keahlian dalam sistem negara sekular Eropah yang baru sebagai langkah terakhir untuk mengelakkan keruntuhan empayarnya. Keahlian ini dicapai di dalam Perjanjian Keamanan Paris dalam tahun 1856. Beliau terpaksa membayar dengan harga yang mahal akibat dari tindakannya di mana beliau terpaksa akur kepada ugutan kewangan dari pihak Eropah/Yahudi untuk memansuhkan kutipan *Jizyah* dari Ahli al-Dhimmah di semua wilayah Empayar Uthmaniah. Semua ini adalah sebagai ganti pelupusan bayaran hutang berserta dengan faedahnya sekali. Khalifah tersebut telah menentang Allah s.w.t. yang Maha Tinggi yang telah mewajibkan *Jizyah* sebagai suatu bentuk cukai seperti di dalam al-Qur'an (al-Taubah, 9: 29). Hakikatnya *Jizyah* hanya akan dimansuhkan apabila Nabi Isa a.s. kembali ke dunia.

> Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasullallah s.a.w. telah bersabda: "Antara dia (Nabi Isa a.s.) dan saya tidak akan ada Rasul. Dia akan turun (ke bumi). Kamu akan mengenalnya apabila kamu melihatnya, seorang lelaki berketinggian sederhana

dengan rambut kemerahan, berpakaian dengan dua helaian pakaian kuning cair, dan kelihatan seperti air jatuh dari rambutnya walhal rambutnya tidak basah. Dia akan melawan orang-orang Kafir di jalan Islam. Dia akan memecahkan salib, membunuh khinzir dan menghentikan *Jizyah.* Allah akan memusnahkan semua agama kecuali Islam. Dia (Isa a.s.) akan membunuh Dajjal dan akan tinggal di bumi selama empat puluh tahun dan seterusnya akan mati. Orang Islam akan menyembahyangkannya."

(Sunan Abu Daud)

Kejayaan ahli-ahli bank Eropah-Yahudi untuk menjadikan Khalifah Uthmaniah tersebut sebagai sasaran merupakan contoh yang jelas imperialisma kewangan yang dimungkinkan melalui amalan riba. Henry Kissinger merupakan seorang lagi pencipta strategi yang sama yang akhirnya telah menyebabkan kejatuhan kuasa dunia zaman moden iaitu Kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR). Kejadian ini sepatutnya cukup untuk membuka mata ulama-ulama Islam. Malang sekali ini tidak berlaku! Strategi yang sama terus digunakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia (World Bank) dan banyak institusi-institusi yang lain untuk mencapai objektif-objektif mereka dengan mudah. Israel bukan sahaja memiliki ekonomi yang berasaskan riba tetapi ia juga membawa PLO Arafat dan rejim Arab yang lain menuju amalan ekonomi yang sama yang akan menjadikan negara-negara ini lemah akibat dari kemiskinan, kepapaan dan perhambaan ekonomi. Kejayaan aktiviti peras ugut kewangan oleh institusi-institusi kewangan Eropah/Yahudi ini telah mengakibatkan keruntuhan sistem sosial (negara) di dalam dunia Islam (Dar al-Islam).

Tempatnya digantikan oleh model negara sekular Eropah. Di dalam model negara ini, "kedaulatan" diambil dari Allah s.w.t. dan diletakkan pada negara tersebut. Ini nyata suatu perbuatan Syirik!

Pada hakikatnya, sejak tahun 1924, amalan riba telah menembusi segala aspek ekonomi orang-orang Islam di seluruh dunia. Fungsi imperialisma kewangan yang menjadi ciri riba telah menyebabkan seluruh dunia Islam dicengkam oleh musuh-musuhnya dengan pisau tajam tersemat di leher-leher mereka. Seluruh manusia telah terperangkap di dalam dunia riba dan Syirik! Bukan sahaja ramalan Rasulullah s.a.w. telah dipenuhi dengan kejayaan sistem perbankan berasaskan riba di seluruh dunia dan melalui riba yang wujud secara semulajadi di dalam penggunaan duit kertas, plastik dan duit elektronik tetapi juga telah dipenuhi oleh pencemaran pasaran yang bebas dan adil. Pasaran yang kononnya "bebas" hari ini sebenarnya terdiri daripada "segerombolan perompak" di mana yang kuat mengeksploitasi yang lemah – sesuatu yang sudah dijangkakan oleh Ali ibn Abi Talib (r.a.) yang telah berkata:

> "suatu masa akan tiba di mana manusia akan menggigit sesama sendiri."
>
> (Sunan, Abu Daud)

Akhir sekali Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyuarakan semula amaran tentang bahaya dan kewajipan menjauhi riba seperti yang telah diturunkan di dalam ayat-ayat al-Qur'an.

> "Abu Hurairah r.a. telah berkata bahawa pesuruh Allah telah bersabda: riba itu mempunyai tujuh puluh bahagian, yang paling kecil dosanya, sama dengan seorang lelaki berkahwin (yakni

bersetubuh) dengan ibunya sendiri".

(Sunan, Ibn Majah; Baihaqi)

"Abdullah Ibn Hanzalah r.a. meriwayatkan bahawa pesuruh Allah telah bersabda: Satu dirham riba yang diterima oleh seseorang walhal dia mengetahuinya, lebih teruk dari berzina sebanyak tiga puluh enam kali."(Ahmad). Baihaqi meriwayatkan dengan keizinan Ibn Abbas r.a. dengan tambahan bahawa Rasulullah s.a.w. seterusnya bersabda: "Neraka lebih sesuai bagi seseorang yang dagingnya tumbuh dari sumber yang haram"."

"Abu Hurairah melaporkan, telah berkata pesuruh Allah s.a.w.: Pada malam aku diangkat ke langit, aku telah melihat manusia yang perut mereka sebesar rumah yang penuh dengan ular yang boleh dilihat dari luar perut mereka. Aku bertanya Jibrail a.s. siapa mereka itu dan dia telah menjawab, mereka itu orang-orang yang memakan riba."

(Musnad, Ahmad; Sunan, Ibn Majah)

"Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Allah tidak akan membenarkan empat golongan manusia untuk memasuki syurga atau merasai nikmat syurga: mereka yang minum berterusan (arak); mereka yang mengambil riba, mereka yang memakan harta anak-anak yatim tanpa hak; mereka yang berlaku kasar kepada kedua ibu bapa mereka."

(Mustadrak, al-Hakim, Kitab al-Buyu')

"Samura Ibn Jundah r.a. telah meriwayatkan bahawa Pesuruh Allah, Muhammad s.a.w. telah bersabda: Malam ini aku telah

> bermimpi dibawa oleh dua orang ke Tanah Suci sehingga sampai ke sebatang sungai berdarah, di dalam sungai itu berdiri seorang lelaki dan di tebing sungai itu pula berdiri seorang lagi lelaki dengan batu di tangannya. Lelaki di tengah-tengah sungai tersebut cuba untuk keluar tetapi dibaling dengan batu oleh seorang lagi ke dalam mulutnya dan memaksanya kembali ke tengah-tengah sungai semula. Setiap kali dia cuba keluar dari sungai tersebut perkara yang sama berlaku. Aku bertanya, "Siapakah ini?" Aku diberitahu: Orang yang di dalam sungai itu adalah seorang pemakan riba".
>
> (Sahih Bukhari)

Rasulullah s.a.w. juga mengulangi pendirian Allah s.w.t. dan PesuruhNya yang membuat deklarasi perang berkaitan dengan keharaman riba seperti di dalam hadith di bawah:

> "Telah berkata Jabir Ibn Abdullah r.a.: Aku mendengar Pesuruh Allah telah berkata: Jika mana-mana diantara kamu tidak meninggalkan mukhabarra dia harus ingat tentang perang dari Allah s.w.t. dan PesuruhNya. Berkata Zaid Ibn Thabit: Aku bertanya: Apa itu Mukhabarra? Dia menjawab: Kami mengerjakan pertanian di atas tanah untuk separuh, sepertiga atau seperempat (dari hasilnya)" (Bahayanya adalah ini boleh menyebabkan tenaga buruh diperhambakan dengan cara yang halus).
>
> (Sunan, Abu Daud)

Dari hadith-hadith di atas nyata bahawa perjalanan sistem ekonomi berasaskan riba adalah satu dosa yang amat besar sekali. Semua dosa

lain kecuali Syirik sahaja yang nampak kecil jika dibandingkan dengannya. Maka memakan riba sudah semestinya menjadi suatu perbuatan yang melanggar syarat Tuhan untuk mewarisi Tanah Suci.

Rasulullah S.A.W. Dan Kejatuhan Matawang Kertas

Adalah suatu yang sangat penting bagi orang-orang Islam mengkaji ramalan Rasulullah s.a.w. tentang kejatuhan matawang palsu sistem sekular (yakni kertas, plastik dan wang elektronik dan lain-lain). Lihat hadith di bawah:

> "Abu Bakr ibn Abi Maryam r.a. telah melaporkan bahawa dia telah mendengar Pesuruh Allah berkata: Akan tiba suatu masa ke keatas manusia di mana tidak akan tinggal sesuatu yang boleh digunakan kecuali dinar dan dirham (matawang emas dan perak)."
>
> (Musnad, Ahmad)

Ramalan Rasulullah s.a.w. tersebut akan menjadi realiti tidak lama lagi. Sistem kewangan pada hari ini menggunakan "kertas" sebagai "matawang". Ini adalah penipuan yang nyata! Matawang yang palsu sebenarnya adalah berlainan dari matawang sebenar. Matawang sebenar mempunyai nilai intrisik manakala matawang kertas tidak sedemikian. Nilainya ditentukan oleh kuasa pasaran. Nilai pasaran ini pula akan kekal hanya selama mana keyakinan umum serta permintaan terhadapnya di dalam pasaran masih ada. Permintaan itu sendiri adalah berdasarkan keyakinan dan keyakinan adalah sesuatu yang boleh dimanipulasikan (seperti yang baru kini disedari oleh Perdana Menteri Malaysia dan sudah terlewat bagi Indonesia). Selagi kerajaan sesebuah negara dapat mengawal pasaran bebas matawang, keyakinan masyarakat

terhadap matawang dapat dikekalkan. tetapi pasaran matawang kini dikawal oleh kuasa spekulatif yang ganas yang didorong hanya oleh nafsu tanpa nilai patriotik ataupun kesetiaan. Sebarang faktor yang dapat mengganggu keyakinan pasaran boleh menyebabkan kejatuhan nilai spekulatif matawang dan seterusnya memenuhi ramalan Rasulullah s.a.w.

Kejatuhan matawang yang dikatakan sebagai "pencairan wang" akan menyaksikan kejayaan terakhir orang-orang Eropah (yang memeluk Judaisma) dalam usaha lebih 1,000 tahun mereka untuk merealisasikan pemerintahan Yahudi ke atas seluruh dunia. Mereka yang memiliki wang yang sebenar akan terselamat dari kesan pencairan tersebut sementara para spekulator matawang akan mendapat keuntungan yang lumayan hasil dari eksploitasi kejatuhan nilai sesuatu matawang. Masyarakat umum akan kehilangan kekayaan dan akan terbelenggu di dalam kemiskinan. Yang tinggal hanya kertas yang bercirikan wang yang tidak bernilai. Kebinasaan sistem kewangan yang ada sekarang ini pasti akan berlaku.

Terdapat juga orang-orang lain (di samping Rasulullah s.a.w.) yang sedang meramalkan kedatangan masa berlakunya pencairan matawang ini. Sebagai contoh, Judy Shelton telah menggunakan isu ini sebagai tajuk bukunya, "*Money Meltdown: Restoring Order to the Global Currency System*", (New York, The Free Press, 1994). Kita tidak harus lupa dan tidak harus membiarkan dunia lupa akan kejatuhan dramatik yang sungguh membahayakan di mana nilai dolar Amerika Syarikat pada Januari 1980, jatuh mendadak sebanyak AS$850 untuk satu auns emas! (Dalam tahun 1971 nilainya berada pada paras AS$35 satu auns). Nilainya kini adalah antara AS$280-$300 bagi satu auns). Kejatuhan

nilai dolar ini berlaku akibat dari revolusi Islam di Iran yang bercorak anti-Barat yang telah menguasai sumber minyak Iran yang besar. Mengapa pula revolusi Islam di Iran hampir menyebabkan kejatuhan sistem kewangan antarabangsa sekular? Para pakar ekonomi kewangan antarabangsa nampaknya berdiam diri sahaja menghadapi kejatuhan mendadak ini.

Kejatuhan yang sama telah berlaku pada tahun 1973, selepas dari perang Arab-Israel diikuti dengan larangan ke atas penjualan minyak Arab ke Amerika Syarikat. Nilai matawang dolar Amerika Syarikat jatuh sebanyak 400% dari AS$40 untuk satu auns emas ke AS$160 untuk satu auns!

Malah, kejatuhan sistem kewangan antarabangsa akan berlaku ketika golongan Yahudi dapat mengesan waktu yang sesuai untuk menjatuhkan nilai dolar Amerika Syarikat. Mereka boleh berbuat demikian pada bila-bila waktu sahaja memandangkan dolar Amerika Syarikat dibuat dari kertas yang tidak bernilai. Dengan kejatuhan dolar Amerika, akan jatuh bersamanya semua matawang kertas dunia. Pihak yang akan mengaut keuntungan yang paling besar dari kejatuhan ini adalah negara Israel kerana merekalah yang menguasai bank-bank yang akan menguasai matawang. Kerajaan-kerajaan lain akan tidak berupaya lagi untuk mengeluarkan matawang sendiri. Sebaliknya bank-bank yang dikuasai golongan Yahudi akan mengeluarkan wang plastik (elektronik)! Pencairan matawang ini mungkin akan berlaku apabila Israel melancarkan perang yang besar ke atas orang-orang Arab dan seterusnya berjaya untuk tidak mengendahkan saranan dunia dengan mudah. Penguasaan ke atas sistem matawang akibat dari kejatuhan matawang kertas bersama dengan kekuatan ketenteraan dan politik

akan memberi Israel status negara pemerintah dunia. Penulis percaya bahawa kejadian ini akan berlaku di antara lima hingga sepuluh tahun atau lebih awal lagi. Sekarang ini pun, Israel telah dengan jayanya mengengkari arahan Presiden Amerika Syarikat agar mengundurkan pasukan tenteranya dari wilayah-wilayah Palestin yang didudukinya selepas serangan-serangan berani mati Palestin ke atas penduduk-penduduk Israel yang telah meragut nyawa penduduk-penduduk Israel. Ketika buku ini ditulis, Israel nampak telah mengengkari arahan Mailis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila Israel tidak membenarkan misi mencari bukti oleh PBB di kem pelarian Jenin di Tebing Barat untuk menyiasat tuduhan-tuduhan jenayah perang ke atas Israel.

Apakah Realiti Serangan Riba?

Kuasa-kuasa yang muncul di dalam sejarah masakini yang menegakkan semula negara Israel, adalah kuasa-kuasa yang sama yang telah menembusi kegiatan segenap lapisan manusia dengan amalan riba. Al-Qur'an mengidentifikasikan kuasa-kuasa tersebut sebagai golongan Yakjuj dan Makjuj. Rasulullah s.a.w. juga telah memberi penerangan yang panjang lebar tentang Dajjal, al-Masih yang palsu. Baginda bersabda bahawa di zaman Dajjal, riba akan berleluasa. Dr. Muhammad Iqbal, seorang cendikiawan Islam yang bijak dan terulung, telah memeranjatkan dunia Islam apabila beliau menegaskan pada tahun 1917 bahawa Yakjuj dan Makjuj yang dirujuk di dalam al-Qur'an telah pun dibebaskan. Nyatalah bahawa kegiatan riba yang mencengkam ummah sekarang ini adalah serangan oleh unsur-unsur jahat yang dicipta oleh Allah s.w.t. sendiri. Matlamat serangan ini adalah untuk menguji semua orang termasuk orang-orang Islam dengan ujian yang paling dahsyat yang belum pernah dihadapi oleh manusia sejak

dari Nabi Adam a.s. sehingga ke hari Kiamat. Matlamat penyerang-penyerang ini adalah untuk menipu orang-orang Yahudi dan membawa mereka munuju kemusnahan yang terakhir. Elemen utama serangan ini adalah ujian penggunaan riba. Kita kini sedang menjalani kehidupan melalui ujian tersebut. Inilah realiti diserang amalan riba. Bukti-bukti setakat ini menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi yang buta rohani gagal di dalam ujian ini. Dunia Islam pula tidak banyak berbeza daripada mereka!

Allah S.W.T. Melancarkan Perang Terhadap Israel

Allah s.w.t. telah berfirman dengan gaya bahasa yang sangat keras terhadap dosa riba sehingga ia dikatakan sebagai dosa yang paling besar (selain dari Syirik) yang wujud di dalam kehidupan dan kepercayaan seseorang. Begitu besarya kemarahan Allah s.w.t, terhadap mereka yang menindas (disebabkan oleh riba) sehingga mereka akan berdiri di hadapanNya pada hari kebangkitan semula sebagai golongan orang yang telah menjadi gila disebabkan oleh hasutan syaitan. Apabila negara Yahudi Israel mengamalkan riba, Allah s.w.t. tidak akan hanya menghukum mereka di kehidupan seterusnya tetapi Dia dan pesuruhNya s.a.w, akan melancarkan perang ke atas mereka di dunia lagi.

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓاْ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُواْ فَأْذَنُواْ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِن تُبْتُمْ
فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾ ﴾

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba) maka ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu, dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya."

(Qur'an,al-Baqarah, 2: 278-279)

Buku ini ingin menarik perhatian pembaca terhadap fakta bahawa orang-orang Yahudilah yang menguasai sistem perbankan di seluruh dunia hari ini walaupun ayat di atas menegaskan kepentingan yang besar yang ditegaskan oleh Allah s.w.t. terhadap arahan meninggalkan amalan riba. Sepanjang sejarah penurunan ayat-ayat Allah s.w.t. Dia belum pernah lagi menggunakan bahasa yang sekeras ini melainkan dalam isu riba. Jika ada orang yang kurang prihatin tentang kepentingan subjek ini, dia harus sedar bahawa Allah s.w.t. telah menunjukkan demonstrasiNya kepada Bani Israel kemampuanNya untuk melancarkan perang ke atas riba. Dengan berbuat demikian, Dia memberi pengajaran yang harus disedari oleh negara Pakistan khususnya dengan penuh keinsafan!

Selepas kewafatan Nabi Sulaiman a.s. orang-orang Israel telah mencemarkan kitab Taurat dengan menulisnya semula beberapa kali di dalam beberapa versi yang berlainan. Ini dibuktikan oleh seorang cendekiawan Injil dari Amerika yang dilatih di Harvard, bernama Richard Friedman di dalam bukunya berjudul: " *Who Wrote the Bible*"

(New York: Harper and Row 1989). Orang-orang Kristian telah membuang semua rujukan di dalam Taurat berkenaan masjid yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. dan Ismail a.s. di Semenanjung Arab. Perkataan Kaabah dan Haji tidak lagi terdapat di dalam Kitab Taurat. Mereka juga telah menggantikan semua rujukan kepada Ismail a.s. sebagai anak yang dikorbankan dengan nama adiknya Ishaq a.s. walaupun Ishaq a.s. belum lagi dilahirkan ketika pengorbanan tersebut berlaku. Anak yang dikorbankan ini diterangkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an sebagai *Haleem* (penyabar) (Saffat, 37: 101) manakala anak yang dilahirkan oleh Sarah diterangkan sebagai *Aleem* (Bijaksana) (Al-Hijr, 15: 53). Mereka telah menukar tempat berlakunya pengorbanan tersebut dari Semenanjung Arab ke Palestin. Telaga zam-zam pula terletak di Palestin. Zam-zam merupakan telaga ajaib yang timbul dari pasir gurun tatkala Jibrail a.s. menggosok tumitnya ke atas pasir tersebut. Mereka mengutuk Ismail a.s. di dalam Taurat sebagai "seorang lelaki luar" dan mengeluarkannya dari perjanjian dengan Allah s.w.t. agar mereka boleh menuntut gelaran ekslusif sebagai golongan yang dipilih oleh Allah s.w.t.. Paling merbahaya sekali ialah mereka mengubah hukum haram yang telah ditetapkan Allah s.w.t. ke atas perbuatan riba. Mereka menulis semula Kitab Taurat untuk membenarkan mereka mengambil riba dari orang-orang bukan Israel tetapi mengharamkan pengambilan riba di kalangan orang-orang Israel (Deuteronomy, 23: 20-21).

Allah s.w.t. telah bertindak terhadap jenayah yang kejam ini dengan menghantar salah satu dari makhlukNya yang memiliki kekuasaan yang hebat untuk melancarkan perang ke atas mereka. Raja Babylon ketika itu, Nabuchadnezzar telah menyerang Palestin,

mengalahkan orang-orang Israel, memusnahkan negara Israel dan Masjid Al-Aqsa (yang telah dibina Nabi Sulaiman a.s.) dan membawa orang-orang Israel ke Babylon sebagai hamba abdi (Al-Isra, 17: 4-5). Ini adalah petunjuk tentang kehebatan kekuasaan Allah s.w.t. untuk melancarkan perang.

Petunjuk kedua berlaku ketika pemerintah Rom, Titus menyerang Jerusalem dan memusnahkan masjid Al-Aqsa buat kali kedua (Al-Isra, 17: 7,104). Serangan ini juga berkait dengan amalan riba. Allah s.w.t. telah menghantar tiga orang nabi kepada Bani Israel, iaitu Nabi Zakaria a.s., Yunus a.s. dan Isa a.s. Golongan orang-orang Israel yang menolak para nabi ini dikenali sebagai Yahudi (*Al-Yahood*). Orang-orang Yahudi tersebut telah membunuh nabi Zakaria a.s. di dalam Masjid Al-Aqsa (Matthew, 24: 35,36; Luke, 11: 51). John a.s. pula telah ditipu dan dipenggal kepalanya. Akhirnya orang-orang Yahudi tersebut berbangga kerana berjaya membunuh Nabi Isa a.s. Dalam ketiga-tiga situasi, nabi-nabi Allah ini telah menyerang dan mengutuk mereka ke atas kejahatan mereka. Ini termasuk kutukan ke atas orang-orang Yahudi atas jenayah mereka mengubah kitab kandungan kitab Taurat dan amalan mengambil riba.

Sebagai contoh, suatu ketika, Nabi Isa a.s. telah pergi ke Masjid Al-Aqsa dan mendapati mereka sedang berurusan berkenaan riba. Dia telah melaknat mereka, mengangkat meja-meja yang ada di situ dan menghalau mereka dari masjid tersebut sambil berkata: "Kamu telah mengubah rumah Allah menjadi tempat berkumpulnya pencuri-pencuri." Disebabkan pendedahan oleh Nabi Allah ini terhadap kejahatan mereka dan amalan riba mereka, mereka telah membunuh kesemua Nabi-nabi tersebut (kecuali Nabi Isa a.s. yang telah diselamatkan Allah

dengan penuh keajaiban). Allah s.w.t. telah bertindak terhadap kezaliman ini dengan menghantar tentera Rom untuk memusnahkan negara Israel buat kali keduanya. (Ia akan dimusnahkan buat kali ketiga dan terakhir oleh tentera Islam yang akan dipimpin oleh Imam Al-Mahdi).

Ancaman keras berbentuk perang daripada Allah s.w.t. ke atas mereka yang mengamalkan riba menjadi lebih penting lagi jika dilihat kepada fakta bahawa Allah s.w.t. telah melindungi Kaabah (walaupun dipenuhi dengan berhala-berhala) dari dimusnahkan oleh tentera Abrahah. Walaupun tidak ada berhala di dalam Masjid Al-Aqsa, Allah s.w.t. telah menghantar gerombolan tentera sebanyak dua kali untuk memusnahkannya. Betapa marahnya Allah s.w.t atas penindasan yang dibawa oleh riba!

Amaran yang nyata telah wujud ke atas kaum Yahudi disebabkan Syirik negara sekular Israel dan amalan riba di dalam urusan ekonomi mereka yang telah melanggar syarat-syarat Tuhan untuk mewarisi Tanah Suci. Akibat dari perlanggaran sebegini, Allah s.w.t. akan menghukum mereka.

KESIMPULAN

﴿وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥٓ ۖ ءَا۬عْجَمِىٌّ وَعَرَبِىٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هُدًى وَشِفَآءٌ ۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ٤٤﴾

Maksudnya:

"Dan jikalau Kami jadikan Al-Qur'an itu suatu bacaan dalam bahasa selain bahasa Arab tentulah mereka mengatakan: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya?" Apakah (patut Al Qur'an) dalam bahasa asing sedang (rasul adalah orang) Arab? Katakanlah: "Al Qur'an itu adalah petunjuk dan penawar bagi orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman pada telinga mereka ada sumbatan, sedang Al Qur'an itu suatu kegelapan bagi mereka. Mereka itu adalah (seperti) orang-orang yang dipanggil dari tempat yang jauh."

(Fussilat, 41: 44)

Kini tiba masanya bagi penulis membuat kesimpulan ringkas berkenaan isu-isu penting yang di utarakan di dalam buku ini.

Suatu revolusi yang aneh telah melanda dan mengubah masyarakat jahiliyah Eropah kepada suatu masyarakat Kristian amnya dan kepada sebuah masyarakat kecil Yahudi yang berpengaruh, yang akhirnya beralih kepada suatu revolusi yang lebih aneh lagi yang mengakibatkan masyarakat Eropah yang sama, berubah menjadi suatu masyarakat yang tidak bertuhan. Dalam proses memeluk agama Kristian dan Judaisma, masyarakat kulit putih moden yang tidak bertuhan ini telah merosakkan kedua-dua kepercayaan Kristian dan Judaisma dan telah menghancurkan sebarang peninggalan agama-agama ini yang masih suci.

Golongan orang kulit putih moden yang sekular dengan pengikut-pengikut mereka yang berkulit perang, kuning dan hitam kini sedang melakukan perkara yang sama ke atas Islam seperti yang telah mereka lakukan ke atas agama Kristian dan Judaisma. Ini dapat menerangkan perang yang telah mereka lancarkan ke atas Islam yang telah berlarutan selama 1000 tahun dan telah mencapai kemuncaknya selepas serangan 11hb. September ke atas Amerika Syarikat. Orang-orang Islam kini ditekan secara menyeluruh untuk mengubah ajaran agama Islam agar ia dapat disesuaikan ke dalam sistem universal masyarakat global yang tidak bertuhan. Versi kosmetik Islam yang baru perlu muncul untuk menerima golongan Yahudi sebagai pemerintah dunia dan untuk menerima negara Israel sebagai negara pemerintah dunia. Ini adalah Islam yang bebas dari sebarang bentuk amalan jihad. Orang-orang Islam disaran bahawa nilai-nilai masyarakat global yang baru ini adalah nilai-nilai universal Islam yang tulen. Masyarakat global yang baru ini termasuk penduduk elit di bandar-bandarnya adalah hasil dari tamadun sekular barat yang juga memiliki nilai-nilai ketamadunan yang tidak

bertuhan. Antara nilai-nilai tersebut adalah Syirik politik yang telah mendakap seluruh manusia dan ekonomi moden berasaskan riba yang telah menghumban manusia ke dalam kemelut perhambaan ekonomi yang zalim.

Tamadun barat yang tidak bertuhan inilah yang telah menegakkan negara Yahudi Israel dan negara Saudi-Wahhabi di Arab Saudi dan memastikan survival negara-negara ini (lihat buku penulis bertajuk: *The caliphate, the Hejaz and the Saudi Wahhabi Nation-State*). Inilah kunci bagi orang-orang Islam memahami perjalanan dunia hari ini. Fenomena ini tidak dapat diterangkan tanpa petunjuk dari al-Qur'an, Penjelasan al-Qur'an yang telah menjadi asas kepada penjelasan di dalam buku ini menyatakan bahawa dunia hari ini dikuasai oleh Yakjuj dan Makjuj serta Dajjal al-Masih yang palsu.

Rasullullah s.a.w. telah menerangkan kepada kita tujuan rancangan Tuhan menyingkirkan orang-orang Yahudi (Yahudi Israel) dari Tanah Suci setelah mareka menolak risalah al-Masih, anak kepada Siti Maryam dan setelah mereka cuba membunuhnya. Walaupun begitu, Allah s.w.t. yang Maha Mengasihani telah memberi mereka suatu jangka waktu untuk bertaubat dan memohon keampunannya (Bani Israil, 17: 8) dan Dia telah mamberi mereka hanya satu sahaja peluang untuk mendapatkan keampunannya. Peluang terakhir tersebut adalah kedatangan rasul terakhir yang akan muncul selepas itu. Rasul tersebut adalah nabi Muhammad s.a.w., Rasul Allah yang Maha Besar. Orang-orang Yahudi dikehendaki menerima ajarannya, mempercayainya, mengikutinya, membantu dan menghormatinya untuk membolehkan mereka menerima keampunan Tuhan.

Maksudnya:

"(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (Al Qur'an), mereka itulah orang-orang yang beruntung."

(Al-Araf, 7: 157)

Sekiranya orang-orang Yahudi Israel menolak risalah nabi Muhammad saw, pintu untuk mencapai keampunan Allah s.w.t. akan tertutup dan dengan ini detik-detik zaman akhir akan bermula. Allah s.w.t, akan membawa mereka semula ke tempat yang pernah mereka lakukan jenayah-jenayah yang paling besar, yakni ke Tanah Suci (Bani Israil, 17: 104). Kembalinya kaum Yahudi ini ke Tanah Suci menandakan bermulanya hukuman terakhir ke atas mereka oleh Tuhan. Buku ini menegaskan bahawa waktu tersebut telah tiba.Waktu yang paling penting di dalam sejarah Yahudi adalah jangkamasa tujuh belas bulan selepas dari hijrah Rasullullah saw, ke Madinah. Pintu taubat kepada Tuhan masih terbuka luas ketika itu. Setelah berlalunya tujuh belas bulan, nyatalah bahawa orang-orang Yahudi bukan hanya menolak risalah Rasulullah s.a.w. tetapi berpakat untuk menghancurkan Islam. Allah s.w.t. kemudiannya mengarahkan perubahan kiblat yang

menandakan bahawa pintu untuk mendapatkan keampunan Tuhan bagi kaum Yahudi telah tertutup. Mereka tidak lagi layak untuk mewarisi tanah suci. Sebaliknya orang-orang Islamlah yang diberi hak untuk mewarisi Tanah Suci.

﴿ وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ١٦٥ ﴾

Maksudnya:

"Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (orang lain) beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Al-An'am, 6: 165)

Pada ketika itulah Dajjal, serta Yakjuj dan Makjuj dilepaskan di muka bumi yakni setelah perubahan kiblat berlaku dan sebelum wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. Kini hanya golongan Muslimin yang bermata "satu" sahaja yang akan bersama orang-orang Yahudi untuk turut serta di dalam sesi-sesi sembahyang bersama dan majlis-majlis agama. Kaum Yahudi dikumpulkan semula di Tanah Suci untuk menerima hukuman disebabkan oleh perbuatan jahat mereka termasuklah perbuatan yang sedang mareka lakukan sekarang ini.

Kemuncak dari perbuatan jahat mereka adalah tindakan mereka melanggar perjanjian dengan Allah yang Maha Tinggi. Orang-orang Yahudi sedar bahawa Allah s.w.t. telah menghukum mereka beberapa kali sebelum ini. Isi kandungan buku ini menerangkan pandangan Islam bahawasanya sejarah tidak akan berakhir selagi kaum Yahudi belum menerima hukuman terakhir mereka. Rasullullah s.a.w. telah memberi maklumat yang sangat penting berkenaan subjek ini, iaitu: Suatu pasukan tentera Islam akan menawan Jerusalem, memusnahkan negara palsu Israel dan menghukum orang-orang Yahudi. Seterusnya pengikut-pengikut Nabi Muhammad saw, akan membebaskan Tanah Suci, seperti di dalam hadith di bawah:

> "Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Bendera-bendera hitam akan muncul dari Khorasan (yakni wilayah yang merangkumi Afganistan, Pakistan, sebahagian dari Iran dan Asia Tengah) dan tidak akan ada kuasa yang dapat menghalang mereka sehinggalah mereka bertapak di Aelia (Jerusalem)."
>
> (Sunan, Tirmidhi)

Disebabkan oleh inilah, buku Jerusalem di dalam Al-Qur'an ini mesti dibaca berulang kali agar pembaca akan menghayati penerangan tentang ayat-ayat al-Qur'an yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Rasullullah s.a.w. telah menerangkan dengan panjang lebar berkenaan Jerusalem dan fungsinya di akhir zaman. Antara yang disebutkan adalah:

> "Diriwayatkan oleh Auf bin Malik: Saya telah berjumpa dengan Rasullullah s.a.w. ketika Ghazwa perang Tabuk tatkala baginda

sedang duduk di dalam khemah yang dibuat dari kulit. Baginda bersabda: Ada enam tanda yang akan menunjukkan hampirnya kiamat: kematianku, penaklukan Jerusalem, suatu penyakit menular yang akan membunuh kaum dalam jumlah yang besar, seperti penyakit tularan yang menjangkiti biri-biri, kekayaan yang meningkat sehingga seseorang tidak akan puas walaupun diberi 100 dinar, kemudian suatu kesusahan yang akan mengenai setiap rumah Arab, kemudian suatu gencatan senjata antara kaum dengan Bani Al-Asfar (yakni Byzantin) yang akan berlaku khianat ke atas kamu dan menyerang kaum di bawah lapan puluh bendera. Setiap bendera akan membawa dua belas ribu askar!"

(Sahih Bukhari)

"Diriwayatkan oleh Abdullah ibn Umar: Telah bersabda Pesuruh Allah: Kamu (yakni orang-orang Islam) akan melawan orang-orang Yahudi sehingga ada di antara mereka yang akan berlindung di belakang batu. Batu-batu itu akan berkata: Abdullah (hamba Allah) ada seorang Yahudi di belakangku, maka bunuhlah dia!"

(Sahih Bukhari)

"Diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Telah bersabda Pesuruh Allah: Waktu terakhir tidak akan muncul selagi orang-orang Islam tidak berperang dengan kaum Yahudi. Orang-orang Islam akan membunuh mereka sehingga orang-orang Yahudi akan berselindung di sebalik batu atau sepohon pokok, dan batu atau pokok itu akan berkata: Wahai orang-orang beriman atau wahai hamba Allah, ada Yahudi di belakangku, bunuhlah dia, kecuali

pohon Gharqad, ia tidak akan berkata demikian kerana ia adalah pohon Yahudi."

(Sahih Muslim)

Mungkin pertama kali di dalam sejarah suatu peperangan berlaku menggunakan batu-batan. Intifida Islam Palestin terhadap penindasan Israel yang berterusan berlangsung dengan menggunakan batu-batan. Ini adalah tanda yang tidak baik bagi Israel, Israel juga telah memulakan kegiatan menebang pokok-pokok di Tanah Suci secara membuta-tuli. Beribu-ribu pohon zaitun telah dimusnahkan oleh pihak Israel sebagai usaha meningkatkan kesengsaraan ekonomi ke atas penduduk Palestin termasuk orang-orang Islam dan Kristian. Bantahan keras terhadap perbuatan fasad ini mengakibatkan pohon-pohon dan batu-batan di Tanah Suci sudah mula bercakap sebagai memenuhi ramalan di dalam Hadith Rasulullah s.a.w. Sememangnya suara-suara pohon-pohon dan batu-batan tersebut tidak dapat didengar oleh telinga luar. Ia hanya dapat didengar oleh telinga dalaman hati-hati mereka yang beriman. Ini mungkin dapat menerangkan mengapa kerajaan-kerajaan di seluruh dunia seperti Arab Saudi, Mesir, Turki, Jordan dan Pakistan tidak dapat mendengar suara-suara percakapan batu-batan ini di Tanah Suci!

Penulis berpendapat bahawa ramalan Nabi Muhammad s.a.w. di atas telahpun dipenuhi hari ini dalam bentuk intifada rakyat Palestin. Dengan peredaran masa, batu-batan tersebut akan bersuara dengan lebih kuat lagi. Mereka yang buta dan tuli secara rohani sahaja akan gagal mendengar suara-suara tersebut. Sekiranya batu-batan tersebut merintih meminta pertolongan dari seluruh masyarakat Islam di dunia, orang-orang Islam mesti menggerakkan jentera mereka dan

menyumbangkan segala tenaga dan usaha untuk perjuangan yang kritikal ini berbanding dengan perjuangan yang tidak penting, sebagai contoh untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat yang sedang hidup dengan selesa. Secara logiknya, orang-orang Islam tidak boleh tinggal menetap di wilayah-wilayah di mana perang ke atas Islam dan sokongan ke atas Israel adalah paling ketara. Sebagai contoh, Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain. Orang-orang Islam mesti meninggalkan wilayah-wilayah sebegini dan tinggal di kawasan lain di mana mereka boleh mengekalkan keimanan mereka dengan baik dan dapat membantu di dalam usaha untuk membebaskan Tanah Suci dari cengkaman Israel. Dunia kini sedang dipaksa untuk mengiktiraf penindasan yang dimulakan dan diteruskan oleh Israel, suatu penindasan yang akan meningkat secara berterusan sehingga, menurut Rasullullah s.a.w.:

> "... seorang akan melewati kubur lalu bergolek di atasnya sambil berkata: Alangkah baiknya jika saya berada dalam kubur ini (daripada orang yang telah mati itu), bukan kerana sebab agama tetapi atas sebab penindasan".
>
> (Sahih Muslim)

Buku ini mengetengahkan amaran bahawa setiap hari yang berlalu akan menyaksikan peningkatan penindasan ke atas orang-orang Islam yang tetap setia kepada Islam. Malah, sejak 11 September, penindasan ke atas orang-orang Islam di seluruh dunia telah meningkat dengan mendadak. Orang-orang Islam kini sedang mengharungi hidup melalui ibu kepada segala ujian. Negara pemerintah dunia kini (Amerika Syarikat) sedang mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan dunia ini selamat untuk kesejahteraan negara pemerintah dunia yang

seterusnya yakni Israel!

Petunjuk di dalam surah Al-Kahf merupakan satu-satunya petunjuk bagi survival orang-orang Islam ketika meredah ribut kejahatan ini. Hanya petunjuk dari Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w. dapat memberi petunjuk yang sahih kepada orang-orang Islam di dalam zaman ini. Petunjuk ini memberi pemahaman tentang Syirik yang diamalkan oleh negara moden sekular berserta dengan sistem pilihanrayanya dan ia akan menasihati orang-orang Islam agar menjauhi Syirik tersebut dengan tidak menyokong perlembagaan sekular dan dengan tidak mengambil bahagian di dalam pilihanraya politik negara sekular. Petunjuk ini juga akan menerangkan bahaya amalan riba dan menasihati orang-orang Islam yang lain agar meninggalkan sebarang bentuk amalan riba semaksima yang mungkin. Penggunaan matawang kertas dilihat sebagai sesuatu yang haram dan langkah akan diambil untuk menggalakkan orang-orang Islam kembali menggunakan emas dan perak sebagai matawang di dalam pasaran untuk urusan peniagaan (adalah mustahil bagi Yahudi Antarabangsa untuk membenarkan kerajaan Malaysia memperkenalkan wang emas dan perak untuk urusan perniagaan di dalam pasaran bebas).

Petunjuk ini juga akan dapat mengenali dan memberi amaran kepada pengikut-pengikutnya tentang riba pintu belakang yang kini sedang diamalkan oleh bank-bank Islam, kesatuan-kesatuan kredit dan institusi-institusi kewangan yang lain. Petunjuk ini juga akan menegaskan bahawa zaman ini adalah zaman Yakjuj dan Makjuj dan Dajjal al-Masih yang palsu. Mereka yang lain hanya akan bersiul sahaja di udara.

Buku penulis yang berjudul "*Surah Al-Kahf and The Modern*

Age" yang sedang ditulis, *InsyaAllah* akan cuba menerangkan petunjuk yang dibawa di dalam surah tersebut. Asas kepada petunjuk tersebut adalah pentingnya meninggalkan bandar-bandar yang tidak bertuhan di dalam dunia moden ini dan berhijrah ke pinggiran bandar di mana tanah adalah murah dan bekalan air boleh didapati dengan mudah. Perkampungan orang-orang Islam harus dimulakan di kawasan-kawasan sedemikian dalam usaha untuk mengasaskan cara hidup Islam. Hasil tulisan 2 jilid oleh Maulana Dr. Muhammad Fadhur Rahman Ansari (guru kepada penulis) yang bertajuk "*The Qur'anic Foundations and Structure of Muslim Society*" meletakkan asas yang boleh digunakan di dalam mendirikan perkampungan Islam seperti yang disarankan di dalam al-Qur'an. Penulis buku ini telah mengembangkan subjek ini di dalam prakata edisi terbaru Dr. Ansari yang kami syorkan untuk dibaca.

Daripada kanak-kanak yang membesar di dalam perkampungan Islam yang tersisih dari dunia yang tidak bertuhan inilah akan muncul tentera Islam yang akan membebaskan Tanah Suci.

LAMPIRAN

Lampiran 1

LAUT GALILEE; JUGA DIKENALI SEBAGAI TASIK KINNERET ATAU TASIK TIBERIUS

Laut Galilee merupakan sumber bekalan air yang utama bagi seluruh Tanah Suci. Penduduk Israel, Palestin dan Jordan bergantung kepada sumber bekalan air dari Laut Galilee untuk keperluan air harian mereka. Sekiranya Laut Galilee menjadi kering, (seperti yang diramalkan di dalam hadith Rasulullah s.a.w.) penduduk Israel tidak akan merasa kesannya kerana mereka boleh menggunakan air dari proses penyulingan air laut untuk memenuhi keperluan air mereka. Tetapi bagi penduduk Jordan dan Palestin, mereka tidak mempunyai pilihan lain. Mereka akan dijadikan tebusan oleh Israel untuk membeli air mentah dari Israel untuk terus hidup.Mereka tidak mungkin mampu membeli air tersebut kerana keadaan ekonomi mereka berada di tahap yang lemah dengan kepapaan akibat dari senjata ekonomi riba yang telah dipaksa ke atas mereka oleh kaum Yahudi. Mereka terpaksa mengikut telunjuk Israel dari segi politik untuk mendapatkan air. Jika tidak mereka akan menemui maut.

Tahap air di Laut Galilee sekarang ini amat rendah dan tidak lama lagi, Israel akan dapat menggunakan isu air sebagai tebusannya.

Uri Saguy adalah pengerusi Mekorot, Perbadanan Air Kebangsaan Israel. Di dalam suatu mesyuarat Perbadanan itu (Disember 2000)

beliau telah berkata: "Sumber bekalan air negara kini di ambang krisis dan kerajaan nampak tidak mengambil langkah yang cukup untuk mengelakkan krisis air dari berlaku!" Beliau telah menolak cadangan untuk mengimport air mentah dari Turki untuk menyelesaikan masalah krisis air Israel. Krisis ini timbul disebabkan penurunan paras air di Tasik Kinneret dan pengurangan jumlah takungan air bawah tanah, gunung dan pinggiran pantai Israel. Tahap air di Tasik Kinneret adalah yang terendah dalam sejarah. Tasik Kinneret tidak mempunyai masa yang lama sehingga Mekorot tidak lagi dapat mengepam air darinya untuk dibekalkan kepada penduduk Israel. Pam-pam air di tasik ini akan berhenti mengepam apabila paras airnya mencapai tahap yang semakin rendah. Apakah paras air di tasik Kinneret sekarang? Seorang ahli veteran lawatankuasa Tasik Kinneret, Yitzhak Gal telah menegaskan: "Hasil kajian kami menunjukkan bahawa paras air Tasik Kinneret berada di tahap yang paling rendah sejak 150 tahun yang lalu. Kami juga telah mengkaji data-data tentang tasik ini dari zaman Rom dan mendapati paras air tasik ini tidak pernah serendah sekarang".

Saguy memberi amaran, "Sekiranya tiada perubahan dasar (dalam polisi kerajaan) dengan segera, bekalan air akan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas air pada tahun hadapan!" Beliau menambah, "Bencana akan melanda pada tahun hadapan". Bencana ini akan memberi kesan kepada Jordan dan Palestin kerana Israel terikat dengan perjanjian untuk membekalkan air kepada dua buah negara ini dari satu sumber yang sedang berkurangan dengan cepat.

Pengerusi Jawatankuasa Tasik Kinneret, Zvi Orenberg telah menggambarkan keadaan Tasik Kinneret sebagai "gelap" dan seterusnya berkata, "sekiranya hujan tidak turun musim sejuk ini,

bencana akan melanda". Tahap kemasinan di tasik ini kini semakin meningkat dan alga pula semakin bertambah.

(Beberapa artikel berkenaan subjek ini telah ditulis oleh David Rudge di dalam akhbar Jerusalem Post. Antaranya: "Kerajaan Tidak Mengendahkan Seriusnya Krisis Air, 5 Disember, 2000"; dan "Krisis air sedang muncul menerusi paip-paip," 19 Disember, 2000).

Lampiran 2

RESPON SEORANG MUSLIM TERHADAP SERANGAN KE ATAS AMERIKA

Oleh Imran N. Hosein

Maksudnya:

"Janganlah kamu lemah dan meminta damai padahal kamulah yang di atas dan Allah (pun) berserta kamu dan Dia sekali-kali tidak akan mengurangi (pahala) amal-amalmu".

(Al-Qur'an, Muhammad, 47: 35)

﴿ وَمَن يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدْ فِي ٱلْأَرْضِ مُرَٰغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ۚ وَمَن يَخْرُجْ مِنۢ بَيْتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ يُدْرِكْهُ ٱلْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Barangsiapa berhijrah di jalan Allah, nescaya mereka mendapati di mukabumi ini tempat hijrah yang luas dan rezeki yang banyak.

Barangsiapa keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang dituju), maka sungguh telah tetap pahalanya di sisi Allah. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Al-Qur'an, al-Nisa, 4: 100)

Pengenalan

Dengan keperitan yang tidak terbayang, saya telah mengikuti perkembangan serangan pengganas Amerika ke atas penduduk Islam Afghanistan yang telah berpegang kepada Islam dan yang langsung tidak bersalah ke atas serangan pengganas 11 September ke atas Amerika. Ia adalah suatu serangan pengecut kerana mereka (musuh) tidak berani berperang dengan orang-orang Islam pada tahap kekuatan ketenteraan yang sama. Mereka berperang seperti pengecut dari ruang kapal terbang dan jet pejuang mereka dengan menggunakan peluru-peluru berpandu jauh dari tempat pertempuran yang tinggi di langit. InsyaAllah akan tiba masanya kita dapat bertempur dengan mereka di suatu medan pertempuran yang sama. *Amin!* Sambil menanti kedatangan hari tersebut, kita harus meneruskan perjuangan untuk mempertahankan diri dengan penuh kesabaran.

Kerajaan Taliban dapat dibandingkan dengan seorang budak Islam Palestin yang berumur 12 tahun yang bertempur dengan kereta-kereta kebal buatan Amerika Syarikat dengan menggunakan batu di tangan. Taliban bukannya telah ditewaskan oleh Amerika atau oleh kumpulan perikatan utara (*Northern Alliance*) yang bersekongkol dengan kerajaan Iran. Budak-budak muda yang bertempur dengan batu

di Tanah Suci tidak mungkin dapat dikalahkan. Sebaliknya kumpulan Taliban telah berundur ke kawasan pergunungan di mana jet-jet pejuang dan peluru-peluru berpandu tidak dapat mencapai mereka. Tentera-tentera Allah ini terus hidup untuk berperang di lain hari. Kami memberi tabik hormat kepada mereka. Sememangnya peperangan ini tidak akan berakhir sehinggalah tentera Islam muncul dari Khorasan dan bergerak ke Jerusalem dengan kemenangan. Setiap pembaca yang beragama Islam mesti memiliki hasrat untuk menjadi sebahagian dari pasukan tentera tersebut.

Buku ini juga memberi tabik hormat ke atas setiap orang Islam yang telah terbunuh di Afganistan disebabkan oleh angkara ganas pengecut tentera British, Amerika dan Israel. Darah dan air mata anak-anak kami yang gagah yang terbunuh di Afganistan dan yang akan dibunuh di tempat-tempat lain atau yang akan dipenjarakan di dalam penjara-penjara dunia yang tidak bertuhan ini tidak akan menjadi sia-sia. Sebaliknya ini akan menyemarakkan keinginan dan semangat berjuta-juta orang Islam (terutama belia-belia Islam) di serata tempat untuk bertindak terhadap penindasan yang ganas ini dengan menjanjikan diri-diri mereka, anak-anak mereka dan cucu-cucu mereka untuk turut serta di dalam angkatan bersenjata Islam tersebut yang akan akhirnya membebaskan Tanah Suci. Malam yang "gelap" ini tidak akan kekal melebihi lima puluh tahun lagi sebelum suria kembali menyinari *Insya Allah.* Kebenaran akan mengatasi kepalsuan buat kali terakhir dan Islam akan memerintah dunia dari Jerusalem. Buku ini "Jerusalem di dalam Al-Qur'an" ditulis untuk menyuntik semangat ke dalam jiwa-jiwa pemuda-pemuda Islam ini. Saya berdoa agar Allah s.w.t. menghantar kepada saya mereka yang akan menterjemahkan buku ini

ke dalam setiap bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Islam di seluruh dunia agar ia akan sampai ke pengetahuan setiap pemuda Islam. *Amin!*

Serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat merupakan suatu detik perubahan di dalam sejarah yang mempunyai makna yang penting sama seperti suatu detik dalam musim panas tahun 1914 ketika suatu serangan pengganas telah memulakan Perang Dunia Pertama. Saya percaya bahawa mereka yang berkeras hendak memerintah dunia bertanggungjawab ke atas kedua-dua serangan pengganas ini, dan agensi perisikan Mossad Israel dan sekutu-sekutunya telah bertindak mewakili mereka bagi merancang dan menjalankan serangan 11 September tersebut. Serangan pengganas tersebut dan susulan perang ke atas "pengganas" (kononnya) telah direka untuk menjadikan dunia ini suatu tempat yang lebih selamat bagi orang-orang Yahudi dan negara Israel. Pengganas-pengganas yang sebenar yang telah menyerang Amerika tempoh hari mengetahui siapa mereka dan Allah yang Maha Tinggi juga mengetahui siapa mereka. Kami berdoa ke hadrat Allah s.w.t. agar mendedahkan dan menghukum mereka.

Amin!

Order dunia yang dikuasai oleh pemerintah British / Amerika / Yahudi kini sedang berperang secara terbuka dengan Islam seperti yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ini adalah disebabkan mereka telah tiba ke kemuncak kepada perang yang telah berlarutan selama lebih dari seribu tahun. Buku ini, "Jerusalem di dalam Al-Qur'an" telah cuba memberi penjelasan tentang perang ke atas Islam ini dan untuk menramal apa yang sedang menanti di hadapan order dunia tersebut bagi orang-orang Islam dan bagi negara Israel.

Makhluk yang paling merbahaya dan buruk dari semua makhluk di atas muka bumi hari ini (atau manusia yang paling jahat di bawah langit) adalah para cendekiawan Islam atau pemimpin-pemimpin Islam yang telah tertipu bulat-bulat oleh serangan pengganas 11 September. Mereka telah menuduh orang-orang Arab dan Islam sebagai golongan yang bersalah di dalam serangan tersebut dan pada waktu yang sama menghulurkan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap perang yang dilancar oleh Britain/Amerika Syarikat/Israel ke atas kerajaan Islam Afganistan. Pendapat saya adalah, Usama bin Laden dan regim Taliban di Afganistan langsung tidak bersalah ke atas serangan 11 September tersebut. Perang yang dilancarkan ke atas mereka nyata tidak adil. Pendapat para cendekiawan dan pemimpin Islam yang terpesong ini haruslah dicabar secara universal.

Beberapa hari selepas serangan tersebut, saya telah bersujud dan berdoa ke hadrat Allah yang Maha Tinggi di Pusat Islam, Queens, New York, agar menghukum mereka yang bertanggungjawab dengan hukuman yang paling dahsyat yang berterusan sehingga Kiamat. Semua yang hadir di dalam Masjid tersebut telah sama-sama mendoakannya. Setelah berbuat demikian saya menjemput orang-orang Yahudi untuk menjalankan upacara yang serupa.

Siapakah Yang Beruntung Dari Serangan Ke Atas Amerika Ini?

Tidak mungkin seorang Yahudi Eropah, di Britain, di Amerika atau di Tanah Suci ingin membaca buku ini. Lebih-lebih lagi ketika mereka mempunyai tugas yang lebih penting untuk dilaksanakan – seperti bertungkus-lumus dalam usaha mereka untuk memerintah dunia dari Jerusalem. Untuk mencapai objektif ini mereka harus memperhambakan seluruh manusia (yakni kehidupan golongan gentil)

melalui penindasan politik dan ekonomi. Mereka mengejar cita-cita ini tanpa mengira batas. Mereka tidak menganggap orang-orang bukan Yahudi (golongan gentil) layak menikmati taraf moral dan keadilan seperti yang layak dinikmati oleh orang-orang Yahudi (apabila Yahudi berinteraksi sesama mereka).

Al-Qur'an merujuk kepada sikap talam dua muka Yahudi ini dan sikap suka merendahkan orang-orang bukan Yahudi di dalam ayat berikut:

﴿ ۞ وَمِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ مَنْ إِن تَأْمَنْهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِۦٓ إِلَيْكَ وَمِنْهُم
مَّنْ إِن تَأْمَنْهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِۦٓ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَآئِمًا ۗ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَالُوا۟ لَيْسَ عَلَيْنَا فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ
وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Di antara ahli Kitab ada orang yang jika kamu mempercayai kepadanya harta yang banyak, dikembalikannya kepadamu; dan di antara mereka ada orang yang jika kamu mempercayai kepadanya satu dinar, tidak dikembalikannya kepadamu, kecuali jika kamu selalu menagihhya. Yang demikian itu lantaran mereka mengatakan: Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang ummi. Mereka berkata dusta terhadap Allah, padahal mereka mengetahui."

(Al-Imran, 3: 75)

Al-Qur'an dirujuk kerana Allah yang Maha Tinggi sendiri telah mengarahkan orang-orang Islam melancarkan tindakan menentang orang-orang kafir dengan menggunakan al-Qur'an:

﴿ فَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا ﴿٥٢﴾ ﴾

Maksudnya:

"Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap mereka dengan Al-Qur'an dengan jihad yang besar."

(Al-Furqan, 25: 52)

Golongan Yahudi Eropah telah hampir mencapai matlamat mereka untuk memperhambakan manusia di dalam bidang politik dan ekonomi. Pencapaian ini, nampak seperti mengesahkan kepercayaan orang-orang Yahudi terhadap apa yang mereka anggap benar. Tidak kisahlah jika perbuatan ganas, penindasan dan penipuan mereka langsung tidak selari dengan ajaran dan asas-asas agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Sifat buta rohani orang-orang Yahudi yang telah menolak ajaran Nabi Isa a.s. dan Nabi Muhammad s.a.w. telah menyebabkan mereka tidak mengenal asas-asas kepada kebenaran. Akibat dari buta rohani, orang-orang Yahudi kini sedang diheret menuju ke dalam api neraka. Al-Qur'an mengesahkan kaitan antara kedua ini:

﴿ وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا
يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi Neraka Jahannam kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakanya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dah mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakanhya uhtak melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai."

(Al- Araf, 7: 179)

Golongan Yahudi akan kehairanan bilamana mengetahui bahawa mereka yang mempelajari Al-Qur'an dan ajaran nabi Muhammad s.a.w. akan menyedari rancangan-rancangan dan matlamat-matlamat jahat mereka (orang-orang Yahudi) berserta dengan penipuan-penipuan besar mereka di dalam ikhtiar mereka yang tidak kenal penat untuk mencapai matlamat-matlamat jahat mereka. Walaupun masakini nampak gelap bagi orang-orang Islam namun realitinya, masa hadapan akan berada di tangan Islam: "Dia yang ketawa akhir sekali, ketawa dengan penuh keseronokan"! Di sinilah letaknya perbezaan di antara penampilan dengan realiti.

Apa yang jelas bagi orang-orang Islam ialah hanya negara Israel sahaja yang beroleh keuntungan dari serangan 11 September ke atas Amerika. Buku ini tidak bertindak secara terburu apabila ia mengaitkan

agensi perisikan Mossad dan kumpulan-kumpulan sekutu Yahudi yang lain (contohnya orang-orang Yahudi yang berkerja dengan kerajaan Amerika Syarikat) sebagai golongan utama yang disyaki dalam merancang dan merealisasikan serangan 11 September tersebut. Seorang ahli politik Amerika, Lyndonn La Rouche bertegas bahawa serangan seperti yang berlaku pada 11 September ini memerlukan bantuan dan pengetahuan dari dalam struktur kuasa Amerika (Lihat laman web La Rouche). Buku ini juga menyimpulkan perkara yang sama atas dasar bahawa Israel dan hanya Israel sahajalah yang telah beroleh keuntungan dari serangan tersebut.Apakah keuntungan tersebut?

Keuntungan Pertama:
Keuntungan Dari Segi Perhubungan Awam

Lawatan provokatif Ariel Sharon ke Masjid Al-Aqsa di Jerusalem pada September 2000 telah memulakan suatu lagi babak berdarah yang mengerikan di dalam siri penindasan oleh Israel. Lawatan ini juga telah membuka satu lagi babak dalam penentangan Arab Islam terhadap penindasan tersebut. Tempoh di antara lawatan Sharon sehingga 11 September, yakni setahun kemudian telah menyaksikan usaha yang semakin meningkat oleh pihak Israel untuk menambahkan keganasan peperangan sambil memberi gambaran mereka berada di pihak yang tertekan. Dunia pada amnya telah mengenali corak penindasan yang dilakukan oleh Israel dan ini telah memberi imej yang buruk kepada status perhubungan awam Israel sehingga seluruh dunia telah bersatu untuk mengutuk Israel di Persidangan Dunia mengenai perkauman yang telah diadakan di Durban, Afrika Selatan pada bulan Ogos/ September, 2001.

Serangan 11 September ke atas Amerika telah menyaksikan suatu perubahan yang berlaku dengan cepat dan menyeluruh ke atas imej perhubungan awam Israel. Orang-orang Arab dan Islam pula secara tiba-tiba berdepan dengan imej perhubungan awam yang lebih buruk dari yang dialami Israel. Media-media di seluruh dunia bersatu dengan TV Amerika dalam "perang salib" media dengan menggunakan perkataan perang ke atas pengganas sebagai ganti kepada perkataan perang ke atas Islam. Fakta sebenar bahawa orang-orang Arab dan Islam tidak berdosa di dalam serangan ini telah menambah lagi garam di luka yang telah ada.

Keuntungan Kedua:
Membuka Jalan Bagi Perang Yang Besar Yang Akan Mengesahkan Kebenaran Fahaman Zionis-Israel

Berubahnya imej perhubungan awam Israel ini juga membolehkan Israel (yang bebas dari kritikan dunia) meneruskan polisi provokatifnya dengan meningkatkan konflik berdarah terhadap Arab dan Islam tanpa sebarang halangan termasuk dari kerajaan Amerika Syarikat. Kejayaan ini bukan suatu yang mudah dicapai.

Strategi jangka panjang perang Israel ke atas Islam, Al-Qur'an dan Nabi Muhammad s.a.w. adalah untuk mempamerkan sesuatu yang nampak seperti mengesahkan kebenaran mesej di dalam kitab Taurat dan Injil dan pada masa yang sama menunjukkan kepalsuan (kononnya) Al-Qur'an. Pameran sedemikian bukan sahaja akan menjatuhkan moral orang-orang Islam yang jahil tetapi juga akan meyakinkan orang-orang Yahudi bahawa merekalah golongan yang terpilih. Mereka akan merasa yakin akan kembalinya "zaman keemasan" Judaisma ketika mana Al-Masih akan memerintah dunia

dari singgahsana Nabi Daud a.s. Buku ini menerangkan tentang subjek ini. Pengesahan sebegini tentang "kebenaran" yang dibawa di dalam kitab Taurat akan dicapai menerusi suatu peperangan besar-besaran oleh Israel keatas seluruh wilayah di sekitar Tanah Suci. Inilah sebabnya Sharon telah mengadakan lawatan provokasi yang klasik ke Masjid al-Aqsa. Peperangan tersebut yang sedang dirancang ketika buku ini masih dalam penulisan, akan memperlihatkan pengembangan kekuasaan wilayah negara Yahudi seperti yang dinyatakan di dalam kitab Taurat dan Injil – yakni dari sempadan Tanah Suci (dan Israel) "sungai di Mesir" (yakni penguasaan ke atas terusan Suez) ke sungai Euphrates (yakni penguasaan minyak negara Teluk – Saudi, Kuwait dan lain-lain – tidak termasuk Iran). Bilangan penduduk Israel yang mempercayai pengembangan wilayah sedemikian sebagai takdir Israel semakin meningkat (15% di dalam tahun 1969).

Nyatalah sekarang bahawa Perang Teluk pada tahun 1991 adalah untuk melemahkan Iraq agar Israel dapat menelannya sepuluh tahun kemudian. Matlamat ini sudah tercapai. Iraq telah bersedia untuk dijamah. Jelas kepada kita juga bahawa apa yang nampak seperti serangan Mossad Israel ke atas Amerika Syarikat telah dilakukan untuk menarik Amerika sekali ke dalam kancah peperangan untuk menentang negara-negara yang mampu menghentikan cita-cita Israel untuk meluaskan wilayah takluknya. Perang oleh Amerika Syarikat juga akan memberi peluang kepada Israel untuk meneutralkan kemampuan persenjataan nuklear Pakistan dan kemampuan peluru berpandu Iran. Hanya tinggal dua perkara ini sahaja yang mampu menjadi penghalang kepada cita-cita pengembangan wilayah oleh Israel. Cita-cita ini masih tidak tercapai kerana kapal terbang yang telah "dirampas" yang sepatut

berlanggar dengan "*Air Force One*" (atau Rumah Putih) agar Presiden Amerika Syarikat terbunuh, sebaliknya telah terhempas di Pennsylvania. Sekiranya tidak sudah tentu ini akan memaksa Amerika Syarikat memulakan suatu peperangan yang besar. Perisikan Mossad dan sekutu-sekutunya mungkin tidak menyangka akan adanya penumpang yang memiliki telefon bimbit di dalam kapalterbang yang keempat seperti yang dilaporkan di dalam media. Sekiranya benar, panggilan telefon yang mereka terima atau yang dihantar mungkin telah mencetuskan gangguan elektronik sistem operasi kapalterbang tersebut yang mungkin telah menyebabkannya terhempas. Mungkin juga kapalterbang tersebut terhempas akibat dari serangan penumpang-penumpang ke atas perampas-perampas kapalterbang itu. Apa jua sebabnya, kejadian ini tidak termasuk di dalam rancangan asal.

Israel masih lagi boleh mengaut keuntungan dari penukaran kuasa yang pertama kali dicapai di Pakistan (sebelum 11 September), yakni perpindahan kuasa dari rejim sivil ke rejim tentera. Hanya kepimpinan tentera sahaja (bukannya sivil) yang akan menyokong peperangan Amerika Syarikat ke atas negara Islam Afghanistan. Oleh itu Pakistan harus dikuasai oleh suatu kerajaan tentera sebelum serangan September 11 berlaku. Tentera Pakistan yang telah berkonspirasi merampas kuasa dari Perdana Menteri Nawaz Sharif tiada pilihan lain selain dari tunduk menyokong Amerika Syarikat di dalam peperangnya ke atas kerajaan Taliban Afganistan.

Sekiranya Pakistan tidak memberi sokongan tersebut, konspirasi yang menyelubungi penguasaan kerajaan Pakistan oleh golongan tentera akan didedahkan. Dengan menyokong perang Amerika Syarikat ke atas kerajaan Taliban Afganistan, Amerika Syarikat telah memerangkap

Pakistan. Saddam Hussein telah melangkah masuk ke dalam perangkap yang sama 10 tahun yang lalu. Tentera Pakistan juga telah memasuki perangkap yang sama 10 tahun kemudian.

Buku ini menjangkakan bahawa pakatan Amerika Syarikat/Britain akan melancarkan perang yang berpanjangan di Afganistan dan di tempat-tempat yang lain serta mencetuskan perang sivil di Pakistan. Amerika Syarikat dan kuncu-kuncunya akan menjadikan perang sivil di Pakistan ini sebagai alasan untuk menyerang dan memusnahkan kelengkapan persenjataan nuklear Pakistan. Sekiranya peluang ini tidak dapat direalisasikan, Amerika Syarikat semestinya mempunyai alternatif lain untuk mencapai objektif yang serupa. Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya mungkin akan mengubah Pakistan menjadi sebuah lagi Turki atau Iraq atau memecah dan memerintah Pakistan. Israel serta India mungkin tidak perlu terlibat secara langsung di dalam serangan ke atas Pakistan ini, tetapi kedua-dua negara ini sudah tentu akan terlibat di dalam perancangan strategik serangan tersebut.

Sekiranya sedikit kebijaksanaan dan naluri kerohanian (suatu yang amat kekurangan di dunia barat yang kini memerintah dunia) digunakan, seseorang individu akan dapat mengetahui bahawa suspek utama di dalam perancangan dan serangan ke atas Amerika Syarikat adalah Perisikan Mossad Israel dan sekutu-sekutunya. Sekiranya serangan yang besar seumpama ini dapat dirancang dan dijalankan oleh Usama bin Laden dan kumpulan pejuang kecilnya di dalam al-Qaidah, sudah tentu mungkin bagi seekor lembu melompat melewati bulan!

Orang-orang Islam harus sedar tentang amaran di dalam al-Qur'an agar tidak menerima berita secara tiada usul periksa dari golongan orang yang berdosa agar tidak mendatangkan kecelakaan pada orang

lain dan seterusnya menyesali perbuatan tersebut:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا
بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦ ﴾

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahai keadaanya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatannya itu."

(Al-Hujurat, 49: 6)

Golongan yang berdosa di dalam ayat di atas adalah umpama golongan-golongan orang barat serta pengikut-pengikut mereka di seluruh dunia yang menuding jari ke arah Usama bin Laden sebagai dalang serangan ke atas Amerika Syarikat dan pada masa yang sama tidak mampu mengemukakan bukti yang sahih di dalam mahkamah untuk mensabitkan kesalahannya.

Sebaliknya, Usama bin Ladin, yang menyembah Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s., telah dengan tegas menyangkal penglibatannya di dalam serangan tersebut. Nabi Muhammad s.a.w. telah menakrifkan seorang Muslim sebagai "seseorang yang tidak akan mengapa-apakan Muslim yang lain dengan lidah atau tangannya". Adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim, untuk menerima sangkalan Usama bin Ladin sebagai benar selagi tidak ada bukti yang kukuh untuk menyatakan sebaliknya.

Keuntungan Ketiga:
Membuka Jalan Bagi Membolehkan Israel Menjadi Negara Yang Memerintah Dunia

Kajian yang terperinci terhadap al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. di dalam buku "Jerusalem di dalam Al-Qur'an", menunjukkan dengan jelas bahawa objektif utama serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat adalah untuk membuka jalan supaya Israel dapat menggantikan Amerika Syarikat sebagai negara pemerintah (ruling state) dunia. Al-Masih yang "sebenarnya" kononnya akan memerintah dunia dari tempuk pemerintahan Nabi Daud a.s. (David) yakni dari Israel dan Jerusalem. Untuk meyakinkan orang-orang Yahudi bahawa dialah (Dajjal) al-Masih yang "sebenar", al-Masih yang palsu ini (dikenali sebagai Anti-Christ atau Dajjal) perlu melakukan perkara-perkara berikut:

1. Membebaskan Tanah Suci Jerusalem dari pemerintahan bukan Yahudi.
2. Membawa kembali orang-orang Yahudi ke Tanah Suci Jerusalem dan menuntutnya semula atas semangat Judaisma.
3. Menegakkan negara Israel dan cuba meyakinkan orang-orang Yahudi bahawa inilah negara Israel Nabi Daud a.s. dan Nabi Sulaiman a.s. (*David and Solomon*)
4. Menjadikan Israel sebagai negara pemerintah dunia.
5. Muncul sebagai seorang individu untuk memerintah dunia dari Jerusalem.

Buku ini menegaskan bahawa perkara (1-3) di atas telah pun dicapai sementara perkara (4) hampir dicapai dan perkara (5) akan mengambil masa yang lebih lagi.

Dunia kini berada di suatu ketika yang serupa dengan suatu ketika di dalam musim panas tahun 1914. Ketika itu (1914) suatu insiden pengganas yang telah dirancang dengan penuh teliti dan bijaksana, telah menyebabkan Britain yang ketika itu menjadi negara pemerintah dunia, jatuh dan digantikan oleh Amerika Syarikat sebagai negara pemerintah dunia yang baru. (pembunuhan Arch Duke Franz Ferdinand dari Austria – Hungary). Peperangan yang tercetus dari insiden ini juga telah menghasilkan Deklarasi Balfour yang membolehkan orang-orang Yahudi kembali ke Tanah Suci Jerusalem dan seterusnya menegakkan negara Israel. Tamadun sekular barat yang buta rohani ini tidak mampu "melihat" bahawa mereka telah diseret ke dalam kancah peperangan yang mengakibatkan kematian jutaan penduduk Eropah. Tamadun yang sama kini tidak mampu mengenali dalang yang serupa di sebalik serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat.

Amerika Syarikat, negara pemerintah dunia tidak mungkin berlutut dari insiden ini kecuali dengan menjatuhkan ekonomi dan nilai dolarnya. Inilah yang akan berlaku sekiranya Presiden Bush berjaya dibunuh tempoh hari. Nyata sekali bahawa usaha Yahudi untuk terus mengugut Amerika Syarikat dan menjatuhkan ekonominya masih sedang giat dijalankan walaupun seluruh dunia kini telah bersatu menentang Islam, al-Qur'an dan Nabi Muhammad s.a.w. dan setelah perang Amerika Syarikat ke atas Usama bin Ladin telah dilancarkan.

Seorang ahli industri kereta Amerika Syarikat, Henry Ford telah memberi amaran yang serupa kepada Amerika seawal 1919-1920.

Beliau mula menyedari kacau bilau akibat dari perbuatan ahli-ahli kewangan antarabangsa Yahudi. Beliau seterusnya mengarahkan penyelidik-penyelidik yang mahir untuk mengkaji secara mendalam tentang kegiatan Yahudi antarabangsa ini. Hasil kajian penyelidikan ini telah diterbitkan pada tahun 1919-1920 di dalam suratkhabar rasmi Syarikat Motor Ford – "*Dearborn Independent*". Ianya kemudian dibukukan di bawah tajuk "*The International Jew*". Buku yang yang merangkumi empat jilid ini telah dicetak di Malaysia oleh "*The Other Press*" dan boleh didapati di kebanyakan kedai buku tempatan.

Walaupun sistem ekonomi Amerika Syarikat masih utuh, amat nyata sekali bahawa sistem ini sedang diserang oleh musuh dari dalam sistem itu sendiri. Sekiranya sistem ekonomi Amerika Syarikat runtuh, dan jika dominasi ketenteraan Israel di Timur Tengah meningkat beserta dengan pertambahan keluasan wilayahnya tanpa mengendahkan pendapat dunia berlaku, Israel boleh dianggap telah menggantikan Amerika Syarikat sebagai negara pemerintah dunia. Dunia akan kehairanan dengan perkembangan ini. Sebaliknya pengikut-pengikut Rasulullah s.a.w. sudah menyangka kejadian ini berlaku.

Islam menyatakan bahawa halatuju Jerusalem memihak kepada Islam di mana Islam akhirnya akan muncul sebagai negara pemerintah dunia. Kemenangan Islam akan tiba dengan kemunculan tentera Islam dari Khorasan yang akan memusnahkan negara Israel dan membebaskan Tanah Suci Jerusalem:

> "Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah saw. telah bersabda: Bendera-bendera hitam akan muncul dari Khorasan (daerah yang merangkumi Afghanistan, barat Pakistan, timur Iran, Asia Tengah di utara Afghanistan), tiada kuasa yang dapat

menghalang mereka sehingga mereka bertapak di Aelia (Jerusalem)."

(Sunan Tirmidhi)

Seterusnya Rasulullah s.a.w. memerintahkan kaum Muslimin untuk turut serta di dalam angkatan tentera tersebut "walaupun terpaksa merangkak di atas air batu" (yakni walaupun mereka terpaksa engkar kepada kerajaan-kerajaan sekular yang memerintah negara-negara dunia hari ini yang akan berusaha sedaya upaya mereka untuk menghalang penduduk-penduduk Islam dari mematuhi arahan Rasulullah s.a.w).

Hadith ini menjelaskan dengan nyata bahawa Jerusalem akan dibebaskan menerusi perjuangan bersenjata Islam.

Respon Seorang Muslim Terhadap Perang Ke Atas Islam

Puncak kepada respon seorang Muslim terhadap "Serangan ke atas Amerika" ini ialah untuk memperbaharui keimanan mereka kepada Allah s.w.t. dan pesuruhNya walaupun terpaksa bersusah-payah dalam berbuat demikian. Serangan ini telah dijadikan alat untuk menyerang Islam dan orang-orang Islam dengan menggunakan istilah "pengganas". Orang-orang Islam harus menyerahkan kehidupan mereka untuk bersiap sedia dan mengambil bahagian di dalam perjuangan bersenjata (*jihad*) untuk membebaskan Tanah Suci Jerusalem dan dengan ini Islam akan muncul dengan kejayaan di dunia. Jihad ini sudah pun bermula. Tidak ada kuasa di dunia yang boleh menghalang jihad ini sehinggalah Tanah Suci Jerusalem dapat dibebaskan. Kepincangan negara-negara sekular yang memerintah orang-orang Islam kini, akan terdedah kerana mereka tidak akan menerima dan tidak akan turut serta di dalam perjuangan bersenjata ini.

Al-Qur'an telah menyatakan yang berikut tentang perjuangan bersenjata ini!

Allah s.w.t. telah menurunkan ayat berkenaan *Qital* (berperang) pada bulan Sya'aban yang kedua di Madinah: Perdana Menteri Britain, Presiden Amerika Syarikat dan Perdana Menteri Israel mungkin tidak dapat memahami ayat-ayat al-Qur'an berikut. Tetapi dalam konteks serangan British/ Amerika / Israel ke atas orang-orang Islam, wajar sekali bagi menarik perhatian orang-orang Islam kepada firman Allah s.w.t. berkenaan perang.

Pertama sekali Allah s.w.t. telah mewajibkan berperang. Adalah suatu perbuatan Syirik bagi sebarang kerajaan atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengharamkan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. Adalah Syirik juga bagi sesiapa yang menganggap apa yang Allah perintahkan sebagai tidak sah:

﴿ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui."

(Al-Baqarah, 2: 216)

Petunjuk dari al-Qur'an ini jelas menerangkan bahawa hanya Allah s.w.t. yang mengetahui apa yang baik dan apa yang tidak baik buat orang-orang Islam, dan bukannya oleh golongan Euro-Yahudi dan Euro-Kristian yang tidak bertuhan yang kini menguasai dunia.

Kedua, al-Qur'an memerintahkan orang-orang Islam agar berperang untuk mempertahankan diri mereka sekiranya mereka diserang:

Maksudnya:

"Dan perangilah di jalan Allah, orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."

(Al-Baqarah, 2: 190)

Al-Qur'an juga menjelaskan tanpa berselindung bahawa orang-orang Islam mesti bertindak terhadap golongan yang mengusir mereka dari rumah dan bumi tempat tinggal mereka tanpa sesuatu sebab yang hak. Mereka diusir semata-mata kerana mereka beragama Islam. Al-Qur'an menyuruh orang-orang Islam bertindak dengan senjata untuk membebaskan diri mereka dari penindasan yang membabi-buta ini. Inilah yang sedang berlaku hari ini di Tanah Suci Jerusalem. Tetapi para pemerintah di negara-negara berpenduduk Islam gagal melihat

kesahihan ayat al-Qur'an yang memerintahkan mereka untuk mengangkat senjata bagi membebaskan Tanah Suci Jerusalem dari cengkaman golongan kuffar.

Sebaliknya pemerintah-pemerintah ini bersatu dengan kerajaan Republik Amerika di dalam perang ke atas (kononnya) "pengganas" dan dengan ini membelakangi golongan yang menyokong perjuangan bersenjata seperti yang disarankan di dalam al-Qur'an:

﴿ أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمۡ ظُلِمُواْۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصۡرِهِمۡ
لَقَدِيرٌ ٣٩ ٱلَّذِينَ أُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيۡرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُولُواْ
رَبُّنَا ٱللَّهُۗ وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٍ لَّهُدِّمَتۡ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٞ
وَصَلَوَٰتٞ وَمَسَٰجِدُ يُذۡكَرُ فِيهَا ٱسۡمُ ٱللَّهِ كَثِيرٗاۗ وَلَيَنصُرَنَّ
ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ٤٠ ﴾

Maksudnya:

"Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dah sesungguhnya Allah benar-benar Maha Perkasa menolong mereka itu. (laitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: "Tuhan kami hanyalah Allah." Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang

didalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa."

(Al-Hajj, 22: 39-40)

Ketiga, perang seharusnya menghasilkan dunia yang bebas dari penindasan dan ketidakadilan, sesuatu yang hanya boleh dicapai dengan tertegaknya Din Allah s.w.t. di bumi ini:

﴿وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ ۖ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَلَا عُدْوَٰنَ إِلَّا عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩٣﴾﴾

Maksudnya:

"Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu), maka tidak ada permusuhan (lagi), kecuali terhadap orang-orang yang zalim."

(Al-Baqarah, 2: 193)

Keempat, Allah s.w.t. telah mewajibkan orang-orang Islam agar berperang untuk membebaskan golongan yang tertindas:

﴿وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾﴾

Maksudnya:

"Mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah baik laki-laki, wanita-wanita mahupun anak-anak yang semuanya berdoa: Ya Tuhan kami, keluarkanlah kami dari negeri ini (Mekah) yang zalim penduduknya dan berilah kami pelindung dari sisi Engkau, dan berilah kami penolong dari sisi Engkau."

(An-Nisa, 4: 75)

Allah s.w.t. telah mengungkit kembali kisah keengganan orang-orang Yahudi untuk berperang. Allah s.w.t. kemudiannya telah memberi amaran keras berhubung keengganan mereka berbuat demikian:

﴿ أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾ ﴾

Maksudnya:

Tidakkah kamu perhatikan orang-orang yang dikatakan kepada mereka: "Tahanlah tanganmu (dari berperang), dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat!" Setelah diwajibkan kepada mereka berperang, tiba-tiba sebahagian dari mereka (golongan munafik) takut kepada manusia (musuh), seperti takutnya

kepada Allah, bahkan lebih sangat dari itu takutnya. Mereka berkata: "Ya Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan berperang kepada kami? Mengapa tidak Engkau tangguhkan (kewajipan berperang) kepada kami beberapa waktu lagi?" Katakanlah: "Kesenangan di dunia ini hanya sebentar dan Akhirat itu lebih baik untuk orang-orang yang bertaqwa dan kamu tidak akan dianiaya sedikit pun."

(An-Nisa, 4: 77)

Seorang Islam hanya dibenarkan berperang di bawah perintah seorang Islam yang lain menurut hukum Allah s.w.t. berkaitan *Qital.* Mereka tidak boleh berperang di bawah perintah golongan-golongan lain kerana ini menyamai dengan berada di bawah perintah syaitan:

﴿ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ
ٱلطَّـٰغُوتِ فَقَـٰتِلُوٓاْ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَـٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ ٱلشَّيْطَـٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Orang-orang yang beriman berperang di jalan Allah, dan orang-orang yang kafir berperang di jalan taghut, sebab itu perangilah kawan-kawan syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah."

(An-Nisa, 4: 76)

Juga tidak harus seorang Islam mengkhuatiri mati sebagai penghalang baginya berperang:

﴿ أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ۗ وَإِن تُصِبْهُمْ
حَسَنَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا۟ هَٰذِهِۦ مِنْ
عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا
﴿٧٨﴾ ﴾

Maksudnya:

"Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, meskipun kamu di dalam benteng yang tinggi lagi kukuh, dan jika mereka memperolehi kebaikan, mereka mengatakan: "Ini adalah dari sisi Allah", dan kalau mereka ditimpa sesuatu bencana mereka mengatakan: "Ini (datangnya) dari sisi kamu (Muhammad)." Katakanlah: "Semuanya (datang) dari sisi Allah." Maka mengapa orang-orang itu (orang munafik) hampir-hampir tidak memahami pembicaraan sedikit pun."

(An-Nisa, 4: 78)

Golongan kafir akan berperang menentang golongan beriman dengan penuh keganasan dan semangat. Pertolongan Allah s.w.t. akan datang sekiranya orang-orang beriman bangun dan mengambil langkah untuk menentang golongan kafir ini:

﴿ فَقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفْسَكَ ۚ وَحَرِّضِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ عَسَى ٱللَّهُ
أَن يَكُفَّ بَأْسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ وَٱللَّهُ أَشَدُّ بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا ﴿٨٤﴾ ﴾

Maksudnya:

"Maka berperanglah kamu pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajipan kamu sendiri. Kobarkanlah semangat para mukmin (untuk berperang). Mudah-mudahan Allah menolak serangan orang-orang yang kafir itu. Allah amat besar kekuatan dan amat keras seksaan-Nya)."

(An-Nisa, 4: 84)

Muslim terbaik adalah mereka yang bangkit dan berjihad di jalan Allah. Mereka yang seperti ini adalah lebih utama dari yang hanya duduk berpeluk tubuh di rumah:

﴿ لَّا يَسْتَوِى ٱلْقَٰعِدُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُو۟لِى ٱلضَّرَرِ وَٱلْمُجَٰهِدُونَ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۚ فَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى
ٱلْقَٰعِدِينَ دَرَجَةً ۚ وَكُلًّا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَفَضَّلَ ٱللَّهُ ٱلْمُجَٰهِدِينَ عَلَى ٱلْقَٰعِدِينَ
أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾ ﴾

Maksudnya:

"Tidaklah sama antara mukmin yang duduk (yang tidak larat berperang) yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk sebanyak satu darjat."

"Kepada masing-masing mereka, Allah menjanjikan pahala yang baik (Syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad

atas orang yang duduk dengan pahala yang besar."

(An-Nisa, 4: 95)

Bagi mereka yang beralasan kononnya kerajaan negara-negara mereka tidak membenarkan mereka berjihad di jalan Allah, akan ditanya kepada mereka di akhirat kelak: "Bukankah bumi Allah cukup luas sehingga kamu boleh berhijrah ke tempat lain dan memiliki kebebasan?"

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِيٓ أَنفُسِهِمْ قَالُواْ فِيمَ كُنتُمْۖ قَالُواْ كُنَّا
مُسْتَضْعَفِينَ فِي ٱلْأَرْضِۚ قَالُوٓاْ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُواْ فِيهَاۚ
فَأُوْلَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾ إِلَّا ٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ
ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾
فَأُوْلَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾ ۞ وَمَن
يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدْ فِي ٱلْأَرْضِ مُرَٰغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةًۚ وَمَن يَخْرُجْ مِنۢ
بَيْتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ يُدْرِكْهُ ٱلْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, (kepada mereka) malaikat bertanya: "Dalam keadaan bagaimana kamu ini?" Mereka menjawab: "Adalah kami orang-orang yang tertindas di negeri

(Mekah)." Para malaikat berkata: "Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah di bumi itu?" Orang-orang itu tempatnya Neraka Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali mereka yang tertindas baik laki-laki atau wanita ataupun anak-anak yang tidak mampu berdaya upaya dan tidak mengetahui jalan (untuk hijrah). Mereka itu, mudah-mudahan Allah meaafkannya. Dan adalah Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun."

"Barangsiapa berhijrah di jalan Allah, nescaya mereka mendapati di muka bumi ini tempat hijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Barangsiapa keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang dituju), maka sungguh telah tetap pahalanya di sisi Allah. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(An-Nisa, 4: 97-100)

❧

IBN KHALDUN, IQBAL DAN JERUSALEM MENURUT AL-QUR'AN

Buku ini juga bertujuan untuk memberi penerangan tentang pemikiran Dr. Muhammad Iqbal (*Reconstruction of Religious Thought in Islam*) dan Ibn Khaldun (*Muqaddamah*) yang kedua-duanya tidak mempercayai kedatangan Imam Mahdi dan sekaligus mereka telah melakukan kesilapan yang besar. Dr Iqbal misalnya, telah menolak dan tidak mempercayai akan kedatangan semula sistem khilafah, Dajjal dan Nabi Isa a.s. Beliau kagum dengan ijtihad Turki sekular yang telah menggantikan sistem khilafah dengan sistem parlimen moden. Berkenaan Imam al-Mahdi, Iqbal telah berkata seperti berikut:

> "(Doktrin Rasul Terakhir) dapat dilihat sebagai penyembuh psikologi bagi anggapan Magian yang kerap memberi pandangan salah tentang sejarah. Ibn Khaldun dengan pandangannya yang tersendiri berkenaan sejarah, telah mengecam idea-idea Magian yang timbul di dalam penafsiran tentang Islam, di bawah tekanan pemikiran Magian."
>
> (Iqbal, Dr. Muhammad: *Reconstruction of Religion Thought in Islam*", ed. Oleh M. Saeed Shaikh. Lahore: Institute Peradaban Islam, 1986, m/s 115. Lihat juga surat Iqbal kepada Muhammad

Ahsan di mana beliau menolak kepercayaan yang dianggapnya sebagai *masihiyat.* Iqbal nama, jilid II, m/s 231. Tertulis di dalam M. Saeed Sheikh, "Pengenalan Editor" di dalam Iqbal's Reconstruction, op. Cit., p.xi).

Ibn Khaldun dan Iqbal merupakan cendekiawan yang ulung sehinggakan sukar untuk memberi komen kritikal berkenaan pemikiran mereka. Sekiranya mereka memahami proses sejarah berkaitan dengan kedatangan al-Masih dengan betul, mereka mungkin tidak melakukan kesilapan sebegini. Apakah proses sejarah tersebut? Ianya adalah seseorang yang dilantik oleh Allah s.w.t. untuk mengenalpasti identiti al-Masih apabila ia muncul semula di bumi. John the Baptist telah memberitahu kepada semua tentang kedatangan Nabi isa a.s. dan apabila muncul Nabi Isa a.s. di hadapan John di Tanah Suci, John membuat pengumuman kepada semua: "Inilah al-Masih! Inilah lelaki yang anda semua nantikan." Inilah cara berlakunya identifikasi positif bagi al-Masih .

Dengan cara yang sama, apabila al-Masih kembali, Allah s.w.t. akan melantik seorang manusia untuk memainkan peranan seperti John. Peranan Imam al-Mahdi adalah sama dengan peranan yang dimainkan oleh John the baptist.

Apabila Imam tersebut muncul dan membuat deklarasi bahawa dia adalah Mahdi, ini menjadi tanda bahawa Isa al-Masih akan kembali bila-bila masa lagi, Nabi Isa a.s. akan turun di hadapan Imam Mahdi yang akan mengumumkan, "Inilah anak kepada Maryam!" (lihat sahih Muslim). Dengan ini, identifikasi positif Nabi Isa a.s. dapat dicapai di kedua-dua waktu dengan cara yang sama — yakni melalui seseorang yang dilantik oleh Allah s.w.t. untuk fungsi tersebut. Sekiranya Ibn

Khaldun memahami fungsi John the baptist dalam konteks mengenal pasti Nabi Isa a.s. beliau dapat mengelakkan dari melakukan kesilapan menolak semua hadith berkaitan dengan Imam al-Mahdi dan juga dapat mengelakkan Iqbal dari mengulang kesilapannya.

Kepercayaan kepada kemunculan Imam al-Mahdi pada waktu yang sama dengan kemunculan nabi Isa a.s. adalah selari dengan kepercayaan kaum Yahudi tentang dua orang yang akan muncul di akhir zaman, yang pertama dikenali sebagai "*royal Messiah*" dan yang satu lagi "*priestly Messiah*". Haim Zafrani telah membuat komen penting tentang Warkah Laut Mati:

> "Dari tulisan Qumran, nampaknya komuniti ini merupakan komuniti yang beragama dan mengharapkan seorang paderi yang tinggi ("*the Messiah of Aaron*") dan juga seorang pemerintah biasa ("*the Messiah of Israel*"). Di dalam dokumen Cairo Damascus (CD 7:20), "*royal Messiah*" tidak digelar raja, tetapi putera raja (sama seperti Ezek 34:24; 37:25; dll). Konsep dua Messiah ini dapat dikesan sehingga ke Zechariah 4:14: "Mereka berdua adalah yang terpilih dan berdiri bersama Tuhan Sekelian Alam".
>
> (Ensiklopedia Judaica – Eschatologi – Messianisma)

Di samping dua individu tersebut ada orang ketiga yang tidak mungkin lain daripada Nabi Muhammad s.a.w.

> "Pemerintahan yang mereka (komuniti Qumran) terima dari beliau (yakni guru mereka) telah menjadi cara hidup mereka

sehinggalah tibanya seorang Rasul dan mereka yang terpilih dari Aaron dan Israel."

(1 Qumran Scrolls 9: 11)
(Ensiklopedia Judaica – Yahad – Eschatological Hope)